# STRATEGI DAYA TINDAK DALAM KALANGAN IBU TUNGGAL KEMATIAN PASANGAN

**DHARATUN NISSA BINTI PUAD MOHD KARI**

**FAKULTI PENDIDIKAN**
**UNIVERSITI MALAYA**
**KUALA LUMPUR**

**2017**

# STRATEGI DAYA TINDAK DALAM KALANGAN IBU TUNGGAL KEMATIAN PASANGAN

**DHARATUN NISSA BINTI PUAD MOHD KARI**

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PENDIDIKAN**
**UNIVERSITI MALAYA**
**KUALA LUMPUR**
**2017**

**UNIVERSITI MALAYA**

**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: Dharatun Nissa binti Puad Mohd Kari (No. K.P/Pasport:

No. Pendaftaran/Matrik: PHB 100002

Nama Ijazah: Ijazah Doktor Falsafah

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

Strategi Daya Tindak Dalam Kalangan Ibu Tunggal Kematian Pasangan

Bidang Penyelidikan: Kaunseling

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

(1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
(2) Hasil Kerja ini adalah asli;
(3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelas-jelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
(4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain;
(5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hak cipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hak cipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
(6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi Tarikh:

Nama:

Jawatan:

# ABSTRAK

Tujuan kajian ini ialah untuk meneroka apakah pengertian menjadi ibu tunggal yang kematian pasangan serta memahami strategi daya tindak yang digunakan oleh mereka dalam menangani isu dan cabaran sebagai ibu tunggal. Kajian ini menggunakan pendekatan fenomenologi. Peserta kajian terdiri dari enam orang ibu tunggal yang memenuhi kriteria berikut; 1) ibu tunggal yang kematian suami, 2) mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak dan 3) telah menjadi ibu tunggal sekurang-kurangnya setahun. Data diperoleh melalui kaedah temubual separa berstruktur dan analisis dokumen awam dan peribadi. Data dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti 7.

Tujuh tema telah dikenalpasti melalui kajian ini. Tiga dari tema utama menjawab persoalan kajian 1, iaitu pengertian menjadi ibu tunggal. Tiga tema tersebut adalah persepsi menjadi ibu tunggal, peranan ibu tunggal, dan cabaran menjadi ibu tunggal. Empat lagi tema utama muncul dari persoalan kajian 2 iaitu, strategi daya tindak yang digunakan. Strategi daya tindak yang digunakan adalah amalan pendekatan spiritual, penyesuaian emosi dan kognitif, sistem sokongan sosial, dan bertingkahlaku positif.

Kesimpulannya, ibu tunggal yang kematian suami mampu untuk menangani cabaran yang dihadapi bergantung kepada sejauh mana mereka menyedari bahawa kebolehan untuk berdaya tindak bergantung kepada diri mereka sendiri. Implikasi kajian ini boleh dibahagikan kepada dua aspek; 1) implikasi dalam bidang keilmuan dan amalan kaunseling dan 2) implikasi kepada penyelidik akan datang. Maklumat yang diperoleh daripada hasil kajian ini dapat membantu pengamal kaunseling untuk lebih memahami pengalaman ibu tunggal yang kematian suami untuk memilih strategi daya tindak yang sesuai bagi meneruskan kehidupan. Pengamal kaunseling juga boleh

membangunkan intervensi dan modul psikopendidikan yang bersesuaian dalam menjalankan sesi kaunseling dengan ibu tunggal yang kematian suami. Oleh kerana kajian ini memfokuskan kepada wanita Melayu yang menjadi ibu tunggal akibat kematian suami, pengkaji akan datang boleh mempertimbangkan untuk membuat penerokaan terhadap strategi daya tindak ibu tunggal dari latar belakang budaya yang berbeza.

**COPING STRATEGIES AMONG SINGLE MOTHERS DUE TO DEATH OF SPOUSE**

## ABSTRACT

The purpose of this study is to explore the meaning of being single mothers due to the death of a spouse. The study also aims to explore the coping strategies used by single mothers in handling issues and challenges. The phenomenological approach was used to gather the data. Participants included six single mothers who met the following three criteria: 1) they have experienced the death of a spouse, 2) they must have at least one child from the marriage and 3) they have been single mothers for a minimum period of one year. Data was gathered from semi structured interviews and document analysis. The data was then analyzed using Atlas.ti 7.

Seven themes emerged from the analysis. Three of the themes answered research question number 1 which is: 'What does it mean to be a single mother?'. The themes are; the perception of being a single mother, the role of a single mother and the challenges of being a single mother. Another four themes answered research question number 2, which is: 'What are the coping strategies used by single mothers to handle issues and challenges?'. The themes are; adopting a spiritual approach, making emotional and cognitive adjustments, having a social support system which consists of various parties and possessing positive behaviour.

In summary, single mothers who have experienced the death of a spouse are able to cope with the challenges that they face depending on their perceptions of their ability to cope. The implication of this study can be divided into two aspects; 1) the implications in terms of knowledge and practice of counselling and 2) implications for future researchers. The knowledge gained from this study would help practicing counselors to have a better understanding of single mothers who have experienced the death of a spouse. Practicing counselors may help single mothers to choose suitable

coping strategies. Practicing counsellors may also develop appropriate intervention and psychoeducational modules that can be applied in counselling sessions. Since this study focused on Malay single mothers whose spouse have died, future researchers may consider exploring coping strategies used by single mothers from different cultural backgrounds.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana setelah enam tahun saya berjaya juga menamatkan perjuangan perjalanan Doktor Falsafah ini. Terima kasih yang tidak terhingga terutamanya buat penyelia saya, Dr Melati Sumari yang tidak pernah berputus asa dengan saya walaupun saya pernah patah semangat satu ketika dahulu. Segala tunjuk ajar Dr akan sentiasa menjadi panduan kepada saya. Semoga Allah merahmati Dr atas setiap ilmu yang diturunkan kepada saya.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Universiti Kebangsaan Malaysia yang memberikan kepercayaan kepada saya untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Begitu juga dengan Kementerian Pengajian Tinggi, terima kasih diatas tajaan biasiswa yang melayakkan saya untuk menyambung pelajaran sehingga ke tahap ini. Tidak lupa juga kepada guru-guru saya di Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Datin Dr Amla Salleh, Prof Dr Zuria Mahmud dan Prof Madya Dr Salleh Amat yang tidak jemu memberi teguran dan nasihat supaya saya tamatkan juga pelajaran saya. Saya berada di sini hari ini kerana kalian tidak pernah meminggirkan saya malah terus memberi semangat kepada saya.

Buat sahabat-sabahat seperjuangan, Dr Norazani Ahmad, Dr Norsafatul Aznin, Dr Norfaezah, kalianlah sahabat dunia akhirat yang tidak akan saya lupakan. Kebaikan kalian membantu saya dalam meniti saat-saat getir menyiapkan tesis ini tidak akan saya lupakan. Kata-kata motivasi yang tidak pernah putus dari kalian sentiasa tersemat didada.

Kepada suami dan anak tersayang, terima kasih kerana memahami saya di saat kritikal saya menyiapkan tesis ini. Buat ayah dan ibu, Alhamdulillah, akhirnya saya dapat menghadiahkan segulung Ijazah Doktor Falsafah kepada kalian.

## SENARAI KANDUNGAN


Perakuan Keaslian Penulisan…………………………………………………………ii

Abstrak ........................................................................................................ iii

Abstract ........................................................................................................ v

Penghargaan ................................................................................................ vii

Senarai Kandungan ...................................................................................... viii

Senarai Rajah ............................................................................................... xiii

Senarai Jadual.............................................................................................. xiv

Senarai Singkatan………………………………………………………………xv

Senarai Lampiran ......................................................................................... xvi

**BAB 1 PENGENALAN ........................................................................... 1**

Latar Belakang Kajian..................................................................................... 1

Pernyataan Masalah ......................................................................................... 6

Objektif Kajian ………………………………………………………… …..10

Tujuan Kajian dan Persoalan Kajian ............................................................... 11

Kerangka Teoritikal Kajian............................................................................. 11

Kerangka Konseptual Kajian .......................................................................... 17

Bias dan Tanggapan peribadi ......................................................................... 19

Rasional dan Signifikan Kajian....................................................................... 19

Limitasi Kajian ............................................................................................... 22

Definisi Operasional........................................................................................ 22

Ibu tunggal.…………………………………………………………....22

Strategi Daya Tindak ………………………………………………...…..23

Rumusan……............................................................................................ …24

**BAB 2 SOROTAN LITERATUR** ........................................................................ **25**

Pengenalan… ........................................................................................................ 25

Ibu tunggal… ........................................................................................................ 25

Konsep ibu tunggal ………….………………………………………………….. 25

Isu dan cabaran ibu tunggal…………………………………………………28

Isu kemiskinan dan cabaran kewangan…………………………………..30

Cabaran dari aspek emosi dan kognitif…………………………………..32

Cabaran dengan anak-anak………………………………………………34

Rumusan keseluruhan isu can cabaran ibu tunggal………………………36

Ibu tunggal dari perspektif Terapi Feminis……………………………………36

Menghadapi Kematian Orang Yang Signifikan Dalam Kehidupan ......................... 42

Konsep kehilangan akibat kematian…………………….……………………..42

Reaksi terhadap kematian………………….…………………………………..44

Teori berkaitan kehilangan akibat kematian…………………………………..50

Teori berasaskan individu (Teori Pertautan Bowlby)…………………..….50

Teori Pertautan Bowlby dan Kehilangan…………..…………53

Teori Keluarga yang berkaitan dengan kematian………………………..54

Daya Tindak ........................................................................................................... 59

Konsep daya tindak secara umum..……………………………….…………59

Konsep daya tindak dari perspektif psikologi…………………………………61

Fasa Hierarki Tiga Parti…………………………………………………62

Fasa kognitif, pemikiran dan tingkahlaku………………………………..63

Fasa dimensi personaliti……………………………...……………65

Model Daya Tindak Lazarus dan Folkman 1984………………………………65

Strategi daya tindak………………………..…………………………68

Strategi daya tindak fokus-emosi……………..………………....68

Strategi daya tindak fokus-masalah……………..……………….71

Model Resiliensi, Penyesuaian dan Adaptasi Tekanan Keluarga……………...74

Fasa penyesuaian……………………………………………………...77

Fasa adaptasi………………………………………………………….78

Model Proses Dual dalam berdaya tindak terhadap kesedihan………………..81

Sorotan Kajian Lepas ........................................................................................... 84

Kajian lepas berkaitan ibu tunggal …………………………………………84

Kajian lepas berkaitan kematian dan kesedihan………………………..…88

Kajian lepas berkaitan strategi daya tindak…………………………………90

Rumusan……........................................................................................................ 97

**BAB 3 METODOLOGI ........................................................................... 99**

Pengenalan… ......................................................................................................... 99

Rasional Rekabentuk Kajian Kualitatif ................................................................. 99

Persampelan Kajian ............................................................................................ 101

Kaedah pengumpulan data .................................................................................. 105

Temubual…………..…………………………………………………..105

Analisis dokumen…………………………………………………………….109

Analisis dan sintesis data .................................................................................... 110

Proses pengurusan data………………………………………………….111

Proses menganalisis data……………………………………………………..114

Pertimbangan etika ............................................................................................. 116

Isu kesahan dan kebolehpercayaan .................................................................... 118

Kredibiliti……………………………………………………………….118

Kebolehbergantungan…………………………………………………..120

Kebolehpindahan…………………………………………………………121

Rumusan........................................................................................................ 122

**BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN ..................................... 123**

Pengenalan… ............................................................................................. 123

Latar belakang peserta kajian...................................................................... 123

Dapatan Kajian ........................................................................................... 137

Soalan Kajian 1: Makna menjadi ibu tunggal………………………………..139

Maksud dan persepsi ibu tunggal……………..………………………139

Rumusan keseluruhan tema maksud dan persepsi ibu tunggal……….…………………………………………151

Peranan dan tanggungjawab ibu tunggal……………….………………152

Rumusan keseluruhan tema peranan dan tanggungjawab ibu tunggal…………………………………………………158

Isu dan cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal……..…………………159

Rumusan keseluruhan tema isu dan cabaran yang dihadapi ibu tunggal……………..…………………………...190

Rumusan keseluruhan tema soalan kajian 1…………………………191

Soalan Kajian 2: Strategi daya tindak ibu tunggal……………..……………191

Amalan pendekatan spiritual……………………………………………..192

Penyesuaian emosi dan kognitif………..……………………………..200

Sistem sokongan sosial………..……………………………………...215

Tingkahlaku positif………..…………………………………………….225

Rumusan keseluruhan tema soalan kajian 2……..……………………233

Penilaian Kendiri.......................................................................................... 235

Perbincangan dan Dapatan Kajian………………………………………..….. 241

Makna menjadi ibu tunggal…..…………………………………………….241

Maksud dan persepsi menjadi ibu tunggal…….………………………242

Peranan dan tanggungjawab sebagai ibu tunggal………………………245

Isu dan cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal………………………..248

Rumusan perbincangan makna menjadi ibu tunggal……...……………253

Strategi daya tindak ibu tunggal……………………………………………...254

Amalan pendekatan spiritual……...……………………………………254

Penyesuaian emosi dan kognitif…..…………………………………...256

Sistem sokongan………………………………………………………..258

Tingkahlaku positif…………………………………………………......261

Rumusan Perbincangan Strategi Daya Tindak…………………………263

Kesimpulan.. ........................................................................................................ 265

**BAB 5 RUMUSAN, IMPLIKASI DAN KESIMPULAN................................... 266**

Pengenalan… ........................................................................................................ 266

Rumusan Kajian ................................................................................................... 266

Implikasi Kajian .................................................................................................. 268

Implikasi terhadap profesion menolong (praktikal)…………………………268

Implikasi untuk pengkaji akan datang (teoritikal)……………………………273

Implikasi terhadap bidang pendidikan………………………………………275

Implikasi terhadap pembangunan modal insan………………………………275

Cadangan Kajian Lanjutan ................................................................................... 276

Rumusan……........................................................................................................ 278

Rujukan ................................................................................................................ 279

Lampiran .............................................................................................................. 302

## SENARAI RAJAH


Rajah 1.1 Konsep makna dan perkaitannya dengan tingkahlaku, perasaan dan pemikiran 12

Rajah 1.2 Proses Dual Daya Tindak Terhadap Kesedihan Berdasarkan Model DPM 17

Rajah 1.3 Kerangka Konseptual Kajian 18

Rajah 2.1 Model Resiliensi, Penyesuaian dan Adaptasi Tekanan Keluarga 79

Rajah 2.2 Proses Dual Daya Tindak Terhadap Kesedihan 81

Rajah 3.1 Proses pemilihan peserta kajian 105

Rajah 3.2 Proses pungutan data 114

Rajah 3.3 Ringkasan proses analisis data 117

Rajah 4.1 Pengalaman kehidupan ibu tunggal yang kematian suami 139

## SENARAI JADUAL


Jadual 2.1 Kategori ibu tunggal 28

Jadual 3.1 Ringkasan tarikh dan bilangan temubual dengan peserta kajian 108

Jadual 4.1 Latarbelakang peserta kajian 124

Jadual 4.2 Rumusan keseluruhan tema, sub tema dan peserta kajian yang terlibat dalam maksud dan persepsi ibu tunggal 151

Jadual 4.3 Rumusan keseluruhan tema, sub tema dan peserta kajian yang terlibat dalam peranan dan tanggungjawab 159

Jadual 4.4 Rumusan keseluruhan tema, sub tema dan peserta kajian yang terlibat dalam isu dan cabaran yang duhadapi ibu tunggal 190

Jadual 4.5 Rumusan tema, sub tema soalan kajian 1 191

Jadual 4.6 Rumusan tema, sub tema dan peserta kajian yang terlibat dalam amalan pendekatan spiritual 200

Jadual 4.7 Rumusan tema, sub tema dan peserta kajian yang terlibat dalam penyesuaian emosi dan kognitif 215

Jadual 4.8 Rumusan tema, sub tema dan peserta kajian yang terlibat dalam sistem sokongan sosial 224

Jadual 4.9 Rumusan tema, sub tema dan peserta kajian yang terlibat dalam tingkahlaku positif 233

Jadual 4.10 Rumusan tema soalan kajian 2 235

# SENARAI SINGKATAN

| | |
|---|---|
| PK | Peserta Kajian |
| DPM | Model Proses Dual |
| LO | Daya tindak orientasi kehilangan |
| RO | Daya tindak orientasi semula kehilangan |

## SENARAI LAMPIRAN


| | |
|---|---|
| Lampiran A - Protokol Temu | 301 |
| Lampiran B - Borang Rumusan Dokumen | 303 |
| Lampiran C - Borang Data Peribadi | 309 |
| Lampiran D - Borang Persetujuan Termaklum | 310 |
| Lampiran E - Borang Laporan Sesi Kes | 311 |
| Lampiran F - Contoh Transkrip Temu Bual | 312 |
| Lampiran G - Contoh Pengkodan | 324 |
| Lampiran H - Contoh Paparan *Code Manager* | 325 |
| Lampiran I - Contoh Paparan *Code Family Manager* | 326 |
| Lampiran J - Contoh Paparan Analisis *Super family* | 327 |
| Lampiran K - Contoh Gambarajah *Network* | 328 |
| Lampiran L - Contoh Memo | 329 |
| Lampiran M - Contoh Jurnal Refleksi | 333 |
| Lampiran N - Jejak Audit | 334 |

# Bab 1 Pengenalan

## Latar Belakang Kajian

Sebuah keluarga yang bahagia adalah harapan dan impian setiap insan. Pada pandangan umum, keluarga yang bahagia adalah sebuah hubungan keluarga yang sempurna yang terdiri dari sepasang suami isteri dan anak-anak (Malinen et al., 2010). Mereka bersama-sama mengharungi masalah keluarga dan mendapat sokongan antara satu sama lain. Tiada perkara yang merisaukan kerana masing-masing sedia maklum dan memahami peranan masing-masing dalam keluarga. Struktur keluarga yang jelas memudahkan urusan dalam mengendalikan setiap masalah yang timbul dalam keluarga (Bitter, 2009). Walaubagaimanapun, tidak semua insan bernasib baik mempunyai sebuah keluarga yang sempurna. Kemungkinan mereka diduga dengan kehilangan pasangan yang dijemput panggilan Ilahi terlebih dahulu.

Kematian pasangan hidup adalah peristiwa traumatik yang memberikan kesan mendalam serta saat yang paling mencabar kepada sebuah keluarga (Ochoa, 2006). Masalah akan menjadi lebih besar sekiranya pasangan yang masih hidup ditinggalkan bersama-sama dengan anak-anak. Selepas kematian pasangan, mereka akan menjaga anak mereka berseorangan. Pada ketika ini status mereka juga berubah menjadi ibu tunggal atau bapa tunggal. Struktur keluarga yang sebelumnya sempurna bertukar menyebabkan peranan masing-masing juga bertukar (Nichols, 2010).

Membawa gelaran dan status sebagai ibu bapa tunggal memberikan cabaran yang besar untuk mereka meneruskan kehidupan yang selama ini tidak pernah mereka fikirkan. Kelazimannya, masyarakat lebih banyak membincangkan tentang ibu tunggal berbanding dengan bapa tunggal (Choi, 2010; Choi & Jackson, 2011; Doherty & Craft, 2011). Siapakah sebenarnya ibu tunggal sering menjadi persoalan sehingga

menyebabkan pengkaji (Mohd Ismail, Robiah, Syarifah, Kamarul Azmi, & Ahmad Kilani, 2006; Najwa, 2005; Rozumah, Krauss, Siti Nor, & Pei, 2011; Zabkiewicz, 2010; Zaini, 2014) sangat berminat untuk memahami kelompok ini.

*United Nation Development Programme* (2007) mentakrifkan ibu tunggal sebagai wanita yang mempunyai anak dan merupakan orang yang bertanggungjawab untuk menyediakan keperluan rumah yang jatuh dalam kategori seperti yang berikut; i) wanita yang telah bercerai, balu atau diabaikan dan menjadi sumber pendapatan utama keluarga, ii) wanita yang berpoligami yang menjadi sumber pendapatan utama keluarga, iii) wanita yang berkahwin secara sah tetapi berpisah dengan suami, iv) wanita yang berkahwin dan menjadi satu-satunya punca dan sumber pendapatan keluarga, v) wanita yang tidak berkahwin dan mempunyai anak angkat, dan vi) wanita yang mendapat hak penjagaan anak yang bukan anaknya sendiri.

Berdasarkan Pelan Tindakan Kebangsaan Memperkasakan Ibu Tunggal 2015-2020 (2015), mengkategorikan ibu tunggal dalam kelompok yang berikut; i) perempuan yang menjadi ketua isi rumah, bertaraf perkahwinan balu atau bercerai / berpisah tetap dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah yang sama; ii) perempuan yang menjadi ketua isi rumah tetapi mempunyai suami (suaminya tidak sihat dan tidak berkemampuan untuk bekerja) dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah yang sama; atau iii) perempuan yang menjadi Ketua Isi Rumah, tidak pernah berkahwin tetapi mempunyai anak (anak angkat atau anak tidak sah taraf). Pelan tindakan ini diperlukan sebagai panduan dan rujukan semua pihak yang berkepentingan dalam urusan pembangunan negara supaya mengambil kira cabaran-cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal. Pelan Tindakan ini melibatkan kerjasama dan komitmen agensi Kerajaan, institusi pengajian tinggi, NGO dan sektor

swasta dalam memastikan kesejahteraan ibu tunggal diberi perhatian sewajarnya selaras dengan arus pembangunan negara.

Statistik Jabatan Perangkaan Negara (2000) melaporkan, sehingga tahun 2000, seramai 128, 810 orang ibu tunggal di Malaysia daripada jumlah keseluruhan 11.4 million penduduk wanita, dimana 60 peratus terdiri dari kaum Melayu, Cina 23 peratus dan selebihnya dari kaum lain. Data terkini bancian penduduk 2010 mendapati seramai 235,240 orang wanita iaitu 1.7 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia adalah ibu tunggal. Bilangan ibu tunggal di Malaysia pada tahun 2010 meningkat seramai 104, 991 orang (80.6%) berbanding tahun 2000 (Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dan Masyarakat, 2014). Unit Kaunseling Jabatan Pembangunan Wanita, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (2008) melaporkan sehingga tahun 2003, sebanyak 554 aduan kes yang diterima dari ibu tunggal yang merupakan kes aduan tertinggi dibandingkan dengan kes lain. Kes sosial dalam kalangan ibu tunggal sehingga tahun 2003 juga berada di tangga tertinggi iaitu 761 kes dibandingkan dengan kes sosial lain. Ibu tunggal juga adalah antara yang ramai hadir untuk sesi kaunseling individu dibandingkan dengan bapa tunggal (17:1). Statistik ini jelas menunjukkan bahawa mereka adalah kelompok yang sangat perlu diberi perhatian. Kehadiran mereka untuk sesi kaunseling merupakan salah satu cara untuk mereka menjadi individu yang lebih baik dari sebelumnya (Rousou, Kouta, Middleton, & Karanikola, 2013).

Biarpun ibu tunggal mempunyai hak membuat pilihan dalam menentukan hidup mereka dan anak-anak selepas kehilangan suami, namun peranan keluarga sebagai sebahagian dari hidup mereka tidak seharusnya dilupakan begitu sahaja. Ini bermakna ibu tunggal turut berperanan menjadi ketua keluarga dan penyara utama kepada sebahagian generasi muda di negara ini. Secara tidak langsung situasi ini

menyebabkan ibu tunggal terpaksa menggalas peranan yang berganda (Siti Rafiah & Sakinah, 2013). Peranan mereka tidak hanya tertumpu kepada menguruskan keluarga, malah mereka perlu berusaha keras memastikan kewangan keluarga berada dalam keadaan yang stabil, mentadbir, memantau pembesaran, pendidikan dan pergerakan anak-anak (Zaini, 2014).

Sewaktu kehilangan suami, mereka juga telah kehilangan harapan dan teman yang sering memberi sokongan, menyayangi, menjadikan mereka seorang yang istimewa dan selamat (Sarafino, 2008). Suasana perpisahan ini menyebabkan fikiran dan emosi mereka terganggu (Samuels-Dennis, Ford-Gilboe, Wilk, Avison, & Ray, 2010). Setiap ibu tunggal akan dilanda kekhuatiran dan ketakutan (Crosier, Butterworth, & Rodgers, 2007). Mereka turut mengalami trauma (Parkes, 1994). Perasaan-perasaan seperti ini adalah sesuatu yang bersifat normal, tetapi ketakutan serta kerisauan yang berlebih-lebihan dan berlarutan tidak mendatangkan sebarang manfaat kepada mereka. Dunn (2015) menjelaskan, mereka mungkin akan mengalami kemurungan yang berpanjangan, kesunyian, hilang selera makan, gangguan tidur pada waktu malam, takut untuk berdepan dengan masyarakat sosial sehingga mengganggu kehidupan harian mereka. Proses ini merupakan satu proses penyesuaian emosi (Cairney & Wade, 2002; Wade & Cairney, 2000) serta penyesuaian untuk membawa peranan dan tanggungjwab yang baru dalam berdepan dengan status yang dibawa (Dunn, 2015; Zaini, 2014).

Proses menyesuaikan emosi dan diri dengan status baru memerlukan ibu tunggal melalui fasa dan peringkat kesedihan sepertimana yang dicadangkan oleh Bowlby (1983). Menurut Bowlby (1983), kematian merupakan gangguan dalam ikatan pertautan seseorang dengan orang yang signifikan dengan dirinya. Oleh itu, sistem ini perlu diatur semula untuk membolehkan individu melalui peringkat yang seterusnya

dalam kehidupan. Proses ini melibatkan empat fasa yang merangkumi; (i) kelumpuhan emosi dan tidak percaya bahawa kematian telah berlaku, (ii) perasaan mengharap dan mencari-cari (iii) tidak teratur dan berputus asa serta (iv) memerlukan pengaturan semula yang mungkin lebih besar atau berkurang. Dalam konteks ibu tunggal yang kematian suami, mereka akan melalui keempat-empat fasa yang dinyatakan. Keempat-empat fasa ini merupakan proses yang dapat membantu ibu tunggal untuk berdepan dengan realiti kehidupan mereka yang sebenar (Freeman, 2005).

Menurut Freeman (2005) juga, proses yang perlu mereka lalui untuk melepasi setiap fasa tidak semudah yang disangkakan. Ia bergantung kepada sejauhmana ibu tunggal boleh bertoleransi dengan emosi, pemikiran dan tingkahlaku yang sedang dialami.  Oleh itu sewajarnya mereka bangkit semula dan mencari jalan untuk mengelakkan perasaan ini berlarutan. Mereka juga perlu mengatasi masalah yang dihadapi dan tidak berterusan menyesali nasib yang menimpa diri mereka. Disini lah wujudnya peranan strategi daya tindak dalam diri setiap ibu tunggal yang membantu mereka kembali bangkit selepas hidup bersendirian tanpa pasangan (Foley, 2014) .

Strategi daya tindak merujuk kepada cara berfikir dan tingkahlaku yang digunakan dalam mendepani situasi yang menekan seseorang (Lazarus & Folkman, 1984). Salhah, Sapora, Dini dan Rezki (2011) melihat strategi daya tindak sebagai tindakan yang spesifik yang berupaya membantu pengubahsuaian dalam diri seseorang.  Strategi daya tindak juga seringkali dikaitkan dengan emosi-emosi yang positif. Emosi yang positif ini kebiasaannya terhasil dari individu itu sendiri (Philippe, Lecours, & Bealieu-Pelletier, 2009). Walaupun begitu, bukti empirikal mencadangkan bahawa daya tahan, strategi daya tindak dan emosi positif setiap individu ketika berhadapan dengan stres dan tekanan adalah berbeza antara satu sama lain (Ong & Zautra, 2010). Oleh itu Taylor (2013) mencadangkan strategi daya tindak dilihat

sebagai proses bersifat peribadi yang memerlukan seseorang untuk menyesuaikan dirinya bagi membolehkan mereka berdepan dengan stres dan tekanan.

Seperti mana yang dicadangkan oleh Folkman (2010), daya tindak merupakan proses yang dinamik yang boleh berkembang dalam diri individu yang mengalami pengalaman yang mengecewakan. Dinamika ini akan berterusan jika wujudnya sistem sokongan sebagai faktor pendorong untuk individu kembali bangkit. Ia juga bergantung kepada sejauhmana individu dapat bertoleransi dengan persekitaran. Sistem sokongan yang diberikan lazimnya membantu ibu tunggal untuk mengendalikan isu yang dihadapi dengan teknik dan strategi yang berkesan dengan diri mereka (Davidson, 2008; Luthar & Cicchetti, 2000). Individu yang mampu berdaya tindak akan berasa lega, dapat meningkatkan kawalan efikasi kendiri dalam mengawal kekecewaan yang dialami serta dapat memperbaiki pengurusan diri (Sooy, 2016). Keadaan yang sebaliknya juga akan berlaku. Sekiranya individu tidak dapat berdaya tindak dengan cara yang sewajarnya, individu akan merasa dirinya gagal dan hilang keyakinan diri (Ong & Zautra, 2010).

Sebagai ibu tunggal yang kematian suami, mereka tidak dapat lari dari berdepan dengan realiti kehidupan yang mencabar. Mereka perlu berdaya tindak untuk membantu mereka menjadi individu yang lebih stabil dan dapat meningkatkan nilai diri walaupun dengan status ibu tunggal. Oleh itu, kajian ini secara tidak langsung bertujuan untuk melihat pengalaman ibu tunggal berdepan dengan masalah dan strategi daya tindak yang digunakan dalam membantu mereka mengendalikan masalah yang dihadapi.

## Penyataan Masalah

Ibu tunggal sering membawa beban dalam hidup mereka. Membesarkan anak bersendirian dengan membawa peranan sebagai ibu dan bapa merupakan cabaran besar

untuk mereka (Anjli Panalal, 2005; Dunn, 2015). Fakta tentang ibu tunggal yang sering dikaitkan dengan konflik lebih memburukkan keadaan. Mereka sering dikaitkan dengan konflik dan isu yang melibatkan masalah kewangan, masalah sosial yang dihadapi oleh anak dan ketidakfungsian keluarga (Anjli Panalal, 2005; Mellott, 2010; Mohd Ismail et al., 2006; Sassler, Cunningham, & Lichter, 2009; Siti Rafiah & Sakinah, 2013; Zaini, 2014). Ibu tunggal juga dikaitkan dengan pendapatan isi rumah yang rendah, tidak dapat membahagikan masa antara kerjaya dan keluarga sehingga anak-anak terabai (Imber-Black, 2007; Zaini, 2014).

Kebanyakan dapatan seperti yang dinyatakan diatas melihat ibu tunggal dari perspektif yang negatif: lemah, didiskriminasi dan bermasalah. Walau bagaimanapun, terdapat juga kes ibu tunggal yang berjaya dalam kehidupannya sebagai usahawan wanita (Jamsari, 2010). Kajian Miller (2006) dan Escudero, Boogmans, Loots dan Friedlander (2012) juga memberi fokus kepada bagaimana cara untuk membantu ibu tunggal lari dari masalah yang sering distereotaipkan kepada mereka. Ibu tunggal boleh menjadi individu yang lebih berkualiti selepas menjalani beberapa sesi latihan yang dibina khusus untuk mereka. Perkara utama yang ditekankan dalam latihan ini antaranya termasuklah bagaimana ibu tunggal boleh memperbaiki diri selepas beberapa siri pendedahan melalui latihan. Namun begitu kajian ini tidak menyelidiki sifat-sifat yang dimiliki oleh ibu-ibu tunggal yang membolehkan mereka untuk mencapai kejayaan sendiri. Ini menunjukkan bahawa satu kajian yang benar-benar memberi tumpuan kepada pemahaman bagaimana ibu tunggal dapat menyelesaikan masalah dalam kehidupan mereka sehingga mereka berjaya masih tidak dilakukan setakat ini.

Dalam proses memahami bagaimana ibu tunggal berkemampuan mengatasi masalah mereka sendiri, menjadi satu keperluan untuk melihat isu yang mereka kerana

isu ini melibatkan perubahan struktur keluarga (Anderson, 1999). Apabila berlakunya kematian suami, struktur keluarga akan berubah dan melibatkan isu-isu perkembangan serta proses emosi (Carter & McGoldrick, 1999). Perubahan struktur keluarga ini turut memberikan bebanan yang berganda kepada ibu tunggal (Dunn, 2015; McDonald-Kenworthy, 2012; Siti Rafiah & Sakinah, 2013). Jika ibu tunggal mampu untuk mengatasi isu-isu yang timbul sepanjang proses perkembangan, harapan untuk mereka memperbaiki struktur keluarga yang terganggu akibat kematian suami adalah lebih tinggi. Kajian lepas hanya melihat daya tindak dan daya tahan dalam struktur keluarga di awal perkahwinan (Neff & Broady, 2011), keluarga yang berkahwin semula (Brown & Robinson, 2012) dan struktur keluarga dari pasangan gay dan lesbian (Connolly, 2006). Tambahan pula Hermann and rakan-rakan (2011) mencadangkan agar kajian yang berkaitan dengan daya tindak dari aspek lain perlu dilakukan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang konsep strategi daya tindak. Salah satu aspek lain yang boleh diketengahkan ialah daya tahan dan daya tindak dalam kalangan ibu tunggal yang telah kematian suami. Lee (2004) turut mencadangkan agar kajian lanjut tentang daya tindak dalam kalangan ibu tunggal perlu dijalankan memandangkan kajian terkini dalam bidang ibu tunggal adalah lebih kepada kekecewaan dan bagaimana untuk bangkit dari kekecewaan yang dialami.

Terdahulu, Bonanno (2001) mendapati kajian berkenaan kehilangan dan kematian lebih berfokus kepada bahagian teori sahaja dan tidak melihat aspek lain, sedangkan telah berlaku penambahbaikan ilmu berkenaan kehilangan dan kematian dari aspek kognitif dan emosi. Hal ini mempunyai perkaitan dengan dapatan kajian Hughes (2002) yang mendapati kurangnya informasi dalam memahami apakah maknanya menjadi ibu tunggal dan kekuatan yang diperlukan untuk berdepan dengan status ibu tunggal, terutamanya ibu tunggal yang kematian suami. Informasi dan

pemahaman ini penting kerana setiap peristiwa memberikan makna yang tersendiri kepada mereka. Maklumat sedia ada tidak lagi relevan untuk memahami mereka dalam konteks masyarakat hari ini. Tanpa pemahaman yang relevan, ibu tunggal yang kematian suami akan mendapat impak yang negatif dalam meneruskan kelangsungan hidup. Hujah Bonanno (2004) dan Hughes (2002) disokong oleh kajian terkini oleh Dunn (2015) yang mendapati bahawa kehilangan akibat kematian suami merupakan cabaran psikologi dan isu sosial yang sangat besar dan sukar untuk ibu tunggal tetapi kurang mendapat perhatian dalam kalangan penyelidik.

Berpandukan kepada Banci Penduduk dan Perumahan 2010 pula, kerajaan telah menggariskan tiga objektif utama didalam Pelan Pemerkasaan Ibu Tunggal 2015-2020 (Kementerian Pembangunan Wanita, 2015). Objektif yang ketiga adalah meningkatkan penyelidikan dan penyelarasan pembangunan dalam kalangan ibu tunggal. Salah satu langkah strategik bagi mencapai objektif ini adalah melalui penyelidikan berkaitan kesejahteraan ibu tunggal bagi meneliti pengalaman dan kesejahteraan fizikal, psikologi dan emosi serta cabaran dan strategi daya tindak dan bentuk-bentuk sokongan dalam kehidupan ibu tunggal. Sasaran adalah sekurang-kurangnya satu kajian dalam tempoh tiga tahun bermula dari tahun 2015 sehingga ke tahun 2020. Ini bermakna, meneroka pengalaman ibu tunggal yang menjurus kepada strategi daya tindak dalam kalangan ibu tunggal adalah relevan dan menjadi satu keperluan.

Kajian tentang ibu tunggal juga banyak dikaji menggunakan pendekatan kuantitatif (Atang, 2006; Crosier et al., 2007; Jayakody & Stauffer, 2000; Najwa, 2005; Zabkiewicz, 2010). Kajian  kuantitatif lebih tertumpu kepada isu kemiskinan dalam kalangan ibu tunggal dan isu kesihatan mental  (Albelda, Himmelweit, & Humphries, 2004; Mason, 2003; Nelson, 2009). Peggy (2003) pula telah

melaksanakan kajian kualitatif tetapi tumpuannya adalah kepada memahami ibu tunggal dari aspek implikasi kepada terapis. Terbaru, kajian Benzur (Ben-Zur, 2012) memberikan penekanan penyesuaian yang perlu dilakukan oleh bapa tunggal selepas kematian isteri, manakala kajian kualitatif Salhah dan Sakinah (Salhah et al., 2011) meneroka strategi daya tindak dalam kalangan ibu tunggal yang bekerja sahaja. Ibu tunggal yang menjadi sasaran kajian ialah ibu tunggal yang bercerai dan kematian suami. Walaubagaimanapun, kajian mereka tidak melihat kesinambungan antara ibu tunggal dan strategi daya tindak yang berlaku dalam diri ibu tunggal. Kajian ibu tunggal dan daya tindak menjadi lebih efektif dengan menggunakan pendekatan kualitatif kerana penyelidik boleh memahami pengalaman subjek dan memperoleh pendedahan tentang interaksi sosial yang kompleks dengan lebih terperinci (Daly, 2007; Herrman et al., 2011; Walsch, 2006). Oleh kerana itu, berdasarkan kepada bukti yang dinyatakan, adalah penting untuk meneroka dan memahami bagaimana ibu tunggal yang kematian suami mengadaptasi, menyesuaikan diri serta berdaya tindak dalam berdepan dengan pengalaman kehidupan yang mencabar.

**Objektif Kajian**

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk memahami strategi daya tindak dalam kalangan ibu tunggal yang kematian suami. Secara spesifiknya, objektif kajian ini adalah untuk;

1. Memahami makna menjadi ibu tunggal.
2. Meneroka strategi daya tindak yang digunakan oleh ibu tunggal dalam menangani isu dan cabaran yang dihadapi.

## Tujuan Kajian dan Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian seperti yang dinyatakan, penerokaan pengalaman serta isu dan cabaran yang dialami oleh ibu tunggal dapat membantu penyelidik memahami strategi daya tindak yang perlu dilakukan oleh ibu tunggal untuk bangkit menjadi individu yang lebih baik. Oleh itu, dua persoalan kajian seperti yang berikut perlu diberi perhatian;

1. Apakah maknanya menjadi ibu tunggal?
2. Bagaimanakah strategi daya tindak yang digunakan oleh ibu tunggal dalam menangani isu dan cabaran yang dihadapi?

## Kerangka Teoritikal Kajian

Dalam konteks kajian ini, pada asasnya penyelidik tidak memegang mana-mana teori untuk dijadikan landasan kepada kajian kerana kajian ini menggunakan pendekatan fenomenologi. Prinsip asas dan utama pendekatan ialah *bracketing*, dimana penyelidik perlu mengenepikan dan menangguhkan segala jangkaan, tanggapan dan kepercayaan-kepercayaan awal dalam menjalani proses kajian fenomena ini (Blomberg & Volpe, 2008; Creswell, 2008; Frost, 2011; McLeod, 2001; Merriam, 2009). Namun begitu, kerangka yang dikemukakan ini hanyalah sekadar panduan dan pengetahuan sedia ada penyelidik sebelum memulakan kajian ini. Kerangka teori yang dikemukakan ini bukanlah menjadi pegangan penyelidik dan tidak akan mempengaruhi penyelidik untuk meletakkan jangkaan-jangkaan dan tanggapan awal dalam mencari makna dan intipati terhadap fenomena yang dikaji. Perkara ini sangat penting kerana melalui cara ini penyelidik membenarkan maklumat-maklumat baru untuk muncul (Strauss & Corbin, 1998).

Persoalan kepada pengertian dan makna dalam kehidupan seseorang bukan hanya menggambarkan motivasi instrinsik seseorang dalam meneruskan kehidupan

tetapi turut memberikan kapasiti yang penting dalam proses transformasi diri (Wong, 2012). Proses memberi makna sangat penting selepas individu mengalami pengalaman yang mengubah kehidupannya (A. E. Ivey, Ivey, & Zalaquet, 2010). Apa yang telah berlaku dalam diri mereka tidak dapat diubah seperti sediakala, sebaliknya mereka dapat memberi makna kepada yang telah berlaku. Perkara yang telah berlaku itu menjadi sebahagian dari pengalaman hidup mereka. Pengalaman ini dikupas dalam empat dimensi utama iaitu makna, perasaan, tingkahlaku dan pemikiran. Keempat-empat dimensi berlaku secara serentak dalam kehidupan individu mahupun kelompok. Disebabkan itu juga, perubahan pada salah satu dimensi akan memberi kesan kepada keseluruhan dimensi kerana individu merupakan sebuah sistem. Sebagai sebuah sistem, jika satu perubahan berlaku kepada salah satu sistem, maka keseluruhan sistem akan turut terkesan dan berubah. Dalam kajian ini, konsep makna dan perkaitannya dengan tingkahlaku, perasaan dan pemikiran seperti yang dicadangkan oleh Ivey dan rakan-rakan (2013) telah digunakan sebagai panduan memahami pengertian dan makna menjadi ibu tunggal yang kematian suami.




*Rajah 1.1* Konsep makna dan perkaitannya dengan tingkahlaku, perasaan dan pemikiran. Sumber ; Ivey, Ivey & Zalaquett (2013)

Rajah 1.1 menunjukkan konsep makna dan perkaitannya dengan tingkahlaku, perasaan dan pemikiran yang dialami oleh ibu tunggal. Ringkasnya, penyelidik dapat melihat ibu tunggal dari keempat-empat dimensi seperti yang berikut;

- Secara tingkahlakunya, ibu tunggal yang kematian suami 'melakukan' banyak perkara. Mereka perlu menguruskan setiap urusan di dalam dan di luar rumah. Karakteristik yang menggambarkan tingkahlaku adalah membuat, melakukan dan tindakan.
- Perasaan merupakan emosi yang dizahirkan yang dirasai semasa ibu tunggal bertindak. Antara perkara yang menggambarkan emosi ialah empat jenis perasaan yang utama iaitu sedih, gembira, marah dan takut.
- Pemikiran adalah mesej mental yang hadir bersama-sama dengan tingkahlaku dan perasaan. Ibu tunggal yang mencari penyelesaian kepada masalah yang dihadapi akan terfikir-fikir samada masalah yang dihadapi boleh diselesaikan atau pun tidak.
- Makna sangat berkait rapat dengan perasaan dan pemikiran dan boleh dianggap sebagai penggerak kepada tingkahlaku yang dipilih. Walaubagaimanapun tahap makna yang dikongsikan oleh ibu tunggal mewakili kluster pemikiran, perasaan dan tingkahlaku secara keseluruhannya. Ia boleh dicirikan sebagai asas dan konstruk utama yang digunakan untuk menyusun pengalaman yang dilalui. Makna juga dapat dikenalpasti dari perasaan, pemikiran dan tingkahlaku yang dipamerkan oleh ibu tunggal samada dari segi nilai, kepercayaan, motivasi dalaman dan sesuatu yang memberi makna kepada mereka.

Bagi memahami strategi daya tindak yang digunakan oleh ibu tunggal, penyelidik terlebih dahulu perlu memahami fasa-fasa yang perlu dilalui oleh ibu

tunggal selepas kematian suami. Model Peringkat Kesedihan menjelaskan, dalam proses berdepan dengan realiti kematian suami, ibu tunggal tidak dapat lari dari melalui fasa-fasa tahap bersedih yang dicadangkan oleh Kubler-Ross dan Kessler (2005). Tingkahlaku bersedih adalah reaksi yang normal apabila berlakunya kehilangan. Walaupun bersedih atas kematian seseorang itu adalah satu tindakbalas yang normal, akan wujud masa-masa tertentu yang amat memeritkan dan meletihkan. Memahami pengalaman bersedih dan mengambil langkah yang sewajarnya bagi menangani tempoh bersedih ini merupakan elemen yang penting untuk pulih dari kesedihan. Kubler-Ross dan Kessler (2005) telah mengkategorikan peringkat bersedih yang disebabkan oleh kehilangan kepada lima peringkat utama;

- **Penafian** – Penafian kebiasaanya bersifat sementara. Perasaan ini akan berubah apabila individu mula ada kesedaran yang tinggi akan situasi yang berlaku dan memikirkan individu yang masih ada bersamanya. Pada peringkat ini, dunia menjadi tidak bermakna dan amat menyedihkan. Individu berada dalam keadaan terkejut dan penafian. Individu akan mula mempersoalkan kenapa dan mengapa kehilangan itu berlaku. Dalam keadaan ini individu sentiasa mencari jalan bagaimana untuk berdepan dengan realiti dengan mencari hikmah disebalik apa yang berlaku. Sewaktu diri mula menerima realiti kehilangan, pada masa yang sama proses pemyembuhan mula berlaku. Individu akan menjadi lebih kuat dan segala penafian semakin hilang dari fikiran.
- **Kemarahan** - Pada tahap ini, individu mula mengakui penafian tidak boleh diteruskan. Disebabkan oleh rasa marah, individu sukar untuk mengawal emosinya dengan memarahi sesuatu atau seseorang tanpa mengira tempat dan keadaan. Semakin perasaan marah dirasai, individu akan semakin pulih dan

perasaan ini akan hilang. Di sebalik kemarahan adalah kesakitan, kesakitan yang dirasai akibat kehilangan. Ia adalah perasaan semula jadi untuk berasa sepi dan ditinggalkan. Walaubagaimanapun, secara amnya, manusia hidup dalam masyarakat yang takut dan tidak suka kepada kemarahan. Kemarahan adalah kekuatan dan ia boleh menjadi tunjang serta memberikan struktur sementara kepada kehilangan.

- **Rasa bersalah** – Dalam fasa ini, individu akan menyalahkan diri sendiri atas apa yang berlaku dan berharap keadaan akan kembali seperti biasa. Mereka akan melakukan apa sahaja untuk mengurangkan rasa kesakitan akibat kehilangan ini. Mereka mengharapkan jika diberi peluang kedua mereka akan minta untuk kematian itu dielakkan dan berlaku pada orang lain, bukan pada insan yang hampir dengan mereka. Melalui fasa ini, mereka cuba untuk merubah gaya hidup yang sedia ada dengan harapan dapat mengubah apa yang telah berlaku.
- **Kemurungan** - Selepas melalui fasa rasa bersalah, perhatian individu lebih kepada apa yang ada pada masa kini. Perasaan kesunyian mula hadir, kesedihan terhadap kehidupan akan berada pada tahap yang lebih mendalam, lebih mendalam daripada yang dibayangkan. Kemurungan mula berlaku pada peringkat ini. Ia adalah penting untuk memahami bahawa kemurungan ini bukanlah satu tanda penyakit mental. Ia merupakan tindak balas yang sesuai dengan kehilangan yang besar. Kehilangan orang yang dikasihi adalah keadaan yang amat menyedihkan, dan kemurungan adalah tindak balas yang dianggap normal. Apabila individu mula menyedari yang pergi tidak akan kembali lagi, perasaan murung ini akan mula berkurangan.

- **Penerimaan** – Peringkat akhir dalam tahap-tahap bersedih adalah proses untuk menerima kenyataan bahawa kehilangan itu bersifat kekal dan cuba menerima realiti apa yang berlaku. Apabila individu menerima kenyataan, mereka tidak lagi bergantung pada kehidupan lampau, tetapi mereka perlu membuat penyesuaian untuk meneruskan kehidupan.

Kübler-Ross juga mencadangkan langkah ini tidak semestinya datang dalam susunan yang dinyatakan di atas. Proses kesedihan adalah sangat peribadi dan tidak boleh dipaksa dan tidak semua fasa dilalui oleh individu bergantung kepada tahap kekuatan emosi individu. Bagi ibu tunggal yang kematian suami, proses ini merupakan proses yang normal yang terpaksa dihadapi oleh mereka supaya dapat meneruskan kehidupan tanpa menoleh ke belakang. Mereka hanya boleh melepasi peringkat kesedihan ini jika mereka tahu apakah strategi daya tindak yang perlu dilakukan.

Sebagai penambahbaikan kepada model kesedihan yang sedia ada, Model Proses Dual dalam Berdaya Tindak Terhadap Kesedihan, *The Dual Process Model of Coping with Bereavement* (DPM) telah diketengahkan oleh Stroebe dan Schut (1999). Proses dual ini melibatkan daya tindak osilasi tingkahlaku antara orientasi kehilangan (LO-*loss-oriented*) dan orientasi semula kehilangan (RO-*restoration-oriented*). Model ini memberi pemahaman yang spesifik kepada daya tindak bagi individu yang mengalami kesedihan akibat kematian. Daya tindak merujuk kepada proses, strategi, atau cara menguruskan situasi kehilangan yang dirasai (M.S. Stroebe & Schut, 2010). Daya tindak juga dilihat memberi impak kepada kesedihan. Jika daya tindak yang digunakan efektif, ibu tunggal bukan sahaja merasakan bebannya berkurangnya, malah kesukaran mental dan fizikal mereka akan bertambah baik, terutamanya selepas melalui fasa-fasa getir dan gawat (Margaret S. Stroebe et al., 2008). Rajah 1.2

menerangkan bagaimana saling perkaitan antara daya tindak orientasi kehilangan dan daya tindak orientasi semula kehilangan.




*Rajah 1.2*. Proses Dual Daya Tindak Terhadap Kesedihan Berdasarkan Model DPM Sumber; Stroebe & Schutt (1999).

**Kerangka Konseptual Kajian**

Kerangka konseptual merupakan salah satu alat yang memudahkan proses menganalisis data terutamanya semasa pengkodan data dilakukan. Data akan dikod berdasarkan apa yang telah dikonsepsikan melalui kerangka konseptual (Blomberg & Volpe, 2008). Kerangka konseptual kajian ini diilustrasikan seperti Rajah 1.3.




*Rajah 1.3* Kerangka konseptual kajian

Rajah 1.3 menggambarkan secara ringkas kerangka konseptual kajian yang dijalankan. Penyelidik meneroka pengalaman ibu tunggal bermula dari sebelum kematian suami sehinggalah kehidupan yang dilalui sekarang. Penerokaan bermula dengan melihat sejarah keluarga dari peringkat awal perkahwinan. Keluarga yang sempurna dilihat sebagai sebuah keluarga yang mempunyai suami, isteri dan anak. Apabila berlakunya kematian suami, berlakulah perubahan status kepada mereka. Kehidupan mereka kini hanya dengan anak-anak. Perubahan status ini menyebabkan mereka digelar sebagai ibu tunggal.

Sebagai seorang ibu tunggal, pelbagai pengalaman baru, cabaran dan isu perlu ditempuhi untuk meneruskan kehidupan. Cabaran dan isu yang dilalui bergantung kepada tahap kesedihan yang sedang dialami. Bagi menangani isu dan cabaran yang berlaku, mereka perlu berdaya tindak mengikut kesesuaian dan keberkesanan terhadap diri masing-masing. Strategi daya tindak yang bersesuaian membantu mereka mengubah kehidupan sedia ada kepada kehidupan yang lebih baik.

## Bias dan Tanggapan Peribadi

Kajian kualitatif memerlukan penyelidik yang aktif kerana penyelidik merupakan instrumen kajian. Siapa penyelidik dan apa yang dibawa dalam kajian boleh menjadi sebahagian dari data (Frost, 2011). Sebagai penyelidik yang merupakan seorang pelajar pascasiswazah, kaunselor dan baru membina keluarga sendiri, mungkin akan mempengaruhi pemahaman dan makna yang diperoleh dari interaksi bersama peserta kajian. Penyelidik mungkin mempunyai tanggapan-tanggapan tertentu terhadap status ibu tunggal. Bias dan tanggapan ini sebenarnya adalah sebahagian dari data. Bias adalah bukti mengapa persoalan-persoalan berkenaan ibu tunggal ingin dikaji (Auguste, 2003). Secara fitrahnya, umum menganggap ibu tunggal sebagai kelompok yang bermasalah dan lemah. Oleh itu penekanan akan diberikan kepada aspek kekuatan dan daya tindak serta pengalaman yang positif dalam diri ibu tunggal supaya penyelidik dapat memahami mereka dari pespektif emik (Merriam, 2009).

## Rasional dan Signifikan Kajian

Rasional kajian ini asasnya adalah dari keinginan penyelidik untuk meneroka cara untuk menggalakkan dan membantu ibu tunggal pulih semula daripada peristiwa yang mengecewakan dalam kehidupan mereka. Ibu tunggal mungkin mempunyai daya tahan dan daya tindak yang tinggi. Mereka juga boleh menjadi individu yang hilang kawalan serta tidak berdaya dan terlalu lemah sehingga tidak mampu untuk mengatasi apa sahaja isu dan cabaran yang telah berlaku kepada mereka. Kajian ini dilakukan untuk menggambarkan dan memahami pengalaman yang telah dilalui oleh ibu tunggal yang berdaya tindak sehingga ke tahap yang dilalui sekarang. Kajian ini tidak bermaksud untuk menjawab semua persoalan tentang ibu tunggal, tetapi hanya menyentuh makna ibu tunggal dalam konteks peribadi mereka, meneroka isu dan

cabaran yang telah berlaku dalam kehidupan sebagai ibu tunggal dan bagaimana strategi daya tindak yang digunakan dalam mengatasi isu dan cabaran yang dilalui dapat membantu mereka berdepan dengan kematian suami.

Bagi memahami pengalaman dan strategi daya tindak yang digunakan, penyelidik perlu mengambil kira isu dan cabaran yang telah mereka lalui sepanjang bergelar ibu tunggal. Penerokaan mendalam terhadap pengalaman kehidupan mereka dengan melihat perkara-perkara tersebut dalam konteks Malaysia adalah penting bagi beberapa perkara. Pertamanya, memahami pengalaman tersebut boleh membantu dalam memaparkan corak-corak tersembunyi pada dunia kehidupan seorang ibu tunggal secara amnya dan ibu tunggal yang kematian suami khususnya. Maklumat ini penting kerana penyelidik dapat menambah pengetahuan peranan orang-orang yang signifikan dengan ibu tunggal dalam meningkatkan kesejahteraan ibu tunggal.

Seterusnya, pengetahuan mengenai pengalaman hidup ibu tunggal boleh berfungsi sebagai input penulisan tentang peranan orang sekeliling terhadap ibu tunggal. Maka penting untuk penyelidik sebagai pengkaji memahami strategi daya tindak dalam diri ibu tunggal supaya mereka dapat menyesuaikan diri dengan setiap perubahan yang berlaku sepanjang kehidupan mereka selepas tiada tempat bergantung. Sekurang-kurangnya hal ini dapat membantu mereka untuk menangani isu-isu perkembangan yang timbul dalam proses menyesuaikan diri dengan status kehidupan baru.

Peningkatan bilangan ibu tunggal telah memberi impak yang besar kepada fungsi kekeluargaan. Namun, penumpuan hanya diberikan kepada isu-isu lain dan tidak kepada isu daya tindak ibu tunggal. Oleh itu, kajian ini penting untuk memberi ruang kepada ibu tunggal berkongsi pengalaman berdepan dengan isu dan cabaran sebagai seorang ibu tunggal sehingga menjadi seorang yang boleh bangkit kembali

selepas diduga dengan kematian suami. Memberi makna kepada sebuah pengalaman dapat membantu ibu tunggal untuk menyedari realiti sebenar status yang digalas.

Hasil dari pembacaan sorotan literatur juga mendapati kajian ilmiah bagaimana untuk memahami dan membincangkan kelompok ini dengan mendalam terutamanya dari aspek strategi daya tindak dalam kalangan ibu tunggal yang kematian suami masih berkurangan. Setelah terbitnya kajian ilmiah berkenaan isu ini diharapkan dapat memenuhi jurang ilmu dalam bidang kaunseling keluarga yang mana sebelum ini hanya melihat isu ibu tunggal secara menyeluruh sahaja tanpa melihat aspek perkembangan dan peningkatan ketahanan diri dan daya tindak dalam diri mereka.

Selain dari itu juga, maklumat yang diperoleh dapat memberi sumbangan kepada banyak pihak seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Sebagai pembuat polisi, mereka mungkin memerlukan maklumat yang lebih mendalam tentang keperluan ibu tunggal selain dari keperluan fizikal seperti kewangan. Keperluan emosi turut menjadi isu yang serius dalam memahami dan membantu golongan ibu tunggal. Emosi yang stabil dapat membantu ibu tunggal menjadi lebih berdaya tindak dalam mengharungi kehidupannya di masa akan datang. Dengan adanya kajian ini diharapkan akan dapat memberi dimensi baru dalam bidang ilmu kaunseling terutamanya dalam memahami bagaimana kelompok ini memandang diri mereka dan berdaya tindak dalam membawa gelaran ibu tunggal. Maklumat sebegini akhirnya akan membantu golongan profesional terutamanya pengamal-pengamal kaunseling di Malaysia dalam pekerjaan mereka yang berkaitan dengan kes ibu tunggal di samping membantu untuk merancang strategi-strategi ke arah menjadi lebih berdaya tindak dan intervensi klinikal yang bersesuaian.

## Limitasi Kajian

Seperti yang telah termaklum, kajian ini bertujuan memahami bagaimana enam orang ibu tunggal berdaya tindak dengan status, isu dan cabaran yang mereka hadapi, sehingga menjadikan mereka individu yang lebih baik dari sebelumnya. Persoalan "apa" dan "bagaimana" seringkali muncul dalam kajian ini dengan tujuan mendapat gambaran yang terperinci terhadap fenomena ibu tunggal. Tumpuan penerokaan adalah pada isu, cabaran dan bagaimana mereka berdaya tindak dari isu dan cabaran yg dihadapi. Oleh kerana kajian ini melibatkan bilangan sampel yang kecil, maka kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada populasi yang besar. Kajian ini juga tidak melihat kepada aspek perbezaan budaya yang mana hanya memfokuskan pada ibu tunggal yang beragama Islam dan berbangsa Melayu.

## Definisi Operasional

Penulisan kajian ini menggunakan dua terma utama iaitu ibu tunggal dan strategi daya tindak. Definisi konseptual bagi setiap terma diterangkan bersama dengan definisi operasional seperti penerangan dalam seksyen yang seterusnya.

**Ibu tunggal.** Pada asasnya, ibu tunggal dikenali sebagai wanita yang bergelar balu, ibu tunggal yang tidak berkahwin tetapi mempunyai anak, ibu-ibu yang berpisah atau bercerai dengan suami dan wanita yang belum berkahwin tetapi mengambil anak angkat (Rozumah et al., 2011). Mereka selalu dikategorikan sebagai kelompok yang mengalami kemiskinan, penyakit mental dan masalah sosial (Crosier et al., 2007; Zabkiewicz, 2010). Seperti yang dicadangkan oleh Rohaty dan Muhammad Rais, (1999) seorang ibu tunggal telah ditakrifkan sebagai seorang wanita tunggal yang suami meninggal dunia dan membesarkan anak-anak sendiri, seorang wanita yang telah bercerai dengan suaminya dan telah melepaskan hak penjagaan itu kanak-kanak

dan wanita yang sedang dalam proses perceraian (yang mungkin akan mengambil masa yang lebih lama) dan anak-anak berada di bawah jagaan pada masa ini. Mungkin mengalami perceraian pada peringkat awal atau mungkin telah mengalaminya selama bertahun-tahun. Walaubagaimanapun, konteks kajian ini mendefinisikan ibu tunggal sebagai wanita yang telah kematian suami, mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak dan telah kematian suami sekurang-kurangnya setahun.

**Strategi daya tindak**. Strategi daya tindak merujuk kepada kepelbagaian cara berfikir dan tingkahlaku yang digunakan dalam situasi menghadapi tekanan dalaman dan luaran (Chua, 2007; Nur Saadah, 2013; Salhah et al., 2011). Tekanan luaran boleh berpunca dari persekitaran manakala tekanan dalaman pula berpunca dari keluarga itu sendiri (Siti Rafiah & Sakinah, 2013). Chua (2007) turut menjelaskan bahawa strategi daya tindak merupakan percubaan untuk menangani tekanan dan stress yang dihadapi menggunakan beberapa cara yang dirasakan sesuai dengan diri individu. Ia dilihat sebagai usaha individu untuk bertoleransi dengan cabaran-cabaran yang dihadapi. Kajian ini melihat strategi daya tindak ibu tunggal kematian suami sebagai tindakan yang diambil oleh ibu tunggal bagi menangani setiap isu dan cabaran yang dihadapi. Tindakan ini boleh dalam bentuk tingkahlaku, pemikiran dan perasaan.

## Rumusan

Bab ini telah menerangkan tentang latar belakang kajian, masalah kajian, rasional kajian, signifikan kajian, objektif dan persoalan kajian serta beberapa istilah penting dalam kajian. Kerangka teoritikal dan konseptual Kajian ini bertujuan untuk meneroka secara terperinci tentang pengalaman ibu tunggal berdaya tindak dalam meneruskan kehidupan mereka setelah kematian suami. Bab yang seterusnya pula

akan membincangkan penulisan akademik serta dapatan kajian lepas mengenai fokus kajian dan beberapa konsep yang berkaitan.

# Bab 2 Sorotan Literatur

## Pengenalan

Bab ini membincangkan sorotan literatur berkaitan dengan ibu tunggal dan elemen strategi daya tindak secara teoritikal dan empirikal. Perbincangan dimulakan dengan mengenengahkan idea yang kreatif dan kritis yang yang melibatkan konsep–konsep berkaitan kehidupan ibu tunggal dan cabaran yang perlu dilalui oleh mereka. Seterusnya, bab ini juga turut memuatkan perbincangan tentang ibu tunggal dari perspektif Teori Feminis. Kupasan tentang fasa-fasa serta reaksi terhadap kematian juga dibicangkan termasuklah kehilangan akibat kematian dari perspektif Teori Pertautan Bowlby dan Teori Sistem Keluarga. Bahagian terakhir bab ini akan menerangkan secara terperinci tentang strategi daya tindak termasuklah konsep asas, model-model strategi daya tindak dan perkaitannya dengan kehidupan ibu tunggal.

## Ibu Tunggal

Bahagian ini menerangkan dan mengupas konsep asas ibu tunggal, isu dan cabaran yang dialami oleh ibu tunggal serta memahami ibu tunggal dari perspektif Teori Feminis.

**Konsep ibu tunggal.** Malaysia mengiktiraf institusi keluarga sebagai institusi sosial yang penting dalam masyarakat. Keluarga dilihat sebagai tulang belakang kepada pembangunan dan kesejahteraan negara. Dasar Keluarga Negara mentafsirkan keluarga sebagai sebuah unit asas sosial yang membekalkan sumber manusia untuk pembangunan serta menjamin kesinambungan insan sebagai generasi akan datang (Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, 2014). Dalam konteks keluarga, keluarga yang diketuai oleh ibu tunggal dikategorikan sebagai keluarga tunggal. Perbincangan mengenai keluarga sebegini sering tertumpu kepada keluarga

ibu tunggal berbanding bapa tunggal (Choi, 2010; Choi & Jackson, 2011; Doherty & Craft, 2011).

Umum mengetahui bahawa ibu tunggal adalah wanita yang telah menjadi balu, wanita yang telah diceraikan suami, wanita yang berpisah sementara dengan pasangan dan mengambil tanggungjawab untuk menyara anak, wanita yang tidak berkahwin tetapi mempunyai anak, serta wanita yang tidak berkahwin tetapi mengambil anak angkat (Nabila Farhana & Fadzli, 2015; Najwa, 2005; Ochoa, 2006; Rozumah, Krauss, Siti Nor, & Pei, 2011a). Rohaty dan Muhammad Rais (1999), turut mencadangkan ibu tunggal adalah kelompok wanita yang telah kematian suami dan membesarkan anak secara bersendirian, wanita yang telah bercerai yang diberi hak penjagaan anak, wanita yang dalam proses bercerai dimana masa yang lebih panjang diperlukan dan berkemungkinan anak diletakkan di bawah penjagaannya sebelum mendapat keputusan mahkamah. Kelompok ini merupakan individu utama dalam melindungi dan menyokong keluarga (Mustari Mohd Ismail, Robiah, Syarifah, Kamarul Azmi, & Ahmad Kilani, 2006).

Ibu tunggal dalam Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal (Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dan Masyarakat, 2010) merujuk kepada wanita dalam kategori yang berikut;

i. Golongan wanita yang telah kematian suami dan menjadi tunggak keluarga dari aspek membesarkan anak-anak dan mencari punca pendapatan
ii. Wanita yang diceraikan oleh suami dan diberi hak ke atas penjagaan anak-anak
iii. Wanita yang ditinggalkan suami tanpa nafkah sara hidup diri dan anak-anak

iv. Wanita yang tinggal berasingan dengan suami tetapi menjadi ketua keluarga

Mulai Banci Penduduk dan Perumahan 2010, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2015) mengambil kira ibu tunggal berdasarkan definisi yang berikut;

i. Perempuan yang menjadi ketua isi rumah, bertaraf perkahwinan balu atau bercerai atau berpisah tetap dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah yang sama;
ii. Perempuan yang menjadi ketua isi rumah tetapi mempunyai suami (suaminya mempunyai masalah kesihatan sehingga tidak mampu untuk bekerja) dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah yang sama; atau
iii. Perempuan yang menjadi ketua isi rumah, tidak pernah berkahwin tetapi mempunyai anak samada anak angkat atau anak tidak sah taraf.

Bagi Bigner (2002), ibu tunggal merupakan ibu yang mengetuai keluarga dan mempunyai satu atau lebih anak berusia di bawah 18 tahun. Bigner turut mengkategorikan ibu tunggal kepada lapan kategori utama berdasarkan kepada status samada ibu tunggal secara sementara ataupun secara tetap. Jadual 2.1 menunjukkan lapan kategori ibu tunggal yang berbeza.

Jadual 2.1
*Kategori Ibu Tunggal* (Bigner, 2002)

| **Faktor Perpisahan** | **Status keluarga** | |
|---|---|---|
| | **Sementara** | **Tetap** |
| Perceraian/perpisahan kematian suami | a. Bercerai dan berkahwin semula<br>b. Balu dan berkahwin semula | a. Bercerai dan tidak berkahwin lagi<br>b. Balu dan tidak pernah berkahwin lagi |
| Terpisah akibat peperangan | c. Terpisah akibat peperangan tetapi dapat bersatu semula | c. Terpisah selamanya dan kehilangan pasangan masih tidak dapat dikesan |
| Tidak pernah berkahwin | d. Berkahwin selepas mengandung | d. tidak pernah berkahwin dan mempunyai anak luar nikah |

Sumber: “Parent-Child Relations: An Introduction to Parenting (6$^{th}$ ed.)” (hlm. 389).

Daripada definisi yang diberikan, dapat dirumuskan bahawa ibu tunggal merupakan golongan wanita yang berseorangan tanpa suami dan bertanggungjawab menguruskan keluarga. Golongan ini meliputi (i) isteri yang telah berpisah dengan suami samada secara bercerai hidup atau pun bercerai mati dan membesarkan anak-anak sendirian, (ii) isteri yang telah terpisah dengan suami dan menjaga anak-anak setelah ditinggalkan, dan (iii) mereka yang tidak berkahwin tetapi memilih untuk mengambil anak angkat dan membesarkannya sendirian dan (iv) mereka yang mendapat anak tanpa pernikahan yang sah dan membesarkannya sendirian. Dalam rangka kajian ini, ibu tunggal yang dibincangkan adalah menjurus kepada ibu tunggal yang kematian suami.

**Isu dan cabaran ibu tunggal.** Ibu tunggal sering dikaitkan dengan pelbagai isu dan cabaran dalam berdepan dengan status yang digalas (Albelda, Himmelweit, & Humphries, 2004; John. Cairney & Wade, 2002; Crosier, Butterworth, & Rodgers, 2007; Doherty & Craft, 2011; Escudero, Boogmans, Loots, & Friedlander, 2012; Gemelli, 2008; Hamidah, 2006; Imber-Black, 2007; Jayakody & Stauffer, 2000;

Mason, 2003; Mustari Mohd Ismail et al., 2006; Najwa, 2005; Rohaty & Muhammad Rais, 1999; Rozumah, Krauss, Siti Nor, & Pei, 2011b; Zabkiewicz, 2010). Mereka dikategorikan sebagai kumpulan individu yang berdepan dengan isu kemiskinan, isu kesihatan mental dan masalah sosial (Crosier et al., 2007; Zabkiewicz, 2010). Masalah ibu tunggal dilihat semakin serius kerana masalah ini boleh membawa kepada isu yang lebih besar (Mustari. Mohd Ismail, Robiah, Syarifah, Kamarul Azmi, & Ahmad Kilani, 2004). Oleh itu, adalah penting untuk melihat terlebih dahulu faktor yang menyumbang kepada masalah yang dihadapi oleh ibu tunggal sebelum membincangkan isu dan cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal secara mendalam.

Kajian Hamidah (2006) yang mengkaji tentang 'Faktor Penyumbang Kepada Masalah Keluarga dan Perceraian: Kajian Kes di Johor' telah mengklasifikasikan faktor penyumbang kepada masalah keluarga ibu tunggal kepada lima faktor utama; (i) ekonomi, (ii) bekerja/tidak mempunyai pekerjaan, (iii) perubahan nilai, (iv) tanggungjawab dan (v) urbanisasi. Kelima-lima faktor ini selari dengan dapatan kajian yang dikendalikan oleh Najwa (2005) yang melihat faktor ini sebagai cabaran bukan hanya kepada ibu tunggal, malah turut menjadi cabaran kepada anak-anak mereka. Ibu tunggal terpaksa menggalas tanggungjawab membesarkan anak dan menyara kehidupan mereka tanpa kehadiran dan sokongan insan yang bergelar suami. Peranan suami sebagai ketua keluarga dan pemberi nafkah beralih kepada wanita yang bergelar ibu tunggal (Imber-Black, 2007).

Walaubagaimanapun, faktor penyumbang ini berbeza antara setiap individu, bergantung kepada kes situasi ibu tunggal yang berbeza. Status yang berbeza membawa kepada isu dan cabaran yang berbeza dalam kalangan ibu tunggal. Antara isu dan cabaran yang sering dikaitkan dengan ibu tunggal termasuklah cabaran kewangan (Anjli Panalal, 2005; Zabkiewicz, 2010), cabaran dari segi emosi (Anjli

Panalal, 2005; Peggy Auguste, 2003), cabaran dengan tingkahlaku anak-anak (Doherty & Craft, 2011; Jayakody & Stauffer, 2000) serta cabaran dalam memainkan peranan yang berganda (Siti Rafiah & Sakinah, 2013; Zaini, 2014).

Berbeza dengan pengkaji lain, yang melihat masalah ibu tunggal sebagai elemen yang terpisah tanpa sebarang klasifikasi (Crosier et al., 2007; Escudero et al., 2012; Jayakody & Stauffer, 2000), Grossman dan rakan-rakan (2009) telah mengklasifikasikan isu dan cabaran yang perlu dilalui oleh ibu tunggal kepada empat tema utama iaitu (a) sokongan sosial ibu tunggal, (b) interaksi dengan penjaga kesihatan, (c) halangan dalam mempercayai seseorang, dan (d) isu kehidupan yang praktikal. Kajian ini mendapati ibu-ibu yang berpendapatan rendah lebih sukar melalui proses peralihan status. Mereka juga sukar untuk mengakses jaringan sokongan sosial yang sedia ada atas faktor masalah kewangan. Isu kehidupan yang praktikal pula melibatkan kelangsungan ibu tunggal untuk meneruskan kehidupan dari aspek tiada pengangkutan dan sumber kewangan yang akhirnya membawa mereka kepada terasing, kesunyian, dan perasaan kebergantungan.

***Isu kemiskinan dan cabaran kewangan.*** Antara isu utama yang sinonim dengan ibu tunggal adalah masalah kewangan, tidak kira samada mereka bercerai ataupun kematian suami. Mereka sering dikaitkan dengan isu pengabaian dan kurang bernasib baik kerana terpaksa berdepan dengan masalah kewangan yang serius. Masalah kewangan ini sebenarnya bergantung kepada ekonomi keluarga ibu tunggal sebelum mereka menjadi ibu tunggal (Albelda et al., 2004; Gemelli, 2008; Imber-Black, 2007; Mason, 2003). Kajian Broussard, Joseph dan Thompson (2012) melihat isu kemiskinan dalam kalangan ibu tunggal merupakan penyebab kepada sumber tekanan yang mereka hadapi. Ia dikatakan mempunyai tahap toksik yang tinggi sehingga boleh mengganggu kesihatan mental dan fizikal ibu tunggal.

Rousou, Kouta, Middleton, & Karanikola (2013) juga melihat pada aspek yang hampir sama, iaitu aspek kewangan yang menyumbang kepada tahap stress yang tinggi dalam kalangan ibu tunggal. Stres yang berpanjangan ini menggalakkan kecederungan ibu tunggal untuk mengalami masalah kesihatan mental yang serius. Sumber kewangan yang tidak mencukupi menyebabkan ibu tunggal perlu bekerja lebih keras untuk menyara keluarga. Pada masa yang sama mereka terabaikan kesihatan diri yang akhirnya membuatkan mereka tertekan kerana tidak dapat memberikan yang terbaik buat keluarga (Winda, 2014). Oleh itu tidak menjadi sesuatu yang luar biasa sekiranya ibu tunggal mempunyai tahap tekanan psikologi yang tinggi (Dziak, Janzen, & Muhajarine, 2010).

Faktor kewangan juga memainkan peranan penting dalam mengekalkan kestabilan sebuah keluarga (Wan Ibrahim & Zainab, 2010). Wang diperlukan untuk memenuhi pelbagai keperluan. Disebabkan itu, kewangan menjadi cabaran yang sangat kritikal yang dihadapi oleh ibu tunggal yang secara tidak langsung menjejaskan kesejahteraan mental ibu tunggal itu sendiri (Anjli Panalal, 2005). Ini bertepatan dengan kajian Dasimah, Puziah dan Muna (2009) yang mendapati bahawa ibu tunggal mengikut tahap ekonomi di bandar Malaysia tergolong di bawah kategori ibu tunggal berpendapatan rendah dimana, hampir 92 peratus daripada wanita ini mempunyai pendapatan bulanan yang kurang dari RM1000.

Peningkatan kos sara hidup akibat dari merudumnya ekonomi dunia boleh menjejaskan kehidupan ibu tunggal kerana majoriti mereka berpendapatan rendah, jika ada yang berjawatan tinggi pun hanya segelintir dari mereka (Zaini, 2014). Ketidakcukupan sumber kewangan ini mengakibatkan ibu tunggal hidup dalam kemiskinan dan sukar menyediakan keperluan kepada anak-anak mereka. Kecukupan keperluan anak-anak memberi kesan terhadap keperluan fisiologi seseorang. Keluarga

yang dapat memberi anak-anak keperluan fisilogi yang cukup mampu menjamin pertumbuhan dan perkembangan fizikal dan mental yang positif, manakala sebaliknya berlaku jika sesebuah keluarga itu tidak dapat mencukupkan keperluan fisiologi anak-anak (Diyana, Doris, & Nor Aini, 2009).

***Cabaran dari aspek emosi dan kognitif.*** Tekanan perasaan mampu menyumbang kepada ketidakstabilan emosi bagi golongan ibu tunggal dan anak-anak mereka. Keseimbangan dan kestabilan emosi amat penting bagi ibu tunggal terutamanya dalam konteks pembesaran anak-anak dan kesediaan untuk berdepan dengan perubahan yang berlaku dari semasa ke semasa. Bagi ibu tunggal yang kematian suami, isu dan cabaran mereka dilihat lebih serius dari perceraian kerana individu yang mengalami perceraian masih mempunyai kesempatan untuk memperbaiki hubungan yang telah putus dengan pasangannya. Mereka juga masih dapat mengharapkan bantuan dari bekas pasangan terutama dalam masalah yang berkaitan dengan keperluan anak dan hal-hal lain yang berkaitan dengan kepentingan anak (Winda, 2014). Keadaan yang berbeza berlaku kepada ibu tunggal yang kematian suami. Winda (2014) turut memberi hujah bahawa perasaan sedih dan kesepian yang dirasakan saat kenangan bersama pasangan akan selalu muncul disaat diri berhadapan dengan masalah. Mereka memerlukan tempoh masa yang lebih panjang untuk pulih dari kesedihan dan kemurungan.

Gangguan emosi dilihat dari pelbagai situasi termasuklah ratapan dan keluh kesah, dihimpit perasaan bersalah, marah, murung berdendam, berada dalam tahap penafian, kesunyian dan krisis nilai diri serta hilang keyakinan diri (Azmawaty, Dharatun Nissa, Rafidah Aga, & Norazani, 2013). Rohaty dan rakan-rakan (1999) menghujahkan pengalaman emosi yang dilalui oleh ibu tunggal bergantung kepada keadaan perpisahan yang dialami. Umumnya, wanita yang kehilangan suami akibat

dari kematian akan memperoleh sokongan sepenuhnya dari majoriti masyarakat berbanding dengan ibu tunggal yang bercerai. Ibu tunggal yang bercerai lebih cenderung untuk memendam emosi dan dendam kerana keterpaksaan menjaga dan membesarkan anak tanpa bantuan dari pasangan (Hamidah, 2006; Mustari Mohd Ismail et al., 2006; Rohaty & Muhammad Rais, 1999). Emosi negatif dalam jangka masa panjang boleh menghalang ibu tunggal daripada menjadi seorang individu yang mampu bangkit semula dalam kehidupan. Oleh itu, mengenal pasti bagaimana ibu tunggal dapat mengendalikan emosi negatif yang kemudiannya boleh membawa kepada peningkatan dalam daya tahan adalah sesuatu yang menjadi keperluan.

Gangguan emosi yang berlebihan juga adalah tidak sihat untuk ibu tunggal kerana ia boleh membawa kepada isu kesihatan mental yang lebih serius (Cairney & Wade, 2002; Crosier, et al., 2007; Jayakody & Stauffer, 2000). Berdasarkan kajian kuantitatif yang ingin melihat perbezaan kesihatan mental antara ibu tunggal dan ibu yang masing mempunyai pasangan hidup, Cairney dan rakan-rakan (2004), mendapati ibu tunggal lebih mudah untuk mengalami gangguan emosi berbanding ibu yang masih hidup bersama pasangan. Ibu tunggal juga cenderung untuk mendapatkan khidmat nasihat profesional sebagai langkah untuk membantu mereka mengurangkan rasa sedih dan murung yang ditanggung.

Jayakody dan rakan-rakan (2000) telah meneroka implikasi dan kebajikan dalam kalangan ibu tunggal yang mengalami masalah kesihatan mental. Dapatan menunjukkan ibu tunggal yang berdepan dengan gangguan kesihatan mental berasa kurang yakin untuk berdepan dengan cabaran yang dihadapi, samada cabaran dalam pekerjaan yang dilakukan mahupun cabaran untuk memenuhi tuntutan sosial. Rentetan itu, Crosier (2007) dan rakan-rakan pula mengkaji bagaimana berbezanya tahap kesihatan mental ibu tunggal dan ibu yang mempunyai pasangan. Kajian kuantitatif

ini memfokuskan kepada cabaran kewangan yang perlu ditempuhi dan sistem sokongan yang ada pada ibu tunggal. Analisis telah dilakukan untuk mengenalpasti sejauh mana situasi masalah kewangan dan sistem sokongan menyumbang kepada status keibubapaan dan kesihatan mental. Dapatan menunjukkan ibu tunggal mengalami gangguan kesihatan mental yang teruk berbanding dengan ibu yang masih mempunyai pasangan. Situasi ini memberi gambaran bahawa ibu tunggal perlu berdaya tindak bagi mengatasi emosi-emosi negatif yang mereka alami. Jika emosi-emosi negatif ini dibiarkan berterusan, isu mereka akan menambah burukkan lagi keadaan sedia ada.

***Cabaran dengan anak-anak.*** Selain dari isu kewangan dan emosi, ibu tunggal juga berdepan dengan cabaran yang lebih besar iaitu menguruskan dan menjaga kebajikan anak-anak (Doherty & Craft, 2011; Escudero et al., 2012; Grossman et al., 2009; Rozumah et al., 2011a). Masalah akan lebih serius apabila ibu tunggal mempunyai anak lelaki. Doherty (2011), menegaskan, membesarkan seorang kanak-kanak lelaki untuk menjadi seorang lelaki yang sebenar adalah tugas yang sukar bagi ibu tunggal. Tanpa peranan aktif bapa, ia menjadi sukar bagi kanak-kanak lelaki untuk mempunyai pandangan yang positif terhadap tanggungjawab seorang ayah. Bagi kes perceraian, anak-anak lelaki juga boleh menjadi keliru tentang peranan lelaki dalam sebuah keluarga, terutama apabila mereka perlu menjadi seorang lelaki yang bertanggungjawab, sedangkan bapa mereka sendiri tidak memberikan tauladan yang baik.

Ibu tunggal juga perlu mengendalikan anak-anak yang mengalami masalah emosi setelah kehilangan ayah mereka. Sebagai reaksi kepada masalah yang dihadapi, anak-anak ini akan menunjukkan sifat anti sosial dan tingkahlaku yang tidak bersesuaian (Rozumah et al., 2011a). Situasi ini juga berlaku disebabkan oleh perubahan struktur

keluarga dalam keluarga ibu tunggal. Setiap ahli perlu melalui proses penstrukturan semula keluarga. Proses ini memberikan tekanan yang hebat kepada ibu tunggal kerana ibu tunggal perlu memastikan setiap ahli keluarga berfungsi dengan cara yang betul (Goldenberg & Goldenberg, 2008; Walsch, 2006). Jika anak tidak dapat menerima apa yang berlaku, mereka mula menunjukkan tingkahlaku yang tidak bersesuaian sebagai cara mereka menunjukkan protes terhadap apa yang berlaku (Doherty & Craft, 2011).

Cabaran dengan anak-anak akan menjadi lebih kritikal apabila ibu tunggal mempunyai anak yang kelainan upaya. Seorang ibu tunggal yang mempunyai anak yang kelainan upaya akan merasakan bebanan yang berganda dibandingkan dengan ibu tunggal yang mempunyai anak yang sihat fizikal (Correa, Bonilla, & Reyes-MacPherson, 2011; Hamid, Munir, Hashim, Yasir, & Farzana, 2015; Zablotsky, Bradshaw, & Stuart, 2013). Mereka mendapati kehadiran anak-anak yang kelainan upaya dapat memberi kesan kepada keseluruhan sistem keluarga. Anak istimewa ini dikatakan memberikan masalah kepada adik beradik yang lain sehingga menambah kekusutan ibu tunggal untuk mengendalikan anak-anak mereka. Secara tidak langsung, kehadiran anak kelainan upaya menyebabkan berlakunya kualiti interaksi yang rendah antara ibu dan anak (Zablotsky et al., 2013). Masalah ini juga melemahkan nilai integriti sebuah keluarga secara keseluruhannya. Nilai keluarga yang lemah membawa kepada risiko negatif yang mengarah kepada tahap tekanan yang lebih tinggi sehingga menyebabkan kurangnya kohesif dalam keluarga. Dapatan kajian Albelda dan rakan-rakan (2004) mencadangkan ibu tunggal perlu membawa peranan sebagai penyara keluarga dan pada masa yang sama menjadi penjaga dan pelindung kepada setiap ahli keluarga yang lain. Perubahan peranan yang berlaku turut mempengaruhi struktur keluarga yang menyebabkan ibu tunggal berada dalam dilema: dilema bagaimana untuk menyeimbangkan kehidupan sebagai pekerja dan ketua keluarga secara sihat.

***Rumusan keseluruhan isu dan cabaran menjadi ibu tunggal.*** Secara keseluruhannya, isu dan cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal adalah terkait antara satu sama lain. Isu kewangan mampu memberikan kesan kepada emosi ibu tunggal. Kesan emosi ini menyebabkan ibu tunggal berkemungkinan besar berdepan dengan masalah kesihatan mental yang lebih serius. Apabila kesihatan mental mereka terjejas, mereka cenderung untuk memberi pengaruh yang tidak sihat kepada anak-anak sehingga menyebabkan anak-anak terkesan secara psikologi. Anak-anak yang terkesan secara psikologi akan menambahkan tahap tekanan ibu tunggal. Situasi ini boleh dilihat sebagai satu kitaran yang berterusan. Kitaran ini akan berterusan jika mereka tidak memahami dan tidak ada ilmu untuk keluar dari cabaran yang dihadapi.

Berpandukan kepada perbincangan di atas, pengetahuan tentang isu dan cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal adalah sesuatu yang amat penting untuk kaunselor dan penyelidik membangunkan program yang bersesuaian dengan keperluan mereka. Sebilangan ibu tunggal mungkin mampu untuk kembali bangkit setelah diuji dengan kematian suami, tetapi masih ada lagi sebahagian dari mereka yang tidak tahu bagaimana untuk kembali bangkit. Pengalaman mereka yang mampu bangkit kembali dengan mengaplikasikan strategi daya tindak yang bersesuaian sewajarnya dikongsikan bersama dengan mereka yang lemah dan tidak mampu meneruskan kehidupan. Oleh itu aplikasi strategi daya tindak yang sesuai dalam berdepan dengan isu dan cabaran yang dihadapi merupakan elemen penting bagi ibu tunggal dalam meneruskan kehidupan mereka seperti kehidupan normal yang lain.

**Ibu tunggal dari perspektif Terapi Feminis.** Teori Feminis menekankan kepada kuasa gender sebagai asas kepada proses yang terapeutik (Nichols, 2010). Teori ini dibina dengan mengandaikan konteks sosial dan budaya memainkan peranan penting dalam memahami masalah individu. Konsep asas dalam teori feminis ialah

penindasan psikologi dan kekangan taraf sosiopolitik terhadap wanita sehingga menurunkan nilai seorang wanita. Teori ini turut melihat pentingnya pemahaman terhadap tekanan psikologi para wanita dan halangan-halangan yang timbul daripada status sosiopolitik yang meminggirkan wanita. Perspektif feminis menawarkan pendekatan yang unik untuk memahami peranan gender dan seterusnya pemahaman ini dibawa ke dalam proses terapi. Proses ini penting kerana dapat mempengaruhi perkembangan identiti, konsep diri, matlamat dan aspirasi, dan kesejahteraan emosinya (Richard, 2016) .

Konsep utama pendekatan ini termasuklah (i) individu mengetahui apa yang terbaik untuk hidupnya dan adalah pakar dalam hidupnya, (ii) penekanan kepada mendidik klien atau individu mengenai proses terapi, (iii) mencabar cara menilai kesihatan psikologikal yang menjadi tradisi, (iv) mengandaikan bahawa perubahan individu yang terbaik berlaku melalui perubahan sosial dan (v) individu digalakkan untuk mengambil tindakan sosial (Bitter, 2009; Eagly, Eaton, Rose, Riger, & McHugh, in press; Melati, Ida Hartina, Norfaezah, & Azmawaty, 2014; Nichols, 2010). Worrell dan Remer (2003) menerangkan konstruk teori feminis seperti yang berikut;

- **Keadilan – gender –** menerangkan perbezaan dari sudut tingkahlaku wanita dan lelaki yang berkaitan dengan proses sosialisasi berbanding dengan umum sedia maklum.
- **Kepelbagaian budaya yang fleksibel–** menggunakan konsep dan strategi yang boleh diaplikasikan secara samarata untuk individu dan kelompok tanpa mengambil kira umur, bangsa, budaya, kebolehan mahupun orientasi seksual.
- **Interaksi –** berkonsepkan dimensi cara berfikir, rasa dan bertingkahlaku yang spesifik tentang pengalaman manusia serta mengambil kira faktor konteks dan persekitaran.

- **Berorientasikan sepanjang hayat** – mengandaikan perkembangan manusia merupakan proses sepanjang hayat dan gaya personaliti dan tingkahlaku boleh berubah pada bila-bila masa, tidak hanya pada zaman kanak-kanak.

Selain dari itu, Bitter (2009), Nichols (2010), Melati dan rakan-rakan (Melati et al., 2014) serta Richard (2016) menerangkan prinsip-prinsip dalam Teori Feminis saling berkaitan antara satu sama lain. Prinsip-prinsip tersebut antara lain adalah:

**i) Masalah individu berpunca daripada konteks politik**

Prinsip ini didasari oleh andaian bahawa masalah-masalah yang dibawa oleh klien berpunca daripada konteks politik dan sosial. Wanita terutamanya, seringkali berasal dari konteks marginalisasi, penindasan, subordinasi, dan stereotaip. Pandangan tentang kesan konteks politik dan sosial terhadap kehidupan individu ini merupakan prinsip paling asas yang mendasari teori feminis. Sebagai contoh, ibu tunggal sering dikaitkan dengan kelompok minoriti. Mereka juga sering distereotaipkan sebagai kelompok yang bermasalah dari segi fizikal dan emosi.

**ii) Komitmen pada perubahan sosial**

Teori feminis tidak hanya berusaha melakukan perubahan terhadap individu, tetapi juga perubahan sosial. Pendekatan teori ini tidak hanya untuk membantu klien menyelesaikan masalahnya secara individu, tetapi juga untuk mewujudkan transformasi sosial. Tindakan untuk melakukan perubahan sosial merupakan sebahagian daripada tanggungjawab mereka sebagai pengamal terapi. Sangatlah penting bagi para wanita yang terlibat dalam sesi kaunseling samada klien atau pun kaunselor untuk menyedari bahawa masalah yang mereka alami berpunca daripada tekanan atau penindasan sebagai anggota masyarakat kelas kedua dan mereka boleh berjuang bersama para wanita lain untuk mewujudkan perubahan. Tujuannya adalah

untuk mewujudkan keadaan sosial yang membebaskan para wanita dan lelaki dari kekangan-kekangan yang timbul akibat jangkaan peranan gender. Hasilnya mereka akan membawa kepada perubahan individu.

Sebagai ibu tunggal misalnya, untuk merubah nasib diri mereka, mereka tidak boleh bergerak secara sendirian. Disebabkan itulah banyak pertubuhan ibu tunggal dan juga badan bukan kerajaan yang diwujudkan betujuan untuk sama-sama membawa perubahan kepada golongan mereka. Nasib mereka akan lebih didengari sekiranya mereka membawa suara ramai yang lebih besar.

**iii) Hubungan sesi kaunseling berlaku secara adil**

Salah satu perhatian utama teori feminis adalah mengenai kuasa dan hubungan terapis dengan klien. Para ahli teori feminis mengatakan bahawa telah berlakunya salah guna kuasa dalam hubungan kaunseling, sehingga mereka mengusahakan *egaliterianisme* (kesamarataan), hubungan terapeutik serta menanamkan prinsip bahawa klien adalah pakar untuk dirinya sendiri. Perbincangan yang penuh keterbukaan mengenai kuasa dan perbezaan-perbezaan peranan dalam hubungannya akan membantu klien untuk memahami bagaimana dinamika kuasa berpengaruh pada proses kaunseling dan hubungan lainnya. Penemuan cara untuk saling mengimbangi kuasa dan menerangkan dengan jelas dan mudah apa yang difahami merupakan perkara yang penting bagi ahli terapi feminis. Hal ini kerana mereka meyakini bahawa proses kaunseling perlukan kesaksamaan.

Contoh yang boleh dilihat pada ibu tunggal ialah mereka mungkin merasakan kaunselor lebih berkuasa dari diri mereka dalam sesi kaunseling. Ini kerana mereka tidak begitu yakin diri, dan beranggapan kaunselor sebagai individu yang lebih hebat dari diri mereka. Hakikatnya mereka yang lebih faham dan pakar tentang situasi yang mereka alami. Oleh itu penting untuk kaunselor memberikan peluang kepada ibu

tunggal untuk melihat diri mereka sebagai yang lebih arif dalam perbincangan yang dilakukan. Melalui cara ini, mereka akan lebih yakin diri dan merasakan diri mereka sama tarafnya dengan orang lain.

**iv) Fokus pada kekuatan dan reformulasi definisi masalah psikologi**

Beberapa ahli terapi feminis menolak untuk melabel klien mempunyai "penyakit mental". Menurut mereka, faktor intrapsikis hanyalah penyebab sebahagian daripada masalah yang dibawa oleh klien ke dalam sesi. Kaunselor memformulasi semula masalah yang dibawa oleh klien. Kaunselor akan membicarakan masalah dalam konteks kehidupan serta strategi menyelesaikannya dan bukan dalam konteks patologi. Ibu tunggal berkemungkinan datang dalam keadaan murung kerana bersedih dengan apa yang telah dialami. Kaunselor perlu melihat ibu tunggal sebagai individu yang kesedihan kerana telah kehilangan suami dan tidak tahu apa strategi terbaik yang perlu dilakukan. Isu mereka dibincangkan dalam konteks bagaimana untuk membantu ibu tunggal mencari strategi yang sesuai untuk keluar dari kesedihan yang dialami.

**vi) Mengenali semua bentuk tekanan**

Ahli terapi feminis memahami bahawa ketidakseimbangan sosial dan politik memberi kesan negatif pada semua orang. Ahli terapi akan berusaha untuk membantu individu membuat perubahan dalam hidupnya serta perubahan sosial yang akan membebaskan masyarakat dari stereotaip, marginalisasi, dan penindasan. Tujuan utama adalah untuk melakukan campur tangan dengan cara yang dapat menghasilkan perubahan dalam persekitaran sosiopolitik yang tidak berfungsi. Sumber-sumber penindasan, tidak hanya terletak pada jantina. Sumber ini perlu dikenal pasti dan dieksplorasi secara interaktif sebagai asas untuk memahami kebimbangan klien. Merangka masalah dalam konteks budaya akan membawa pada pemerkasaan klien,

yang hanya boleh dicapai melalui perubahan sosial. Dalam konteks ibu tunggal, terlalu banyak kebimbangan yang mereka fikirkan dan rasakan. Kebimbangan ini perlu diteroka bersama untuk lebih memahami mereka. Pemahaman yang betul tentang ibu tunggal sangat membantu untuk mengaplikasikan strategi yang terbaik dan sesuai dengan diri mereka.

Selain dari lima faktor ini, Israeli dan Santor (2000) berpendapat, terapi Feminis berpegang kepada tanggapan bahawa peribadi adalah politik yang bermaksud bahawa apa-apa yang dialami oleh seseorang itu berpunca dari konteks politik dan realiti. Mereka juga menyedari bahawa isu-isu wanita mengenai isu-isu kesihatan mental tidak boleh diperolehi sepenuhnya dalam terapi individu. Isu ini diperoleh hanya melalui membuat perubahan struktur yang berkesan kepada masyarakat. Oleh itu, banyak ahli terapi menyokong untuk membuat perubahan sistemik yang akhirnya akan membawa peningkatan kepada kehidupan wanita dan masyarakat (Bitter, 2009). Klien akan dianggap sebagai individu yang unik dan bukan individu berkongsi 'realiti' yang sama.

Selain dari itu juga, Eagly dan rakan-rakan (in press), melihat andaian yang jelas bahawa status klien dalam masyarakat boleh mempengaruhi fungsi psikologi. Sebagai contoh, ibu tunggal adalah kumpulan minoriti yang mungkin berisiko untuk membangunkan potensi diri kerana mereka sering didiskriminasikan dan dipersalahkan. Masyarakat menggambarkan bahawa masalah mereka berpunca dari diri mereka sendiri. Keadaan ini menyebabkan mereka lebih mudah ditindas berbanding dengan wanita dari kumpulan majoriti asal (Israel & Santor, 2000). Bagi tujuan kajian ini, penyelidik mesti mempunyai tafsiran dan pemahaman yang jelas tentang realiti menjadi seorang ibu tunggal serta pengetahuan mengenai isu-isu,

cabaran dan strategi daya tindak yang digunakan. Disinilah elemen feminisme memainkan peranan dalam kalangan ibu tunggal.

Berdasarkan kepada huraian aplikasi pendekatan teori feminis dalam memahami ibu tunggal, dapat disimpulkan bahawa teori feminis merupakan teori yang bertepatan dalam memahami ibu tunggal. Pemahaman ini merangkumi konsep asas mengenali siapakah ibu tunggal, isu-isu yang mereka hadapi dan bagaimana teori ini dapat mereflek kepada isu yang dihadapi oleh ibu tunggal. Ringkasnya, melalui teori feminis, ibu tunggal dilihat sebagai kelompok minoriti yang perlu diberi kefahaman bahawa mereka dapat merubah nasib mereka. Mereka perlu mempunyai keberanian untuk menyatakan hak mereka sebagai ibu tunggal serta menyedari bahawa setiap perubahan yang mereka inginkan bermula dari diri kehendak mereka sendiri. Melalui pemahaman ini, teori ini melihat ibu tunggal akan lebih mudah untuk berdaya tindak dan meneruskan kehidupan mereka seperti individu lain walaupun sudah tidak bersuami.

## Menghadapi Kematian Orang Yang Signifikan Dalam Kehidupan

Bahagian ini akan memperincikan fasa-fasa yang dialami oleh individu yang berdepan dengan kematian, reaksi terhadap kematian dan model-model yang berkaitan dengan kematian. Fokus adalah kepada individu yang ditinggalkan setelah berlakunya kematian.

**Konsep kehilangan akibat kematian.** Setiap individu yang mempunyai pengalaman berkongsi kasih sayang ataupun individu yang membentuk pertautan dengan individu yang lain berdepan dengan risiko untuk kehilangan orang atau subjek yang disayangi. Kehilangan ini merupakan satu penderitaan buat mereka dan merupakan kehilangan primer – proses penamatan pertautan atau pun hubungan (Corr,

Nabe, & Corr, 2009). Kehilangan yang melibatkan kematian memberikan makna yang tersendiri kepada individu yang menghadapinya. Ia bergantung kepada sejauhmana signifikannya hubungan individu yang masih hidup dan yang telah meninggal.

Kematian merupakan suatu perkara yang pasti akan berlaku dalam kehidupan seseorang. Islam melihat kematian sebagai sesuatu yang pasti (Quran, 29:57). Umum melihat kematian sebagai terpisahnya antara roh dan jasad (Freeman, 2005). Apabila berlakunya kematian seseorang yang terlalu hampir dengan kita, kehilangan ini akan menyebabkan kita bersedih yang akan memberi kesan kepada kehidupan yang seterusnya. Tingkahlaku bersedih ini merupakan reaksi yang normal apabila berlakunya kehilangan (Kubler-Ross & Kessler, 2005). Walaupun tingkahlaku bersedih ini adalah satu tindakbalas yang normal, akan wujud masa-masa tertentu yang amat memeritkan dan meletihkan. Memahami pengalaman bersedih dan mengambil langkah yang sewajarnya bagi menangani tempoh bersedih ini merupakan elemen yang penting untuk pulih dari kesedihan (Margaret S. Stroebe, Hansson, Schut, & Stroebe, 2008).

Tiga elemen asas dalam kesedihan ialah (i) hubungan pertautan dengan seseorang atau sesuatu yang bernilai, (ii) pengakhiran, penamatan atau pun perpisahan sesebuah hubungan, dan (iii) individu yang terkesan dengan kehilangan seseorang atau sesuatu yang memberi makna kepada dirinya (Corles, 2001). Freeman (2005), Corr, Nabe & Corr (2009), dan Parkes & Prigerson (2010) melihat kesedihan sebagai tindak balas emosi individu kepada kehilangan. Ia dipamerkan oleh cara berfikir dan reaksi badan. Kebiasaanya kesedihan bersifat semulajadi dan berlaku di luar kawalan seseorang. Kebanyakan reaksi kesedihan akan berlaku apabila individu tersebut bersendirian. Ini menunjukkan bahawa kesedihan adalah satu pengalaman yang bersifat peribadi (Fareez, 2015). Ia bergantung sejauhmana seseorang boleh

beradaptasi dengan isu pada fasa-fasa tertentu dalam berdepan dengan situasi kehilangan yang dihadapi. Merujuk kepada Corr dan rakan-rakan (2009) juga, kesedihan merupakan tahap bersedih terhadap sesuatu. Dengan lain perkataan kesedihan adalah situasi seseorang individu yang mengalami kehilangan sesuatu yang bernilai (Corles, 2001).

**Reaksi terhadap kematian.** Kematian merupakan fenomena yang bersifat individu, unik dalam pelbagai cara bagi setiap yang menerima kematian. Individu yang menerima kematian akan bereaksi bergantung kepada bagaimana cara berlakunya kematian orang yang signifikan dalam hidup mereka. Corr dan rakan-rakan (Corr et al., 2009) telah mencadangkan lima pembolehubah kritikal yang mempengaruhi reaksi terhadap kematian termasuklah (i) hubungan pertautan si mati dengan individu yang masih hidup, (ii) cara berlakunya kematian, (iii) strategi daya tindak individu yang masih hidup, (iv) situasi perkembangan kehidupan individu yang masih hidup dan (v) sistem sokongan yang diperoleh oleh individu yang masih hidup.

Hubungan pertautan yang wujud antara individu yang masih hidup dan individu yang telah meninggal sebelum ini menggambarkan sejauhmana hubungan antara dua pihak (Bowlby, 1980). Terdapat hubungan yang bergantung antara satu sama lain, hubungan yang tidak mesra, hubungan yang sangat rapat dan pelbagai bentuk hubungan lain. Kebanyakan hubungan merupakan hubungan yang bersifat multidimensi; dimana individu yang telah meninggal signifikan dalam kehidupan seseorang dengan pelbagai cara – suami, anak, ibu, ayah (Sooy, 2016). Sebagai pasangan suami isteri misalnya, adakalanya hubungan mereka sangat intim, dan ada masa mereka bertegah dan berbeza pendapat. Setiap dimensi ini mempengaruhi pengalaman kehilangan yang dirasai. Keadaan akan menjadi lebih sukar sekiranya seorang isteri sangat bergantung kepada suaminya. Apabila kematian suami, hubungan

pertautan terputus dan menyebabkan mereka bereaksi dengan cara yang lebih beremosi.

Cara kematian seseorang yang signifikan dalam kehidupan individu juga memberikan sumbangan besar kepada reaksi terhadap kematian (Dunn, 2015; Hughes, 2002). Ada kematian yang berlaku secara tiba-tiba tanpa sebarang tanda-tanda awal seperti kecelakaan jalan raya, dan kemusnahan akibat bencana alam. Wujud juga kematian yang sudah dijangka lebih awal, lazimnya kematian cara ini melibatkan individu yang menderita berpenyakit kronik dan terlantar dimana ahli keluarga sudah bersedia untuk menerima kematian individu yang terlibat. Menurut Doka (2005) individu yang berdepan dengan kematian yang mengejut dan tiba-tiba akan mempunyai reaksi yang lebih drastik berbanding individu yang sudah bersedia menerima berita kematian insan yang signifikan dalam kehidupan mereka.

Strategi daya tindak setiap individu yang berdepan dengan kematian adalah berbeza bergantung kepada sejauhmana kematian itu memberikan tekanan kepada mereka. Ia melibatkan perubahan usaha yang dilakukan untuk bereaksi terhadap kematian orang yang signifikan dalam kehidupan mereka (Austenfeld & Stanton, 2004). Proses membangunkan dan memperkembangkan strategi daya tindak akan menjadi lebih efektif sekiranya mereka pernah mengalami situasi yang sama sebelum ini. Situasi ini dapat dikaitkan dengan perkembangan kehidupan yang pernah dilalui oleh mereka. Menurut Mikulincer dan Shaver (2009), perkembangan mereka dari zaman kanak-kanak, remaja dan dewasa dapat memberi gambaran bagaimana mereka berdaya tindak dan merespon kepada kematian individu yang signifikan dalam kehidupan mereka. Selain dari itu juga, Parkes dan Prigerson (2010) menjelaskan, reaksi terhadap kematian turut dipengaruhi oleh sistem sokongan yang diterima samada dari ahli keluarga, rakan-rakan, dan insitusi sosial.

Dalam memahami apa yang mereka telah lalui, kefahaman tentang reaksi ini penting supaya penyelidik dapat melihat sejauhmana ibu tunggal mampu untuk berdaya tindak apabila berdepan dengan kematian suami mereka. Reaksi-reaksi yang tidak rasional berkemungkinan melambatkan proses daya tindak ibu tunggal, manakala reaksi yang positif dan terkawal dapat membantu ibu tunggal untuk berdaya tindak dengan lebih cepat dan boleh meneruskan kehidupan mereka seperti sediakala. Stroebe, Hansson, Schut & Stroebe (2008) melihat pengalaman traumatik ini akan menyebabkan individu memberi respon atau reaksi tingkahlaku bersedih yang boleh dikategorikan kepada empat; (i) perasaan, (ii) sensasi fizikal, (iii) kognisi dan (iv) tingkahlaku.

**(i) Perasaan**

Freeman (2005) menjelaskan perasaan adalah merujuk kepada perasaan sedih, terkejut, marah, bersalah, takut serta perasaan lain yang dirasai oleh individu yang menerima kematian insan yang signifikan dalam kehidupannya. Perasaan sedih merupakan reaksi yang biasa apabila berlakunya kematian. Menangis menandakan individu tersebut sedang menzahirkan reaksi bersimpati dan perlukan perlindungan dari orang di sekeliling. Tangisan yang berpanjangan pula menunjukkan perasaan sedih yang sangat mendalam. (Parkes & Prigerson, 2010).

Apabila menerima berita kematian juga, kebiasaannya seseorang akan terkejut dan kelu sehingga tidak dapat memberi sebarang respon. Ini merupakan reaksi defensif yang biasa untuk mengelakkan perasaan sedih yang terlampau dan tidak terkawal. Dengan cara ini, individu dapat mengawal keperitan kehilangan yang dirasai sehingga menampakkan semuanya dalam keadaan normal (Weiss, 2008).

Duclos dan rakan-rakan (2013) menjelaskan bahawa marah merupakan emosi yang sering dikaitkan dengan kehilangan. Ia merupakan kekeliruan emosi untuk

mengatasi rasa sedih yang dialami. Rasa marah yang dipamerkan lebih kepada hilangnya rasa kepercayaan kepada Tuhan yang mengambil insan tersayang dari hidup mereka. Individu yang merasa marah melihat ketidakadilan telah berlaku kerana kebahagiaan mereka dirampas sekelip mata. Marah mungkin boleh menjadi perasaan yang rasional atau pun perasaan yang tidak rasional. Ia boleh dilihat sebagai hasil dari kekecewaan yang mendalam terhadap kematian insan yang signifikan pada diri mereka. Mereka mengalami kesukaran untuk melihat kematian sebagai destinasi terakhir dalam kehidupan dan tidak berupaya untuk melakukan apa-apa bagi mengelak berlakunya kematian tersebut. Tingkahlaku ini selalunya berlanjutan kepada penafian untuk menerima kematian.

Perasaan bersalah juga merupakan reaksi yang mungkin rasional dan mungkin juga tidak rasional. Individu yang rasa bersalah biasanya mempunyai isu yang tidak selesai (*unfinished business*) dengan orang yang telah meninggal. Mereka merasakan diri mereka yang sepatutnya berada dalam situasi yang menyebabkan kematian tersebut. Walaubagaimanapun, wujud situasi yang mana perasaan bersalah adalah rasional. Perasaan yang sebegini mampu membantu seseorang untuk melakukan yang lebih baik pada masa akan datang supaya rasa bersalah itu dapat dihapuskan dari diri mereka (Duclos et al., 2013).

Selain dari rasa marah dan bersalah, kebimbangan juga merupakan perasaan yang biasa dialami oleh mereka yang menerima kematian insan yang signifikan dalam kehidupan mereka. Mereka berasa panik dan bimbang memikirkan kehidupan mereka selepas ini yang hidup secara bersendirian.

**(ii) Sensasi fizikal**

Individu yang mengalami kematian orang yang signifikan dalam diri mereka turut merasai sensasi fizikal. Sensasi fizikal sering diabaikan sedangkan ia mungkin indikator penting dalam memahami reaksi individu yang terlibat. Freeman (2005) melaporkan sensasi fizikal yang sering dikaitkan dengan kematian ialah sebu pada bahagian perut, dada dan rongga tekak terasa ketat, kelemahan otot-otot badan, kurangnya tenaga, kekeringan mulut, insomnia, hilang selera makan, kemurungan, kebimbangan umum, ketidakupayaan untuk merasakan nikmat kehidupan, perasaan semuanya seperti tidak benar, termasuklah diri sendiri.

**(iii)Kognisi**

Reaksi semulajadi kognisi kepada kematian ialah 'keasyikan' dengan orang yang telah pergi. Pemikiran ini timbul disebabkan oleh harapan yang besar supaya orang yang telah pergi, kembali ke alam nyata. Jika tidak dikawal pemikiran ini menyebabkan seseorang individu tidak dapat 'melepaskan' individu yang telah pergi dari kehidupannya. Keadaan akan menjadi lebih kronik sekiranya mereka mula berhalusinasi tentang kewujudan individu yang telah tiada (Weiss, 2008). Pemikiran ini biasanya berlanjutan selama beberapa minggu dan mungkin mengambil masa berbulan-bulan.

**(iv)Tingkahlaku**

Freeman (2005) turut membincangkan reaksi terhadap tingkahlaku individu yang telah menerima kehilangan. Dari segi tingkahlaku, individu yang kehilangan insan yang signifikan dalam diri mereka akan mudah bermimpi tentang individu yang telah pergi. Bermimpi merupakan reaksi normal dan salah satu cara untuk memberikan ketenangan kepada mereka yang mengalami kehilangan. Ada juga diantara mereka

memilih untuk mengelakkan diri dari tempat dan perkara yang mengingatkan mereka kepada orang yang telah pergi. Mereka mengelakkan diri dari tempat kematian, kubur, mahupun objek yang mencetuskan ingatan mereka kepada insan yang telah tiada. Tingkahlaku seperti ini merupakan tingkahlaku *counterbalanced* bagi mengelakkan mereka terus melupakan orang yang telah tiada.

Corr dan rakan-rakan (2009) telah menambah dua lagi reaksi tambahan terhadap kematian iaitu dari aspek kesukaran sosial dan pencarian kerohanian atau spiritualiti. Kesukaran sosial melibatkan masalah hubungan interpersonal dan kefungsian dalam organisasi. Manakala pencarian kerohanian pula lebih menjurus kepada mencari makna, kebergantungan yang lebih kepada Kuasa yang lebih besar, kembali kepada rangka kehidupan yang sebenar dalam menangani kehilangan yang dihadapi. Keenam-enam reaksi yang dinyatakan merupakan reaksi yang sering berlaku dalam ibu tunggal yang kematian pasangan. Pasangan hidup merupakan orang yang paling signifikan dalam diri mereka. Apabila mereka diduga dengan kematian pasangan, mereka akan menzahirkan reaksi mereka melalui perasaan, emosi, fizikal, kognitif dan tingkahlaku. Mereka juga akan mula menjarakkan diri dari orang sekeliling bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku. Ibu tunggal juga mula mendekatkan diri mereka dengan Pencipta dan kembali kepada fitrah supaya mereka mendapat ketenangan dalam berdepan dengan kematian suami.

**Teori berkaitan kehilangan akibat kematian.** Teori tentang kesedihan akibat kehilangan dan kematian bermula dengan melihat bersedih secara individu (berkabung) dan terus berkembang kepada interpersonal, kajian secara berkumpulan atau pengaruh masyarakat terhadap kesedihan yang dialami dan terkini melihat kepada kesan akibat kesedihan. Perkembangan teori ini memberi tumpuan kepada proses pengalaman individu sebagai ahli keluarga dan juga teori yang berasaskan kepada sistem keluarga (Murray, Toth, & Clinkinbeard, 2005). Bersandarkan kepada perkembangan teori ini, bahagian ini akan menerangkan teori yang berkaitan bermula dari model yang melihat kesedihan sebagai proses individu dan diikuti oleh teori yang melibatkan proses keluarga.

***Teori yang berasaskan individu (Teori Pertautan Bowlby).*** Pertautan secara umumnya membawa maksud ikatan yang kuat dan istimewa antara bayi dan penjaganya (Jas Laile Suzana, 2008). Menurut Bowlby (1980, 1983) pertautan merupakan satu proses timbal balik yang mana ibu bapa rapat dengan anak dan anak rapat dengan ibu bapa. Proses ini terbina apabila ibu bapa dan anak berinteraksi dan akan berlaku dalam satu jangka masa yang panjang. Konsep pertautan tidak boleh disamakan dengan sifat pergantungan kerana sifat bergantungan merujuk kepada bergantung, tidak berdikari dan sering mengharapkan orang lain untuk memenuhi keperluan fizikal.

Laibe, Carlo dan Rafaelli (2000) menjelaskan bahawa pertautan seseorang individu dengan ibu bapa, atau rakan sebaya dipengaruhi oleh tiga faktor iaitu kepercayaan, komunikasi dan rasa tersingkir atau rasa marah. Terdapat beberapa konsep yang diketengahkan dalam memahami pertautan iaitu tingkahlaku pertautan dan faktor-faktor dalam kualiti pertautan;

- **Tingkahlaku Pertautan (Attachment Behaviour)**

Tingkahlaku pertautan adalah tingkahlaku yang secara amnya ditujukan oleh seseorang bayinya kepada ibunya dan sebaliknya (Ramlah, 2007). Ini bermaksud dalam diri seseorang ibu juga wujud tingkahlaku pertautan yang bersesuaian dengan respon yang sepatutnya anaknya peroleh bagi memastikan anaknya berasa dekat dan selamat. Bowlby (1980) menjelaskan antara tingkahlaku pertautan di kalangan bayi adalah seperti bayi tersenyum kepada ibunya, menangis, merenung wajah ibunya, menghulurkan tangan kepada ibunya untuk menjamin kedekatan ibu kepadanya. Tingkahlaku pertautan dari pihak ibu pula seperti mendapatkan anaknya yang sedang menangis, memeluk anaknya dan memastikan anaknya bermain dalam lingkungan yang boleh diperhatikannya.

- **Faktor-Faktor Dalam Kualiti Pertautan**

Armsden dan Greenberg (1987) melihat pertautan sebagai kombinasi dari tiga faktor iaitu kualiti kepercayaan, kualiti komunikasi dan rasa tersingkir atau rasa marah. Kualiti kepercayaan seseorang ibu bapa kepada anaknya adalah perasaan selesa dan selamat apabila mengetahui bahawa ibu bapanya memahami dan memberikan respons terhadap keperluan emosinya. Untuk mendapatkan perasaan saling percaya antara ibu bapa dan anak, seorang anak dan ibu atau bapa perlulah bermotivasi untuk mengurangkan perasaan mementingkan diri sendiri (Ramlah, 2007). Menurut Santrock (2008) pula, kepercayaan dikalangan bayi memerlukan keselesaan fizikal dan sedikit rasa bimbang tentang masa depan. Kepercayaan yang tersemai dari peringkat bayi lagi membantu bayi menjangkakan bahawa dunia ini adalah tempat yang selamat dan sesuai untuk didiami.

Komunikasi adalah berkaitan dengan tingkahlaku kanak-kanak dalam usaha untuk menarik perhatian ibunya. Mereka berkomunikasi dengan ibunya melalui

tangisan, memanggil ibunya dan tersenyum kepada ibunya (Ramlah, 2007). Apabila seorang ibu memberikan respons yang baik dan berterusan dalam komunikasi dengan anak-anak, mereka sebenarnya telah membantu kanak-kanak membangunkan asas kepercayaan dalam diri yang dapat menyokong mereka apabila diperlukan.

Apabila seorang ibu tidak dapat memenuhi keperluan anak seperti yang diharapkan oleh anaknya, perasaan kurang percaya anak terhadap ibunya akan wujud. Perasaan ini boleh terjadi disebabkan oleh salah faham dalam komunikasi di antara keduanya, iaitu antara subjek dan ibunya (Jas Laile Suzana, 2008). Keadaan ini boleh mencetuskan rasa marah, benci serta kecewa yang berkemungkinan menyebabkan anak-anak merasa tersingkir, kesunyian dan hilang tempat mengadu.

- **Kebimbangan Perpisahan (*Separation Anxiety*)**

Kebimbangan perpisahan (Bowlby,1982) dialami oleh kanak-kanak semasa ibunya hendak meninggalkannya. Reaksi yang ditunjukkan seperti menangis, menjerit dan bergantung pada ibu adalah respon kanak-kanak yang menunjukkan rasa protes, kecewa dan marah. Apabila ibunya kembali semula, kanak-kanak ini juga akan menunjukkan respon tertentu.

- **Model Bekerja Dalaman ( *Internal Working Model* )**

Konsep Model Bekerja Dalaman atau IWM adalah model yang terbina dalam skema ingatan kanak-kanak hasil daripada pengalaman yang berlaku berulang kali dalam interaksi mereka dengan ibu bapa atau pun respon ibu bapa terhadap keperluan emosi mereka (Ramlah, 2007). Model IWM berasal dalam minda di bahagian yang sama dengan bahagian memproses maklumat. Konsepnya adalah merujuk kepada model perlakuan khusus yang ditunjukkan oleh subjek apabila digugat oleh perpisahan dengan ibu dan perlakuan bila bertemu semula dengan ibunya. IWM akan dianggap

stabil merentasi masa dan dalam hubungan dengan ibu, bapa dan seterusnya dengan orang-orang yang signifikan kepada individu tersebut.

- **Tapak Selamat (*Secure Base*)**

Tapak selamat bermaksud subjek berasa selamat untuk meneroka persekitaran baru apabila ibu, bapa atau orang yang signifikan dengannya berada di persekitaran atau berhampiran dengan tempatnya bermain. Subjek akan berulang alik daripada tempat dia bermain kepada tempat ibu beberapa kali untuk memastikan ibunya berada di situ (Jas Laile Suzana, 2008). Bowlby (Bowlby, 1983) merumuskan bahawa keadaan itu adalah satu situasi seolah-olah kanak-kanak tersebut menjadikan ibu pusat graviti.

***Teori Pertautan Bowlby dan kehilangan.*** Teori Pertautan Bowlby melihat sebuah kehilangan sebagai satu jujukan reaksi (Margaret S. Stroebe & Archer, 2013). Teori ini mengusulkan jujukan reaksi bermula dari memprotes, berputus asa dan akhirnya membawa kepada fasa penyusunan semula. Protes merupakan fasa dimana individu yang ditinggalkan mempamerkan protes dalam bentuk emosi. Mereka merasa marah, takut, sedih dan mengharapkan orang yang telah menemui ajalnya kembali datang dalam kehidupan mereka (Freeman, 2005; Mikulincer & Shaver, 2013). Freeman (2005) turut menjelaskan bahawa pada fasa ini, emosi yang dipamerkan berlaku dalam satu tempoh yang lama kerana memerlukan masa untuk menyesuaikan diri dengan rutin kehidupan yang baru. Sebagai contoh, apabila bangun dari tidur, suami tiada lagi disisi untuk selam-lamanya. Selagi ibu tunggal tidak dapat menyesuaikan diri dengan situasi ini, ibu tunggal akan terus menunjukkan protes bagi membant memulihkan emosi yang dirasai.

Apabila individu yang ditinggalkan mula menyedari hakikat kematian adalah bersifat kekal dan tidak lagi akan kembali, mereka akan mula berputus asa (Bowlby, 1983; Mikulincer & Shaver, 2013; Sooy, 2016). Rasa putus asa secara tipikalnya dapat diterjemahkan melalui tingkahlakuyang depresif (Freeman, 2005). Individu yang ditinggalkan oleh si mati akan mengalami gangguan tidur dan hilang selera makan serta cenderung untuk menjauhkan diri dari konteks sosial (Mikulincer & Goodman, 2006; Mikulincer & Shaver, 2013). Mereka akan berasa kesunyian dan kesedihan yang amat mendalam. Perasaan kesunyian ini berkait secara spesifiknya dengan ketidak hadiran individu pertautan yang tidak dapat digantikan oleh individu yang lain. Pada saat ini, sokongan sosial dari keluarga dan rakan-rakan adalah sangat membantu. Walaubagaimanapun, sistem sokongan ini tetap tidak dapat mengisi rasa kekosongan yang dialami oleh mereka yang ditinggalkan oleh si mati (Freeman, 2005).

Fasa penyusunan semula berlaku setelah hilangnya rasa putus asa. Ia merupakan resolusi kepada proses kesedihan yang dialami sebelum ini. Mereka mula menerima kematian individu yang signifikan dalam kehidupan mereka dan berkemampuan untuk berdepan dengan realiti (Freeman, 2005; Mikulincer & Shaver, 2013; Margaret S. Stroebe & Archer, 2013). Bowlby (1983) menyifatkan proses ini bukanlah bermakna mereka tidak lagi bertaut dengan si mati, tetapi mereka cuba untuk menyusun semula hubungan dengan si mati supaya wujudnya ikatan yang berterusan. Pada masa yang sama, mereka melakukan beberapa penyesuaian yang sewajarnya dengan individu yang masih ada bersama mereka.

Teori pertautan turut menegaskan bahawa respon terhadap kematian bergantung kepada bagaimana berlakunya proses kematian itu sendiri (Field & Filanosky, 2010). Individu akan lebih sukar untuk menerima kenyataan dan berdaya tindak sekiranya kematian itu merupakan kematian yang mengejut dan tidak

dijangkakan. Mereka akan menjadi individu yang murung dalam tempoh masa yang lebih lama dan tidak dapat menyesuaikan diri dengan kehilangan yang dilalui (M. Stroebe et al., 2014).

***Teori Keluarga yang berkaitan dengan kematian (Teori Sistem Keluarga).*** Teori berasaskan individu masih tidak mencukupi untuk menerangkan kesedihan akibat kematian yang melibatkan ahli keluarga. Seperti yang dicadangkan oleh Murray, Toth dan Clinkinbeard (2005), kesedihan dari perspektif keluarga dapat difahami melalui pendekatan teori sistem. Teori ini mengiktiraf pelbagai kesedihan wujud secara serentak apabila berlakunya kematian dalam keluarga, samada kesedihan yang dirasai oleh individu, pasangan, keluarga dan masyarakat.

Sistem merupakan elemen-elemen yang saling bergantungan dan berinteraksi antara satu sama lain (Nichols, 2010). Keluarga dilihat sebagai satu sistem dimana ahli-ahlinya saling bergantung dan berinteraksi diantara satu sama lain. Sebagai ahli dalam sebuah keluarga, setiap individu mempunyai kedudukan tertentu seperti yang terdapat dalam struktur sosial (Goldenberg & Goldenberg, 2008). Kedudukan ini merupakan peranan tertentu yang hadir dengan fungsi yang tertentu. Peranan ini bersifat timbal balik antara satu sama lain (Bitter, 2009; Nichols, 2010).

Dalam sistem keluarga yang perlu sentiasa berinteraksi, setiap ahli harus memberikan maklumbalas atau reaksi melalui gegelung maklumbalas. Gegelung maklumbalas merujuk kepada mekanisma yang berlingkaran yang bertujuan untuk memperperkenalkan maklumat mengenai pengeluaran sesuatu sistem kepada input sistem berkenaan untuk meningkatkan atau memperbaiki sistem berkenaan (Nichols, 2010). Gegelung ini boleh wujud dalam negatif dan positif melalui bentuk teguran, pandangan, atau pendapat. Maklumbalas negatif menunjukkan sejauh mana sistem perlu diperbetulkan untuk kembali kepada keadaan asal. Ia diluahkan melalui

kekesalan untuk mengembalikan homeostatis atau pun keseimbangan keluarga. Jika maklumbalas negatif dipraktikkan oleh ahli kelaurga, pemahaman dan keselarasan maklumat akan berlaku. Ahli keluarga akan berada pada tahap komunikasi yang setara atau pun simetrikal. Maklumbalas positif pula merupakan maklumat yang diperlukan untuk memperkukuhkan lagi arah yang dipersetujui oleh sistem. Jika maklumbalas positif tidak dikendalikan dengan cara yang betul, ia boleh menyebabkan berlakunya kesalahan sistem sehingga boleh memudaratkan keadaan atau perhubungan antara individu (Bitter, 2009; Gladding, 2002; Goldenberg & Goldenberg, 2008; Nichols, 2010).

Apabila keluarga dilihat sebagai suatu sistem, maka keluarga boleh dikategorikan kepada sistem terbuka dan sistem tertutup. Bitter (2009) mencirikan sistem terbuka sebagai sistem yang bersifat fleksibel dan menerima maklumat dari segala sumber dan menyalurkan maklumat itu kembali keluar. Disebabkan oleh pengaliran maklumat berlaku, maka semua yang berlaku dalam keluarga agak terurus, tersusun rapi dan sistematik. Apabila berlakunya pengaliran maklumat yang pelbagai, equifinaliti berlaku; kebolehan untuk mencapai matlamat akhir melalui pelbagai cara (Nichols, 2010). Konsep ini penting bagi sebuah keluarga kerana matlamat sesebuah keluarga boleh dipenuhi melalui pelbagai alternatif, bukan hanya pada satu solusi. Sistem tertutup pula merupakan sistem dimana keluarga enggan bergaul dan bekerjasama dengan masyarakat luar (Goldenberg & Goldenberg, 2008). Kesan dari sistem ini, perkongsian idea tidak akan berlaku dan kelaurga akan menjadi lebih mundur dan bermasalah. Jika dibiarkan berterusan, keadaan ini akan lebih menambahkan tekanan kepada keluarga.

Berdasarkan konsep asas teori sistem keluarga, dapat disimpulkan bahawa teori ini memberi fokus kepada dinamika dan konsep yang berkait rapat dalam

mencirikan hubungan (Bitter, 2009; Goldenberg & Goldenberg, 2008; Nichols, 2010). Nadeau (2001) pula melihat teori ini dari sudut pandang yang lebih besar. Teori ini bersesuaian untuk menerangkan proses semulajadi kesedihan dari aspek bukan patologi. Berikut merupakan perkara yang boleh diberi perhatian tentang penyesuaian keluarga berkaitan kematian dari perspektif teori sistem keluarga.

(i) Sebuah keluarga menunjukkan reaksi kepada kematian sebagai satu sistem. Walaupun perasaan sedih dirasai secara persendirian, sistem keluarga mempunyai kualiti yang tersendiri ke atas setiap individu ahli keluarga. Setiap ahli terlibat dalam memperkukuhkan interaksi sesama mereka (Walsh & McGoldrick, 1991).

(ii) Setiap reaksi dan tindakan ahli keluarga akan memberi kesan kepada kefungsian ahli keluarga yang lain. Mereka akan saling bergantungan antara satu sama lain kerana sebab dan akibat dalam sistem bersifat kitaran, dan bukannya linear (E. R. Shapiro, 2001).

(iii) Kematian ahli keluarga turut mengganggu keseimbangan sistem keluarga, mengubah struktur, dan memerlukan sistem penyusunan semula dalam proses bertindakbalas, peralihan peranan dan fungsi dalam keluarga (Isserman, Greene, Bowen, Hollander-Goldfein, & Cohen, 2014).

(iv) Kematian turut memberikan gelombang kejutan emosi yang besar dalam peristiwa kehidupan seseorang. Gelombang ini wujud dalam persekitaran dimana berlakunya pergantungan emosi antara ahli keluarga. Keadaan akan menjadi lebih tegang dengan keterlibatan ahli keluarga tambahan. Keterlibatan mereka akan menambahkan lagi punca tekanan yang sedia ada dan meningkatkan kesukaran untuk mengekalkan kestabilan keluarga asas (Bowen & Martin, 2011; E. R. Shapiro, 2001).

(v) Tidak ada kesan yang spesifik dari kematian ahli keluarga yang dapat mencirikan keseluruhan sistem keluarga. Kesan yang sebenar yang dirasai oleh ahli keluarga dipengaruhi oleh proses tindakbalas setiap ahli, corak hubungan, skema keluarga dan paradigma keluarga (D. N. Shapiro, 2012; E. R. Shapiro, 2001).

Dalam konteks kajian ini, setelah kematian suami, walaupun ibu tunggal bersedih kerana kehilangan suami, kesedihan itu tidak hanya dirasai oleh ibu tunggal. Anak-anak turut merasai kehilangan bapa mereka. Masing-masing perlu berinteraksi supaya dapat memperkukuhkan lagi sistem ibu dan anak. Sekiranya ibu tunggal memberikan reaksi yang positif selepas kematian suami, anak-anak juga berkemungkinan memberikan reaksi yang positif. Keadaan ini sangat membantu untuk setiap ahli keluarga berfungsi secara positif. Perkara sebaliknya juga berlaku. Jika sekirannya anak-anak menunjukkan reaksi yang positif atas kematian bapa mereka, mereka sedikit sebanyak menyalurkan tenaga positif itu kepada ibu mereka. Mereka akan saling bergantungan antara ibu dan anak supaya dapat kekal dalam reaksi yang positif walaupun setelah kematian yang tersayang.

Tidak dinafikan bahawa akan berlaku perubahan yang besar dari segi peranan dan tanggungjawab dalam keluarga setelah kematian suami. Keadaan ini akan menyebabkan ketidakseimbangan fungsi keluarga jika tidak ditangani dari peringkat awal. Ahli keluarga perlu melakukan penyusunan semula sistem peranan dalam keluarga supaya keseimbangan keluarga ibu tunggal berada dalam sistem yang equilibrium. Bagi situasi ibu tunggal yang kematian suami yang mempunyai masalah dengan keluarga tambahan di pihak suami, ibu tunggal berpotensi untuk berdepan dengan gangguan ahli keluarga tambahan. Gangguan ahli keluarga tambahan ini akan

menyebabkan keadaan ibu tunggal semakin tertekan sehingga menyukarkan proses mengekalkan kestabilan emosi, mental dan fizikal keluarga nuklear.

## Daya Tindak

Perbincangan topik daya tindak merangkumi konsep daya tindak, strategi daya tindak, Model Daya Tindak Lazarus dan Folkman, Model Resiliensi, Penyesuaian dan Adaptasi Tekanan Keluarga, dan Model Proses Dual dalam Berdaya Tindak Terhadap Kesedihan,

**Konsep daya tindak secara umum.** Daya tindak adalah merujuk kepada kejayaan menguruskan sesuatu situasi yang mencabar (Cambridge Advanced Learner's Dictionary, 2011). Ia juga merujuk kepada tingkahlaku yang spesifik yang digunakan untuk bertoleransi dengan masalah yang dihadapi serta untuk meminimakan impak tekanan yang dirasai (R. Lazarus & Folkman, 1984). Beberapa pengkaji lain (Nur Saadah, 2013; Nur Saadah & Hilwa, 2015; Salhah, Sapora, Dini Farhana, & Rezki Perdani, 2011; Siti Rafiah & Sakinah, 2013; Zablotsky et al., 2013) melihat strategi daya tindak sebagai usaha untuk bertindak atau percubaan untuk mengurus tekanan menggunakan beberapa cara yang efektif dan bersesuaian. Usaha ini bukanlah satu cara tindakan semata-mata. Ia beroperasi sebagai satu proses yang membolehkan individu untuk mengaplikasikan pelbagai cara untuk menangani tekanan yang dihadapi.

Strategi daya tindak juga dilihat sebagai ransangan dan tindakan secara langsung yang digunakan oleh individu bagi megurangkan, mengurus atau menghapuskan tekanan (Broussard et al., 2012; Hamid et al., 2015). Keadaan ini akan menjadi lebih mudah jika individu belajar untuk bertoleransi dengan cabaran-cabaran yang menyebabkan tekanan. Ia juga bergantung kepada sejauhmana kemampuan

seseorang individu untuk mengatasi tekanan yang dipengaruhi oleh sumber-sumber tekanan. Menurut Macguire (2012), sumber-sumber tekanan boleh dikategorikan kepada dua faktor utama; (i) perubahan psikologi dan (ii) perubahan fisiologi.

Perubahan fisiologi adalah perubahan yang melibatkan tindakbalas dalam tubuh badan manusia. Ia bersifat perubatan yang melibatkan perubahan kimia dan biologi dalam tubuh badan individu. Perubahan ini melibatkan tiga fasa; (i) badan akan merembeskan hormon dan tenaga sebagai persediaan untuk bertindakbalas, (ii) dalam peringkat resistan atau penyesuaian, badan mula untuk kembali kepada keadaan asal dan memperoleh semula tenaga dan (iii) badan menjadi letih yang terlampau setelah cuba untuk bertindakbalas untuk jangka masa yang panjang. Fasa ketiga merupakan fasa yang paling kritikal sehingga boleh menyebabkan kematian (Macguire, 2012). Sebagai contoh, ibu tunggal yang menerima berita kematian suami pada peringkat awalnya akan mula risau apa yang akan dilakukan oleh mereka selepas kematian suami. Mereka akan mula berfikir dan bersedia untuk bertindak. Setelah beberapa tempoh masa, mereka akan kelihatan normal kerana sedang cuba untuk menyesuaikan diri dengan keadaan yang baru. Walaubagaimanapun, tempoh penyesuaian diri yang panjang dan lama menyebabkan mereka berasa sangat letih dan tidak boleh lagi meneruskan kehidupan yang lebih baik dari sebelum kematian suami. Fasa ketiga jarang berlaku sekiranya ibu tunggal dapat berdaya tindak yang sewajarnya sewaktu proses penyesuaian diri dengan status baru.

Berbeza dengan perubahan fisiologi, perubahan psikologi pula merujuk kepada aspek kognitif dan tingkahlaku individu (Livneh & Martz, 2007). Kognitif individu yang mengalami tekanan dilihat seperti kurang atau hilang tumpuan pada sesuatu pekerjaan, bermenung bersedirian dan sukar untuk mengingati apa yang telah berlaku. Perubahan yang berlaku ke atas kognitif individu yang mengalami tekanan ini pula

akan melibatkan perubahan keatas tinglahlakunya. Perubahan ini berlaku kerana terdapatnya hubungan antara individu dan persekitaran. Individu merasakan apa yang berlaku membebankan diri mereka dan boleh menjejaskan kesejahteraan mereka (Macguire, 2012). Bagi ibu tunggal yang kematian suami, mereka bukan sahaja kehilangan pasangan hidup tetapi hilang tempat bergantung dan terpaksa menguruskan segalanya sendirian selepas ketiadaan suami. Jika sekiranya ibu tunggal melihat perkara ini membebankan dan memberikan respon emosi yang negatif, mereka pasti sukar untuk berdepan dengan situasi yang sedang dilalui. Jika sekiranya mereka melihat perkara yang berlaku dari sudut pandang yang positif, dimana mereka bangkit dari kesedihan untuk membesarkan anak-anak maka mereka akan lebih mudah untuk berdaya tindak bagi mengatasi situasi yang dialami.

Berdasarkan kepada sumber-sumber tekanan yang dibincangkan, dapat disimpulkan bahawa tekanan merupakan proses yang kompleks yang boleh menjadi kunci kepada kelangsungan hidup seseorang. Dari sudut fisiologi, individu bertindakbalas pada tahap kesedaran yang rendah kerana ia merupakan mekanisme yang membenarkan individu untuk meneruskan kehidupan dalam keadaan yang mencabar. Dari segi psikologi pula, tindakbalas individu lebih kepada bagaimana individu menilai sesuatu situasi. Kedua-dua pespektif ini mencadangkan bahawa reaksi individu terhadap tekanan yang dialami bergantung kepada sifat semulajadi tekanan yang dialami.

**Konsep daya tindak dari perspektif psikologi.** Pengkajian tentang daya tindak dan tekanan dipelopori oleh ahli psikologi Lazarus dan Folkman (R. Lazarus & Folkman, 1984). Disebabkan itu, perspektif psikologi banyak mempengaruhi konsep, makna dan komponen-komponen penting daya tindak. Perkembangan kajian daya tindak (Livneh & Martz, 2007) mengikut perspektif psikologi boleh dibahagikan

kepada tiga fasa; (i) Fasa “Hierarki Tiga Parti”, (ii) Fasa kognitif, pemikiran dan tingkahlaku, dan, (iii) fasa dimensi personaliti.

***Fasa “Hierarki Tiga Parti”.*** Fasa ini bermula pada awal abad ke 20 sehingga awal tahun 60an. Individu yang bertanggungjawab sebagai pelopor kepada fasa ini termasuklah Freud, Menniger, Vaillant dan Haan. Persamaan antara mereka ialah mereka berorientasikan pendekatan psikoanalisis yang berfokus kepada ego individu (R. Lazarus, 1993; Livneh & Martz, 2007; Radnitz & Tiersky, 2007). Dalam fasa ini, daya tindak dilihat sebagai satu bentuk perkembangan psikoanalisis yang disifatkan sebagai “Hierarki Tiga Parti” – daya tindak, ego dan defensif. Ketiga-tiga komponen ini merujuk kepada proses perkembangan daya tindak yang bermula dari daya tindak, defensif dan berakhir dengan kegagalan ego. Pendekatan ini mendefinisikan daya tindak sebagai cara untuk mengatasi kesulitan dan menyelesaikan masalah. Defensif pula merupakan mekanisme yang digunakan bagi melindungi diri sebagai salah satu cara daya tindak yang berkaitan dengan tingkahlaku neurotik manakala kegagalan ego ditakrifkan sebagai salah satu cara penyesuaian yang tidak berjaya yang disamakan dengan tingkahlaku psikotik (Radnitz & Tiersky, 2007).

Berpandukan kepada situasi yang dialami oleh ibu tunggal, jika ibu tunggal yang kematian suami berdaya tindak, mereka akan merasakan mereka tidak kesunyian selepas kematian suami. Situasi tidak sunyi adalah situasi dimana ibu tunggal dapat menyesuaikan diri apabila tertekan dengan mengamalkan strategi daya tindak. Maka ibu tunggal ini dianggap tidak kesunyian. Sebaliknya, ibu tunggal yang bersikap defensif atau membela diri dalam menyesuaikan diri adalah ibu tunggal yang neurotic; iaitu kesunyian. Ibu tunggal yang mengalami kegagalan-ego adalah individu yang paling kesunyian. Mereka mungkin mengalami proses penyesuaian diri yang psikotik.

***Fasa kognitif, pemikiran dan tingkahlaku.*** Pada fasa ini, pengkajian daya tindak berfokus kepada proses kognitif, pemikiran dan tingkahlaku individu. Kemunculan fasa ini adalah lewat 60an rentetan dari kemunculan pendekatan psikoanalisis yang berorientasikan kognitif dan tingkahlaku individu. Pengasas kepada fasa ini ialah Lazaruz dan Folkman. Mereka telah membina satu model daya tindak yang dikenali sebagai Model Daya Tindak (Radnitz & Tiersky, 2007). Model ini telah memperkenalkan lima prinsip utama daya tindak iaitu;

(i) prinsip keberhasilan daya tindak

(ii) prinsip daya tindak pesakit

(iii) prinsip pengukuran

(iv) prinsip kognitif dan tingkahlaku

(v) prinsip teori daya tindak

**(i) Prinsip Keberhasilan Daya Tindak**

Daya tindak kognitif dan tingkahlaku seharusnya dilihat sebagai satu hasil yang baik; tidak kira bagaimana mekanisma individu tertekan itu berdaya tindak. Sebagai contoh, untuk membantu ibu tunggal yang dalam keadaan tidak stabil, mekanisme penafian yang digunakan oleh ahli psikologi sebagai satu tindakan yang tidak sihat kadangkala dapat membantu ibu tunggal yang mengalami tekanan berhadapan dengan kesan tekanan yang dialami dengan lebih baik.

**(ii) Prinsip Daya Tindak Untuk Pesakit**

Proses daya tindak juga boleh digunakan oleh mereka yang tergolong dalam golongan pesakit. Ini kerana proses daya tindak individu sihat adalah berbeza daripada individu yang sakit (R. Lazarus, 1993). Contohnya, pesakit yang mempunyai kanser

mempunyai tekanan yang berbeza dengan individu yang sihat. Mereka memerlukan strategi daya tindak yang khusus untuk merespon kepada situasi yang mereka alami.

**(iii) Prinsip Pengukuran**

Daya tindak memerlukan pengukuran yang sesuai untuk mengkaji gaya individu berfikir dalam berdaya tindak. Antara skala pengukuran daya tindak yang selalu digunakan oleh penyelidik ialah Soal Selidik Cara Gaya Tindak (*Ways of Coping*) oleh Folkman dan Lazarus (1988). Soal selidik ini mempunyai lapan skala utama iaitu daya tindak konfrantatif, menjauhkan diri, sokongan sosial, penerimaan tanggungjawab, pengelakan, penyelesaian masalah dan penilaian semula positif. Setiap skala mempunyai beberapa item yang diukur.

**(iv) Prinsip Kognitif dan Tingkahlaku**

Daya tindak meliputi kemampuan kognitif dan tingkahlaku berterusan dalam menguruskan kehendak luaran dan dalaman yang melangkaui keupayaan individu. Kehendak luaran ialah situasi yang berpunca dari persekitaran sosial individu seperti keluarga dan jiran-jiran. Manakala kehendak dalaman adalah situasi dimana berpunca dari individu tersebut. Jika kedua-dua kehendak ini melampau maka situasi tekanan akan berlaku (S. Folkman & Maskowitz, 2004). Dalam lain perkataan, daya tindak bertujuan untuk menghalang atau mengurangkan situasi tekanan (Susan Folkman, 2010; Freeman, 2005; Macguire, 2012).

**(v) Prinsip Teori Daya Tindak**

Prinsip ini melihat daya tindak sebagai proses yang memberi penekanan kepada dua jenis daya tindak; berfouskan emosi dan berfokuskan masalah (R. Lazarus, 1993). Fokus emosi adalah bagi mengubah situasi tekanan yang berlaku dengan cara pengelakan, penafian atau menjauhkan diri. Manakala focus masalah adalah bagi

mengubah situasi yang berlaku dengan melihat situasi ini sebagai satu masalah yang berpunca dari individu atau/dan persekitaran (Nur Saadah & Hilwa, 2015).

***Fasa Dimensi Personaliti.*** Pendekatan fasa kedua telah banyak mempengaruhi perkembangan bidang kajian daya tindak. Walaupun muncul penemuan baru , teori yang dikembangkan oleh Folkman ini menjadi asas kepada rujukan pengkaji kontemporari era 80an. Endler melihat personaliti individu sebagai penentu kepada strategi daya tindak (Livneh & Martz, 2007). Endler seterusnya memperkenalkan Model Interaktif Personaliti pada tahun 1997. Model ini menerangkan kerangka teori dalam memahami hubungkait personaliti dengan daya tindak (Kantor, Endler, Heslegrave, & Kocovski, 2001; Schottenbauer, Rodriguez, Glass, & Arnkoff, 2006). Menurut model ini, personality seperti gelisah, cara berfikir, dan tahap emosi mempengaruhi tingkahlaku dan tindakbalas kognitif dalam daya tindak dengan punca tekanan. Dalam erti kata lain, daya tindak adalah refleksi daripada kesan personaliti individu yang tertekan.

**Model Daya Tindak Lazarus dan Folkman 1984.** Model daya tindak diasaskan oleh Lazarus dan Folkman (1984) dan telah menjadi rujukan penting dalam kajian daya tindak dan tekanan dalam kalangan penyelidik (Broussard et al., 2012; Correa et al., 2011; Hamid et al., 2015; Nur Saadah, 2013; Nur Saadah & Hilwa, 2015; Salhah et al., 2011; Siti Rafiah & Sakinah, 2013; Zablotsky et al., 2013). Model daya tindak juga dikenali sebagai Model Transaksi Tekanan/Daya Tindak (Chua, 2007). Sesetengah pengkaji menggunakan terma transaksi kerana mereka melihat proses untuk berdaya tindak berlaku secara dinamik dari satu proses kepada satu proses lain. Proses ini berterusan sehingga individu tidak lagi mengalami tekanan ataupun individu sudah dapat berdaya tindak dengan situasi tekanan.

Radnitz dan rakan (2007) menyatakan proses daya tindak ini melibatkan empat peringkat;

(i) faktor yang mempengaruhi tekanan

(ii) penilaian

(iii) pilihan strategi daya tindak

(iv) kesan selepas daya tindak

**(i) Faktor-faktor yang mempengaruhi tekanan**

Proses pertama melibatkan pendedahan individu kepada satu atau serangkaian punca yang menyebabkan individu mengalami tekanan. Dua punca utama yang menyebabkan individu berdepan dengan tekanan ialah; (i) individu yang berada dalam lingkungan individu yang mengalami tekanan dan (ii) situasi sosio-ekonomiseperti keadaan demografi, ekonomi, politik, dan aspek-aspek persekitaran yang melingkari hidup individu yang tertekan.

**(ii) Penilaian**

Penilaian adalah situasi yang melibatkan pertimbangan individu yang mengalami tekanan terhadap apa yang berlaku. Dalam proses ini, individu mempertimbangkan situasi yang berlaku sebaik mungkin untuk mengenalpasti respon yang terbaik untuk tekanan yang dihadapi. Respon inilah yang dikatakan sebagai daya tindak. Penilaian dapat dibahagikan kepada dua; tekanan primer dan tekanan sekunder (R. Lazarus, 1993). Penilaian primer merupakan pertimbangan awal yang dipengaruhi oleh keyakinan individu bahawa masalah yang berlaku adalah satu bentuk tekanan. Tekanan sekunder pula adalah pertimbangan kedua selepas berlakunya penilaian primer. Ia melibatkan usaha-usaha individu mengawal dan mengubah situasi yang memberi tekanan kepada mereka.

**(iii) Pilihan Strategi Daya Tindak**

Pilihan strategi daya tindak berlaku apabila individu memilih dan menggunakan strategi yang dirasakan sesuai untuk bertindakbalas dengan tekanan yang dialaminya. Proses ini penting kerana individu berupaya memilih strategi yang terbaik bagi mengatasi tekanan. Lazimnya terdapat dua jenis strategi daya tindak (Macguire, 2012) yang dipilih oleh individu yang tertekan iaitu strategi daya tindak fokus-emosi dan strategi daya tindak fokus-masalah. Strategi ini akan dibincangkan dengan lebih mendalam di bahagian seterusnya.

**(iv) Kesan selepas daya tindak**

Proses terakhir adalah kesan selepas berdaya tindak. Strategi daya tindak yang dipilih mempunyai kesan jangka pendek dan kesan jangka panjang (R. Lazarus & Folkman, 1984). Sekiranya individu berjaya berdaya tindak dengan tekanan yang dialami, kesan jangka pendek yang mungkin dirasai oleh individu tersebut adalah perasaan positif seperti percaya kepada kemampuan dan keupayaan diri untuk mengatasi tekanan. Sebaliknya, jika strategi daya tindak yang dipilih gagal membantu untuk bertindakbalas dengan tekanan yang dialami, kesan jangka pendek yang dialaminya ialah perasaan negatif seperti kecewa dan rasa marah pada diri sendiri (Duclos et al., 2013).

Kesan jangka panjang sesuatu strategi daya tindak melibatkan kefungsian sosial individu. Sekiranya strategi yang dipilih berkesan dalam menangasi tekanan yang dilalui, individu akan merasa lebih bertanggungjawab dalam menguruskan kehidupannya. Mereka mampu untuk menjalankan tanggungjawab sosial yang lain seperti mendapatkan sokongan sosial (Correa et al., 2011). Walaubagaimanapun, sekiranya strategi daya tindak yang dipilih gagal dan kurang upaya untuk membantunya menangani isu yang sedang dihadapi, mereka akan cenderung untuk

memusnahkan daya kefungsian sosial mereka. Kegagalan ini memberikan impak negatif keatas kesejahteraan hidup diri mereka sendiri dan orang-orang yang signifikan dalam kehidupan mereka.

***Strategi daya tindak.*** Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, peringkat pemilihan strategi daya tindak boleh dikategorikan kepada dua jenis pilihan strategi iaitu Strategi Daya Tindak Fokus-Emosi dan Strategi Daya Tindak Fokus-Masalah.

*Strategi daya tindak fokus-emosi.* Strategi daya tindak fokus-emosi merupakan strategi daya tindak dalaman yang bermaksud emosi atau perasaan mempunyai kaitan dengan tekanan dan daya tindak (R. Lazarus, 1993; R. Lazarus & Folkman, 1984). Tekanan dan daya tindak ini saling bergantung dengan reaksi psiko-fisiologi. Reaksi psiko-fisiologi adalah tindak balas yang melibatkan penilaian kognitif, tindakan impuls dan pola reaksi somatik (Macguire, 2012). Macguire turut menerangkan bahawa penilaian kognitif dilihat sebagai persepsi individu terhadap situasi tekanan yang memberi kesan terhadap emosi seperti marah, sedih, takut dan kecewa. Tindakan impuls mula berlaku apabila individu mula membuat penilaian kognitif. Individu yang bertenaga akan lebih cenderung untuk bertindakbalas dengan tekanan yang dialami secara agresif. Perkara yang sebaliknya berlaku jika individu berpersonaliti lemah dan tidak bertenaga. Mereka akan bertindakbalas secara pasif. Hasil dari tindakan impuls ini dapat memberikan satu pola reaksi somatik iaitu perubahan fisiologi individu. Ini kerana, dalam sistem badan manusia, sistem somatik merupakan sistem yang membawa informasi kepada sistem saraf pusat iaitu otak dan tulang belakang untuk bertindakbalas dengan situasi yang berlaku.

Matlamat utama strategi daya tindak berfokus-emosi adalah untuk mengurangkan tekanan yang dialami (Cohen, Ferguson, Harms, Pooley, & Tomlinson,

2011; Macguire, 2012; Zablotsky et al., 2013). Lazarus dan Folkman telah mengkategorikan strategi daya tindak berfokus-emosi kepada enam jenis iaitu (i) sokongan sosial, (ii) kawalan diri, (iii) menjauhkan diri, (iv) penilaian semula positif, (v)penerimaan tanggungjawab, dan (vi) pengelakan.

**(i) Strategi sokongan sosial**

Lazarus dan Folkman (1984) mendefinisikan sokongan sosial sebagai bantuan emosi, material, dan informasi yang diberikan oleh individu, kumpulan sosial dan atau agensi sosial yang berada dalam linkungan individu. Tujuan utamanya adalah untuk mengawal tekanan yang berlaku. Strategi daya tindak sosial juga dilihat sebagai tindakan mendapatkan bantuan dari segi moral, simpati atau memahami (Nuriddin, 2007). Ketiga-tiga aspek sokongan ini dilihat saling berkait dengan daya tindak kerana sokongan sosial adalah interaksi individu dengan keluarga dan rakan-rakan bagi mengurangkan tekanan. Dalam proses ini, individu yang tertekan berusaha mendapatkan sokongan dari individu terdekat bagi memahami tekanan yang dialaminya. Walaubagaimanapun, terdapat satu kelemahan ketara dalam strategi ini; sokongan informasi yang ditawarkan. Individu yang mengalami tekanan kan menerima kesan negatif sekiranya maklumat yang diperoleh dari pemberi bantuan adalah tidak benar dan boleh diragui (R. Lazarus & Folkman, 1984).

**(ii) Strategi kawalan diri**

Kawalan diri turut dikenali sebagai regulasi-diri (Gailliot et al., 2007) kerana ia merupakan proses tindakbalas daripada situasi tertekan yang sedang berlaku kepada situasi yang boleh diubah (McCullough & Willoughby 2009). Bagi Galliot dan rakan-rakan (2007), strategi ini ditakrifkan sebagai keupayaan individu untuk mengawal sendiri tekanan yang berlaku dari segi pemikiran, emosi dan tingkahlaku. Kawalan diri

juga dilihat sebagai kemahiran daya tindak yang menggunakan kognitif dan dipraktikkan setiap hari sebagai langkah untuk mengatasi tekanan yang dihadapi (Hamama, Ronen, & Feigin, 2000).

**(iii) Strategi menjauhkan diri**

Strategi ini merupakan tindak balas untuk tidak memikirkan tekanan atau masalah yang berlaku (S. Folkman & Maskowitz, 2004; Radnitz & Tiersky, 2007)**.** Situasi ini dilihat sebagai masalah yang tidak boleh diubah. Ia membantu individu yang tertekan bergantung kepada situasi yang sedang dihadapi. Situasi ini merujuk kepada punca tekanan yang dihadapi (Yamada, Hagira, & Nobutomo, 2008).

**(iv) Strategi penilaian semula kognitif**

Strategi penilaian semula kognitif adalah reaksi kepada situasi yang berlaku dari sudut yang positif. Individu mampu melihat tekanan sebagai situasi yang boleh diatasi (Susan Folkman, 2010). Individu yang tertekan mempunyai keyakinan diri bahawa masalah yang dialami boleh diatasi dan masalah ini memberikan kekuatan untuk mereka terus berusaha menghadapi masalah.

**(v) Strategi penerimaan tanggungjawab**

Strategi penerimaan tanggungjawab ditakrifkan sebagai tindakbalas s dengan melihat situasi yang berlaku adalah diertanggungjawabkan. Ia bukanlah tanggungjawab orang lain tetapi tanggungjawab individu itu sendiri. Lazarus dan Folkman (1984) menamakan strategi ini sebagai strategi menyalahkan orang lain. Kesalahan diletakkan pada diri sendiri seperti menganggap kematian suami adalah berpunca dari diri sendiri kerana tidak menjaga kebajikan suami. Maka individu itu perlu menanggung sendiri akibat dari kesalahan yang dilakukan dan tidak melibatkan orang lain.

**(vi) Strategi pengelakan (*escaping-avoidance*)**

Strategi ini menjelaskan tentang individu yang melarikan diri dari tekanan atau masalah sebagai cara bertindak balas terhadap maslaah yang dialami. Individu akan mengelak dari berfikir tentang tekanan yang dialami dengan cara menyibukkan diri dengan kerja, mengambil alcohol atau pun pengambilan makanan dalam kuantiti yang berlebihan (Folkman, 2004).

***Strategi daya tindak fokus-masalah.*** Strategi daya tindak fokus masalah pula adalah teknik-teknik yang digunakan untuk mengubah tekanan dengan melihat situasi yang membawa kepada tekanan dan menilai bahawa tekanan itu boleh diubah. Ia dianggap sebagai strategi yang lebih adaptif kerana individu yang mempraktikkan strategi ini akan mengurus punca tekanan, bukan sekadar tertumpu kepada tekanan itu sahaja (Mohd Razali, 2010). Strategi ini boleh dikategorikan kepada dua strategi yang utama;(i) konfrantasi dan (ii) penyelesaian masalah terancang.

**(i) Konfrantasi**

Strategi konfrantasi adalah tindakbalas yang asertif dalam berhadapan dengan tekanan (R. Lazarus, 1993). Asertif yang dimaksudkan adalah tindakan proaktif dalam melakukan perubahan. Misalnya, bertindakbalas dengan situasi tekanan kewangan dengan cara melakukan pelbagai pekerjaan. Strategi ini dilihat berkesan hanya dalam situasi tertentu sahaja. Lazarus (1993) menyatakan bahawa strategi ini tidak memberikan hasil yang memuaskan dalam mengatasi tekanan. Ini kerana ia dikatakan berkesan dalam mengatasi masalah untuk jangka masa yang pendek sahaja serta dalam situasi yang tertentu sahaja (Radnitz & Tiersky, 2007).

**(ii) Strategi Penyelesaian Masalah Terancang**

Seterusnya, strategi masalah terancang adalah respon yang teratur bagi mengatasi situasi tertekan. Respon yang teratur ini berupaya memberi hasil yang memuaskan dalam tempoh jangka masa yang panjang (S. Folkman & Maskowitz, 2004). Ini kerana individu merancang terlebih dahulu respon-respon yang perlu diambil dengan mengambil kira positif dan negatif setiap tindakan. Hasil yang memuaskan akan dilihat sebagai kekuatan bagi strategi penyelesaian masalah terancang.

Secara ringkasnya, strategi daya tindak lazimnya menggunakan Model Daya Tindak oleh Lazarus dan Folkman (Schuster, Hammit, & Moore, 2003). Model ini menerangkan perkaitan antara punca tekanan, pilihan strategi daya tindak dan bagaimana strategi daya tindak dipilih dapat mempengaruhi kehidupan ibu tunggal. Model ini turut menjelaskan bahawa daya tindak bersifat dinamik, tidak hanya berfokus kepada isu yang sedang dihadapi tetapi juga pada peringkat tekanan yang perlu ditangani. Ia bukanlah bertindakbalas pada tekanan semata-mata. Ia juga dipengaruhi oleh bagaimana seseorang individu berfikir (penilaian kognitif) apabila berdepan dengan masalah. Penilaian kognitif ini seterusnya akan mempengaruhi emosi individu tersebut (R. Lazarus & Folkman, 1984).

Lazarus and Folkman (1984) juga melihat tekanan psikologi berkait rapat dengan persekitaran individu yang menyumbang kepada kesejahteraan mereka. Dua proses yang kritikal sebagai mediator kepada hubungan individu-persekitaran adalah (a) penilaian kognitif iaitu proses yang menentukan mengapa dan sejauhmana transaksi antara individu dan persekitaran memberi tekanan; dan (b) daya tindak, yang merujuk kepada proses bagaimana individu menguruskan transaksi individu-persekitaran dan emosi yang terhasil dari tekanan yang dihadapi.

Bagi ibu tunggal yang kematian suami, tekanan yang mereka hadapi ialah kematian suami. Faktor tekanan kepada ibu tunggal adalah menguruskan keluarga tanpa adanya suami disisi. Dalam model ini, tekanan yang timbul daripada pengalaman menjadi ibu tunggal adalah satu proses yang bergantung kepada faktor tekanan iaitu; cabaran yang dihadapi sepanjang bergelar ibu tunggal. Model Lazarus dan Folkman juga melihat kepada aspek persekitaran sosial yang mempunyai peranan dalam mempengaruhi tekanan. Sekiranya persekitaran ibu tunggal menyokong untuk ibu tunggal berdaya tindak, maka ibu tunggal akan lebih mudah untuk berdaya tindak dalam menguruskan kehidupannya. Sebaliknya, jika persekitaran tidak menyokong, maka ibu tunggal akan terus berada dalam situasi yang tertekan.

Kesimpulannya, Model Lazarus dan Folkman menyatakan individu akan memilih satu atau lebih dari satu strategi-strategi daya tindak yang telah dinyatakan di atas. Pemilihan strategi ini bergantung kepada sejauhmana individu dapat bertoleransi dengan persekitarannya. Individu kebiasaannya akan memilih apa sahaja strategi daya tindak yang pada pengamatan mereka boleh atau mampu mengurangkan tekanan yang dirasai. Sekiranya mereka gagal berdaya tindak, maka mereka akan melalui transaksi; kembali semula kepada penilaian primer. Ini bermakna mereka masih belum dapat berdaya tindak dengan baik dan tekanan yang masih lagi berlaku dikhuatiri akan menjadi lebih serius.

**Model Resiliensi, Penyesuaian dan Adaptasi Tekanan Keluarga (*Resiliensy Model of Family Stress, Adjustment and Adaptation*).** Daya tindak dalam keluarga banyak dibincangkan oleh Hamilton McCubbin, dimana keluarga tidak hanya memberi tindakbalas kepada tekanan yang dihadapi tetapi terlibat secara aktif dalam proses adaptasi kepada tekanan yang berlaku (Maguire, 2012). Tekanan keluarga ditakrifkan sebagai keadaan dimana ahli keluarga tidak dapat memenuhi atau

mengekalkan keseimbangan kefungsian keluarga seperti mana keadaan normal ahli keluarga tersebut berfungsi (McCubbin & Patterson, 1983). Apabila berlaku tekanan dalam sebuah keluarga, keluarga akan menjadi tidak tersusun – peranan, gaya dan norma yang menggambarkan keluarga mula terganggu (Nichols, 2010;Bitter, 2009). Keadaan ini membawa kepada konflik intra-keluarga dan ketegangan dalam ahli keluarga serta ketidakupayaan untuk bersatu sebagai ahli keluarga.

Model daya tindak keluarga McCubbin, Thompson dan McCubbin berfokus kepada fungsi institusi keluarga dalam melihat sesuatu situasi sebagai punca tekanan atau tindakbalas penyesuaian kepada punca tekanan itu sendiri (McCubbin & Patterson, 1983). Punca tekanan ini dilihat sebagai faktor yang merangsang tekanan itu berlaku. Tindakbalas penyesuaian pula merujuk kepada respons kepada punca tekanan dengan mengambil tindakan yang bersesuaian bagi mengatasi tekanan. Misalnya, tekanan kewangan berlaku dalam kehidupan ibu tunggal disebabkan oleh kebergantungan kepada hanya seorang sahaja penyara keluarga dalam membesarkan anak-anak. Ibu tunggal akan bekerja keras dengan melakukan pelbagai pekerjaan yang sesuai untuk memenuhi keperluan kewangan keluargnya.

Menurut model ini, tekanan yang dialami oleh individu berpunca dari keadaan keluarga dan/atau faktor luaran yang mempengaruhi kemampuan individu dan keluarganya untuk meneruskan kehidupan selepas kematian suami/ayah. Sebagai contoh, keengganan anak-anak untuk membantu dan memahami ibu mereka yang menjadi penyara tunggal keluarga boleh meyumbang kepada tekanan individu sekaligus membawa kepada ketidakharmonian keluarga. Ketidakharmonian keluarga turut menyumbang kepada punca utama tekanan individu. Ia boleh menggugat faktor-faktor pencetus tekanan seperti ketidacukupan wang, rumah yang tidak selesa dan masalah komunikasi (Nur Saadah, 2013). Secara tidak langsung, keadaan ini akan

menggangu kefungsian dan peranan setiap ahli keluarga. Situasi ini akan menjadi lebih kritikal jika tiada sistem sokongan yang sewajarnya (Robison, 2009).

Selain membincangkan kapasiti keluarga, model ini turut membincangkan kekuatan keluarga sebagai mekanisme daya tindak. Daya tindak dilihat dari sudut kemampuan kognitif dan tingklahlaku individu dan keluarga untuk menguruskan kekurangan keperluan yang berlaku dalam kalangan ahli keluarga menerusi asset dan kapasiti ahli keluarga itu sendiri melalui cara berinteraksi sesama ahli keluarga (Alianiello, 2005). Proses interaksi ini melibatkan kerjasama individu dengan setiap ahli keluarga yang bertujuan untuk memenuhi kekurangan keperluan yang dialami. Keperluan ini hanya dapat dipenuhi sekiranya individu atau setiap ahli keluarga bersedia mengalami beberapa perubahan bagi mencapai semula keharmonian dan keseimbangan dalam keluarga (Nichols, 2010; Goldenberg, 2008).

Kebolehan individu dan ahli keluarga untuk mengembalikan keseimbangan dan keharmonian keluarga adalah bergantung kepada kekuatan keluarga itu sendiri. Kajian Nur Saadah (2013) mendapati kekuatan keluarga adalah bergantung kepada sistem sokongan sesama ahli keluarga yang akhirnya membawa kepada tingkahlaku daya tindak. Kekuatan ini menentukan resiliensi sebuah keluarga. Resiliensi dalam model ini diterjemahkan sebagai kekuatan atau kemampuan keluarga untuk menyesuaikan dan beradaptasi secara positif ketika dalam keadaan krisis (Macguire, 2012). Macguire (2012) turut menegaskan keberjayaan dalam berdaya tindak menjadi indikator kepada tahap kesihatan mental dan fizikal ahli keluarga. Ahli keluarga yang berjaya berdaya tindak akan memberikan kesan yang positif kepada tahap kesihatan mental dan fizikal individu dan setiap ahli keluarganya.

Umumnya, model ini melihat tekanan dan daya tindak sebagai pengalaman dan cara ahli keluarga mengatasi masalah yang dialaminya (Corr et.al, 2009). Ia

melibatkan dua fasa utama dimana setiap fasa menggambarkan keupayaan keluarga untuk berdaya tindak dengan punca tekanan. Fasa pertama merupakan fasa penyesuaian, manakala fasa kedua pula merupakan fasa adaptasi. Dua elemen penting telah dikenalpasti dalam setiap fasa yang mempengaruhi tekanan dan amalan strategi daya tindak individu; krisis (tekanan) dan sumber yang terdapat di dalam atau sekitar keluarga.

Krisis ditakrifkan sebagai situasi yang memberikan rasa tidak selamat atau menghalang kebiasaan gaya bertindakbalas. Ia terhasil apabila keluarga tidak mempunyai sumber yang diperlukan untuk berdepan dengan punca tekanan. Mereka juga melihat situasi ini luar dari kebolehan mereka untuk berdaya tindak (Hilliker, 2011). Sumber keluarga pula merupakan sumber yang diperlukan untuk menangani krisis yang berlaku dan boleh dibahagikan kepada dua; dalaman dan luaran. Sumber keluarga dalaman adalah sumber yang membantu individu tertekan menyesuaikan diri dengan situasi krisis dari dalam keluarga itu sendiri. Ia merangkumi kerjasama dan kefahaman antara ahli keluarga, sokongan ahli keluarga dan kestabilan kewangan (Nur Saadah, 2013). Sumber keluarga luaran pula melibatkan sumber yang diperoleh luar dari lingkungan keluarga iaitu bantuan dan sokongan dari saudara mara, rakan-rakan, jiran tetangga dan organisasi tertentu(Sangsint, 2006;McCubbin, 1998). Kemampuan mencari dan menerima sokongan social daripada pelbagai sumber merupakan kunci kepada resiliensi keluarga (Winda, 2014;Walsch, 2006).

***Fasa Penyesuaian***. Penyesuaian ditakrifkan sebagai pengintegrasian semula individu tertekan bersama-sama ahli keluarga dengan menilai situasi krisis, memahami situasi yang berlaku dan meneroka impaknya keatas keluarga (Sangsint, 2006). Fasa penyesuaian pula melibatkan penilaian terhadap punca tekanan daripada sesebuah keluarga. Ia sangat berkait rapat dengan gaya kefungsian sesebuah keluarga. Keluarga

yang dididik untuk saling berinteraksi dan mempunyai hubungan yang rapat, lebih mudah menyesuaikan diri dengan krisis, manakala keluarga yang tidak mempunyai hubungan yang baik dengan sesama ahli keluarga akan bermasalah untuk menyesuaikan diri apabila keluarga mengalami krisis (Kosciulek, 2007).

Dalam konteks kajian ini misalnya, jika keluarga ibu tunggal mempunyai hubungan yang baik sebelum kematian suami/ayah, setiap ahli keluarga akan lebih mudah untuk bekerjasama dan memahami situasi ibu mereka. Mereka akan menganggap kematian ayah sebagai cabaran dan melakukan perubahan peranan dan tanggungjawab supaya dapat menyesuaikan krisis dengan baik. Sebaliknya, jika dari sebelum kematian suami/ayah tidak wujud interaksi yang sihat antara sesama ahli, maka mereka akan lebih sukar untuk menyesuaikan diri setelah kematian ayah/suami. Mereka beranggapan kematian sebagai satu bencana dan masalah besar.

Proses penyelesaian masalah dan daya tindak hanya akan berlaku setelah punca tekanan dinilai berdasarkan kepada bentuk dan sumber keluarga (McCubbin, 1983;Macguire, 2012). Proses ini berjaya apabila semua keperluan ahli keluarga dipenuhi dan dapat disesuaikan bagi membolehkan individu mendapat bentuk strategi daya tindak yang positif dari segi kemampuan, kekuatan dan sumber keluarga. Proses ini dipanggil sebagai dapat menyesuaikan (*bonadjustment*). Jika tidak berjaya, ini menunjukkan ahli keluarga tidak dapat menyesuaikan (*maladjustment*) dengan situasi krisis atau tersilap memilih strategi daya tindak yang kurang berkesan (McCubbin, 1983;Sangsint, 2006).

***Fasa Adaptasi***. McCubbin dan rakan-rakan (1983) menerangkan fasa adaptasi merupakan fasa apabila individu tertekan dan/atau keluarga tidak dapat menyesuaikan diri dengan situasi krisis yang berlaku (*maladjustment*). Adaptasi diterjemahkan

sebagai usaha ahli keluarga untuk memberikan keseimbangan dan keharmonian kepada keluarga (Goldenberg, 2008), yang tidak berkesan pada fasa penyesuaian (Kosciulek, 2007). Keseimbangan dan keharmonian yang tidak berkesan ini wujud daripada pertembungan pelbagai sumber keluarga terhadap punca tekanan. Keadaan ini menyebabkan situasi krisis terus berlaku.

Usaha ahli keluarga bagi menangani krisis yang berterusan ini adalah berdasarkan kepada bentuk keluarga. Pada fasa ini, bentuk keluarga merujuk kepada gaya keluarga yang dibentuk dari kekuatan keluarga (Kosciulek, 2007). Kekuatan ini diperoleh dari sumber dalam dan sekitar keluarga yang diyakini dapat memberi pengaruh kepada proses adaptasi. Kekuatan keluarga ini termasuklah sokongan emosi, material, tenaga dan keprihatinan (Walsch, 2006). Setelah kekuatan diperoleh, proses penyelesaian masalah dan daya tindak mula berlaku. Sekiranya daya tindak ini berjaya, ia dipanggil sebagai adaptasi positif (*bonadaptation*). Adaptasi negatif (*maladaptation*) pula akan berlaku sekiranya krisis masih lagi berterusan dan memerlukan bantuan dari professional. Secara grafiknya, penjelasan Model Resiliensi, Penyesuaian dan Adaptasi Tekanan Keluarga yang diasaskan oleh McCubbin, Thompson dan McCubbin mengenai tekanan dan amalan strategi daya tindak boleh diilustrasikan seperti Rajah 2.1.




**Rajah 2.1 Model Resiliensi, Penyesuaian dan Adaptasi Tekanan Keluarga yang diasaskan oleh McCubbin, Thompson dan McCubbin**

**Model Proses Dual dalam Berdaya Tindak Terhadap Kesedihan (*The Dual Process Model of Coping with Bereavement*).** Setelah meneliti Model Daya Tindak Lazarus dan Model Resiliensi, Penyesuaian dan Adaptasi Tekanan Keluarga yang diasaskan oleh McCubbin, Thompson dan McCubbin, penyelidik mendapati, terdapt Model yang lebih sesuai digunakan bagi memahami daya tindak dalam kalangan individu yang bersedih akibat kematian iaitu Model Proses Dual dalam Berdaya Tindak Terhadap Kesedihan, *The Dual Process Model of Coping with Bereavement* (DPM).

Model ini telah diketengahkan oleh Stroebe dan Schut (1999) sebagai penambahbaikan kepada model kesedihan yang sedia ada. Model ini memberi pemahaman yang spesifik kepada daya tindak bagi individu yang mengalami kesedihan akibat kematian. Daya tindak merujuk kepada proses, strategi, atau cara menguruskan situasi kehilangan yang dirasai (M.S. Stroebe & Schut, 2010). Daya tindak juga dilihat memberi impak kepada kesedihan. Jika daya tindak yang digunakan efektif, individu bukan sahaja merasakan bebannya berkurangnya, malah kesukaran mental dan fizikal individu akan bertambah baik, terutamanya selepas melalui fasa-fasa getir dan gawat (Margaret S. Stroebe et al., 2008).

Bekerja melalui kesedihan "*grief work*" merupakan idea asas yang mendasari pembinaan model ini. Ia merupakan integrasi dari fasa dan tugas yang telah digunapakai oleh model kesedihan yang sebelumnya (Bowlby, 1980; Bretherton, 1992; Parkes & Prigerson, 2010). *Grief work* ditakrifkan sebagai proses kognitif yang berkonfrantasi dengan realiti kematian yang terpaksa dilalui oleh individu yang ditinggalkan. Proses ini bermula dari sebelum dan semasa berlakunya kematian, serta berfokus kepada kenangan dan pemisahan dengan individu yang telah mati (Margaret S. Stroebe, Stroebe, & Hansson, 1993). Walaubagaimanapun, disebabkan limitasi

model-model kesedihan yang sebelumnya, Stroebe dan Schut (M.S. Stroebe & Schut, 1999) menjelaskan *grief work* sebagai proses dual. Proses dual ini melibatkan daya tindak osilasi tingkahlaku antara orientasi kehilangan (LO-*loss-oriented*) dan orientasi semula kehilangan (RO-*restoration-oriented*).

Daya tindak LO dicirikan sebagai daya tindak atau *grief work* yang berkait terus dengan proses kematian iaitu gangguan kesedihan, melepaskan atau meneruskan perhubungan yang telah tiada serta penafian untuk meneruskan kehidupan. Daya tindak RO pula merupakan adaptasi untuk melakukan perubahan yang bersesuaian dengan mengelakkan kesedihan, melakukan aktiviti-aktiviti, perubahan peranan, tanggungjawab dan hubungan selepas kematian. Proses berterusan antara LO dan RO adalah penting sebagai langkah permulaan untuk menghadapi kematian secara sihat terutamanya pada tahun-tahun awal kematian (M.S. Stroebe & Schut, 2010). Individu yang mempunyai daya tindak LO yang tinggi pada awalnnya, akan mempunyai daya tindak RO yang tinggi diakhirnya (Dunn, 2015). Osilasi proses dual DPM dapat digambarkan seperti Rajah 2.2.




*Rajah 2.2*. Proses Dual Daya Tindak Terhadap Kesedihan Berdasarkan Model DPM (1999).

Walaupun kedua-dua orientasi daya tindak LO dan RO menerangkan tentang potensi sumber tekanan  (M.S. Stroebe & Schut, 2010; Utz, Caserta, & Lund, 2012), proses dinamika daya tindak membantu dalam menerangkan tempoh dan tahap kesedihan yang dilalui oleh individu yang kematian suami. Sebagai contoh, ibu tunggal yang kematian suami pada peringkat awalnya akan berasa kesunyian, menangis dan menrintih serta mengalami tekanan perasaan yang hebat sehingga menjadi murung. Kebanyakan mereka mendapat kelegaan bersifat sementara dengan cara mengingati kenangan lalu bersama pasangan dan mengarahkannya kepada perubahan yang lebih baik untuk masa hadapan (Boelen & Prigerson, 2007; Neimeyer, 2011).

Folkman (1984) menegaskan, sekiranya individu yang sedang bersedih mampu untuk mencipta dan menerima kematian dengan berlapang dada serta meneruskan arah kehidupan yang lebih baik (transisi dengan melakukan daya tindak RO), mereka akan lebih mudah untuk menyesuaikan diri dengan cara yang positif. Perkembanagn positif ini membantu mereka untuk berkembang pasca kematian (Parkes & Prigerson, 2010). Walaubagaimanapun, dalam sistem daya tindak yang normatif, karakter personaliti tertentu dan konteks persekitaran kematian atau individu yang bersedih boleh menjadi goyah dan terganggu. Sebahagian dari gangguan ini berpunca dari normatif bukan semulajadi, masa, mahupun urutan peristiwa-peristiwa yang meningkatkan lagi tekanan kepada mereka dalam proses untuk berdaya tindak (Bennett, Gibbons, & Mackenzie-Smith, 2010).

Model DPM turut mencadangkan kebanyakan ibu tunggal menggunakan kedua-dua strategi daya tindak secara osilasi (Stroebe & Schut, 1999). Bennet, Hughes, dan Smith (2005) mendapati ibu tunggal yang lebih berusia akan masih bercerita tentang pasangan yang telah mati dan memilih strategi daya tindak yang lebih

sihat untuk meneruskan kehidupan mereka. Berpandukan kepada dinamika ini, Caserta dan Lund (2007) telah membina pentaksiran untuk mengukur impak kedua-dua orientasi daya tindak dalam kehidupan harian ibu tunggal. Hasilnya, dapatan (Benner et al, 2010; Utz et al, 2011) menunjukkan kebanyakan ibu tunggal lebih memfokuskan kepada daya tindak RO berbanding LO. RO yang digunakan merangkumi menguasai kemahiran-kemahiran baru, membuat keputusan, penjagaan peribadi, mengambil peranan dan tanggungjawab baru. Ortz (2013) mencadangkan, strategi daya tindak RO dan LO banyak membantu ibu tunggal yang dalam proses membuat keputusan kepada permasalahan yang kompleks dalam kehidupan.

## Sorotan Kajian Lepas

Sorotan kajian-kajian lepas membincangkan kajian-kajian yang telah dijalankan meliputi kajian berkaitan ibu tunggal, kesedihan dan daya tindak.

**Kajian lepas berkaitan ibu tunggal.** Kajian ibu tunggal pada peringkat awalnya lebih berfokus kepada delima ibu tunggal, yang melihat stigma masyarakat kepada ibu tunggal, kemiskinan dan keluarga yang bermasalah. Ibu tunggal dilabel sebagai pembawa kepada masalah sosial yang seterusnya membawa kepada krisis kesihatan mental (Albelda et al., 2004; Anderson, 2004; Anjli Panalal, 2005; Rohaty & Muhammad Rais, 1999; Thuaibah et al., 2004). Kajian Hamidah (Hamidah, 2006, 2008), Johari (2005) dan Diyana dan rakan-akan (2009) menumpukan kepada isu dan cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal. Mereka mendapati bahawa keluarga ibu tunggal dilabel sebagai keluarga bermasalah. Faktor penyumbang kepada masalah ini meliputi perubahan nilai, tanggungjawab komunikasi dengan anak, ekonomi, pengangguran dan urbanisasi. Persamaan kajian-kajian ini adalah melihat kepada permasalahan yang dialami oleh ibu tunggal semata-mata dan tidak memberikan sumbangan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi ibu tunggal.

Rentetan itu, kajian tentang bagaimana untuk membantu meningkatkan perkembangan ibu tunggal melalui latihan asertif dan tegas diri mula dilaksanakan (Hamdan, 2008; Hamdan & Ummi Habibah, 2008a, 2008b). Permasalahan ibu tunggal yang menyumbang kepada tekanan dan stress boleh diatasi melalui tingkahlaku yang asertif. Tindakbalas terhadap stress boleh mempamerkan ketidakpuasan diri dalam ketidakupayaan menerima kegagalan, kekecewaan, kepayahan, konsep kendiri yang negatif dan sentiasa mengaku kalah. Hamdan (2008) hanya memfokuskan kajiannya keatas ibu tunggal yang bekerja. Keadaan akan bertambah meruncing apabila ibu tunggal mempunyai anak lebih dari tiga orang dan tidak berpendapatan tetap. Hasil dari kajian ini, Hamdan (2008) mencadangkan agar kajian dari aspek pembolehubah yang lain perlu dijalankan terutamanya bagi meneroka bagaimana ibu tunggal berdaya tindak dengan tekanan berstatus ibu tunggal.

Sebelum itu, Madihah (2003) telah pun mengkaji stress, masalah dan daya tindak dalam kalangan ibu tunggal. Kajian yang menggunakan kaedah campuran ini melibatkan kedua-dua ibu dan bapa tunggal. Perbezaan kemahiran mengendalikan masalah dalam kalangan ibu dan bapa tunggal telah membawa kepada cadangan penambahbaikan untuk keluarga tunggal. Penambahbaikan ini merangkumi program pendidikan keluarga, pendidikan agama, penubuhan pusat perniagaan komuniti dan keperluan kepada kaunseling. Memandangkan ekonomi keluarga turut menyumbang kepada tekanan keluarga tunggal, Thuaibah (2004), Jamsari (2010) dan Noraini dan Selvaratnam (2012) telah pun menjalankan kajian yang membantu meningkatkan ekonomi keluarga ibu tunggal. Mereka mencadangkan penerapan nilai-nilai keusahawanan dalam diri ibu tunggal sebagai langkah untuk membantu penjanaan kewangan keluarga ibu tunggal.

Trend kajian ibu tunggal memberi sudut pandang yang berbeza dalam tempoh enam tahun kebelakangan ini. Pengkaji (Ahmad & Ismail, 2010; Djudiyah & Yuniardi, 2011; Dziak et al., 2010; Kusumastuti 2014; Lashley & Giannoni, 2010; Nabila Farhana & Fadzli, 2015; Nurliza, 2013; Rousou et al., 2013) mula berminat untuk melihat bagaimana ibu tunggal boleh dibantu bagi meneruskan kelangsungan kehidupan mereka. Kajian-kajian ini merupakan kajian yang melibatkan semua kategori ibu tunggal, tidak berfokus kepada ibu tunggal kematian suami. Dapatan kajian mereka menunjukkan kualiti hidup ibu tunggal yang rendah sangat memerlukan kepada sistem sokongan yang kuat dan keperluan dalam penghayatan agama dalam kehidupan.

Dari perspektif Terapi Feminis, aplikasi terapi ini bagi memahami kelompok ibu tunggal sebenarnya masih baru dan sedang berkembang (Israeli & Santor, 2000). Ramai pengkaji cuba untuk mengenengahkan isu yang dihadapi oleh ibu tunggal menggunakan teori ini (Eagly et al., in press; K. E. Feldman, 2010; Goodman et al., 2007; Hegney et al., 2007; Malone, 2000; Pearce, 2000). Persamaan yang signifikan antara pengkaji ialah ibu tunggal merupakan kumpulan individu yang pelbagai yang boleh dibantu untuk bangkit dari kekecewaan silam dan meneruskan kehidupan seperti biasa. Kajian oleh Eagly dan rakan-rakan (in press) misalnya, memberi fokus kepada perkembangan Terapi Feminis, dimana tumpuan adalah kepada pembangunan Teori Feminis sepanjang zaman. Kertas konsep ini memberikan pembaca idea-idea baru dalam menggunakan pendekatan Feminis dalam penyelidikan. Sebagai contoh, dari aspek seorang ibu tunggal, ia boleh dilihat dari segi kesaksamaan gender. Mereka mampu memikul tanggungjawab dan peranan sebagai seorang bapa, walaupun tanpa kehadiran seorang suami dalam hidup mereka. Ini membuktikan bahawa ibu-ibu tunggal tidak boleh dipersalahkan dan ditindas sewenang-wenangnya kerana mereka

membawa peranan dan tanggungjawab yang besar dalam kehidupan mereka selepas ketiadaan suami.

Sasaran utama gerakan feminisme adalah untuk menggambarkan pengalaman wanita tanpa menghakimi atau melabel tingkah laku seseorang (K. E. Feldman, 2010). Mereka menghargai kepelbagaian keluarga yang wujud dan feminisme adalah salah satu pendekatan terbaik untuk menerokai kepelbagaian keluarga. Tambahan pula, Feldman (2010) juga menyatakan bahawa penggunaan teori feminis dalam penyelidikan membantu penyelidik untuk menambah ilmu mengenai pengalaman wanita tanpa membuat andaian tentang bagaimana mereka melihat dan memahami ibu tunggal. Ini bertepatan dengan keperluan kajian ini, di mana penyelidik ingin melihat pengalaman ibu-ibu tunggal dari pandangan fenomenologi. Melalui pemahaman ini, penyelidik membolehkan ibu tunggal untuk memahami dunia mereka sendiri tanpa sebarang prejudis terhadap ibu tunggal.

Menurut Goodman dan rakan penyelidikannya (2007), teori feminis boleh digunakan dalam amalan bermasyarakat. Mereka membangunkan projek ROAD (Reaching Out About Depression) melalui kumpulan berfokus untuk membantu ibu tunggal mendapatkan sokongan antara satu sama lain. Mereka percaya bahawa ibu tunggal memerlukan rakan sebaya sebagai sistem sokongan untuk menstabilkan diri. Projek ROAD juga menekankan kepada tiga kuasa utama; a) kuasa psikologi individu, b) memperkasakan sosio-politik dan c) pemberian kuasa kolektif. Ketiga-tiga pemerkasaan ini membantu ibu tunggal untuk mengenal pasti keperluan mereka yang seterusnya dapat meningkatkan kekuatan dalaman mereka. Meningkatkan kekuatan dalaman adalah penting kerana ia adalah langkah awal untuk menggalakkan golongan ibu tunggal untuk menjadi individu yang berdaya tahan dan boleh berdaya tindak untuk meneruskan kelangsungan kehidupan.

Kajian yang menggunakan pendekatan Feminis juga telah dilakukan kepada ibu tunggal yang menghadapi dilema kerja dan masalah kebajikan (Pearce, 2000). Para penyelidik telah cuba untuk mengenengahkan isu-isu ibu tunggal memperjuangkan nasib mereka kepada nasib yang lebih baik. Penegasan isu ini merupakan isu yang serius mengenai ibu tunggal yang perlu dibangkitkan kerana ibu tunggal mungkin tidak tahu apakah kebaikan dan keburukan pembaharuan kebajikan untuk kehidupan mereka. Maklumat yang tidak mencukupi boleh membuat mereka merasa dipencilkan. Ini mungkin keadaan yang sukar bagi mereka untuk mencari strategi daya tindak yang bersesuaian untuk bangkit semula dari masa lalu dan bergerak maju ke hadapan.

**Kajian lepas berkaitan kematian dan kesedihan.** Bonnar (2004) mendapati kajian berkenaan wanita yang kematian pasangan masih belum diteroka sepenuhnya. Salah satu sebab mengapa kematian memberi impak yang besar kepada pasangan yang tinggal adalah kerana berlakunya perubahan struktur kehidupan (Calderwood, 2011). Pasangan yang tinggal akan melalui fasa bersedih sebagai satu transisi untuk tranformasi kehidupan yang lebih baik. Kajian Carnelley (2006) dan Holland dan Neimeyer (2010) mendapati bahawa tempoh kematian pasangan mempengaruhi tahap kefungsian pasangan yang tinggal. Mereka telah mengkaji bagaimana tempoh kematian pasangan memberi pengaruh kepada proses penyesuaian diri. Sampel kajian melibatkan wanita yang telah kematian suami dari enam bulan sehingga enam puluh empat tahun. Dapatan menunjukkan pasangan yang tinggal masih lagi memikirkan dan merasai kehilangan walaupun telah melalui kematian suami lebih dari 15 tahun.

Jakoby (2012), Carr (2012) dan McKiernan, Spreadbury, Carr dan Waller (2013) pula mengkaji kesan kematian normatif dan tidak normatif kepada pasangan yang tinggal. Kematian normatif merujuk kepada kematian yang telah pun dijangkakan dan berlaku secara semulajadi. Manakala kematian bukan normatif

merupakan kematian yang berlaku secara tiba-tiba seperti kematian akibat kemalangan, bencana alam dan bertugas dalam peperangan. Chan dan Chan (2011) mencadangkan kematian secara semulajadi lebih mudah diterima berbanding kematian secara mengejut. Dapatan kajian Keesee, Currier dan Neimeyer (2008) menunjukkan kematian secara mengejut (bukan normatif) memberi kesan yang lebih trauma kepada pasangan yang tinggal berbanding kematian normatif. Kematian mengejut memberikan cabaran psikologi kerana berlakunya perasaan terkejut, rasa tidak percaya, rasa ketakutan yang melampau dan perasaan yang bercampur baur untuk meneruskan tanggungjawab pasangan yang telah mati. McKiernan dan rakan-rakan (2013) juga mendapati, walaupun kematian yang dijangkakan turut menunjukkan simptom ketidaksungsian sosial selepas kematian pasangan, kematian secara mengejut memberikan impak yang lebih besar lagi. Individu ini sangat menderita sehingga membawa kepada idea untuk membunuh diri. Kebiasaannya pemikiran sebegini berlaku di peringkat awal kematian.

Impak kesedihan hanya akan berkurangan apabila pasangan yang tinggal mula mencari makna kepada kematian pasangan mereka (Bennett & Victor, 2012; Boyraz, Horne, & Sayger, 2010; Carnelley et al., 2006; Chan & Chan, 2011; Holland, Futterman, Thompson, Moran, & Gallagher-Thompson, 2013; Jeon, Jang, Kim, & Cho, 2013; Keesee et al., 2008). Kesukaran untuk menerima hakikat kematian pasangan menyebabkan pasangan yang tinggal mengalami kesedihan yang berpanjangan. Secara normalnya, pasangan yang tinggal akan mula memberi makna kepada sebuah kematian setelah enam ke lapan belas bulan kematian pasangan. Carnelley (2006) mendapati, memberi makna adalah lebih mudah sekiranya kematian itu dijangkakan. Boyraz dan rakan-rakan (2010) dan Bennett dan rakan-rakan (2012) bersepakat dalam membuat kesimpulan kajian mereka dimana pasangan yang tinggal

yang berkeupayaan untuk memberi makna kepada kematian mampu untuk melakukan penyesuaian yang boleh menggalakkan berlakunya proses daya tindak. Kematian membantu pasangan yang tinggal mempelajari kemahiran-kemahiran baru yang membawa kepada perubahan positif terutamanya dalam tempoh 1 ke 15 tahun selepas kematian. Memberi makna turut membantu pasangan yang tinggal menjadi lebih kuat dan yakin untuk bangkit semula dari kekecewaan.

Dapatan Chan dan Chan (2011) menunjukkan perbezaan dari dapatan kajian lain. Kajiannya yang melihat kepada kesedihan wanita China yang berusia yang telah kematian suami mendapati, penerimaan kepada kematian merupakan proses yang terakhir yang hanya berlaku selepas berdaya tindak. Daya tindak akan membawa kepada pencarian makna sebenar kematian. Apabila balu wanita dapat memberi makna kepada kematian suaminya, membawa maksud mereka telah menerima kematian pasangan hidup mereka.

Jeon dan rakan-rakan (2013) pula telah mengkaji kajian pasangan yang kematian suami atau isteri dengan melihat kepada perbezaan gender dan hubungannya dengan ikatan kekeluargaan. Bagi masyarakat Korea, ibu atau bapa yang kematian pasangan lazimnya akan tinggal bersama dengan anak-anak mereka. Mereka memilih untuk tidak berkahwin semula bagi mengelakkan tekanan perasaan. Pada masa yang sama, sebagai membalas jasa baik anak yang sanggup menjaga mereka, mereka perlu memikirkan tanggungjawab menjaga cucu. Sekiranya mereka mempunyai hubungan yang baik dengan anak-anak, masalah gangguan emosi tidak akan berlaku. Perkara sebaliknya akan berlaku jika mereka mempunyai hubungan yang tidak baik dengan anak-anak. Mereka akan mengalami gangguan emosi sehingga membawa kepada kemurungan.

Di Malaysia, kajian tentang kesedihan masih tidak banyak dan perlu dipertingkatkan lagi (Haniza, 2007). Menurut Haniza (2007) dalam kajiannya tentang kematian ahli keluarga masyarakat Melayu, selepas kematian ahli keluarga, kebiasaan isu yang timbul ialah peranan dan hubungan antara ahli keluarga yang masih tinggal. Perkahwinan semula ibu atau bapa yang kematian pasangan akan menambahkan kesedihan pada anak-anak. Kajian Amran (2014) pula melihat pengaruh kehibaan terhadap kesejahteraan psikologi dalam keluarga mangsa di Malaysia. Kajian kes ini melihat dua kes kehibaan yang mempengaruhi kesejahteraan iaitu kes kehibaan normal dan kehibaan rumit. Kedua-dua kajian Haniza (2007) dan Amran (2014) tidak menyentuh kesedihan dalam kalangan ibu tunggal secara spesifik. Kajian mereka lebih menjurus kepada keluarga secara umum.

Kajian-kajian sedia ada berkaitan kematian pasangan banyaknya bersumberkan kepada kajian luar negara. Pengkaji mengkaji wanita yang kematian pasangan secara spesifik, tetapi tidak di Malaysia. Di Malaysia kajian bertumpu kepada ibu tunggal dari setiap kategori, tidak hanya kepada ibu tunggal yang kematian pasangan. Oleh itu meneroka pengalaman ibu tunggal yang kematian pasangan adalah relevan kerana dapat menambah kekurangan sorotan literatur kajian dalam negara.

**Kajian lepas berkaitan strategi daya tindak.** Strategi daya tindak semakin relevan untuk dibahaskan kerana ia merupakan aliran baru dalam perkembangan psikologi positif (Salhah et al., 2011). Salhah dan rakan-rakan (2011) telah mengambil inisitiatif untuk membina instrumen strategi daya tindak dalam versi Bahasa Melayu. Hasil perbincangan mencadangkan agar mempertimbangkan kajian kualitatif yang berkaitan dengan strategi daya tindak sebagai langkah untuk lebih memahami strategi daya tindak. Kajian strategi daya tindak telah pun dijalankan oleh penyelidik dari dalam dan luar negara (Astri & Rudi, 2014; Bullare & Rathakrishnan, 2009;

Khosravan, Salehi, Ahmadi, Sharif, & Zamani, 2010; Norazani, Dharatun Nissa, Nurul ‘Ain, Fauziah, & Hapsah, 2015; Nur Saadah, 2013; Nur Saadah & Hilwa, 2015; Salina, Fauziah, Suzana, & Zaizul, 2012; Surianti, 2011; Trute, Benzies, & Worthington, 2012; Tsai, Plummer, Kanter, Newring, & Kohlenberg, 2010; Winda, 2014). Dapatan kajian mereka menunjukkan strategi daya tindak yang diaplikasikan dalam berdepan dengan isu dan cabaran kehidupan termasuklah penghayatan agama, sokongan sosial, penyesuaian emosi dan kognitif, membuat pendedahan kendiri dan juga keterlibatan dengan aktiviti sukarelawan.

Bullare dan rakan-rakan (2009), Surianti (2011), serta Salina dan rakan-rakan (2012), telah mengkaji strategi daya tindak dalam kalangan remaja. Kajian mereka menyimpulkan bahawa strategi daya tindak yang bersesuaian dalam membantu kelompok remaja berdepan dengan cabaran mereka adalah melalui strategi penyelesaian masalah, kerohanian dan sokongan sosial. Strategi ini bergantung kepada sumber tekanan yang dihadapi. Sharifah Nazirah (2012) menekankan dalam dapatannya, konsep redha, menangis, dan bermonolog membantu remaja perempuan yang kematian ayah untuk berdaya tindak dan menjadi pelajar yang cemerlang. Norazani dan rakan-rakan (2015) telah mengkaji strategi daya tindak dalam kalangan kaunselor yang berdepan dengan kematian orang yang signifikan dalam kehidupan. Pengkaji mendapati bahawa kaunselor berdaya tindak melalui pembangunan kendiri, dan peningkatan profesionalisme. Antara strategi yang diaplikasikan termasuklah penghayatan agama, berkongsi rasa dan perasaan dengan individu yang boleh dipercayai, membaca buku, menangis, serta aplikasi teknik kemahiran kaunseling.

Bagi Haniza (2007), beliau mendapati wujudnya keunikan dalam masyarakat Melayu berdaya tindak apabila wujudnya ahli keluarga yang mengalami kematian. Tiga tema utama yang muncul dari kajiannya adalah tindakbalas universal, tindakbalas

spiritual dan tindakbalas spesifik etnik. Tindakbalas universal adalah melalui tangisan. Oleh itu menangis diterima sebagai reaksi tipikal masyarakat Melayu apabila berlakunya kematian. Walaubagaimanapun, kesedaran tentang agama Islam membuatkan mereka menangis berpada-pada kerana Islam tidak menggalakkan meratapi kematian. Berbeza dengan kajian Saadah (2013; 2015) yang telah mengkaji strategi daya tindak dalam kalangan penjaga tidak formal. Pengkaji mendapati, penjaga tidak formal memerlukan sistem sokongan yang kuat sebagai cara untuk mereka berdaya tindak. Sistem sokongan ini merangkumi sokongan dari keluarga dan badan-badan yang bertanggungjawab.

Kajian strategi daya tindak dalam kalangan ibu tunggal (Siti Rafiah & Sakinah, 2013) keatas ibu tunggal telah pun dilaksanakan. Kriteria sampel kajian merupakan ibu tunggal yang bercerai atau kematian suami dan mestilah bekerja. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menekankan kepada kepentingan sistem sokongan sosial bagi wanita yang bekerja. Tema yang muncul sebagai strategi daya tindak yang digunakan oleh ibu tunggal yang bekerja ialah strategi daya tindak kreatif dimana ibu tunggal yang bekerja perlu seimbangkan peranan sebagai ibu dan pekerja, memberi keutamaan tugas serta boleh menguruskan masa. Winda (2014) turut melihat sistem sokongan kepada ibu tunggal yang bekerja. Ibu tunggal yang bekerja mamapu untuk berdaya tindak sekiranya mempunyai personaliti yang terbuka dan bertanggungjawab.

Kajian Astri dan Rudi (2014) telah menjalankan kajian strategi daya tindak keatas ibu tunggal yang kematian suami di Indonesia. Kajian ini menggunakan rekabentuk kualitatif dengan pendekatan kajian kes keatas dua orang ibu tunggal yang beragama Kristian. Hasil kajian menunjukkan ibu tunggal kematian suami memilih untuk mendekatkan diri kepada Tuhan dalam proses berdaya tindak. Kedua-dua ibu

tunggal juga merasakan sokongan dari rakan gereja membantu mereka untuk berdaya tindak. Pengkaji juga mencadangkan supaya lebih banyak kajian daya tindak dalam kalangan ibu tunggal diketengahkan supaya dapat menambah literatur sedia ada.

Kebanyakan kajian strategi daya tindak bersetuju penghayatan agama sebagai strategi daya tindak yang dapat membantu mengurangkan tekanan (Haniza, 2007; D. M. Kelley, 2012; M. M. Kelley & Chan, 2012; Muselman & Wiggins, 2012; Pargament & Abu Raiya, 2007; Sharifah Nazirah, 2012). Elemen kerohanian dan spiritual mampu memberikan kesan yang mendalam dalam mencari makna kehidupan yang sebenar. Mereka beranggapan penghayatan agama sebagai simbolik kepada pertautan mereka dengan Tuhan. Semakin kuat pertautan dengan Tuhan semakin beroleh ketenangan dan mampu meneruskan kehidupan seperti sediakala.

Leseho dan Maxwell (2010) melihat penghayatan spiritual dari sudut pandang yang lebih sensitif dan artistik. Mereka mendapati hubungan spiritual berkait rapat dengan jiwa dan raga. Hubungan jiwa dan raga ini diterjemahkan melalui tarian. Tarian bukan sekadar meningkatkan daya tahan. Menjiwai pergerakan badan dilihat sebagai elemen spiritual yang boleh menghubungkan mereka terus dengan Pencipta. Kaminer (2006) pula mendapati penceritaan secara naratif menjadi bahagian penting dalam berdaya tindak. Individu boleh melakukan kartasis emosi dengan penggunaan bahasa yang teratur supaya dapat pulih dari gangguan emosi. Mullet, Akerson dan Turman (2013) menyokong dapatan Kaminer (2006) tetapi dalam konteks yang berbeza. Mereka melihat bagaimana pertautan memberi kesan dalam penceritaan semula masalah sebagai kaedah berdaya tindak. Mekanisme ini lebih memberi makna kepada permasalahan yang sedang dihadapi.

Kelley (2012) mendapati penghayatan agama sebagai strategi daya tindak masih belum mencukupi untuk membantu ibu tunggal yang kematian pasangan.

Pasangan yang tinggal ini sangat memerlukan sokongan sosial bagi meneruskan kehidupan mereka. Sokongan sosial ditakrifkan sebagai linkungan atau capaian dimana individu boleh mendapat perhatian, kasih sayang dari insan lain seperti keluarga, saudara mara, sahabat yang membantu dari segi perlaksaan tugasan harian (Schrag & Tieszen, 2014). Sokongan sosial ini dapat membantu amalan gaya hidup yang sihat dan positif walupun dalam situasi yang menekan (Guillory et al., 2014).

Bagi situasi yang dialami oleh ibu tunggal kematian suami, beberapa pengkaji telah mencadangkan sistem sokongan yang mungkin dapat membantu kelompok ini sebagai strategi daya tindak sokongan sosial (S. Clark & Hamplová, 2013; Correa et al., 2011; Grossman et al., 2009; Guillory et al., 2014; Lashley & Giannoni, 2010; Schrag & Tieszen, 2014). Mereka mencadangkan ibu tunggal perlu mendapatkan sokongan sosial sebagai langkah mengurangkan bebanan yang dipikul. Mereka bukan sahaja dapat mengurangkan beban yang dipikul, malah mereka boleh belajar serta mengaplikasikan apa yang dipelajari dari sistem sokongan yang mereka ada. Sistem sokongan sosial ini tidak hanya tertumpu pada keluarga dan rakan semata, malah komuniti sangat memainkan peranan penting sebagai pemberi semangat kepada ibu–ibu tunggal (L. Clark, 2001). Grossman dan rakan-rakan (2009) menyarankan sokongan sosial ini penting kerana melalui sistem sokongan inilah ibu tunggal boleh menyesuaikan diri mereka dengan suasana kehidupan yang lain dari sebelumnya.

Dalam konteks Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (2014) telah membangunkan sistem sokongan secara berkelompok kepada ibu–ibu tunggal. Beberapa program yang berkapasiti besar juga dilancar di seluruh negara bagi membantu ibu tunggal menjalani kehidupan dengan lebih baik. Antara program yang dilancarkan oleh pihak kerajaan adalah Program Jejari Bestari Dan Inspirasi Kreatif yang diadakan berdasarkan kawasan parlimen dengan penekanan

lebih kepada aktiviti jahitan, pembuatan aksesori dan sulaman; Program Bersama Wanita Orang Asli; Projek Tanaman Bunga Melur di mana program tani niaga ini menyediakan bunga melur bagi industri teh herba; Program '*small office-home office*' yang membolehkan wanita mempelajari kemahiran selama tiga bulan dan mereka berpeluang untuk bekerja sendiri di rumah tanpa kekangan masa; Program '*home managers*' yang menerapkan dan mengajar wanita tentang semua teknik dan cara menguruskan rumah dengan baik serta profesional; dan pelbagai program lain lagi yang tentunya membawa manfaat kepada wanita khasnya ibu tunggal. Penyusunan pelbagai program oleh pihak kerajaan dan pihak-pihak lain yang peka terhadap isu kemiskinan di kalangan ibu tunggal amatlah perlu.

Sistem sokongan ini kebanyakannya berbentuk program yang membolehkan ibu tunggal untuk menaiktarafkan kehidupan mereka. Rata-rata matlamatnya adalah sama iaitu bagi membasmi kemiskinan dan melengkapkan ibu tunggal dengan pelbagai kemahiran supaya mereka mampu berdikari untuk kelangsungan hidup. Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) dan Program Inkubator Keusahawanan Wanita memberi tumpuan latihan kemahiran seperti bidang jahitan, terapi kecantikan dan penghasilan kraf tangan serta kemahiran insaniah seperti komunikasi, keterampilan dan asas keusahawanan kepada ibu tunggal. Hasil pemantauan yang dijalankan dari tahun 2010 hingga 31 Disember 2013, seramai 2,074 orang ibu tunggal telah bergelar usahawan dan berjaya meningkatkan pendapatan sebanyak 50 peratus daripada pendapatan asal setelah mengikuti program ini.

Program Jejari Bestari pula membekalkan peserta dengan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang jahitan atau kraftangan yang boleh dikomersialkan. Sehingga bulan Disember 2013, seramai 49 , 987 orang wanita termasuk ibu

tunggal dengan jumlah peruntukan RM6, 153,458 telah menyertai program ini . Program ini bertujuan menggalakkan penyertaan wanita dan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan, manakala Program Kraf Kreatif pula bertujuan menyediakan latihan kemahiran khusus dalam bidang kraf tangan kepada wanita yang berpendapatan rendah. 41 ,493 orang wanita termasuk ibu tunggal telah menyertai dan mendapat manafaat daripada program ini.

Selain dari itu, Bantuan Geran Pelancaran turut diberikan kepada penerima bantuan yang layak dalam kalangan ibu tunggal bagi memulakan projek atau aktiviti ekonomi agar mereka dapat berdikari dan seterusnya keluar daripada kepompong kemiskinan. Dana ini diberikan secara one-off sebanyak RM2, 700.00 bagi setiap penerima. Menerusi program ini, dapat disimpulkan bahawa di Malaysia sistem sokongan yang diberikan lebih kepada membantu ibu tunggal dari aspek keusahawanan supaya ibu tunggal mempunyai pendapatan sendiri untuk menguruskan keluarga.

Setelah dibuat penelitian khusus, sistem sokongan untuk ibu tunggal wujud dalam pelbagai bentuk. Di luar negara kebanyakan sistem sokongan lebih tertumpu kepada perkembangan dari aspek psikologi. Berbeza dengan sistem sokongan yang diberikan di Malaysia. Di Malaysia sistem sokongan lebih kepada meningkatkan taraf hidup ibu tunggal dari aspek fizikal terutamanya ekonomi keluarga ibu tunggal.

Pendapat yang lain mencadangkan strategi daya tindak juga boleh diaplikasikan melalui pendedahan kendiri. Kajian Tsai dan rakan-rakan (2010) melihat pendedahan kendiri berdepan dengan kematian dapat membantu pasangan yang tinggal untuk lebih berdaya tindak. Apabila melakukan pendedahan kendiri, individu tersebut sudah bersedia untuk bercerita tentang pengalamannya. Pengalaman ini merupakan elemen psikologi positif yang membantu individu untuk berdaya tindak.

Johnson (2013) juga melihat pengalaman sebagai satu proses berdaya tindak. Pengalaman melibatkan diri secara aktif dengan aktiviti sukarelawan mampu membantu pasangan yang tinggal mengurangkan tekanan dan mampu untuk berdaya tindak. Menjadi sukarelawan tidak sepenuhnya menghilangkan rasa kesunyian akibat kematian, tetapi sekurang-kurangnya dapat meningkatkan kemahiran sosial dalam kalangan pasangan yang tinggal dengan masyarakat setempat.

Seperti mana yang dicadangkan oleh Feldman dan Byles (2000), kesihatan, kehidupan sosial dan kewangan merupakan isu yang dialami oleh balu di Australia. Isu-isu ini memberi kesan jangka pendek dan kesan jangka panjang yang mempengaruhi kesihatan dan kesejahteraan balu. Hasil kajiannya mendapati balu yang mengalami isu ini memilih empat strategi daya tindak utama iaitu kebebasan dari tanggungjawab, sokongan sosial, keperluan untuk membezakan diri dan hubungan mengmbil berat (*caring relationship*).

Hasil sorotan literatur mendapati pelbagai strategi daya tindak telah diaplikasikan dalam pelbagai seting dan situasi yang berbeza. Aplikasi strategi daya tindak bergantung kepada keperluan dan keutamaan individu. Individu memilih untuk berdaya tindak supaya dapat memperkasakan diri sendiri dan melalui kehidupan yang baru. Oleh itu, dalam konteks kajian ini, penyelidik mengkaji strategi daya tindak yang sesuai digunakan apabila ibu tunggal berdepan dengan kematian suami.

**Rumusan**

Bab ini telah membincangkan dengan terperinci setiap elemen yang muncul dalam kajian; ibu tunggal, teori yang berkaitan dan strategi daya tindak. Kesemua elemen kajian ini dikaitkan dengan kajian lepas dan bagaimana boleh diaplikasikan dalam kajian penyelidik. Pengetahuan kajian lepas secara teori dan praktikal

memberikan keyakinan kepada penyelidik dimana kajian ini akan mempertingkatkan dan memperkasakan literatur pengalaman ibu tunggal.

# Bab 3 Metodologi Kajian

## Pengenalan

Bab ini mengilustrasikan metodologi kajian yang digunakan dalam perlaksanaan kajian. Penyelidik akan menerangkan dan membincangkan dengan terperinci perkara-perkara yang berikut: (a) Rasional rekabentuk pendekatan kajian, (b) Persampelan kajian, (c) Kaedah pengumpulan data, (d) Proses analisis dan sintesis data, (e) Pertimbangan etika (f) Isu kesahan dan kebolehpercayaan serta (g) Limitasi kajian.

## Rasional Rekabentuk Kajian Kualitatif

Kajian kualitatif adalah berasaskan kepada falsafah konstruktivis, dimana penumpuan diberikan kepada bagaimana sosiobudaya yang kompleks dilalui, diterjemah dan difahami dalam konteks tertentu pada waktu yang tertentu (Blomberg & Volpe, 2008). Kajian kualitatif cenderung untuk menzahirkan masalah kajian yang melibatkan penerokaan dimana hanya segelintir sahaja yang tahu dan benar-benar memahami tentang masalah dan fenomena yang berlaku (Creswell, 2008; Johnson & Christensen, 2008). Tumpuan adalah kepada penemuan dan penerangan terperinci. Oleh itu objektif kajian kualitatif umumnya memberi fokus kepada mengekstrak dan menginterpretasi makna sebuah pengalaman (Denzin & Lincoln, 2003; S.B Merriam, 1998). Kriteria-kriteria yang terkandung dalam pendekatan kualitatif ini bertepatan dengan kajian yang dilaksanakan oleh penyelidik. Kriteria ini termasuklah;

a) memahami proses kejadian dan tindakan yang terlibat, dimana peserta kajian yang kematian suami sahaja yang mampu menzahirkan, menterjemah dan memahami fenomena yang yang telah mereka alami,

b) memahami perkembangan sesuatu perkara dengan melihat proses peserta kajian berdaya tindak dalam berhadapan dengan situasi mencabar yang dialami sepanjang bergelar ibu tunggal,
c) memudahkan interaktiviti antara peserta kajian dan penyelidik dengan meneroka pengalaman peserta kajian yang kematian suami dalam konteks pemahaman mereka sendiri, serta
d) mengekalkan kefleksibelan rekabentuk kajian kerana setiap yang dikongsikan dalam penceritaan mereka merupakan ekstrak dan intepretasi dari peserta kajian sendiri.

Dalam rangka pendekatan kualitatif, fenomelogi adalah rekabentuk yang paling bersesuaian dengan kajian ini. Tujuan utama fenomenologi adalah untuk meneroka makna pengalaman kehidupan seseorang sepertimana yang digambarkan oleh individu itu sendiri (Blomberg & Volpe, 2008; Creswell, 2007). Andaian asas yang mendasari rekabentuk fenomenologi meliputi persepsi seseorang tentang dunia yang dialaminya dan kewujudan mereka memberi makna yang tersendiri. Ia memberikan hasil yang deskriptif, mencerminkan dan memberikan tafsiran apa yang sebenarnya berlaku dalam konteks individu itu sendiri (Morse & Richards, 2002). Fokus adalah kepada pengalaman mereka dan bagaimana pengalaman ini ditranformasikan dalam keadaan sedar. Transformasi dalam keadaan sedar ini diperoleh melalui perlakuan fizikal, nilai, mood, aktiviti dan perasaan (S.B Merriam, 2009). Realiti kehidupan harian sebenar turut diambilkira (Daly, 2007). Melalui rangka teoritikal ini, realiti akan menjadi apa sahaja yang dilihat dari kaca mata atau apa yang difahami oleh peserta kajian. Sebagai tambahan, rekabentuk ini juga bertujuan untuk memperoleh kefahaman yang sangat mendalam tentang fenomena yang berlaku (Creswell, 2008). Menurut Daly (2007) juga, fenomelogi juga

bersesuaian dengan kajian yang melibatkan unsur-unsur kekeluargaan. Oleh itu, dalam kajian ini pendekatan fenomenologi sangat bersesuaian untuk mengkaji apakah yang dialami oleh ibu tunggal yang telah kematian suami atas hujah seperti yang berikut;

a) Ibu tunggal melibatkan unsur-unsur kekeluargaan.
b) Ibu tunggal merupakan individu yang paling memahami apa yang telah berlaku dalam diri mereka.
c) Ibu tunggal mempunyai persepsi tersendiri terhadap pengalaman yang dilalui.
d) Kewujudan mereka sebagai ibu tunggal merupakan frasa fenomenologi yang mengiktiraf bahawa penyelidik berada dalam dunia ibu tunggal dan boleh difahami dari aspek dan konteks ibu tunggal. Konteks kewujudan ibu tunggal ini melihat kepada hubungan mereka dengan sesuatu, dengan individu lain, peristiwa dan situasi.

**Persampelan Kajian**

Pendekatan fenomenologi menggunakan persampelan yang melibatkan mereka yang berkait dengan isu, tindakan dan aktiviti yang dikaji (Frost, 2011). Seperti yang dinyatakan oleh Merriam (2009), persampelan bertujuan adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa penyelidik ingin meneroka, menentukan dan mendapat persepsi yang jelas. Oleh itu, sampel perlulah dipilih dalam kalangan mereka yang paling banyak boleh dipelajari. Teknik ini dapat membantu penyelidik untuk mendapatkan data yang kaya dan tebal (Carey, 2012). Konteks kajian ini menggunakan persampelan bertujuan dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan dengan kriteria tertentu. Kriteria yang ditetapkan adalah peserta kajian merupakan ibu tunggal yang kematian suami, mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak dan menjadi ibu tunggal sekurang-kurangnya setahun. Kriteria ini dipilih berlandaskan kepada penelitian dan tujuan kajian ini. Penyelidik mendapati bahawa

kriteria ini dapat memberi gambaran fenomena yang dikaji kerana mereka mempunyai pengalaman yang signifikan sebagai ibu tunggal yang kematian suami. Dalam kajian ini penyelidik tidak menghadkan umur ketika menjadi ibu tunggal. Walaubagaimanapun penyelidik mengambil kira faktor lain yang muncul hasil dari temubual seperti tempoh menjadi ibu tunggal, kelayakan akademik serta pekerjaan mereka. Faktor-faktor ini mempengaruhi bagaimana ibu tunggal berdepan dengan isu dan cabaran yang dihadapi (Salhah, Sapora, Dini Farhana, & Rezki Perdani, 2011; Sapora, Khatijah, & Othman, 2013; Willock, Bohm, & Curtis, 2012).

Pada peringkat awal pemilihan sampel, penyelidik telah menyenarai pendek beberapa Persatuan Ibu Tunggal di sekitar Lembah Klang. Senarai ini diperoleh dari sumber internet dan cadangan dari individu yang sering bekerjasama dengan Persatuan Ibu Tunggal. Antara persatuan yang disenarai pendek termasuklah Persatuan Ibu Tunggal Islam Kuala Lumpur, Persatuan e-keusahawanan Wanita Malaysia (e-WA, e-Entrepreneurship Woman Association) dan Persatuan Wawasan Ibu Tunggal Anak Yatim. Dari ketiga-tiga persatuan, hanya Persatuan Wawasan Ibu tunggal Anak Yatim dan e-WA yang memberi maklumbalas terhadap emel penyelidik. Presiden e-WA telah memberikan senarai nama ibu tunggal yang berpotensi menjadi peserta kajian. Walaubagaimanapun, tiada seorang pun yang memberi maklumbalas terhadap emel penyelidik.

Setiausaha Persatuan Ibu Tunggal Anak Yatim pula telah memberi respon yang baik kepada penyelidik dengan memberikan senarai nama ibu tunggal yang mungkin boleh memberikan kerjasama. Senarai ini melibatkan golongan ibu tunggal dengan pelbagai kriteria; bercerai hidup, bercerai mati, status akademik, status pekerjaan dan tahap ekonomi. Setelah meneliti senarai yang diberikan, penyelidik menghubungi ibu-ibu tunggal berpandukan kepada kriteria yang telah dinyatakan sebelumnya.

Penyelidik menelefon sendiri calon yang mungkin berpotensi dan menyatakan objektif serta keperluan kajian. Mereka diberi tempoh selama seminggu untuk memberikan maklumbalas samada bersetuju atau tidak untuk menjadi peserta kajian.

Dalam tempoh seminggu, enam orang ibu tunggal telah menghubungi semula penyelidik dan bersetuju untuk memberikan kerjasama sebagai peserta kajian. Penyelidik dan peserta kajian menetapkan tarikh yang dipersetujui bersama untuk pertemuan muka ke muka sebagai langkah pembinaan hubungan yang selamat dan professional (A. Ivey, Ivey, & Zalaquett, 2013) . Pertemuan kali pertama ini adalah secara tidak formal dan lebih kepada untuk membina hubungan yang mesra antara penyelidik dan peserta kajian. Pembinaan hubungan yang mesra membantu peserta kajian untuk berasa lebih selamat sepanjang tempoh pencarian maklumat dilakukan (A. E. Ivey, Ivey, & Zalaquet, 2010). Sewaktu bersemuka untuk kali pertama, penyelidik telah menerangkan secara lebih terperinci tentang keperluan kajian, hak-hak yang diberikan kepada peserta kajian sepanjang kajian dilakukan dan faedah yang diperoleh jika mereka menjadi peserta kajian. Hasilnya, keenam-enam ibu tunggal bersedia dan teruja untuk menjadi peserta kajian.

Bilangan sampel dalam kajian kualitatif tidak melibatkan jumlah persampelan yang besar. Meriam (2009) mencadangkan kajian kualitatif melibatkan saiz sampel yang kecil iaitu antara lapan ke dua puluh peserta kajian. Dalam konteks jumlah persampelan Merriam (2002) menyatakan bahawa tiada penetapan khusus dan tetap terhadap bilangan dan jumlah keseluruhan peserta kajian bagi kajian secara kualitatif. Kurang dari lapan peserta lebih sesuai untuk pendekatan kajian kes manakala lebih dari dua puluh cenderung kepada terlalu banyak data yang perlu dianalisis serta membawa kepada pertindihan pengumpulan data (McLeod, 2001). Dukes (1984)

dalam jurnalnya mencadangkan tiga hingga sepuluh orang subjek dan Riemen (1986) mencadangkan sehingga sepuluh orang subjek.

Menurut pandangan Marohaini Yusoff (2004) pula, bilangan peserta kajian yang kecil adalah mencukupi memandangkan fokus utama bagi kajian secara kualitatif adalah untuk mendapatkan dapatan yang boleh memberikan gambaran secara holistik dan bermakna terhadap sesuatu fenomena yang dikaji. Begitu juga Creswell (2007) yang telah menjelaskan bahawa tiada penetapan khusus yang dinyatakan bagi jumlah sampel kajian kualitatif yang dijalankan dengan menggunakan pendekatan fenomenologi ini. Dalam penetapan saiz sampel, apa yang penting jumlah saiz sampel yang diambil dapat menggambarkan maksud bagi sejumlah kecil individu yang pernah mengalami fenomena yang dikaji. Ringkasan proses pemilihan peserta kajian digambarkan melalui Rajah 3.1.




*Rajah 3.1* Proses pemilihan peserta kajian

### Kaedah Pengumpulan Data

Penggunaan kepelbagaian kaedah pungutan dan triangulasi data bagi memperoleh data dan memahami secara mendalam fenomena yang dikaji adalah sangat kritikal. Kepelbagian kaedah juga membantu penyelidik mendapat data yang kaya dan tebal (Gibbs, 2007). Oleh itu, kajian ini menggunakan dua kaedah pengumpulan data iaitu temubual secara individu dan analisis dokumen.

**Temubual.** Temubual adalah kaedah utama pengumpulan data dalam kajian ini. Kaedah ini sangat berguna kerana berpotensi untuk menghasilkan pencirian yang kaya dan tebal sepanjang proses pungutan data (Blomberg & Volpe, 2008; Gibbs, 2007). Tambahan pula, kaedah ini membenarkan penyelidik untuk mengenalpasti penyataan-penyataan yang diperoleh dari peserta kajian disamping dapat bertanya terus dari isu yang ditimbulkan sebagai tambahan maklumat kepada maklumat yang sedia ada (Strauss & Corbin, 1998). Temubual separa berstruktur telah digunakan dalam proses ini kerana melalui format ini, penyelidik boleh bertanyakan soalan terbuka yang mana lebih fleksibel dan meneroka peserta kajian secara semulajadi (S.B Merriam, 2009).

Menurut Seidman (2006), matlamat penggunaan temubual ini adalah untuk membangunkan dan meneroka respon peserta kajian kepada persoalan yang diutarakan. Melalui teknik ini, penyelidik dapat membantu peserta kajian untuk mengkonstruk semula pengalaman mereka tentang topik yang dikaji. Pada masa yang sama, pertanyaan terus kepada peserta kajian (*probing*), yang mana soalan ini tidak ada dalam protokol temubual digunakan untuk membantu menambahkan pengetahuan dan pemahaman penyelidik terhadap pengalaman ibu tunggal (Frost, 2011; McLeod, 2001). Protokol temubual (Lampiran A) disediakan sebagai langkah untuk mengelakkan berlakunya temubual tanpa arah tujuan dan lari dari skop kajian (Kerr &

Smith, 2001). Pada asalnya protokol ini telah digunakan dalam kajian kedoktoran oleh Auguste (2003). Seterusnya, penyelidik telah membuat penyelidikan awal (*preliminary research*) menggunakan protokol temubual yang sama ke atas seorang ibu tunggal. Protokol temubual ini juga turut disemak dan divalidasi oleh pembaca dalam Seminar 1 penyelidik.

Bagi memulakan proses memungut data, penyelidik terlebih dahulu menghubungi setiap peserta kajian melalui panggilan telefon untuk menetapkan tarikh dan masa temubual. Penyelidik hanya berjumpa dengan peserta kajian setelah mendapat persetujuan bersama. Perjumpaan dilakukan di seting yang ditentukan sendiri oleh peserta kajian. Pemilihan seting ini juga berdasarkan kepada faktor masa dan kesenangan untuk penyelidik mengakses peserta kajian. Penyelidik juga memberikan kebebasan kepada peserta kajian memilih seting supaya peserta kajian lebih selesa sepanjang tempoh proses pungutan data dilakukan. Disamping itu juga, temubual dilakukan di seting peserta kajian sebagai langkah untuk penyelidik lebih mengenali dan memahami situasi sebenar peserta kajian. Lima dari enam seting melibatkan rumah kediaman peserta kajian. Seorang lagi peserta kajian lebih selesa untuk berjumpa di pejabat kerana masanya lebih banyak di pejabat berbanding di rumah.

Temubual dimulakan dengan ramah mesra yang bersesuaian supaya penyelidik dapat menghilangkan rasa gugup peserta kajian. Penyelidik mengulang kembali perkara yang ditekankan sewaktu pertemuan kali pertama seperti keperluan kajian, hak-hak yang diberikan kepada peserta kajian sepanjang kajian dilakukan dan faedah yang diperoleh jika mereka menjadi peserta kajian. Penyelidik turut memaklumkan kepada peserta kajian proses temubual yang memerlukan mereka mereflek semula pengalaman lepas termasuklah perasaan, tingkahlaku dan reaksi mereka terhadap apa

yang telah dilalui sebagai ibu tunggal. Memandangkan proses ini mungkin menyebabkan peserta kajian menjadi lebih sentimental, penyelidik mengingatkan mereka sekali lagi tentang konsep kerahsiaan setiap temubual. Setiap pengalaman yang dikongsi hanya menjadi bahan kajian penyelidik dan tidak akan didedahkan kecuali dengan izin.

Temubual dengan setiap peserta kajian perlu dirakam bagi tujuan transkripsi data dilakukan. Penyelidik telah memohon keizinan dari peserta kajian untuk merekod sesi temubual menggunakan Mp3. Mp3 tersebut diletakkan luar dari pandangan peserta kajian kerana terdapat peserta kajian yang terganggu dengan alat perakam suara tersebut. Bagi mengelakkan temubual yang tidak terarah dan sia-sia, penyelidik telah menemubual berpandukan kepada protokol soalan yang disediakan. Bentuk soalan yang digunakan adalah soalan terbuka yang memerlukan peserta kajian untuk menjawab secara subjektif dan jelas (Silverman, 2010). Pengkaji menggunakan kaedah '*probing*' bagi memastikan soalan yang ditanya bersesuaian dengan isu yang dikaji. Kaedah ini penting bagi membantu penyelidik mendapatkan data yang kaya dan tebal disamping dapat memandu peserta kajian dalam penceritaan pengalaman mereka. Pemilihan perkataan yang digunakan oleh peserta kajian sepanjang penceritaan mereka juga turut dikekalkan dalam keadaan asal tanpa pembersihan data bertujuan untuk mengukuhkan kredibiliti data (Corden & Sainsbury, 2006).

Penyelidik tidak meletakkan had masa maksimum untuk setiap temubual. Kebanyakan temubual mengambil masa dari empat puluh lima minit ke satu jam. Had masa ini bergantung kepada kesediaan peserta kajian untuk berkongsi pengalaman mereka. Dalam tempoh ini penyelidik banyak menggalakkan peserta kajian untuk berkongsi pengalaman dan memandu temubual bergantung kepada penceritaan yang dikongsikan oleh peserta kajian. Adakalanya wujud kesenyapan dan tangisan dalam

sesi temubual yang mengambil masa agak lama untuk sesi tersebut. Penyelidik tidak memaksa peserta kajian untuk meneruskan perbualan tetapi memberi peluang kepada peserta kajian untuk merasai momen kesenyapan dan tangisan yang diluahkan. Penyelidik turut memberikan kata-kata semangat dan sentuhan yang bersesuaian supaya dapat memberikan ketenangan kepada peserta kajian. Jadual 3.1 menunjukkan ringkasan waktu dan bilangan temubual bersama peserta kajian.

Jadual 3.1
*Ringkasan tarikh dan bilangan temubual dengan peserta kajian*

| **No** | **Nama** | **Tarikh temubual (2013)** | **Bil temubual** |
|---|---|---|---|
| 1 | PK 1 | 22 Apr, 3 Mei, 20 Mei, 7 Jun, 15 Jun | 5 |
| 2 | PK 2 | 29 Apr, 20 Mei,19 Jun | 3 |
| 3 | PK 3 | 29 Apr, 2 Mei, 20 Jun, 2 Jul | 4 |
| 4 | PK 4 | 19 Mei, 21 Mei, 27 Jun | 3 |
| 5 | PK 5 | 19 Mei, 22 Mei, 7 Jul | 3 |
| 6 | PK 6 | 3 Jul, 7 Jul, 1 Ogos | 3 |

Pertemuan awal sewaktu proses pemilihan sampel dilakukan telah dilakukan pada awal Februari 2013. Proses temubual bermula dari bulan April sehinggalah bulan Ogos 2013. Dalam kajian ini, penyelidik mememubual semua peserta kajian berdasarkan kepada ketepuan data. Bilangan temubual minimum adalah sebanyak tiga kali dan maksimum sebanyak lima kali. Penyelidik meneruskan temubual bersama peserta kajian sehingga penyelidik mendapati wujudnya pengulangan penceritaan yang sama dari peserta kajian. Ketepuan data ditentukan apabila peserta kajian mengulang penceritaan yang sama dalam temubual yang berikutnya (Blomberg & Volpe, 2008; Morse & Richards, 2002). Walaupun proses temubual telah selesai pada Ogos 2013, penyelidik masih terus berhubung dengan peserta kajian sehingga Mei 2014.

**Analisis Dokumen.** Analisis dokumen merupakan salah satu kaedah pungutan data selain dari temubual dan pemerhatian. Kaedah ini merujuk kepada sumber data yang sedia ada yang mudah untuk diakses (S.B Merriam, 2009). Bentuk dokumen yang boleh dijadikan sumber data termasuklah rekod rasmi, surat, suratkhabar, lagu, puisi, autobiografi, diari, gambar dan video. Dengan lain perkataan, dokumen merupakan sumber data yang boleh dibuktikan secara fizikal (Lee, 2000; Webb, Campbell, Schwartz, & Sechrest, 2000).

Merriam (2009) mengkategorikan dokumen dalam dua bentuk; (a) dokumen awam dan (b) dokumen peribadi. Dokumen awam merupakan semua dokumen yang rasmi yang dikeluarkan oleh pihak tertentu. Ia sebagai bukti bahawa sesuatu perkara itu memang berlaku dan direkodkan kewujudannya seperti sijil kelahiran, rekod polis, rekod agensi, manual persatuan media massa, dokumen kerajaan dan sebagainya (Guba & Lincoln, 1981). Dokumen awam bukan sahaja memberikan maklumat secara terus, ia juga penting sebagai stimulasi kepada persoalan yang akan dibincangkan dalam temubual dan pemerhatian (Patton, 2002).

Dokumen peribadi pula merujuk kepada apa-apa yang dinaratifkan oleh individu untuk menceritakan pengalaman, tindakan dan kepercayaannya. Sumber dokumen peribadi termasuklah diari, surat, buku skrap, jurnal, foto, autobiografi (Bogdan & Biklen, 2007). Sebagai tambahan, Merriam (2009) berpendapat, dokumen peribadi secara tidak langsung bertindak seperti pemerhatian yang terperinci dalam dokumen yang memberikan penyelidik gambaran apa yang difikirkan penting oleh peserta kajian dari perspektif peribadi mereka. Dokumen peribadi merupakan sumber data yang sahih kerana dokumen sebegini mampu memberikan penyelidik makna yang tersirat terhadap pengalaman, tindakan dan kepercayaan peserta kajian.

Tujuan penggunaan dokumen dalam kajian ini adalah kerana data dari dokumen adalah sangat objektif dan dapat memberikan maklumat yang deskriptif. Ia juga dapat merangsang peserta kajian kepada penceritaan yang lebih mendalam dan bersifat peribadi. (Merriam, 2009). Kaedah analisis dokumen dalam kajian ini melibatkan kedua-dua bentuk dokumen. Dokumen awam yang diperoleh adalah dokumen dalam bentuk akhbar, manakala dokumen peribadi pula melibatkan foto dan mesej pesanan ringkas (sms). Dokumen diperoleh melalui budi bicara peserta kajian dan persetujuan bersama. Penyelidik telah bertanya kepada peserta kajian sama ada mereka mempunyai sebarang dokumen tentang arwah yang ingin dikongsikan bersama. Peserta kajian memaklumkan mereka ada menyimpan sesuatu yang boleh mengingatkan mereka kepada arwah. Peserta kajian memilih sendiri dokumen yang dirasakan memberi makna dan nilai tersendiri kepada mereka. Mereka menceritakan setiap perkara yang dirasakan penting tentang dokumen tersebut. Penyelidik mengambil peluang untuk bertanya sekiranya tidak faham dan memerlukan penjelasan lanjut tentang dokumen yang dikongsi. Dokumen asal yang diterima diimbas menggunakan mesin pengimbas dan dipulangkan kembali kepada peserta kajian.

**Analisis dan Sintesis Data**

Analisis data merupakan proses yang sangat kritikal dimana kesemua data yang diperoleh perlu dianalisis melalui beberapa teknik dan peringkat (Blomberg & Volpe, 2008). Memandangkan proses pungutan data melibatkan beberapa orang ibu tunggal dengan dua kaedah pungutan data, penyelidik memerlukan proses yang sistematik dalam memberi makna kepada data yang diperoleh (Creswell, 2008). Proses yang sistemik bermula dengan proses menguruskan data dan diikuti dengan proses menganalisa data.

**Proses pengurusan data.** Disebabkan oleh perolehan data yang banyak, Miles & Huberman (1994) mencadangkan penggunaan beberapa borang untuk memudahkan proses pengurusan data. Antara borang yang digunakan termasuklah; a) borang protokol temubual b) lembaran rumusan temubual, c) borang rumusan dokumen dan c) laporan sesi kes. Sebagai langkah permulaan, penyelidik menyediakan fail yang berbeza untuk setiap peserta kajian. Fail dinamakan berdasarkan kepada nama peserta kajian. Nama asal mereka ditukarkan kepada pseudonim untuk menjaga isu kerahsiaan. Di peringkat awal temubual, mereka diberikan borang data peribadi (Lampiran C) untuk simpanan rekod penyelidik dan borang persetujuan termaklum (Lampiran D) yang bertujuan untuk menjaga hak kerahsiaan peserta kajian. Hasil rakaman setiap sesi temubual ditranskrip dalam bentuk verbatim dan dimasukkan kedalam fail masing-masing. Proses transkrip ini dilakukan menggunakan perisian *transcriber*. Proses ini mengambil masa yang lama kerana penyelidik mengulang semula rakaman sambil menyemak kembali setiap perkataan yang ditranskripkan. Penyelidik menyemak semula transkripsi berulang kali bagi mengelakkan wujudnya kesilapan dalam menulis kembali rakaman temubual.

Setiap kali selesai menemubual peserta kajian, penyelidik membuat refleksi kendiri dalam sebuah buku catatan khas. Penyelidik mereflek semula apa yang telah dilalui dan dirasai sepanjang proses temubual. Penyelidik juga menulis perkara yang tidak jelas dari temubual yang telah dijalankan. Selain dari refleksi kendiri, penyelidik turut menghuraikan secara terperinci catatan ringkas yang dicatat dalam protokol temubual menggunakan lembaran rumusan temubual (Lampiran F) dan nota lapangan. Persoalan yang timbul dalam fikiran dan perasaan penyelidik dimasukkan ke dalam lembaran rumusan temubual. Sebelum menemubual untuk sesi yang seterusnya, penyelidik memastikan segala persoalan yang timbul diutarakan kepada peserta kajian

untuk mendapatkan pencerahan dan penjelasan yang lebih mendalam. Penyelidik mengulang perkara yang sama bagi setiap temubual yang dijalankan.

Analisis dokumen pula melibatkan borang rumusan dokumen (Lampiran B). Sewaktu dokumen diperoleh, penyelidik banyak bertanyakan pada peserta kajian mengapa dokumen ini memberi makna kepada mereka. Langkah ini penting kerana tidak semua dokumen membantu dalam memberikan maklumat kepada penyelidik, tetapi memandangkan pendekatan kajian adalah melihat pengalaman peserta kajian dari perspektif mereka sendiri, maka mereka berhak memilih dokumen mana yang dirasakan signifikan dalam kehidupan mereka (Webb et al., 2000). Penyelidik turut mengambil kira ekspresi muka dan emosi peserta kajian semasa berbincang tentang dokumen yang diperoleh. Penyelidik memasukkan setiap gambaran ekspresi dan emosi yang terluah dalam buku catatan khas refleksi kendiri. Setelah mendapat gambaran dan penjelasan dari peserta kajian, maklumat dari dokumen akan diringkaskan dalam borang rumusan dokumen.

Bagi memudahkan penyelidik merumuskan sesi pengalaman setiap peserta kajian, penyelidik akan menyemak kembali lembaran rumusan temubual untuk setiap sesi dan borang rumusan dokumen. Setelah selesai kesemua sesi temubual dengan peserta kajian, penyelidik akan mengisi sesi borang laporan sesi kes (Lampiran E). Borang laporan sesi kes ini merupakan sebagai rumusan untuk keseluruhan temubual dan analisis dokumen untuk setiap peserta kajian. Proses ini membantu penyelidik untuk mendalami pengalaman setiap peserta kajian dengan lebih mudah dan cepat. Dalam masa yang sama penyelidik telah pun membuat triangulasi data dengan menggabungjalinkan data dari sumber temubual dan dokumen. Ringkasan proses pungutan data adalah seperti Rajah 3.2.




*Rajah 3.2* Proses pungutan data

**Proses menganalisis data.** Selain dari menggunakan borang dalam pengurusan data, data yang diperoleh perlu dianalisis dengan lebih terperinci untuk memberi makna dan mendapatkan intipati sebenar hasil temubual (Silverman, 2006). Sejajar dengan tujuan ini, penyelidik telah menggunakan perisian Atlas.ti 7 untuk menganalisis data. Perisian ini membantu penyelidik untuk mendapatkan tema secara berperingkat.

Seperti yang dicadangkan oleh Morse dan Richards (2002), proses memberi makna kepada data bermula dengan membuat pengkodan deskriptif, pengkodan topik, pengkodan analitik dan tema. Sebelum memulakan pengkodan deskriptif, proses awal melibatkan pembacaan transkrip setiap peserta kajian secara berulang-ulang untuk mendapatkan gambaran secara keseluruhan pengalaman yang telah dilalui oleh peserta kajian. Blomberg & Volpe (2008) mencadangkan data dilihat dan diteroka secara

umum di peringkat awal untuk mengenalpasti apakah 'idea besar' hasil temubual, disusuli dengan pengkodan data. Proses ini juga boleh dianggap sebagai '*grand tour*' sebelum melihat data secara lebih terperinci (Morse & Richards, 2002). Proses ini memerlukan pembacaan transkrip secara berulang kali untuk membolehkan penyelidik tenggelam bersama data dan lebih memahami data. Lebih mendalam penyelidik memahami data, lebih bagus cara penyelidik boleh mengintepretasi data.

Oleh kerana penyelidik menggunakan perisian untuk menganalisis data, pengkodan dilakukan secara terus di dalam sistem Atlas.ti 7. Proses pengkodan deskripif memerlukan penyelidik untuk mengkodkan setiap perkara yang dirasakan memberikan pengetahuan kepada penyelidik tentang peserta kajian. Pengkodan ini boleh dilakukan melalui kod secara in-vivo iaitu menggunakan perkataan peserta kajian sebagai kod atau pun membina kod baru menggunakan perkataan penyelidik. Kod-kod ini dimasukkan menggunakan *Code Manager*. Pada peringkat ini, penyelidik telah mengkod sebanyak 699 kod. 699 kod ini disemak semula dan tapisan kedua dilakukan dengan mengenalpasti kekerapan kod yang muncul melalui *density* yang dipaparkan dalam jadual *Code Manager*. Kekerapan kod yang kurang dari lima kali dibuang dan hasilnya tinggal 423 kod. 423 kod merupakan jumlah kod yang masih besar dan perlukan semakan semula sebelum kod awal dikategorikan di bawah *Family Manager*. Penyelidik mengulang perkara yang sama sebanyak lima kali dengan melihat *density* kod awalan yang keluar di paparan jadual *Code Manager* (Lampiran G).

Pengkodan topik pula merupakan satu proses yang teliti. Penyelidik perlu berhati-hati supaya tidak berlakunya penyisihan data. Setiap kali proses pengulangan semula kod dilakukan, penyelidik akan mencari kod yang mempunyai topik yang hampir sama. Penyelidik akan memfokuskan kepada kod yang memberi kategori,

mereflek kepada idea yang berkembang yang memberikan makna yang hampir sama. Proses ini masih dilakukan di bawah *Code Manager* yang memberikan sebanyak 224 kod.

Langkah seterusnya adalah untuk mengasingkan dan mengkategorikan kod-kod yang telah dibuat diperingkat awal iaitu pengkodan analitik. Langkah ini merujuk kepada *winnowing process* (Creswell, 2007; Seidman, 2006). Dari set data yang banyak dan besar, penyelidik perlu mengecilkan set data dan membangunkan sistem pengkelasan data. Proses ini melibatkan persoalan data, mengenalpasti dan mencatat corak data serta meletakkan kod-kod ini kepada kategori berdasarkan kepada kerangka konseptual kajian. Pada masa yang sama, kod yang tidak berkait dengan kerangka konseptual kajian perlu dikekalkan kerana disinilah penyelidik akan mendapati data yang baru timbul dan muncul dalam kajian (Blomberg & Volpe, 2008). Jumlah kod yang dapat dikategorikan di bawah kategori yang sama adalah sebanyak 99 kategori (Lampiran H).

Kategori ini kemudiannya dikecilkan lagi skopnya menjadi tema-tema penting dalam dapatan kajian. Sebanyak 7 tema telah pun dikenal pasti melalui analisis *Super family* (Lampiran I). Tema ini boleh bertepatan dengan tema-tema yang terdapat dalam kajian literatur atau mungkin terdapat tema lain yang akan muncul sebagai hasil daripada proses pengekodan data di peringkat awal (S.B Merriam, 2009; Strauss & Corbin, 1998). Untuk memastikan tema yang bersesuaian dengan kehendak kajian, *peer review* telah dilakukan. Penyelidik membuat perbandingan serta berbincang tentang persamaan dan perbezaan hasil tema dengan penyelia dan rakan penyelidik sesama bidang. Semakan semula dilakukan sebagai penambahbaikan kepada dapatan kajian.

Selain dari melihat kepada *Super Family*, penyelidik juga membina *network* dalam memahami dengan lebih jelas perkaitan antara tema dan kategori yang diperoleh dari analisis data. Gambarajah *network* (Lampiran J) juga membantu penyelidik untuk mengenalpasti individu yang menyumbang kepada tema yang muncul. Secara keseluruhannya, ringkasan analisis data yang bermula dari penerokaan data sehinggalah kepada pembinaan tema diilustrasikan dalam Rajah 3.3.




*Rajah 3.3* Ringkasan proses analisis data

**Pertimbangan Etika**

Pertimbangan etika merupakan isu sensitif dalam penyelidikan kualitatif disebabkan oleh ciri-ciri penyelidikan kualitatif itu sendiri (Morse, 2002). Ia melibatkan pengumpulan data yang beremosi yang menyebabkan peserta kajian mendedahkan kisah hidup sebenar dan memerlukan komitmen peserta kajian untuk menghabiskan masa mereka dalam penyelidikan (Creswell, 2007). Sebagai penyelidik yang peka dengan keperluan penyelidikan, mengenalpasti manfaat yang bakal diperoleh ibu tunggal dari hasil kajian ini adalah sangat penting. Sebagai kelompok

minoriti, ibu-ibu tunggal mungkin berasa tidak selesa dengan status mereka. Oleh itu penyelidik perlu lebih sensitif kepada mana-mana ketidakseimbangan kuasa yang wujud yang disebabkan oleh status penyelidik. Ibu tunggal dihormati sebagai individu tanpa sebarang label yang stereotaip. Penyelidik memastikan ibu tunggal berasa selesa bagi memudahkan proses pemerolehan data.

Keadaan ini merupakan satu keadaan timbal balik (Creswell, 2007). Ibu tunggal juga mungkin mempunyai kecenderungan untuk menjadi terlalu bergantung kepada penyelidik akibat dari penglibatan yang lama (*prolonged engagement*) semasa proses pengumpulan data. Proses membina hubungan seawal Februari 2013 sehingga Ogos 2013. Penyelidik perlu mengakhiri dan menamatkan sesi temubual dengan cara berhemah dan profesional supaya mereka tidak merasa tersingkir (Creswell, 2008). Penyelidik memaklumkan kepada peserta kajian yang mana data diperlukan telah pun mencukupi dan memberikan token sebagai tanda terima kasih atas kerjasama yang diberikan sepanjang bersama dengan penyelidik. Penyelidik masih lagi berhubung dengan peserta kajian sehingga bulan Mei tahun 2014.

Selain itu, perkara yang paling penting yang perlu dipertimbangkan mengenai isu-isu etika ialah persetujuan termaklum. Sebelum penyelidik memulakan kajian, penyelidik telah memaklumkan kepada ibu-ibu tunggal tentang penyelidikan yang sedang dijalankan termasuklah (i) apa yang penyelidik akan lakukan dengan mereka, (ii) perkaitan keseluruhan kajian dengan mereka, (iii) hak-hak mereka, serta (iv) faedah dan kerahsiaan. Segala maklumat ini sudah pun tertulis dalam borang persetujuan termaklum. Walaupun sudah tertulis, penyelidik turut memaklumkan semula secara bersemuka untuk mengelakkan berlakunya salah faham di kemudian hari. Ibu-ibu tunggal telah membaca dan menandatanganinya sebagai perjanjian bahawa mereka bersedia untuk menjadi peserta untuk kajian ini. Mereka juga

dibenarkan untuk menarik diri daripada mengambil bahagian dalam kajian ini jika mereka berasa tidak selesa ( Blomberg & Volpe , 2008; Daly, 2007; Frost, 2011; SB Merriam, 2009).

**Isu Kesahan Dan Kebolehpercayaan**

Isu utama dalam penyelidikan kualitatif adalah isu kesahan dan kebolehpercayaan (Morrow, 2005). Menurut Guba dan Lincoln (1985) kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif perlu dibezakan daripada jaminan kualiti dalam kajian kuantitatif. Istilah yang digunakan memainkan peranan yang penting untuk membezakannya. Kesahihan, kebolehpercayaan dan kebolehgeneralisasi digantikan dengan terma-terma kredibiliti, kebolehbergantungan (*dependability*) dan (*transferability*) (Blomberg & Volpe, 2008).

**Kredibiliti.** Kredibiliti merujuk kepada sama ada persepsi peserta utuh dengan apa yang digambarkan oleh penyelidik (Lincoln & Guba, 1985). Dalam kajian ini, kredibiliti boleh ditakrifkan sebagai persamaan antara persepsi penyelidik dan apa yang sebenarnya dimaksudkan oleh ibu-ibu tunggal. Sebagai langkah memeriksa persamaan ini, penyelidik membincangkan apa yang dibayangkan dan difahami dalam pemikirannya dengan setiap peserta terutamanya apa yang ditulis dalam refleksi kendiri. Penyelidik menanyakan semula pada peserta kajian perkara yang menimbulkan persoalan dalam luahan refleksi kendiri penyelidik. Selain itu, penyelidik membincangkan semula transkripsi temubual dengan peserta kajian setiap kali sebelum memulakan sesi temubual baru. Penyelidik menyemak semula isi penting yang ditekankan oleh peserta kajian dalam sesi yang terdahulu. Teknik ini dipanggil member checking. Teknik ini membantu penyelidik untuk mengelak dari timbulnya isu bias dalam kajian (Blomberg & Volpe, 2008).

Sepanjang proses kajian, penyelidik turut membuat nota reflektif kajian lapangan dan jurnal reflektif. Dengan menggunakan teknik ini, penyelidik boleh kembali kepada peserta kajian apabila berlakunya pertembungan persepsi dan pemahaman penyelidik dengan pengalaman mereka. Jika apa yang difahami penyelidik tidak sama seperti apa yang dimaksudkan oleh peserta kajian, penyelidik meminta peserta kajian untuk menerangkan semula apa yang sebenarnya ingin disampaikan.

Tahap kredibiliti penyelidikan yang tinggi memerlukan pemahaman yang mendalam terhadap fenomena yang dikaji. Penyelidik perlu mengambilkira setiap apa yang dilalui dan diceritakan oleh peserta kajian. Oleh itu, perlaksanaan kajian memerlukan tempoh kajian yang lama (*prolonged engagement*). Penglibatan penyelidik dan peserta untuk satu tempoh masa yang panjang mampu memberikan keselesaan dan secara beransur-ansur dapat menanam kepercayaan kepada penyelidik. Pembinaan rapport yang baik sangat membantu penyelidik untuk terus mengikuti kisah dan pengalaman yang dikongsikan oleh peserta kajian. Oleh itu, maklumat yang dikongsi oleh para peserta dari pembinaan rapport dan seterusnya menjadi lebih peribadi dan lebih mendalam.

Kajian ini juga melibatkan pelbagai sumber data iaitu (a) data yang dikumpul melalui temubual, (b) data dari dokumen peribadi peserta kajian serta (c) data dari nota reflektif kajian lapangan dan jurnal reflektif. Data temubual disokong dengan data dokumen peribadi serta refleksi dari catatan penyelidik. Sumber data yang berbeza ini dibandingkan dan ditriangulasikan untuk menghasilkan makna kepada dapatan kajian. Sebagai contoh, sebelum penyelidik pergi ke seting untuk proses pungutan data, penyelidik telah bersedia dengan protokol soalan dan jurnal reflektif. Penyelidik membuat catatan ringkas di dalam protokol soalan semasa proses tembual berlaku.

Pada masa yang sama penyelidik turut memberi perhatian kepada mimik muka, ekspresi, nada suara dan sebarang pergerakan tubuh peserta kajian. Penyelidik kemudiaanya mengulas lanjut catatan ringkas ke dalam jurnal reflektif. Perkara yang sama berlaku sewaktu penyelidik mendapatkan maklumat dari dokumen yang dikongsikan oleh peserta kajian. Penyelidik mencari persamaan dan perbezaan setiap data yang telah diterima. Melalui cara ini, penyelidik telah pun menggabung jalinkan data-data yang ada dan memberi makna kepada data-data tersebut.

**Kebolehbergantungan (*Dependability*).** *Kebolehbergantungan berkait dengan konsep* kebolehpercayaan (Blomberg & Volpe, 2008). Ia melibatkan proses dan prosedur yang digunakan dalam pengumpulan dan tafsiran data. Untuk itu, Merriam (1998; 2002) mencadangkan penyelidik untuk melakukan semakan pakar (peer review). Teknik ini melibatkan pakar-pakar atau rakan seperjuangan yang sudah biasa dan berpengalaman isu yang berkaitan. Dengan menunjukkan dan membincangkan data dengan pakar-pakar dalam bidang ini, ia akan membantu penyelidik dalam memperoleh kategori atau tema lain yang lebih sesuai digunakan dalam analisis data yang dijalankan. Penyelidik banyak membincangkan tema yang diperoleh dengan rakan-rakan penyelidik bidang yang sama. Penyelidik juga akan dapat melihat konsistensi antara rakan-rakan dan mengurangkan dapat mengurangkan bias penyelidik. Tema yang dirasakan tidak sesuai dilihat dan dianalisis semula. Jika ada rakan lain yang bersetuju dengan tema yang dipilih, penyelidik mengekalkan tema tersebut. Jika terdapat percanggahan idea dan pandangan, penyelidik akan kembali kepada data dan mengenalpasti semula apakah tema yang sesuai melalui pembacaan kajian lepas.

**Kebolehpindahan (*Transferability*).** Satu daripada sifat penyelidikan kualitatif ialah ia tidak boleh digeneralisasikan ( Frost, 2011; Lincoln & Guba , 1985; McLeod , 2001; Merriam , 1998, 2009). Ia merujuk kepada sama ada hasil daripada kajian boleh direplika atau tidak oleh penyelidik lain yang ingin melakukan kajian yang sama. Walau bagaimanapun, pembaca boleh membuat keputusan sejauh mana proses yang sama boleh dilakukan di seting mereka dengan memahami secara mendalam tentang bagaimana kajian dilakukan di seting penyelidik melalui kekayaan dan ketebalan data. Kekayaan dan ketebalan data boleh dilihat dari aspek asas yang boleh dikongsi atau diperoleh daripada pengalaman yang dilalui oleh peserta kajian. Tambahan pula, kekayaan dan ketebalan data akan dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh dan realistik tentang fenomena yang sedang dikaji (Bailey, 2007).

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan temubual mendalam dengan mengambilkira ekspresi emosi dan tingkahlaku peserta kajian. Setiap ekspresi emosi dan tingkahlaku akan dicatatkan di dalam nota lapangan dan diteroka semula sewaktu sesi temubual yang seterusnya. Perkara yang sama berulang untuk setiap bilangan sesi temubual yang bertujuan untuk mendapatkan respon yang berterusan dan kepastian bagi mengukuhkan lagi kepercayaan terhadap data yang diperoleh. Melalui cara ini penyelidik secara tidak langsung dapat menambah kekayaan dan ketebalan data.

Selain itu, penyelidik turut melakukan jejak audit (Lampiran N) seperti yang dicadangkan oleh Merriam (2009). Jejak audit adalah penulisan terperinci bagaimana data diperoleh, bagaimana pengekodan dan pengkategorian tema dilakukan, dan juga keadaan dan keputusan yang akan diambil kira sepanjang proses pengumpulan data. Dengan adanya maklumat ini, penyelidik lain dapat membuat kajian yang sama dengan mengikut jejak audit sedia ada. Menurut Richards (2005) juga, jejak audit membantu dalam meyakinkan pembaca bagaimana penyelidik mendapatkan data penyelidikan.

## Rumusan

Secara keseluruhannya bab ini telah memberikan penerangan terperinci tentang kaedah penyelidikan kajian. Rekabentuk fenomenologi digunakan untuk menggambarkan fenomena yang dilalui oleh ibu tunggal. Enam orang peserta kajian telah dipilih berdasarkan kepada beberapa kriteria tertentu. Dua kaedah pengumpulan data juga telah digunakan iaitu temubual dan analisis dokumen. Data dianalisis menggunakan Atlas.ti 7 untuk mendapatkan tema yang bersesuaian. Dari aspek kebolehpercayaan pula, kredibiliti, kebergantungan dan kebolehpindahan telah pun diambil kira melalui pelbagai strategi seperti semakan pakar, nota reflektif kendiri, jurnak reflektif, jejak audit, dan kekayaan dan ketebalan data. Selain dari itu, diharapkan kajian ini dapat memberi nilai sewajarnya kepada mereka yang bertanggungjawab dalam mengendalikan isu dalam kalangan ibu tunggal.

# Bab 4 Dapatan Kajian dan Perbincangan

## Pengenalan

Bab ini akan menceritakan hasil dapatan kajian dan perbincangan secara terperinci berdasarkan analisis yang telah diterangkan dalam Bab 3. Dapatan dimulai dengan maklumat demografi latar belakang peserta kajian dan diikuti oleh profil peserta kajian yang menerangkan ringkasan pengalaman kehidupan peserta kajian dengan menggunakan pseudonim. Pengalaman kehidupan ini meliputi pengalaman peserta kajian dari awal perkahwinan sehinggalah kepada kematian suami. Bahagian seterusnya akan memberi fokus kepada tujuh tema yang muncul dari analisis yang telah dilakukan. Tema ini digambarkan sebagai sebuah kronologi cerita dan dikupas satu persatu mengikut persoalan kajian. Persoalan kajian merangkumi maknanya menjadi ibu tunggal serta bagaimana mereka menggunakan strategi daya tindak dalam berdepan dengan status ibu tunggal.

## Latarbelakang Peserta Kajian

Enam orang peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini merupakan ibu tunggal kematian suami yang dapat dikategorikan kepada ciri-ciri yang berikut; kelayakan akademik, pekerjaan, umur ketika menjadi tunggal, tempoh menjadi ibu tunggal, punca kematian suami dan bilangan anak. Peserta kajian terdiri dari pelbagai peringkat kelayakan akademik bermula dari peringkat SPM hingga ke peringkat Sarjana. Peserta kajian juga terdiri dari kelompok suri rumah dan yang masih bekerja. Mereka menjadi ibu tunggal seawal usia hujung 20an hingga pertengahan 40an. Tempoh menjadi ibu tunggal adalah dua tahun sebagai tempoh minimum dan dua puluh dua tahun sebagai tempoh maksimum. Persamaan antara peserta kajian adalah punca kematian suami dimana suami meninggal kerana menderita sakit dan terlibat

dalam kemalangan ngeri. Setiap peserta kajian juga mempunyai bilangan anak yang berbeza. Bilangan anak yang dimiliki bermula dari seorang anak sehinggalah enam orang anak. Keenam-enam mereka tinggal di sekitar Lembah Klang termasuklah Cheras, Gombak, Selayang dan Balakong. Jadual 4.1 merumuskan demografi latarbelakang keenam-enam peserta kajian.

Jadual 4.1
*Latarbelakang peserta kajian*

| **Peserta kajian** | **Kelayakan akademik** | **Pekerjaan** | **Umur ketika menjadi ibu tunggal (tahun)** | **Tempoh menjadi ibu tunggal (tahun)** | **Punca kematian** | **Bilangan anak** |
|---|---|---|---|---|---|---|
| PK 1 | Sarjana | Pensyarah sambilan | 42 | 22 | Sakit jantung | 4 |
| PK2 | Sarjana | Pensyarah kontrak | 45 | 18 | Sakit jantung | 1 |
| PK3 | STPM | Surirumah | 39 | 17 | Sakit jantung | 4 |
| PK4 | STPM | Guru | 42 | 2 | Strok | 2 |
| PK5 | SRP | Surirumah | 41 | 3 | Kemalang an | 7 |
| PK6 | SPM | Surirumah | 28 | 22 | Kanser | 4 |

Setiap dari peserta kajian mempunyai pengalaman yang hampir sama bagi sesetengah situasi dan ada antaranya yang mempunyai pengalaman yang berbeza dari yang lain. Sebagai ganti nama dan sebagai menghormati hak kerahsiaan mereka pseudonim PK (peserta kajian) 1 hingga 6 akan digunakan sepanjang penulisan. Penceritaan mereka dimulakan dengan penceritaan latarbelakang diri masing-masing dari awal perkahwinan berkahwin sehingga menjadi ibu tunggal.

### a. PK1

PK1 merupakan seorang ibu tunggal berusia enam puluh dua tahun yang mempunyai empat orang anak hasil dari dua kali perkahwinan. PK1 dianugerahkan

tiga orang anak lelaki hasil dari perkahwinan pertama dan seorang anak perempuan dari perkahwinan kedua. Perkahwinan pertama berakhir melalui perceraian manakala perkahwinan kedua berakhir dengan kematian suami akibat serangan sakit jantung. Anak lelaki beliau semuanya sudah berumahtangga dan mempunyai anak. Anak perempuan PK1 masih lagi belajar di peringkat universiti di sebuah Institut Pengajian Tinggi Awam. Beliau melihat hikmah perkahwinan keduanya sebagai rezeki untuk mendapatkan zuriat perempuan. PK1 telah pun menjadi balu selama dua puluh dua tahun. Kini beliau tinggal di sebuah pangsapuri kos sederhana bersama anak perempuannya di Mahkota Cheras. Kehidupannya bergantung kepada pencen kerajaan. Selain dari itu, dengan mempunyai latar belakang akademik peringkat sarjana, beliau juga mendapat sumber kewangan dengan membuat kerja sambilan sebagai pensyarah sambilan di sebuah universiti tempatan.

Perkongsian pengalaman PK1 bermula dari perkahwinan pertama yang gagal di pertengahan jalan berpunca dari kecurangan bekas suami. Sewaktu berkahwin PK1 berumur 20 tahun. Beliau telah diceraikan ketika usianya baru mencecah 23 tahun dan telah mempunyai tiga orang anak. Sewaktu diceraikan, beliau pernah mengambil tindakan untuk bunuh diri dengan mengambil pil tidur secara berlebihan kerana sangat tertekan. Tindakan bunuh diri ini tidak berjaya kerana beliau sempat diselamatkan setelah ada insan yang membantu untuk membawa PK1 ke hospital. PK1 tidak tahu apa yang mendorong beliau untuk bertindak sedemikan rupa. Pada beliau, beliau tidak sanggup lagi untuk meneruskan hidup dan hanya memikirkan untuk melupakan dan lari dari segala masalah. Pengetahuan agama yang sangat cetek membuatkan beliau tidak hiraukan antara dosa dan pahala. Apa yang penting beliau dapat membebaskan diri dari tekanan hidup yang dilalui saat itu. Walaupun perkara ini telah lama berlalu, PK1 masih rasa menyesal yang amat dengan tindakan yang disifatkannya tindakan

yang paling bodoh seumur hidupnya. Penyelidik percaya PK1 benar-benar menyesal kerana PK1 menangis dan bersungguh-sungguh menyatakan rasa kesalnya sewaktu temubual. Kesenyapan yang berlaku untuk seketika menggambarkan rasa sesal dan pilu dalam diri PK1 (Me1/PK1).

Berbeza dengan perkahwinan kedua. Perkahwinan kedua beliau sangat membahagiakan walaupun tempoh perkahwinan hanya setahun. Membahagiakan pada PK1 bermaksud mereka tidak pernah bergaduh dan sentiasa gembira. Perkahwinan PK1 dilakukan secara rahsia di Medan, Indonesia yang mana hanya diketahui oleh kedua ibu bapanya. Perkahwinan ini dirahsiakan kerana beliau merupakan isteri kedua dan tidak mahu umum mengetahui status dirinya yang baru. Madu PK1 sedia maklum dengan perkahwinan ini. Walaubagaimanapun kebahagiaan yang dirasai tidak kekal lama.

Suami PK1 meninggal dunia ketika anak perempuan mereka berusia empat bulan dalam kandungan. Dokumen pernikahan semuanya berada di Medan dan individu yang menguruskan pernikahan itu telah pun meninggal dunia. Bagi memudahkan urusan pendaftaran nama anak di Jabatan Pendaftaran Negara, PK1 meletakkan Abdullah sebagai nama bapa. Hal ini sebenarnya memberi kesan yang mendalam kepada anak perempuan beliau yang tertanya-tanya siapakah bapanya yang sebenar sehingga bertindak secara tidak wajar terhadap ibunya. Keadaan ini sekaligus memberi cabaran yang hebat kepada PK1 sepanjang kehidupannya.

PK1 turut berkongsi saat-saat indah bersama suaminya. Sepanjang bersama, tidak sekalipun beliau merasa hidup susah. Sebelum bertemu jodoh pada usia 42 tahun, mereka pernah bertunang tetapi terputus di tengah jalan kerana suaminya yang pertama dapat menawan hati ibu PK1. Bekas tunang yang akhirnya menjadi suami merupakan impian yang menjadi kenyataan. Arwah merupakan seorang usahawan beras. Setahun

bersama arwah, tidak banyak konflik berlaku antara mereka. Jika ada pun sekadar pergaduhan kecil yang berpunca dari jiwa wanitanya yang sensitif. PK1 berpendapat kemungkinan tempoh masa setahun membuatkan mereka masih berada dalam tempoh perkenalan dan bulan madu dalam rumahtangga. Perkara yang boleh menyejukkan pergaduhan kecil mereka ialah arwah sering membawa PK1 membeli belah dan makan angin. Selain itu, arwah juga selalu membawa PK1 ke hotel tempat arwah menyanyi. Arwah berbakat dalam nyanyian dan bidang muzik terutamanya bermain piano. Kelunakan suara arwah berjaya memujuk hati PK1 setiap kali dirinya merajuk.

Mengingat kembali saat perginya arwah, PK1 menyedari berlaku perubahan pada diri arwah. Arwah tidak seceria biasa. Arwah sering bermasam muka dan mereka juga ada sedikit bergaduh kerana arwah kerap memberi arahan di akhir hayatnya. Sedangkan sebelum ini semuanya arwah lakukan sendiri dan melayan PK1 seperti menatang minyak yang penuh. Apabila difikirkan semula, PK1 melihat perubahan arwah itu sebagai tanda yang arwah akan pergi. Arwah memang pernah disahkan menghidap sakit jantung, tetapi kepergiannya tidak dijangka seawal itu. Oleh kerana pernah hidup bersendirian sebelum berkahwin semula, kehilangan arwah tidaklah memberi impak yang besar pada diri PK1 malah lebih memberikan semangat baru kepada PK1. Walaubagaimanapun, perasaan terkejut dan sedih tetap wujud pada ketika itu, hanyalah rasa itu masih berjaya diatasi.

**b. PK2**

PK2 adalah seorang ibu tunggal yang telah kematian suami akibat sakit jantung sejak lapan belas tahun yang lepas, iaitu pada usianya empat puluh lima tahun. Beliau mempunyai seorang anak lelaki yang sedang belajar di peringkat sarjana di luar negara. Umur beliau kini ialah enam puluh empat tahun dan masih bekerja sebagai pensyarah kontrak di sebuah universiti tempatan. Beliau tinggal bersama ibu dan

pembantu rumah di Taman Permata, Kuala Lumpur. Kehidupan beliau sebagai seorang balu kelihatan tiada masalah memandangkan beliau mendapat sumber kewangan dari pekerjaan sekarang dan dari harta peninggalan suami. Walau bagaimanapun, beliau masih lagi berdepan dengan cabaran-cabaran tertentu yang tidak dapat dielakkan sepanjang bergelar ibu tunggal.

Menurut penceritaan PK2, beliau berkahwin dengan arwah pada usia yang agak lewat untuk wanita pada zaman itu, iaitu ketika berusia 30 menghampiri 31 tahun. Mereka dikenalkan oleh suami sepupu PK2. Setelah berusaha untuk menjumpakan PK2 dan arwah, akhirnya mereka dapat berjumpa dan diijabkabulkan selepas enam bulan berkenalan. Perkenalan dalam tempoh masa yang singkat membuatkan PK2 seolah-olah tidak percaya beliau boleh berkahwin dalam tempoh masa enam bulan. PK2 merasakan itu semua kuasa Tuhan dan menerima jodoh itu dengan hati terbuka. Arwah merupakan seorang yang berpangkat besar di Bank Negara Malaysia. Oleh itu kehidupan PK2 mewah sejak dari awal perkahwinan lagi. PK2 tidak pernah merasa susah ketika hayat arwah. Beliau dan arwah sering bercuti ke luar negara sebelum dan selepas memperoleh zuriat. PK2 berkongsi gambar kenangan ketika bercuti di luar negara bersama arwah suami (DSS1/PK2). Disebabkan itu PK2 pernah membuat keputusan untuk bersara seawal usia 45 tahun hanya kerana ingin mengelilingi dunia bersama suaminya.

Pasangan ini boleh melancong ke luar negara dengan mudah kerana pasa ketika itu masih belum dikurnikan cahaya mata. Mereka dikurniakan zuriat agak lewat kerana ada sedikit masalah kesihatan yang menyukarkan proses untuk mengandung. Sepanjang bercuti ke luar negara, mereka tidak melepaskan peluang untuk berjumpa pakar sakit puan sebagai ikhtiar untuk memperoleh zuriat. Mereka tidak pernah berputus asa berusaha berubat di pelbagai tempat untuk mendapatkan anak. Pertanyaan

sanak saudara setiap kali pulang ke kampung sebelah arwah membuatkan PK2 tertekan dan lebih bersemangat untuk mendapatkan zuriat. Akhirnya, lahirlah seorang anak lelaki setelah tujuh tahun menunggu. Dengan lahirnya anak lelaki pertama dalam keluarga PK2, dapatlah menutup mulut setiap individu yang sentiasa bertanyakan tentang anak sebelum ini. PK2 turut merasakan betapa sempurnanya kehidupan sejak menerima kehadiran insan baru dalam keluarga mereka.

Melihat kehidupan semasa hayat arwah, arwah banyak melatih PK2 untuk menguruskan hal-hal kebajikan rumah. Dari awal perkahwinan lagi mereka telah membina sistem untuk menguruskan keluarga mereka. Urusan dalam rumah adalah tanggungjawab isteri manakala urusan luar rumah adalah tanggungjawab suami. Walaupun mempunyai pembantu rumah, PK2 masih perlu menguruskan hal rumah tangga dengan memastikan segalanya berada dalam keadaan teratur dan sempurna. Sebagai contoh, urusan bil rumah, keperluan barang-barang rumah, susun atur dalam rumah, dan urusan anak semuanya adalah di bawah pengawasan PK2. PK2 menganggap tanggungjawab ini sebagai latihan untuk beliau berdikari dan terbukti setelah kematian suaminya, PK2 mampu menguruskan keluarganya dengan baik, bukan sahaja setakat anaknya, malah menguruskan adik-beradik suaminya juga.

Mengimbau saat kematian suaminya, PK2 redha dengan kehilangan yang tersayang. Beliau berada disamping arwah saat arwah menghembuskan nafas yang terakhir. Arwah jatuh sakit tiga bulan sebelum meninggal dunia. PK2 tidak merasa kesal atau terkilan apabila suaminya pergi dahulu walaupun harapannya adalah suaminya yang menjaga beliau di usia tua. Beliau merasakan dirinya sudah pun memberi khidmat yang terbaik dan sepenuh perhatian untuk arwah kerana sempat menjaga dan menguruskan arwah ketika arwah sakit. PK2 menyifatkan kematian suaminya adalah hikmah terbesar kenapa beliau tidak meneruskan untuk pencen

sewaktu umurnya 45 tahun. Arwah sentiasa meminta PK2 untuk berfikir sedalamnya sebelum membuat keputusan berhenti kerja. Arwah tidak bersetuju jika PK2 ingin bersara awal. Beliau juga turut merasakan kehidupannya dengan arwah terlalu singkat; berkenalan selama 6 bulan, berusaha mendapatkan anak selama 6 tahun, dapat bersama-sama menjaga anak sehingga usia 6 tahun dan meninggalkan mereka berdua untuk selamanya.

**c. PK3**

Sebagai seorang pesara kerajaan, PK3 yang berusia lima puluh enam tahun berasa lebih tenang setelah tujuh belas tahun membawa status sebagai ibu tunggal. Arwah suaminya pergi meninggalkan mereka sekeluarga akibat serangan sakit jantung. Beliau kini menjadi suri rumah sambil menguruskan cucu dan tinggal bersama anaknya di Kuala Lumpur. Beliau mempunyai tiga orang anak perempuan dan seorang anak lelaki. Anaknya ada yang sudah berumah tangga, sudah bercerai dan dua lagi masih belum berumah tangga. Berlatarbelakangkan akademik peringkat STPM, beliau kini tidak membuat sebarang pekerjaan tambahan untuk menampung kehidupan selepas bersara kerana merasa cukup dengan pencen yang diperoleh di samping anak-anak turut menghulurkan wang belanja bulanan walaupun bukan atas kehendak beliau.

Perkongsian tentang arwah suami beliau dimulakan dengan bagaimana jodohnya ditentukan dengan arwah. Arwah merupakan sepupu kepada PK3. PK3 merupakan seorang yang sangat pemalu. PK3 juga merupakan individu yang mempunyai keyakinan diri yang rendah kerana merasakan dirinya tidak cantik dan tiada sesiapa yang ingin berkahwin dengannya. Jodohnya ditentukan oleh kedua-dua pihak keluarga kerana keluarga arwah sangat tertawan dengan nilai kewanitaan yang ada pada PK3. Seingat PK3, beliau pernah mendengar cerita tentang arwah yang akan berkahwin dengan individu lain. Disebabkan itu PK3 sangat terkejut apabila keluarga

ingin menjodohkan mereka bersama. Walaubagaimanapun, mereka menerima jodoh itu dengan hati terbuka.

Setelah berkahwin, mereka dikurniakan empat orang anak dengan jarak setahun seorang anak. Sebagai ibu yang berkerjaya dan mempunyai anak-anak yang masih memerlukan perhatiannya, PK3 mengaku dirinya sangat penat dan letih kerana arwah bukanlah seorang yang ringan tulang membantu menguruskan rumahtangga dan anak. Hatta waktu makan sekalipun, arwah tidak pernah mengambil pinggannya sendiri. Urusan anak hanyalah urusan yang berkaitan dengan nafkah anak dan pelajaran anak. Arwah telah terlatih dalam keluarganya urusan rumahtangga dan anak adalah tugas isteri. Oleh itu bukan menjadi kewajipan untuk beliau membantu isteri menguruskan hal-hal rumah. Walaupun arwah berprinsip sebegitu, PK3 menyifatkan arwah seorang yang baik hati dan tidak kedekut. Arwah sentiasa menyediakan keperluan rumah yang cukup dan memastikan anak-anak mendapat pendidikan dan keperluan seperti yang sepatutnya. Sekurang-kurangnya sifat ini dapat mengurangkan sedikit penat PK3 kerana arwah tidak melepaskan tanggungjawab utamanya sebagai seorang ayah dan suami.

PK3 juga menggambarkan arwah seorang yang penyayang dan lembut. Namun sifat ini berubah di malam hari kematiannya. Arwah tiba-tiba mengadu sakit dada di rumah dan PK3 merasakan arwah perlu dibawa ke hospital secepat mungkin. Setelah memastikan anak-anak berada dalam keadaan selamat untuk ditinggalkan, PK3 terus membawa arwah ke hospital. Arwah tidak pernah meninggikan suara terhadap PK3. Walaubagaimanapun di hari kematiannya, dalam perjalanan ke hospital, arwah telah menaikkan suara kepada PK3 hanya kerana PK3 berhenti ketika isyarat lampu merah. PK3 memandu dalam keadaan panik dan tidak terfikir untuk terus memandu walaupun lampu isyarat sedang merah. Pada waktu itu arwah sedang menahan sakit jantung yang

teramat dan tanpa sedar telah meninggikan suaranya. Arwah tidak sempat diselamatkan walaupun telah sampai di hospital. Saat mendapat berita kematian itu, PK3 terasa dunianya gelap dan kelam. PK3 tidak mampu berdiri dan perlu dipapah. Berita kematian itu merupakan kejutan yang besar baginya walaupun PK3 sedia maklum sakit yang dialami oleh arwah. PK3 turut mengakui ingatannya seolah hilang untuk seketika akibat dari perasan terkejut yang melampau.

**d. PK4**

PK4 merupakan seorang guru lepasan maktab yang sedang menyambung pelajaran secara separuh masa di peringkat sarjana muda. Ibu tunggal yang berusia empat puluh enam tahun dan mempunyai sepasang anak remaja yang sedang membesar mengakui agak tertekan dengan kematian arwah suami di peringkat awalnya. Tambahan pula, anak lelakinya yang berusia tiga belas tahun menghidap autisme. Beliau baru kehilangan suami dalam tempoh dua tahun dan masih dalam proses menyesuaikan diri. Beliau dan anak-anak tinggal di kuarters guru di Bandar Sri Permaisuri. Sebagai anak tunggal yang telah kematian ibu, dan bapanya pula sedang sakit tenat, ditambah pula adik beradik arwah suami juga hanya dua orang yang juga telah meninggal, beliau merasakan hidupnya sebatang kara dan tidak mempunyai sesiapa selain dari anak-anak. PK4 jarang sekali bertemu ayahnya di Perak kerana kekangan masa disebabkan oleh jadualnya yang padat serta anak perempuan yang dalam tahun peperiksaan. Beliau lebih selesa pulang ke rumah kakak angkat arwah suami di Melaka kerana jarak yang lebih dekat dan hubungan emosi yang lebih rapat.

Tidak banyak yang dikongsikan PK4 tentang sejarah awalnya dengan arwah. PK4 telah berkahwin dengan arwah pada tahun 1993 sejurus selepas tamat pengajian di maktab perguruan. Sepanjang hayat bersama arwah, PK4 sangat gembira kerana tidak perlu memikirkan banyak perkara. Arwah suaminya menguruskan segalanya

untuk beliau selepas arwah mendapat pampasan berhenti kerja awal, dari hal rumah hinggalah hal anak-anak. Beliau memang tidak tahu menahu hal berkaitan rumah walaupun setakat menukar mentol lampu. Pada beliau, jika berlaku apa-apa di rumah, suami ada untuk uruskan. Anak lelakinya yang menghidap autisme juga turut diuruskan oleh arwah. Arwah sudah biasa dengan karenah anaknya dan tahu apa yang perlu dilakukan seandainya anaknya bertindak di luar batasan. Disebabkan inilah PK4 terasa janggal apabila urusan rumah dan anak tergalas pada bahunya. Lebih-lebih lagi PK4 sedang berusaha keras untuk menamatkan pengajiannya.

Bercerita tentang kematian arwah, air mata yang mengalir sepanjang berkongsi cerita menggambarkan ingatan terhadap arwah masih lagi segar. Bebanan yang tergalas dapat dirasakan apabila PK4 langsung tidak dapat meneruskan temubual kerana hanya mampu menangis tanpa henti (Me1/PK4). Menurut PK4, suaminya meninggal akibat strok. Arwah terjatuh dalam bilik air dan terus mendapat strok. Tarikh berlakunya insiden ini ialah pada 22 Januari 2012 dan meninggal pada 2 April 2012. Setelah beberapa bulan sakit terlantar di hospital HUKM, arwah dibawa pulang ke Melaka untuk dijaga oleh kakak angkatnya. Pada peringkat awal, arwah menunjukkan peningkatan kesihatan selepas sebulan kerana penyakit darah tinggi yang dihidapinya telah kembali normal. Apa yang merisaukan PK4 ialah arwah tidak mahu makan langsung. Arwah sekadar makan ubat, tiada selera untuk makan. Jika makan sekalipun arwah akan muntah. Keadaan badan yang lemah menyebabkan arwah dimasukkan semula ke hospital di Melaka. Arwah terpaksa dibedah kerana mengalami kegagalam buah pinggang. Kesan dari pembedahan ini menyebabkan arwah semakin lemah dan akhirnya meninggal tanpa PK4 di sisi.

Sewaktu kematian arwah, PK4 berada di kediaman mereka di Bandar Seri Permaisuri. Saudara mara tidak dapat menghubungi PK4. Panggilan telefon tidak

berjawab. Cubaan memanggil PK4 dari bawah pangsapuri tempat tinggal PK4 juga tidak berkesan. Mereka terpaksa memanjat apartmen PK4 untuk memberi khabar berita kematian arwah. Tindakan ini membuatkan PK4 trauma sehingga ke saat ditemubual kerana menyangkakan rumahnya dimasuki penyamun. Perasaan menyesal menyelubungi diri apabila mendapat tahu tentang kematian arwah kerana PK4 tidak berada di sisi arwah di saat kematiannya.

**e. PK5**

Kehidupan PK5 dilihat sangat berbeza dari peserta kajian yang lain.Tidak banyak yang diceritakan tentang kehidupan sebelum kematian arwah. PK5 banyak berkongsi tentang dirinya selepas bergelar ibu tunggal. PK5 merupakan peserta kajian termuda yang berumur empat puluh satu tahun. Beliau mempunyai tujuh orang anak yang masih bersekolah, dari tadika sehinggalah ke sekolah menengah. Mereka tinggal di kuarters DBKL kerana arwah suami bekerja di situ. Pada tiga tahun yang lepas, arwah suaminya meninggal dalam sebuah kemalangan maut yang mengerikan sewaktu hendak pergi bertugas sebagai wataniah. Seorang dari anaknya yang paling diharapkan juga telah pergi menghadap Ilahi setahun selepas kematian arwah suaminya. Kematian anaknya juga sama seperti arwah bapa mereka. Keluarga mereka tidaklah seberada mana walaupun ketika arwah masih ada. Disebabkan itulah arwah suaminya membuat kerja sampingan sebagai wataniah. Selepas ketiadaan arwah hidupnya bergantung pada pencen arwah yang tidak seberapa, bantuan zakat dan juga hasil berjaja makanan ringan di kawasan kuarters DBKL tempat beliau dan anak-anak berteduh. Beliau menyifatkan kehidupannya seperti kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Sewaktu arwah masih ada, anak-anak merasa takut dengan bapa mereka kerana arwah seorang ayah yang garang. Rasa takut ini menyebabkan anak-anak tidak terlalu

rapat dengan ayah mereka. Walaupun begitu, tidak dapat dinafikan mereka sekeluarga sangat sedih dengan kehilangan arwah terutamanya PK5. Pemergian arwah secara tiba-tiba memberi tamparan hebat kepadanya. Lebih-lebih lagi apabila jenazah arwah hancur dan PK5 terpaksa berada di bilik mayat untuk proses pengecaman mayat. Otak dan badan yang berterabur di jalan raya menyukarkan PK5 untuk mengecam mayat. Arwah dicam dari tanda lahir di bahagian peha dan juga giginya.

Berdasarkan penceritaan dari PK5, berita kematian suaminya disampaikan oleh jiran mereka. Sebelum berita kematian ini sampai kepada PK5, jiran mereka datang ke rumah dan bertanya di mana suaminya kerana memerlukan sedikit bantuan, sedangkan pada ketika itu mereka sebenarnya datang untuk menyampaikan berita yang mengubah nasib mereka sekeluarga. Tujuan jiran bertingkahlaku sedemikian adalah untuk memastikan samada PK5 sudah mendapat berita atau sebaliknya. PK5 cuba menghubungi suaminya menggunakan telefon awam berdekatan rumah mereka dan malangnya telefon rosak. Semua anak-anak mengikutnya ke pondok telefon tersebut. Pada waktu itu perasaannya seperti terganggu dan mula memikirkan perkara yang di luar jangkaan. Perasaan berdebar-debar, perut yang memulas dan tidak tentu arah melanda hatinya. PK5 patah balik ke rumah dan meminta bantuan dari jiran untuk meminjam telefon rumah. Dalam keadaan terpinga-pinga, PK5 menuju ke rumah jiran tersebut. Apabila pulang didapati anak-anak sedang menangis dan bertanyakan padanya adakah benar ayah mereka telah meninggal. PK5 seolah-olah tidak dapat menerima pertanyaan anaknya.

Menjelang waktu maghrib, beliau menerima kunjungan pegawai dari Kem Komanden menyampaikan berita kematian arwah. Sejurus mendapat berita kematian suaminya, PK5 terus pengsan dan rebah. Suaminya kemalangan di Lebuhraya Ulu

Kelang, dalam perjalanan menuju ke Serendah, tempat bertugas arwah. Kehilangan suami yang tiba-tiba sangat melemahkan semangatnya pada ketika itu.

**f. PK6**

Peserta kajian yang terakhir, PK6 merupakan seorang ibu tunggal yang pendiam dan tidak banyak bergaul dengan orang sekeliling. Menurut PK6, melimitasikan pergaulan mampu mengelakkan dari buah mulut orang ramai. Oleh itu beliau selesa dengan personalitinya yang pendiam dan tidak banyak bercakap. Beliau merupakan seorang ibu yang berusia lima puluh satu tahun dan menjadi balu seawal usia dua puluh lapan tahun. Kini beliau tinggal bersama anaknya di Balakong. Hasil perkahwinan dengan arwah, beliau telah dikurniakan seramai empat orang anak, dua lelaki dan dua perempuan. Semasa suaminya meninggal, anak yang sulung baru berumur enam tahun dan yang bongsu berumur dua tahun setengah. Kini, dua anaknya telah pun berkahwin manakala dua lagi masih bujang. Salah seorang anak perempuannya agak istimewa bagi mereka sekeluarga kerana berperangai agak kebudak budakan. Kehidupannya sederhana dan disebabkan dengan sifat redha dalam dirinya, beliau sangat tenang dan selesa dengan status sebagai balu. Perbelanjaan harian beliau ditampung dari pencen arwah, hasil kutipan rumah sewa dan sumbangan dari anak-anak.

Bercerita tentang kenangan manisnya bersama arwah, PK6 sebenarnya sekampung dengan arwah sejak zaman kanak-kanak lagi. Sedari kecil, mereka sering pergi kelas mengaji bersama, bermain sorok menyorok bersama. Mereka tidak pernah bercinta malah PK6 sangat benci pada arwah sebelum mereka dikahwinkan. Betul seperti kata pepatah, jangan terlalu bencikan seseorang, nanti akan jatuh kasih. Perkara ini lah yang berlaku pada PK6. Arwah memang sejak awal lagi menyukai PK6. Apabila ibu bapa arwah mendapat tahu tentang niat anak mereka untuk menikahi PK6,

mereka sangat teruja kerana PK6 merupakan calon menantu pilihan. Setelah diijabkabulkan mereka hidup dengan bahagia sehinggalah arwah diuji dengan sakit barah perut.

Arwah pergi meninggalkan mereka dua puluh dua tahun yang lepas akibat menderita sakit barah perut. Mereka hanya tahu penyakit arwah ketika sudah di tahap empat. Arwah sering mengadu sakit perut dan akhirnya disahkan menghidap barah perut setelah membuat pemeriksaan kesihatan di hospital Temerloh. Arwah sendiri hanya mengetahui dirinya berpenyakit pada waktu itu. Setelah menderita sakit selama enam bulan, akhirnya arwah meninggalkan mereka sekeluarga. PK6 berkesempatan untuk berada di sisi arwah saat arwah menghembuskan nafas yang terakhir di hospital. Beliau tidak pernah menyangka suaminya pergi seawal itu. Walaubagaimanapun beliau menerimanya dengan hati yang terbuka. Tangisan kesedihan mengiringi kematian arwah. Saat itu dunia terasa gelap dan dalam fikirannya hanya memikirkan anak-anak. Rasa terkilan di hati kerana anak-anak tidak sempat melihat arwah ayah mereka di hospital di akhir hayatnya.

## Dapatan Kajian

Setelah selesai proses analisis data, tujuh tema telah pun dikenal pasti dan ditulis secara terperinci mengikut kronologi pengalaman peserta kajian. Setiap tema diperincikan mengikut persoalan kajian seperti yang berikut;

1. Apakah maknanya menjadi ibu tunggal?
2. Bagaimanakah strategi daya tindak yang digunakan oleh ibu tunggal dalam menangani isu dan cabaran yang dihadapi?

Secara umumnya, hasil dapatan menunjukkan wujudnya kronologi pengalaman peserta kajian bermula dari sebelum kematian suami sehinggalah bergelar status ibu tunggal. Selepas kematian suami, mereka mula memberi makna kepada

perkara yang berlaku keatas diri mereka. Makna menjadi ibu tunggal dilihat dari tiga aspek utama; perasaan, pemikiran dan tingkahlaku. Tiga aspek utama ini dirangkumkan dan terhasillah tema persepsi menjadi ibu tunggal, peranan ibu tunggal dan juga cabaran yang mereka terpaksa hadapi. Cabaran yang dihadapi memberikan tekanan yang besar dalam kehidupan mereka. Pada masa yang sama mereka perlu bangkit dari kesedihan dan kekecewaan yang dirasai. Untuk bangkit dari kesedihan dan kekecewaan yang dirasai, ibu tunggal perlukan daya tindak yang sesuai dengan diri mereka. Oleh itu empat strategi daya tindak telah dikenalpasti dalam membantu ibu tunggal untuk meneruskan kehidupan mereka. Strategi daya tindak yang digunakan merangkumi; amalan pendekatan spiritual, penyesuaian emosi dan kognitif, sistem sokongan sosial, dan bertingkahlaku positif. Keadaan ini turut memberi peluang kepada peserta kajian untuk menilai diri mereka sejauh mana mereka telah berjaya sebagai ibu tunggal. Ringkasnya, tema disusun dalam bentuk carta alir yang memudahkan penyelidik menggambarkan dan memahami pengalaman peserta kajian seperti Rajah 4.1.




*Rajah 4.1* Pengalaman kehidupan ibu tunggal yang kematian suami

**Soalan Kajian 1: Apakah maknanya menjadi ibu tunggal?** Makna menjadi ibu tunggal merujuk kepada refleksi makna menjadi ibu tunggal dalam kehidupan peserta kajian. Peserta kajian banyak memberi makna terhadap apa yang dirasai, dilalui dan tindakan yang diambil bagi setiap sesuatu yang berlaku. Hasil dari analisis data menunjukkan tiga tema utama telah muncul bagi menjawab persoalan makna menjadi ibu tunggal. Tiga tema ini merangkumi;

1. Maksud dan persepsi tentang status ibu tunggal
2. Peranan dan tanggungjawab ibu tunggal
3. Cabaran yang dihadapi sebagai ibu tunggal

***Maksud dan persepsi tentang status ibu tunggal.*** Hasil dari temu bual yang dijalankan, setiap peserta kajian melihat makna menjadi ibu tunggal dengan memberikan ciri-ciri yang ada pada seorang ibu tunggal. Mereka juga mempunyai persepsi peribadi berkaitan ibu tunggal. Hasil rumusan dari enam peserta kajian memberikan makna ibu tunggal yang bersifat umum dan tidak spesifik pada apa yang sedang mereka lalui. Sub tema yang menggambarkan makna dan persepsi ibu tunggal adalah;

a. Wanita yang mempunyai anak tetapi telah kehilangan suami dan tidak berkahwin semula
b. Anak sebagai fokus utama
c. Bersendirian menguruskan segala urusan keluarga
d. Tiada perasaan untuk berkahwin semula
e. Selesa dengan gelaran balu
f. Berdepan dengan stigma masyarakat

**a. Wanita yang mempunyai anak tetapi telah kehilangan suami**

Perkara utama yang dikongsikan apabila bertanya tentang makna menjadi ibu tunggal ialah maksud ibu tunggal itu sendiri. PK1 dan PK2 melihat ibu tunggal sebagai isteri yang ketiadaan suami. Mereka melihat ibu tunggal sebagai wanita yang mempunyai anak tetapi sudah tiada suami. PK1 berpendapat ibu tunggal yang kematian suami berbeza dengan bercerai hidup kerana ibu tunggal yang bercerai lebih cenderung untuk berkahwin semula kerana rasa dendam yang ada terhadap bekas pasangan.

> Yelah ibu tunggal ni yelah, seorang ibu yang tiada suami yang menjaga anak ya aaa itu ibu tunggal lah. Dia tiada suami besarkan anak, dan dia mencari pendapatan dia sendiri
>
> (PK1/I1/1:676)

> tapi selalunya I consider ibu tunggal ni orang yang mati suami lah. Yang tak kawin balik. Itu ibu tunggal tapi kalau dah kawin balik takde lah jadi ibu tunggal kan.
>
> (PK1/I1/1:676)

> Orang kematian suami ni lain pulak rasanya, dia selalunya dia tidak akan adalah nak kawin lain pasal apa dia akan ingat segala kebaikan suami dia yang lama. Tapi kalau orang yang cerai hidup ni, ada hati mesti ada keinginan dia nak kawin lain, mesti ada pasal apa, semua ada perasaan dalam diri dia,ia tak. Pasal apa cerai mesti dia tak gembira kan dan tak gembira pasal apa tak gembira mesti banyak yang tak baik berlaku kan, jadi hati dia pun orang kata mendendam tambah lah tengok laki dia kawin lain eh ko ingat ko sorang je boleh kawin, aku pun boleh kawin, why should I get married you know dendam tu ada. Itu pada saya lah.
>
> (PK1/I1/1:688)

Kenyataan ini turut disokong oleh PK2. Menurut PK2, ibu tunggal merupakan golongan mereka yang berstatus ibu, mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak dan telah kehilangan suami. Kehilangan suami ini boleh berpunca dari kematian suami mahupun diceraikan suami.

> Dia yang berstatus ibu, ada anak atau beberapa orang anak tapi tidak ada suami, samada suami itu dah menceraikan dia ataupun suami itu dah diambil, dah pergi dulu lah makna nya kan, dah mati, itu lah yang saya rasa maksud ibu tunggal

(PK2/I1/9:86)

> Ibu tunggal bererti ibu yang tidak ada suami lagi, seorang perempuan yang sudah, dia yang berstatus ibu, ada anak atau beberapa orang anak tapi tidak ada suami, samada suami itu dah menceraikan dia ataupun suami itu dah diambil, dah pergi dulu lah makna nya kan, dah mati, itu lah yang saya rasa maksud ibu tunggal, jadi tunggal disitu, kita lah yang menjadi ibu dan bapak kepada anak yang tinggal itu.

(PK2/I1/9:539)

Kesimpulannya, PK1 dan PK 2 melihat ibu tunggal sebagai ibu yang mempunyai anak tetapi telah pun kehilangan suami. Perbezaan juga wujud bagi kelompok ibu tunggal yang kematian suami dan ibu tunggal yang diceraikan suami.

**b. Anak sebagai fokus utama**

Setelah menjadi ibu tunggal, peserta kajian tidak menafikan mereka lebih menumpukan perhatian pada anak-anak dan diri sendiri. PK1 merasakan dirinya lebih bebas setelah kematian suami. Apa yang dimaksudkan bebas dari persepsi PK1 ialah, PK1 merasakan tanggungjawabnya sudah berkurang. Tanggungjawab kini hanya tertumpu pada anak dan dirinya sahaja. PK1 tindak lagi perlu memohon izin dari suami untuk melakukan sebarang aktiviti.

> Yes, ya tanggungjawab tu dah berkurang kan,kita hanya bertanggungjawab pada diri sendiri dan anak-anak yang ada kan. Kebebasan pun orang kata tak terhad lah, asalkan kita tahu limit kita kan, kita tak ada kena minta permission pada orang nak minta keluar, permission apa ni…kita buat keputusan sendiri

(PK1/I1/1:141)

PK1 bahawa menyatakan peluang untuk berkahwin semula selepas menjadi ibu tunggal sentiasa ada. Walaubagaimanapun, PK1 memilih untuk mengelakkan diri dari berkahwin semula kerana ingin menumpukan sepenuh perhatian pada anak kecilnya yang. PK1 mengakui lebih selesa begitu kerana beliau hanya perlu menjaga hati diri sendiri dan anak sahaja, tidak perlu menjaga hati orang lain.

> Memang ada peluang, banyak peluang tapi elakkan diri dari berkahwin lah, tumpukan kepada anak je, masa tu anak sorang yang kecil tu, anak ketiga pun dah berumahtangga, jadi yang kita orang kata, apa yang kita nak buat tu boleh buat orang kata kan. Tidak ada macam tidak ada kita memikirkan yelah orang lain yang terlibatkan, kita jaga hati kita sendiri je. Saya rasa lebih senang lah daripada ada suami, hehehe
>
> (PK1/I1/1:171)

Mereka juga beranggapan ibu tunggal merupakan ibu yang mempunyai ramai anak yang tidak boleh diabaikan. Segala apa yang dilakukan semuanya adalah untuk anak. Ini disokong oleh penyataan dari PK2 dan PK5.

> Yang masalahnya ialah anak ramai nak bagi makan. Itu tak terdaya nak bagi makan, cukup makan. Tak terdaya nak sekolahkan sampai habis. Itu ibu tunggal.
>
> (PK2/I2/10:138)

> Kalau anak tu masih kecil kan expectation of the society tu towards a widow is that you don't abandon your children. Even though your husband is gone, you don't abandon your children.
>
> (PK2/I3/11:60)

> Sebab fikir anak-anak je. Sebab bukan apa, kita ada anak-anak kan? Anak akak kecil lagi.
>
> (PK5/I2/18:593

**c. Bersendirian menguruskan urusan keluarga**

Setelah kematian suami, terdapat banyak urusan yang perlu diurus tadbir oleh ibu tunggal. Mereka perlu menguruskan segala hal bermula dari hal anak-anak sehinggalah kepada hal pengurusan rumah. Bagi PK 1, selepas kematian suami, beliau

tiada lagi tempat untuk mengadu dan berkongsi masalah. Beliau juga perlu menguruskan urusan utiliti rumah dan terpaksa berdikari.

> Tak ada tempat nak mengadu tak ada tempat nak mencurahkan aaa yelah apa-apa yang kita rasa kan. Lagi satu kita kena cuba berdikiri buat sendiri. Dulu orang kata ada suami, dialah yang pergi bayar bil duit api, duit air, semua dia uruskan. Kalau pergi pasar sama dengan kita pendek kata adalah. Tapi masa dah tinggal sorang tu time tu lah baru kita rasa kesusahan dari segi fizikal kita lah kan, kita kena buat benda semua seorang diri, tak ada orang yang nak membantu kita.
>
> (PK1 /I1/1:118)

PK2 merasakan sebagai ibu tunggal, tugas utama bukanlah semata-mata untuk memastikan anak-anak mendapat makanan yang cukup. Sebagai seorang ibu tunggal, PK2 perlu menguruskan segala-galanya termasuklah, keperluan dalam dan luar rumah, serta urusan cukai dan insurans yang berkaitan dengan pemilikan harta yang mereka ada.

> keseluruhan beban kita yang pikul lah semua, kebetulan saya ini tidak ramai anak, kalau ramai anak mungkin beban itu kuat lah sikit kan, banyak lah lagi, tapi walaubagaimanapun ada juga beban nya, Ibu tunggal bukan sahaja nak bagi makan anak kiranya, tapi juga kita kena uruskan segala – galanya, kalau dulu masa kita kahwin, ada beberapa bahagian itu, bahagian rumahtangga itu suami yang deal, he look after it, tapi ada beberapa bahagian saya, macam tadi ye saya kata, on the home front saya jaga ye,
>
> (PK2/I1/6:544)

> Jadi bila dah jadi ibu tunggal, segala perkara yang dia handle dulu itu, I have to handle it, di tambah lagi dengan segala harta – harta dia, nak di tukar nama, itu yang mengambil masa lama itu, nasib baik saya ada anak jantan, jadi anak jantan dia dah blok semua orang lain, adik beradik dia semua tak boleh claim (hentak meja), you tahu kan
>
> (PK2/I1/6:557)

Perkara yang sama turut dirasai oleh PK3. PK3 melihat; sebagai ibu tunggal, segala-galanya perlu dilakukan sendirian. PK3 bukan sahaja perlu menguruskan

dirinya malah perlu menguruskan keempat-empat anaknya. Istilah yang digunakan untuk menggambarkan dirinya ialah ‘sendirian berhad’. PK3 turut menyatakan bebanan keluarga sepenuhnya adalah keatas diri beliau kerana bebanan keluarga tidak dapat lagi dibahagikan bersama orang lain.

> Sendirian berhad lah. even you own living, you kalau you ada anak kena jaga sendiri, masalah anak-anak you tanggung sendiri, masalah you sendiri tanggung sendiri jugalah, so sendirian berhad lah maksudnya you on own.
>
> (PK3/I1/9:74)

> Sebelum itu kita rasa kita ada suami kita bahagi segala-galanya, benda minda, benda fizikal, semua la kita kongsi dua. Apabila kita tak boleh cope, kita boleh pass pada dia. Selepas arwah tak ada ni, totally segala-gala benda kita kena tanggung, mentally ke apa ke. Saya expect sekarang saya kena tanggung sorang. Tak ada bahagi dua dah. Kerana beban tu sepenuhnya atas bahu kita.
>
> (PK3/I3/3:9)

PK4 turut merasai bebanan yang perlu ditanggung sendirian. Bagi PK4, beliau merasakan, sebagai ibu tunggal, beliau bukan sahaja menjaga anak secara bersendirian tetapi segala urusan peribadi, utiliti, anak dan keluarga terpaksa dilakukan secara bersendirian.

> Pada saya maksud tunggal tu satu. Segala-galanya kita nak kena lakukan sendiri la. Tak pa bila kita sebagai seorang ibu, bila ada anak-anak jadi sepatutnya anak-anak ni ada ayah apa semua. Tapi sekarang ni kita yang ambil alih tugas tu
>
> (PK4/I1/8:38)

> Ya dalam banyak perkara la. Maksudnya kita lakukan segala-galanya secara bersendirian la
>
> (PK4/I1/8:41)

> bila arwah tak ada banyak benda rosak dekat rumah, jadi sebelum-sebelum ni memang bila air tu dia punya bocor la, apa sinki.. apa dekat dapur sinki bocor kalau dulu semua dia yang ganti kan. Peti ais rosak la apa semua saya buat sendiri la. Memang saya fikirkan nak lakukan sendiri.
>
> (PK4/I1/8:22)

Berdasarkan kepada hasil perkongsian PK5 juga, PK5 melihat tanggungjawabnya menjadi lebih besar selepas kematian suami kerana segala-galanya perlu dilakukan sendiri.

> Besarlah lagi tanggungjawab kita. Kita semua cari makan, kita semua nak uruskan. Persekolahan anak-anak ni. Tadi, mak..esok hari pergi sekolah tau. Ada yuran PIBG kena bayar kan? Mesyuarat. Tak pergi kot. Rasa bagi duit, suruh dia bayar. Tak pergilah, tak ada masa. Kalau pergi karang, nak tinggal berniaga, siapa yang nak jaga kedai kan?
>
> (PK5/I3/12:168)

PK6 juga bersetuju sebagai ibu tunggal, kehidupan adalah bersendirian. Tiada sesiapa yang membantu dalam membesarkan anak. Hanya ada ibu yang terus menguruskan segalanya.

> Kalau ibu tunggal tu bersendirian la dia, bela anak yang tak ada siapa nak bantu
>
> (PK6/I1/6: 59)

> Macam dia sendiri hidup bela anak, macam tu la. Kira tak ada siapa-siapa nak membantu.
>
> (PK6/I1/6:58)

Berdasarkan kepada petikan temubual diatas, dapat disimpulkan bahawa keenam-enam peserta kajian mempersespikan ibu tunggal sebagai satu fasa kehidupan yang bersendirian. PK1 dan PK4 merasa terbeban dengan setiap urusan rumah yang perlu diuruskan sendiri. PK2 bukan sahaja perlu menguruskan anak malah terpaksa menguruskan harta peninggalan arwah suami seorang diri. PK3 pula merasakan segalanya tergalas dibahu dan perlu diuruskan sendiri. Perkara yang sama turut dirasai oleh PK5 dan PK6. Mereka perlu menguruskan segalanya sendiri tanpa bantuan dari luar.

### d. Tidak berkahwin semula

Sebagai ibu tunggal yang telah kematian suami, ada masanya mereka memerlukan teman untuk berbicara. Mereka mungkin perlukan pengganti kepada arwah suami yang telah pergi. Walaubagaimanapun dapatan menunjukkan ibu tunggal merasakan tiada keprluan untuk berkahwin semula selepas menjadi ibu tunggal. PK1 memaklumkan bahawa ada pihak yang melamar, tetapi pada PK1, beliau lebih selesa hidup sendiri dari berkahwin semula kerana kebebasan yang diperolehnya. Mengingati kebaikan arwah suami membuatkan PK1 tidak pernah terfikir untuk berkahwin semula.

> Bagi saya perasaan tu pasal mungkin saya tak fikir saya nak berumahtangga ke, saya tak fikir nak ada, yelah, nak ada suami ke, tak ada, saya fikir saya hidup sendiri, kan. tak ada terpikir nak berumahtangga lah, walaupun ada peluang-peluang pun tak naklah orang katakan,pasal saya rasa saya lebih senang bersendirian kan, tak kecoh lah masa masih ada suami dulu kan, banyak orang yang nak dilayan, yelah itu ini.
>
> (PK1/I1/1: 88)

> Saya rasa lebih senang lah, pasal tu sampai sekarang saya tak nak kahwin, memang tak ada niat nak berumahtangga lagi, sebab saya rasa bebas.
>
> (PK1/I1/1:78)

> Tapi kalau laki tu cerai mati, memang orang kata tak kawin lain. Because kalau kita cerai hidup kita akan ingat kejahatan orang tu, hati sakit kan dendam tu ada, tapi misalnya kalau cerai mati kita akan ingat kebaikan dia aje, all the happinest you have with him.
>
> (PK1/I1/2:339)

Seperti mana yang diceritakan oleh PK5, PK5 turut memilih untuk tidak berkahwin semula memandangkan anak-anak masih kecil. Pk5 mengakui bahawa dirinya sering berhubung dengan kawan lamanya melalui telefon, tetapi tidak lah hingga ke peringkat mahu berkahwin. PK5 sekadar memerlukan orang dewasa untuk berkongsi masalah dan bercerita hal anak-anak.

> sebab akak tak ada niat nak kahwin. Biar akak besarkan diaorang dulu. Kalau bercakap berkawan sekarang kan, kalau ada jodoh tu, adalah. Akak kan nak berkawan dengan duda tu kan, ni yang anak akak tak suka tu. Akak kawan sajalah sebab bila kita stress dengan anak-anak kita, kita ada tempat nak mengadu tau.
>
> (PK5/I3/19:214)

PK6 juga memilih untuk tidak berkahwin semula. PK6 tidak pernah terfikir untuk berkahwin semula kerana memegang kepada amanah arwah suami. Arwah pernah berpesan kepada PK6 supaya mengelak dari berkahwin semula selepas ketiadaannya supaya mereka dapat bertemu semula di syurga.

> tak ada la fikir-fikir benda lain kan, nak fikir kahwin lain tu memang tak ada la. Memang jauh sekali la. dia pernah, sebelum dia meninggal tu dia pernah pesan la kalau boleh jangan kahwin lain la, sebab nanti dekat surga dia nak jumpa balik la.
>
> (PK6/I1/5:216)

Dari pembuktian yang telah diterangkan, dapat disimpulkan bahawa PK1, PK5 dan PK6 melihat makna menjadi ibu tunggal adalah dengan tidak berkahwin semula selepas kematian suami. Pada pendapat PK1, berkahwin semula menyekat kebebasannya kerana telah selesa hidup bersendirian. PK5 pula tidak berkahwin semula kerana memikirkan anak-anak yang masih kecil yang lebih memerlukan perhatian dari PK5. Bagi PK6, beliau perlu berpegang pada pesanan arwah suami untuk tidak berkahwin semula supaya dapat bertemu kembali di alam yang kekal nanti.

**e. Selesa dengan gelaran balu**

Memandangkan ibu tunggal yang ditemubual adalah dalam kalangan ibu tunggal yang kematian suami, separuh dari peserta kajian lebih selesa dengan panggilan balu berbanding panggilan ibu tunggal. PK2 melihat gelaran balu lebih sesuai kerana ia menggambarkan individu yang kematian suami dan tidak

menggambarkan kesusahan. Istilah ibu tunggal lebih membawa makna bahawa individu itu berada dalam kesusahan dan kepayahan.

> Ini..bagi sayalah..mungkin orang ramai tidak akan sependapat dengan saya. Yang I rasakan kalau bergelar balu..macam balu tu ialah..yelah, suami dah meninggal. Jadi, balu is just a widow, less of..less of..macam mana nak cakap eh..balu dengan ibu tunggal. Ibu tunggal tu more membawa makna kepada orang ni mesti susah.
>
> (PK2/I2/9:55)

PK5 menjelaskan dirinya adalah balu, bukan janda. Bagi Pk5, janda adalah merujuk kepada ibu tunggal yang bercerai hidup. PK5 terpaksa menjelaskan statusnya kepada anak-anak kerana tidak tahan anak-anaknya diejek di sekolah hanya kerana ibu mereka seorang ibu tunggal.

> Memang dah mak ni..orang kata apa..memang dah betul maknya janda. Tak apalah, mak bercerai mati, bukannya bercerai hidup. Mak ni balu, bukannya janda. Janda tu bercerai hidup. Cakap macam tu kan, nak sedapkan hati dia. Tak payahlah akak nak menangis-nangis
>
> (PK5/I3/19:190)

PK6 juga melihat dirinya seorang balu, balu yang telah kematian suami, bukannya seorang ibu tunggal yang bermasalah. Beliau hanya berstatus balu dan meneruskan kehidupan sebagai balu.

> ibu rasa ibu tak rasa, yang ibu rasa ibu balu yang kena tinggal dah tak ada suami, macam tu je la. Yang dah jadi balu macam tu ja la.
>
> (PK6/I1/6:197)

Oleh itu, berdasarkan petikan yang dikemukan, PK2, PK5 dan PK6 melihat diri mereka sebagai seorang balu, bukan seorang ibu tunggal. Panggilan balu adalah lebih sesuai kerana PK2 dan Pk6 merasakan diri mereka tidak bermasalah seperti ibu tunggal yang lain. Mereka hanyalah balu yang kematian suami. Manakala PK5 pula

menganggap dirinya balu kerana perkataan balu itu dapat mengubah persepsi anaknya yang sering diejek oleh rakan-rakan di sekolah.

**f. Stigma masyarakat**

Status ibu tunggal sering menjadi bualan masyarakat sekeliling. Seperti apa yang telah dikongsikan oleh PK1, beliau merasa tertekan dengan pandangan masyarakat Melayu terhadap dirinya yang bergelar ibu tunggal. Masyarakat sering menganggap ibu tunggal sebagai kelompok yang akan memusnahkan rumahtangga oraang lain. PK1 juga lebih selesa dengan masyarakat bangsa asing kerana mereka tidak meletak pandangan negatif pada ibu tunggal berbanding masyarakat Melayu.

> Macam stress, stress lah, stress benda tu pertamanya pandangan orang pada kita kan masa tu dah janda, orang mesti macam aaa second perception pada kita kan and then kita nak berkawan dengan orang pun serba salah, mana perempuan yang ada suami tu takut nak kenalkan suami dia pada kita. All thos time lah, things happen along the way kan, lepas pada tu saya pikir balik, eh dalam hati aku, aku tak ada niat pun nak ambil laki orang, dalam hati aku tak ada niat pun nak kawin.
>
> (PK1/I2/13:319)

> Even until today pun, saya rasa bangsa asing, dia tak kisah you janda ke tak janda ke, you know? You are single mother ke atau you anak dara tua ke? Mana dia ada kisah? Dia tak kisah. Dia berkawan juga dengan kita, dia bergaul juga dengan kita and that topic never come out. Dia tak kan menyentuh topic-topik yang sensitive dengan kita. Bila you nak kahwin, how long you want to be like this? Tak ada kan? Melayu kita ni, benda-benda macam ni lah yang dia akan tegur.
>
> (PK1/I2/13:62)

PK5 turut merasai perkara yang sama seperti PK1. Jiran-jiran sering memandang serong dengan statusnya sehingga memberi kesan kepada anak-anak. PK5 menganggap cemuhan yang diberikan kepada dirinya dan keluarga sebagi dugaan kepada mereka sekeluarga. Ada kalanya PK5 ditegur kerana kelihatan bergaya jika

keluar dari rumah. Bagi PK5, beliau tahu yang dilakukannya dan percaya semuanya adalah dari Allah.

> Cuma biasalah, pandangan masyarakat sajalah, apa kita boleh buat? Pandangan jiran-jiran kan? Itu saja yang kita boleh buat. Macam anak akak nombor dua semalam balik sekolah, menangis dia. Mak, mak..dia kata. Tadi , orang pergi sekolah. Mak tahu tak, kawan-kawan semua cakap. Mak kau janda, mak kau janda. Bapa kau dah tak ada, mak kau janda. Lepas tu, dia menangis lah. Dia cakap, dia menangis. Tak apa kak, kau terima hakikat tu semua. Tak apa,itu dugaan tu. Kalau kawan nak hina ke apa kan, cakap dengan kawan-kawan, mak aku tak minta tu semua. Tu semua kuasa Tuhan.

(PK5/I3/19:180)

> Masyarakat sekeliling kata kat mak apa ke, kita mana tahu? Agaknya, tengok dia orang. Itu sebab kalau mak nak keluar saja, dia orang kata..huu, tengok janda tu bergaya. Mak tak kisah orang cakap, kita tak minta orang ejek diaorang, akak cakap macam tu kan? Itu rezeki Allah yang bagi. Mak pergi ada tujuan, mak melangkah keluar, nak apa? Nak cari rezeki untuk kau orang.

(PK5/I3/19:199)

Kesimpulannya, PK1 dan PK5 melihat ibu tunggal tidak dapat lari stigma masyarakat yang memandang serong keatas wanita yang bergelar ibu tunggal. PK3 berpendapat golongan bangsa asing lebih mudah menerima wanita yang berstatus ibu tunggal berbanding masyarakat Melayu sendiri. Ini kerana kerisauan masyarakat Melayu terhadap ibu tunggal yang sering dikatakan menjadi punca kepada keretakan rumahtangga orang lain. Begitu juga dengan PK5 yang memandang status ibu tunggal bukanlah pilihan sendiri tetapi ketentuan dari Allah. PK5 juga turut menjelaskan situasi dirinya kepada anak-anak supaya dapat merasionalkan pemikiran anak-anaknya.

*Rumusan keseluruhan tema maksud dan persepsi menjadi ibu tunggal.* Berdasarkan kepada perkongian peserta kajian seperti yang dipetik dari dapatan temubual diatas, di bawah tema maksud dan persepsi menjadi ibu tunggal, terdapat enam sub tema iaitu; wanita yang mempunyai anak tetapi telah kehilangan suami, anak sebagai fokus utama, bersendirian menguruskan urusan keluarga, tidak berkahwin semula, selesa dengan gelaran balu, dan berdepan dengan stigma masyarakat. Bagi PK1, menjadi ibu tunggal bermaksud PK1 merupakan seorang isteri yang telah kehilangan suami, anak menjadi fokus utama, tidak terlintas untuk berkahwin semula dan tidak dapat lari dari persepsi negatif masyarakat. Perkara yang sama turut dirasai oleh PK2 dan PK5, iaitu anak sebagai fokus utama, tetapi PK2 dan PK5 lebih selesa dengan gelaran balu berbanding gelaran ibu tunggal. PK6 juga merasakan dirinya adalah seorang balu, bukan ibu tunggal. PK6 juga berpendapat berkahwin semula selepas kematian suami bukanlah satu keperluan. Pandangan ini juga sama seperti apa yang dikongsikan oleh PK1 dan PK5. Kesemua peserta kajian merasakan menjadi ibu tunggal memerlukan diri mereka untuk menguruskan segala-galanya sendiri, bermula dari hal diri sendiri, anak-anak, sehinggalah kepada urusan di luar rumah. Ringkasnya, rumusan dapatan untuk tema maksud dan persepsi ibu tunggal adalah seperti Jadual 4.2.

Jadual 4.2
*Rumusan keseluruhan tema, sub tema dan peserta kajian yang terlibat dalam maksud dan persepsi ibu tunggal*

| **Soalan Kajian 1: Makna menjadi Ibu Tunggal** | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Tema dan sub tema** | **PK1** | **PK2** | **PK3** | **PK4** | **PK5** | **PK6** |
| **Maksud dan Persepsi** | | | | | | |
| • Wanita yang mempunyai anak tetapi telah kehilangan suami | / | / | | | | |
| • Anak sebagai fokus utama | / | / | | | / | |
| • Bersendirian menguruskan urusan keluarga | / | / | / | / | / | / |
| • Tidak berkahwin semula | / | | | | / | / |
| • Selesa dengan gelaran balu | | / | | | / | / |
| • Stigma masyarakat | / | | | | / | |

***Peranan dan tanggungjawab ibu tunggal.*** Sebagai ibu tunggal, peserta kajian turut melihat diri mereka mempunyai peranan dan tanggungjawab yang besar dalam menguruskan keluarga. Mereka berpendapat sebagai ibu tunggal, mereka perlu

a. Memikul tanggungjawab keluarga
b. Berperanan sebagai ibu dan bapa
c. Membentuk peribadi anak-anak yang berakhlak

Perincian setiap sub tema adalah seperti yang berikut;

**a. Memikul tanggungjawab keluarga**

Tanggungjawab keluarga menjadi perkara yang utama selepas kematian suami. Bagi tiga orang peserta kajian, menjadi ibu tunggal bermakna bersedia untuk memikul tanggungjawab keluarga. Bagi PK1, beliau merasakan tanggungjawabnya berkurang selepas kematian suami. Beliau merasakan sedemikian kerana selepas kematian suami, beliau hanya perlu bertanggungjawab kepada diri sendiri dan anak-anak, tidak perlu lagi memikirkan tentang meminta keizinan dari suami.

> Ya tanggungjawab tu dah berkurang kan,kita hanya bertanggungajwab pada diri sendiri dan anak-anak yang ada kan. kalau ada suami kan nak kena tanya suami pulak dulu kan, nak ikut pulak dulu, haaa tu karang kalau tak ada dia nak kena tanya saudara-saudara dia dulu, semua banyak orang-orang terlibat kita kena komited kita punya diri kan, aaa tanggungjawablah tak kan kita nak biar macam tu aje kan, tapi kalau dah sendirian sekarang ni kan tak ada nak tanya siapa, tanya diri sendiri, orang kata tepuk dada tanya selera. Mau pergi sana mau pergi sini, kita pergi asalkan kita pandai jaga diri kita jaga limit kita batasan-batasan.
>
> (PK1/I1/12:172)

Menurut penceritaan PK2 pula, tanggungjawab membesarkan anak dan kewangan bukanlah seusatu yang membebankan bagi diri beliau. Perkara yang membebankan adalah tanggungjawab menguruskan harta menguruskan peninggalan

suami. Keadaan menjadi lebih sukar kerana PK2 tidak banyak ilmu dalam bidang perundangan yang melibatkan harta pusaka.

> Fikir tanggungjawab. Tanggungjawab anak tu tak ada besar bagi saya. Ok. I can do it. Tanggungjawab harta dia yang tinggal ni. Aku nak jaga macam mana? I am not a lawyer. Jadi, I kena engaged satu lawyer, kena buat ini sebab yang ada hak ke atas harta dia pun, mak dia ada lagi. Jadi, saya kena uruskan dengan baik mengikut hukum faraid. Jadi, besarlah tanggungjawab, macam mana lah ni.
>
> (PK2/I2/10:172)

> Gambaran yang tanggungjawab tu besar dan aku ni tak tahu apa benda yang perlu. So, I have to go step by step. I have to look for people to give me advice..bla, bla, bla.. itulah worry saya, tentang hal itu je. My worry is about menjaga anak tu, not so much. I said if I can look after myself, I also can look after him. No problem, yang tu. Jadi, yang..kalau mungkin ibu-ibu lain yang worry dia ialah dari segi kewangan. Tapi, saya tak ada. Syukur, Alhamdulillah. Dari segi kewangan tu, itu tidak menjadi satu problem lah bagi saya lah.
>
> (PK2/I2/10:180)

Berbeza bagi PK5, beliau merasakan tanggungjawab utamanya ialah kewangan. PK5 memerlukan sumber kewangan yang mencukupi untuk melaksanakan tanggungjawab keatas anaknya. Beliau perlu menyediakan keperluan asas seperti makanan dan persekolahan anak-anak. Apa yang diceritakan oleh PK5 selari dengan catatan jurnal refleksi penyelidik (JR3/PK5) yang melihat PK5 bergilir-gilir dengan anak perempuannya untuk menjaga kiosk. Pada waktu itu, PK5 sedang ditemubual di kiosk jualan cendol milik PK5. Kiosk ini terletak di bawah pokok berhadapan dengan kuarters pangsapuri kediaman PK5. PK5 sedang menunggu anak perempuannya turun dari rumah supaya PK5 boleh naik ke rumah untuk menyediakan makan tengah hari untuk anak-anak yang akan pulang dari sekolah. Keadaan PK5 agak tertekan pada ketika itu kerana anaknya lambat turun ke bawah untuk membantu. Pada masa yang

sama, PK5 juga risau kerana belum menyiapkan juadah makan tengah hari untuk anak-anak kecil yang akan pulang dari sekolah.

> Besarlah lagi tanggungjawab kita. Kita semua cari makan, kita semua nak uruskan. Persekolahan anak-anak ni. Tadi, mak..esok hari pergi sekolah tau. Ada yuran PIBG kena bayar kan? Mesyuarat. Tak pergi kot. Rasa bagi duit, suruh dia bayar. Tak pergilah, tak ada masa. Kalau pergi karang, nak tinggal berniaga, siapa yang nak jaga kedai kan?
>
> (PK5/I3/19:157)

Berdasarkan kepada pembuktian di atas, dapat disimpulkan bahawa PK1, PK2 dan PK5 memikul tanggungjawab dari perspektif yang berbeza. PK1 merasakan tanggungjawabnya berkurangan selepas kematian suami. Bagi PK2, anak dan kewangan bukanlah tanggungjawab yang besar selepas bergelar ibu tunggal, tetapi tangungjawab yang utama adalah meguruskan harta peninggalan suami. Sebaliknya berlaku kepada PK5, dimana PK5 mempunyai tanggungjawab yang besar untuk menyediakan kewangan keluarga yang mencukupi.

**b. Peranan sebagai bapa**

Ibu tunggal pada dasarnya adalah seorang wanita yang berperanan sebagai seorang ibu. Walaupun mereka tidak dapat menggantikan fizikal sebagai seorang bapa, tetapi mereka perlu membawa peranan dan tugas seorang bapa. Mereka menggangap peranan ini penting kerana dapat memastikan anak-anak masih mendapat kasih sayang seorang ayah walaupun setelah kematian ayah mereka.

PK2 merasakan walaupun anak tunggalnya telah kehilangan bapa, anaknya tidak pernah merasai kehilangan. Anaknya merasakan kehadiran PK2 dalam hidupnya sudah mencukupi.

> kita lah yang menjadi ibu dan bapa kepada anak yang tinggal itu
>
> (PK2/I1/9:297)

> After the father died.. I took care of him. Sayalah mak, sayalah bapa. I asked him. All of your friends talking about things that you can never get. I mean if your father is around, you can have those things. Jadi, dia punya jawapan tu really shocked me dan saya pun rasa macam I have done a good job as a mother. Dia kata..tak apa mama, baba tak ada pun tak apa, mama dah ada pun, dah cukuplah. Dia kata begitu.
>
> (PK2/I2/10:22)

> Tulah I kata, anak tu tidak masalah. Dia tidak menunjukkan macam..oh, bapa tak ada, dia murung ke, tak nak pergi sekolah ke, dia menjadi pendiam ke, tak ada. Kerana apa? Kerana saya dah dapat mengisi kekosongan ketiadaan bapanya itu dengan menjadi ibu dan bapa kepada dia.
>
> (PK2/I2/10:72)

PK3 juga merasakan beliau turut membawa peranan sebagai ayah kepada anak-anak. Peranan ayah dalam konteks PK3 melihat kepada kudrat seorang lelaki. PK3 tidak menafikan sebagai perempuan, keupayaannya terhad untuk melakukan pekerjaan yang memerlukan kudrat seorang lelaki. Walaupun begitu, PK3 masih lagi boleh menguruskan segala peranan lain selain dari peranan fizikal seorang ayah.

> Maksudnya dari segi macam peranan ayah..contoh lah benda-benda yang perlukan kudrat semua, kan? Kudrat kita tak upaya sangat lah nak melaksanakan kudrat lelaki ni, kudrat perempuan, kan? Jadi, keupayaan kita terhad. Tapi, dari segi yang lain..dari segi mentally, apa..yang dari segi mentally tu kita boleh cope tapi dari segi physically tu, kita agak terhad. Kita perlu minta kerjasama orang lain lah.
>
> (PK3/I4/10:82)

> Sebab kita perempuan, kita terhad kita punya keupayaan. Itu kita tak dapat nafikan. Macam orang yang nak sama rata tu semua, perempuan tetap perempuan. Pada makcik, makcik bukan pandang rendah pada perempuan, tak. Makcik kata, kita akur itu dah lumrah.
>
> (PK3/I4/10:133)

Oleh itu, penyelidik dapat menyimpulkan bahawa, PK2 dan PK3 melihat diri mereka perlu menjalankan peranan sebagai bapa. Walaupun bukan secara fizikal, PK2 merasakan dirinya berjaya membawa peranan bapa kerana anaknya tidak terasa seperti

kehilangan seorang ayah. Manakala bagi PK3 pula, peranan seorang lelaki yang boleh dilaksankan hanyalah peranan yang bersifat mental, bukan fizikal.

### c. Membentuk akhlak anak-anak

Selain dari itu, peranan ibu tunggal dalam dapatan kajian ini mencadangkan peranan ibu tunggal lebih cenderung kepada peranan mereka terhadap anak-anak, dimana pembentukan akhlak anak menjadi perkara utama. Anak-anak perlu dididik dan dibekalkan dengan ilmu agama disamping memupuk rasa syukur dalam diri anak serta sentiasa mengingati jasa baik individu yang telah membantu mereka dalam kesusahan.

Dapatan temubual PK2 menunjukkan PK2 mahukan anaknya belajar mensyukuri nikmat yang diperoleh. Walaupun sudah kehilangan ayah, keperluan anaknya serba lengkap kerana PK2 mampu untuk menanggung segalanya. PK2 hanya menginginkan anaknya untuk belajar bersungguh-sungguh sebagai penghargaan kepada apa yang telah PK2 lakukan padanya.

> Jadi, Fiq patut bersyukur tau. Jangan Fiq risau macam tak cukup makan ke, tak dapat pergi sekolah ke, jangan risau tentang semua tu. Semua cukup, mama boleh tanggung. Semua cukup. Tanggungjawab Fiq cuma pergi sekolah je. Mama tak suruh pun Fiq lepas balik sekolah, pergi jual kuih. Macam anak orang miskin yang lain, tak ada bapa, mak dia buat kuih, jual kuih, meratalah pergi mana-mana..kuih..kuih..cerita Melayu kan? Fiq ada kena buat macam tu? Tak ada kan? Haa..sebab tu lah Fiq patut rasa bersyukur, happy..syukur pada Allah, Fiq rasa macam Fiq ni tak ada apa-apa yang merisaukan. Cuma tanggungjawab Fiq satu je, kena belajar betul-betul,jangan main-main. Jadi, dia peganglah kata-kata tu. Dia boleh nampak pun kan?
>
> (PK2/I2/10:84)

Begitu juga dengan PK3. PK3 tidak mempunyai sebarang masalah ketidakcukupan kewangan. Apa yang merisaukan PK3 adalah akhlak anak-anaknya. Menurut PK3, ketika arwah masih ada, solat bukan perkara yang diberi keutamaan.

Oleh itu sebagai ibu yang perlu membesarkan anak-anak dengan nilai Islam yang sebenar, PK3 menekankan solat dan akhlak dalam kehidupan anak-anaknya.

> Makcik sebenarnya, instead of kemewahan sebenarnya pada makcik kadang-kadang kita lupa pada akhlak. Makcik selalu cakap macam tu. Makcik ajar slow-slow. Makcik tak nak bila makcik, minta maaf makcik cakap, bila makcik nampak ayah dia. Mungkin pada dia mak dia bagus, dia bangga pada mak dia..pada makcik akhlak dia tak seberapa bagus, tidak membanggakan. Jadi, makcik beritahu dengan Liya, kita kena terap benda ni. Abah tidak memberitahu suruh sembahyang. It's ok. Instead of that kita kena beritahu dia. Apa dia kena buat. Dia kena hormat orang. Syahir kan agak pendiam. Bila tetamu dia tahulah dia kena keluar. Orang lakilah, mari salam dengan orang. Makcik beritahu dia, tak cakap tak apa, duduk sahaja. Jadi, tetamu datang, selesa sebabnya dia dialu-alukan walau keadaan yang dia.
>
> (PK3/I3/3:148)

PK5 juga melihat peranannya sebagai ibu tunggal adalah untuk membentuk akhlak anak yang lebih sempurna. Kehidupan mereka yang serba kekurangan membuatkan ramai insan yang berhati mulia menghulurkan bantuan kepada mereka. PK5 sering mengingatkan anak-anak mereka supaya berbuat baik pada insan yang telah menghulurkan bantuan pada mereka sekeluarga. PK5 berpesan pada anak-anak supaya berakhlak dengan orang yang pernah membantu mereka dalam kesusahan.

> Lepas tu, ada pula hamba Allah, lagi seorang..ada pula datang pagi-pagi. Tengah buka kedai pagi-pagi, datang..bagi sedekah pula. Nah, dia kata..ini buat belanja anak-anak. Dia kata..bagi dia makan, apa dia nak makan, bagi. Dapatlah sikit. Alhamdulillah, rezeki kau orang ada lagi. Cakap dengan dia orang, kau ingat..makcik ni bagi masa kau orang kecil-kecil, ingat. Dah besar esok, jumpa katakan..haa, cakap, tegur..cakap dengan dia
>
> (PK5/I2/18:26)

Agama juga menjadi perkara utama kepada PK6. Selepas kematian arwah suami, PK6 banyak memainkan peranan dalam membentuk anak-anak yang mementingkan nilai agama. Hasilnya PK6 dapat melihat anak-anak menjadi dan tidak liar seperti anak keluarga ibu tunggal yang lain.

> Macam budak-budak ni kepentingan agama. Alhamdulillah menjadi la kan memang berbeza keluarga tu dengan keluarga ibu. anak-anak ibu pergi sekolah, anak-anak dia tak nak pergi sekolah, jadi anak liar, mak dia pun jadi tak terurus la pergi sana sini, macam orang tak ada pedoman la kan yang penting agama la, bagi didikan agama

(PK6/I2/5:31)

Kesimpulannya, PK2, PK3, PK5 dan PK6 merasakan mendidik anak untuk berakhlak adalah perkara yang penting. Bagi mereka, akhlak anak perlu dibentuk supaya anak-anak dapat dikawal dan tidak melakukan perkara diluar pemikiran mereka.

*Rumusan Keseluruhan Tema Peranan dan Tanggungjawab.* Sebagai ibu tunggal, peserta kajian melihat ibu tunggal sebagai individu yang perlu memikul tanggungjawab, berperanan sebagai bapa dan mendidik anak menjadi individu yang berakhlak. PK1 merasakan tanggungjawabnya berkurang selepas kematian suami. PK2 dan PK3 pula merasakan mereka perlu berperanan sebagai ayah, walaupun bukan secara fizikal. PK2 turut menggalas tanggungjawab yang besar untuk menguruskan harta peninggalan suami. Keadaan ini berbeza dari PK5 dimana tanggungjawab yang besar bagi Pk5 ialah memastikan keperluan anak-anak mencukupi. PK5 turut merasakan sebagai ibu tunggal, akhlak anak-anak perlu dibentuk dengan baik seperti mana yang dirasai juga oleh PK3 dan PK6. Bagi mereka, anak perlu mendapat didikan agama supaya terhindar dari amalan tingkahlaku yang tidak sihat. Rajah 4.3 menunjukkan tema dan sub tema bagi peranan dan tanggungjawab.

Jadual 4.3

*Rumusan keseluruhan tema, sub tema dan peserta kajian yang terlibat dalam peranan dan tanggungjawab*

| **Soalan Kajian 1: Makna menjadi Ibu Tunggal** | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Tema dan sub tema** | **PK1** | **PK2** | **PK3** | **PK4** | **PK5** | **PK6** |
| **Peranan dan tanggungjawab** | | | | | | |
| • Memikul tanggungjawab keluarga | / | / | | | | |
| • Peranan sebagai bapa | | / | | | / | |
| • Membentuk akhlak anak-anak | | / | / | | / | / |

***Isu dan cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal.*** Sebagai ibu tunggal, peserta kajian terpaksa berdepan dengan pelbagai isu dan cabaran. Mereka menyifatkan cabaran ini sebagai asam garam yang perlu dilalui walau apa pun -yang berlaku. Cabaran juga dilihat sebagai perkara yang melibatkan perasaan dan pemikiran ibu tunggal sehingga mempengaruhi tingkahlaku mereka .Empat cabaran yang telah dikenalpasti muncul di bawah isu dan cabaran adalah;

a. Gangguan emosi
b. Hubungan interpersonal
c. Kewangan keluarga
d. Kebajikan keluarga

Perincian adalah seperti yang berikut;

**a. Gangguan emosi**

Sebagai manusia normal, kehilangan orang tersayang akan memberikan gangguan emosi pada mereka yang terlibat. Gangguan emosi ini termasuklah perasaan sedih, kesunyian, dan rasa rendah diri. Perasaan-perasaan ini berlaku dari awal kematian dan masih lagi terasa sehingga kini.

Bagi PK1, perasaan sedih, hiba dan sunyi tidak dapat dinafikan setelah kematian suaminya. Adakalanya jika terlalu sedih, PK1 akan menangis sehingga tertidur. Rasa sedih yang dialami berbeza dibandingkan dengan perceraian dengan

suami yang pertama. Berdasarkan jurnal refleksi penyelidik (JR1/PK1), PK1 kelihatan sayu dengan genangan air mata setiap kali bercerita tentang arwah suaminya, tetapi ekspresi muka berubah menjadi tegang dan merah apabila bercerita tentang bekas suaminya yang pertama. Ini disokong dengan dapatan dari temubual dengan PK1,

> ..tiap-tiap manusia tak kan lah kita walau macam mana senang sekalipun mesti ada terasa kesunyian, tapi saya dalam kesunyian tu saya tak kan… sekali sekala tu saya duduk termenung kan
>
> (PK1/I1/12:175)

> hati sedih..dengan kadang-kadang kesunyian, menangis seorang. Kadang, rasa sendiri je..kesunyian seorang-seorang, menangis seorang saja..
>
> (PK1/I3/14:237)

> kesunyian kan..Sesekali nak juga bercakap dengan orang tu semua kan
>
> (PK1/I3/14:110)

PK2 pula beranggapan, mempamerkan emosi sedih di hadapan anak adalah perkara yang perlu dielakkan. PK2 tidak mahu anaknya melihat dirinya dirundung kesedihan. Bagi PK2, anaknya perlu melihat seorang ibu yang stabil dan tidak terbawa-bawa dengan emosi yang sedang dialami. Penyelidik turut mencatatkan dalam jurnal refleksi tentang personaliti PK2 merupakan seorang yang positif dan tidak mahu orang lain melihat dirinya lemah (JR1/PK2). Setiap kali temubual, penyelidik mendapati PK2 banyak menekankan elemen positif yang perlu ditonjolkan supaya masyarakat tidak memandang serong pada ibu tunggal. Menurut PK2 menjadi positif penting dalam mengawal emosinya kerana PK2 risau dirinya tidak dapat berfungsi seperti yang sewajarnya jika terikut-ikut dengan gangguan emosi yang dialami selepas kematian suami. Pun begitu, ada ketikanya PK2 akan menangis juga kerana bebanan perasaan yang dibawa tetapi tanpa pengetahuan anak tunggal nya.

> I need my cognitive reasoning for myself sebagai satu ubat. Kalau saya tak buat macam tu, saya akan jadi macam manusia lain. Huhuhu..you know, menangis tak tentu hala

> macam tu. Menangis tu menangis. Tapi, menangis kerana apa? Beratnya tugas aku kat depan ni.
>
> (PK2/I2/10:52)

> Sebab saya nak menangis pun..of course, saya rasa sedih juga dia tak ada tapi I never showed my emotions in front of my son. Kalau saya nak menangis pun, I will wait until night, bila dia dah tidur. Bila saya nak tidur, saya cry sendiri lah but not loud, supaya jangan dia terdengar pula kan? Tapi, perasaan kehilangan, grieving tu masih ada.
>
> (PK2/I2/10:24)

Semasa proses temubual berlaku antara penyelidik dan PK3, wujud saat-saat dimana wajah PK3 menjadi suram dan air mata bergenang apabila bercerita tentang arwah (JR1/ PK3). Apabila ditanya tentang saat kematian arwah, PK3 mengambil masa untuk bercerita. PK3 menyifatkan kematian arwah sebagai peristiwa yang memberi kesan pada emosinya walaupun telah dimaklumkan awal tentang penyakit yang dihidapi arwah. Terkejut dengan berita pemergian arwah menyebabkan PK3 kehilangan memori untuk beberapa waktu. PK3 memaklumkan dirinya mengalami kehilangan daya ingatan jangka pendek setelah kematian arwah suami. Menurutnya lagi, beliau mengambil masa untuk memulihkan ingatannya seperti sedia kala.

> Ada ke, kak normah ada ambik order kelmarin, aaa tak ingat lah bila sampai tu yang sorang tu telefon, kak normah dah ambik order ke, order, dengan kamariah la kak normah order selama bertahun-tahun, ha tak ingat ke, pada masa tu maknanya sebahagian memori kita hilang ya, walaupun kita tidak saling cinta pada mula, tapi tempat kita bergantung sehari-hari, kita bersama, kita hilang memori kita, some of the memory.
>
> (PK3/I1/1:305)

> selepas beberapa hari dia meninggal dua minggu tiga minggu lebih lepas daripada tu, hilang, totally hilang, tak tahu, makcik kata, lama makcik duduk, banyak yang makcik bila fikir semula, makcik duduk semula, slow datang semula, agak sangat susah sebenarnya.
>
> (PK3/I1/1:307)

Gangguan emosi pada PK4 pula jelas terpancar diwajahnya apabila PK4 hanya menangis sepanjang sesi temubual yang pertama. Penyelidik ada mencatatkan memo (ME1/PK4) di mana PK4 tidak dapat meneruskan sesi kerana perasaan yang sangat sedih. Penyelidik mengambil masa yang lama untuk menunggu PK4 bersedia untuk bercerita. Jurnal refleksi penyelidik juga mencatatkan penyelidik dapat merasai kesedihan yang dialami kerana PK4 seolah-olah memerlukan teman untuk meluahkan segala kesedihan yang ditanggung selama ini. PK4 hanya memberikan ruang dan masa kesenyapan supaya PK4 dapat melepaskan rasa yang tersimpan (JR1/PK4). Petikan temubual PK4 turut menyokong gangguan emosi sedih yang dialami oleh PK4.

> kita emosi kita sedih la kadang-kadang lepas marah tu tak lama kadang-kadang tu menangis juga fikirkan, ada dah macam tu, memang dia dah macam tu, kita tak boleh juga nak marah dia, tapi kena fikir balik la kita perasaan kita macam tu la.
>
> (PK4/I1/8:313)

> dia akan mengimbau balik, macam mana pun dia akan sebut masa tu. Jadi bila dia sebut macam tu kita rasa sedih la, bila dia sebut sungguh la kita rasa. Dalam hati la tak sebut pun kat dia, ha dalam hati. Maksudnya dia memang ingat juga la ayah dia macam ni macam ni kan maksudnya dia ada la kebaikan pada dia.
>
> (PK4/I1/8:344)

> Cuma kadang-kadang perasan tu emosi tu dia tak ada la lama sangat, memang sedih sekejap, kadang bila dah bacakan yasin, tengah malam masa tu menitis sekejap.
>
> (PK4/I1/8:400)

Kematian suami diikuti pula dengan kematian anak lelaki sulong memberikan cabaran emosi yang hebat kepada peserta kajian PK5. Belum lagi hilang kesedihan kehilangan suami, PK5 terpaksa menerima hakikat telah sampai ajal anaknya. Nota lapangan penyelidik ada mencatatkan reaksi wajah yang sugul, mata berkaca dan nada suara yang tersekat-sekat menggambarkan beban emosi yang ditanggung oleh PK5 (NL1/PK5). Sambil bercerita PK5 meminta salah seorang dari anaknya membawa

keluar sijil kematian dan keratan akhbar (DSS1/PK5) berkaitan kematian suami dan anaknya. PK5 menceritakan bagaimana kejadian itu berlaku dari awal sehinggalah ke proses pengecaman mayat. PK5 turut berpesan kepada penyelidik supaya menyimpan dokumen itu dengan baik kerana itu sahajalah kenangan terakhir arwah suami dan anaknya.

Selain dari perasaan sedih atas kehilangan insan-insan tersayang, PK5 turut merasakan emosinya terganggu akibat dari sikap anak-anak perempuan yang tidak memahami situasinya sebagai ibu yang kehilangan suami. Anaknya bertindak dengan memukul dan memaki PK5 setiap kali PK5 menegur perbuatan anaknya yang dirasakan tidak sesuai. Anak PK5 juga tidak bersetuju apabila PK5 ada berkawan dengan lelaki lain yang mungkin akan jadi bapa tiri mereka. PK5 tidak berupaya untuk marah kerana takut akan kehilangan anaknya. Pada PK5 cukuplah seorang anaknya pergi bertemu Ilahi, jangan pula ada anak lain yang lain dari rumah hanya kerana PK5 tidak dapat mengawal emosinya apabila dipukul anak sendiri.  Situasi ini sangat memberikan tekanan kepada PK5.

> kadang-kadang tak tahu lah anak-anak ni. Kang kita marah, dia lari daripada rumah. Dia tak buat lagi lah, takut jiwa dia kan? Lepas abang dah tak ada, ayah dah tak ada. Takut jugalah. Bila ayah dia dah tak ada  kan, orang kata…kau marahlah anak kau tu Sham, suruh dia buat elok sikit. Tak boleh sejak kehilangan abang dia, akak takut kehilangan dua orang ni.
>
> (PK5/I1/17:108)

> Dia takut harta ayah dia hilang.Tapi, cakap kat dia..mak takkan kahwin lain. Mak Cuma nak tempat luahkan saja. Siapa yang nak tahu mak punya emosi, mak punya semua ni.
>
> (PK5/I1/17:122)

> Akak cakap pada dia. Alah, tak payah nak cari lain jantan..tolak akak, tumbuk akak. Ni yang baik ni sebab baru balik berubat. Bila akak ubatkan dia, anak yang ketiga pula tak nak pergi sekolah. Orang kata apa, keluar kandang

> harimau, masuk kandang kambing. Itulah, tertekan jiwa akak, kadang akak menangis, menangis seorang diri.
> (PK5/I1/17:123)

PK6 pula tidak merasakan gangguan emosi sebagai satu cabaran bagi dirinya kerana menurut PK6, beliau redha dengan apa yang berlaku. Oleh itu, dapat dibuat kesimpulan bahawa, PK1, PK3, dan PK4 telah pun berdepan dengan cabaran yang melibatkan gangguan emosi. Mereka terpaksa melalui hari-hari dengan rasa sedih dan sunyi. Kesedihan dan kesunyian ini semakin dirasai apabila diri ditimba masalah. Bebanan emosi ini biasanya terzahir dengan tangisan air mata yang hanya mereka sahaja yang tahu. PK5 juga merasakan perkara yang sama dan ditambah dengan tekanan perasaan dengan sikap anak-anak yang tidak memahami dirinya. Peserta kajian PK2 dan PK6 pula tidak menafikan perasaan sedih yang mereka alami, tetapi bukanlah satu isu dan cabaran bagi mereka. Perasaan sedih hanya semasa menerima saat kematian arwah suami dan beransur pulih setelah mereka melihat hikmah di sebalik apa yang telah berlaku.

**b. Hubungan interpersonal**

Hubungan interpersonal memfokuskan kepada hubungan peserta kajian dengan keluarga terutamanya dengan anak dan ahli keluarga tambahan. Dapatan menunjukkan hubungan dengan orang sekeliling melihat kepada cabaran dan isu meneruskan kesinambungan hubungan dengan orang yang signifikan dalam hidup peserta kajian selepas kematian arwah. Ia juga melihat kepada kefungsian dan keberkesanan hubungan yang terjalin.

Bagi PK1, hubungan dengan anak adalah perkara yang sangat mencabar dan menjadi isu sehingga sekarang. PK1 merasakan hubungan dengan anak perempuannya menjadi isu yang sangat sukar untuk ditangani. Sewaktu penyelidik datang untuk menemubual PK1, anak perempuannya ada di rumah. Anak perempuan PK1 hanya

keluar untuk bersalaman dan terus masuk ke dalam bilik. Sewaktu bersalaman, anak PK1 kelihatan agak pendiam, hanya bercakap apabila ditanya (JR2/PK1). Menurut PK1, anaknya banyak menghabiskan masa di dalam bilik walaupun hanya berada di rumah sewaktu cuti semester. PK1 merasakan anaknya terlalu jauh walaupun berada dalam rumah yang sama. Hal ini sekaligus mengganggu komunikasi antara ibu dan anak. PK1 berasa terguris dengan sikap anaknya, sedangkan dia sendiri tidak pernah melukai hati ibunya. Antara petikan temubual yang menyokong dapatan adalah;

> ..yang sekarang ni, yang Zila ni, Akak rasa lebih susah jaga.
> (PK1/I4/15:18)

> Ada juga akak ada cakap..aku tak pun buat kat mak aku macam ni? Tapi, masa yang sama..akak kata pula..kenapa anak-anak aku buat aku macam ni
> (PK1/I3/14:170)

> Pernah tanya tapi dia tak pernah jawab. Tak ada lah..biasa je..dia jawab, tak ada lah..biasa je. Tapi, ada Akak pernah tanya ada rasa stress ke? Tak ada lah..sebab pasal tukar-tukar sekolah kan? Akak tanya susah tak, stress tak? Biasa je..dia kata. So, I don’t get any actual answer from her. Tak ada, dia memang bangsa tak bercerita
> (PK1/I4/15:44)

PK1 turut menyifatkan anak perempuannya seolah-olah memberontak dan menunjukkan protes. Kesannya, anak perempuan PK1 menjadi degil dan sukar dibentuk. Anak perempuan PK1 pernah bertanyakan PK1 siapa nama ayahnya yang sebenar kerana nama ayah pada kad pengenalan anak PK1 tidak sama dengan nama ayahnya yang sebenar. Hal ini menjadi isu kepada anak PK1. Seperti yang dimaklumkan pada penyelidik, perkahwinan antara PK1 dan arwah suaminya dimeteraikan di Medan, Indonesia. Sijil nikah mereka dibuat di Medan. Selepas pulang ke Malaysia mereka tidak membawa pulang sijil perkahwinan tersebut dan ditakdirkan arwah meninggal sebelum mereka kembali ke Medan untuk mengambil sijil nikah tersebut.

Sewaktu arwah meninggal, anak perempuan PK1 masih dalam kandungan ibunya. Kelahiran anak perempuan PK1 memerlukan sijil nikah untuk urusan pendaftaran kelahiran. PK1 telah cuba untuk menghubungi jurunikah di Medan, malangnya jurunikah tersebut telah pun meninggal dunia. Disebabkan itu, bagi memudahkan urusan pendaftaran, PK1 menggunakan nama Abdullah sebagai ayah dan tiada sebarang maklumat ayah dalam sijil kelahiran anak perempuan PK1. Apabila anak perempuan PK1 mengetahui hal ini, anak perempuan PK1 merasakan dirinya bukan anak yang sah taraf dan mula memberontak dan mahukan kebenaran. Disebabkan itu hubungan antara PK1 dan anak perempuannya agak tegang.

> Akak tak pernah nak..apa orang kata..hmm..dapat karakter yang macam dia. Sekarang ni, dia semua ada-ada. Lembutnya ada, kerasnya ada, degilnya ada. Semua ada. Lepas tu kan, tiba yang elok tu, ok lah. Ya? Lepas tu, tiba yang degil sikit tu..
>
> (PK1/I4/15:26)

> Surat nikah akak kat sana lagi. Akak dah suruh dah makcik akak kirim, tapi dia tak kirim pasal dia nak suruh akak pergi sana. Hari tu dia datang lah kan? Akak tanya mana surat nikah, dia kata tak boleh ambil. Dia kata..pasal kena ambil sendiri. Dah aku pula nak pergi ke Medan, kan? Akak fikir dah tak ada, tak payah ambil lah. Malas dah nak ambil. But, God knows lah. Zila kahwin esok, wali hakim lah, apa salahnya. Bukan orang nak mengata, kan?
>
> (PK1/I5/16:420)

> Baru ni, dia tanya..siapa nama betul abah Zila? Kenapa Zila nak tanya, kan.
>
> (PK1/I5/16:428)

Selain dari anak perempuan, PK1 turut berkongsi cerita tentang isunya dengan anak-anak lelaki. Cabaran utama dengan anak-anak lelaki ialah PK1 merasakan menantu perempuan telah menyebabkan anak-anaknya berubah. Suatu masa dahulu, merekalah anak yang paling bertanggungjawab, mendahulukan PK1 walau apa keadaan sekalipun. PK1 tidak pernah menyalahkan anak-anak lelakinya. Pada PK1, menantulah yang bersalah kerana PK1 telah memberikan didikan dan membesarkan

anak lelakinya menjadi anak yang baik dan bertanggungjawab. PK1 meluahkan rasa terkilannya kerana anak-anak hanya bertanyakan khabar dan meminta maaf menerusi sistem pesanan ringkas (SMS). PK1 berkongsi SMS yang dimaksudkan bersama penyelidik. SMS ini merupakan SMS dari menantu kedua PK1 yang memohon maaf atas segala silapnya terhadap PK1 sebelum ini. Menurut PK1 menantu dan anaknya memang sedang berdepan dengan masalah dan berkemungkinan masalah itu yang menyebabkan menantunya memohon ampun darinya (DSS1/PK1). Dapatan ini disokong juga oleh petikan di bawah;

> Dia orang hantar mesej sama akak, jumpa je tidak. Kadang jumpa tu pun, akak sendiri tak nak jumpa
>
> (PK1/I3/14:186)

> Dulu dia lah anak..anak yang orang kata paling bertanggungjawab. Paling, paling yang baik lah..among three. You know what I mean? Tapi, sekarang ni macam dia tak ada nak ambil tahu mana Akak tinggal, how am I semua, tak ada..why? Itu saja yang menjadi pertanyaan, Akak sendiri pun tak dapat jawapan kan? Jadi, Akak doa sajalah, mungkin satu hari, tuhan bagi dia kesedaran, kan?
>
> (PK1/I3/14:184)

> Anak-anak akak ni memang bangsa yang..mother comes first. Memang dengan anak-anak ni, kalau apa-apa pun, kalau dia orang beli-beli barang kat mana-mana pun, dia orang akan tunjuk dengan akak dulu. Kalau dia orang ada masalah itu, ini semua..dia orang akan discuss dengan akak dulu. Tapi, tiba-tiba the changes come. Apa sebabnya? Jadi, akak recall lah balik. Akak recall balik, Akak pernah bertengkar dengan setiap menantu akak tu. Bukan bertengkar apa, cakap kan? And the way dia talk to me back macam dia orang tak suka kan akak. Mungkin ada lah kot jalan-jalan yang dia nak manipulate anak-anak akak..untuk..untuk ya..untuk less contact with me. Call me, kan? Kalau dah macam tu keadaan, tak kan akak nak salahkan anak-anak akak..they are still the children to me, kan?
>
> (PK1/I3/14/178)

> Tapi, Akak hari-hari lah berdoa pada tuhan supaya tuhan buka pintu hati dia orang, kan? Fikir pasal akak ni semua.

> Sebab yang buat dia orang berubah semua bini-bini dia orang. Nak buat macam mana? Takkan nak suruh dia orang bercerai-berai pula dengan bini dia.
>
> (PK1/I4/15:30)

> Haa..I said, go to hell..i will always forgive my sons because they are my good sons. The one is not good is you. So, you can go to hell lah, I kata..i don't want to think anything about you, I don't want to stress myself because of you..if you want to ask for forgiveness, you ask from God. Sampai sekarang lah..tapi, dia tak putus asa. Akak tahu dia tak putus asa. Kita kaunselor, kita tahu lah kan..Birthday Akak, dia hantar kad Selamat..Happy Birthday to me. May God will be always with you.
>
> (PK1/I4/15:146)

Isu yang hampir sama turut berlaku kepada PK3. PK3 diduga dengan pelbagai isu anak yang mencabar statusnya sebagai ibu tunggal. Membesarkan anak perempuan memberikan pelbagai dugaan kepada PK3 terutamanya apabila anak-anak menginjak dewasa. Begitu juga dengan anak lelaki PK3. Walaupun hanya seorang anak lelaki, sudah cukup memberikan isu kepada PK3. PK3 merasakan anak lelakinya sukar dibentuk kerana pengaruh kawan. Anak lelaki PK3 juga banyak memberontak selepas kematian ayahnya.

> Dulu makcik rasa penatnya, tahulah budak-budak, remaja. Dia banyak memberontak. Kita cuba bentuk dia pun, surrounding dia pun akan effect dia. Kawan-kawan semua kan.
>
> (PK3/I3/3:154)

> Bila kita kata gini, dia jawab..mak lah yang ajar beli mahal-mahal barang..lepas tu, makcik duduk kejap, bukan nak pertahankan diri ke apa..makcik kata..ok, kalaulah betul mak yang mengajar awak beli mahal-mahal,awak tak ada otak ke, fikir..kan Allah bagi akal? Tak kan nak berterusan begini..makcik tanya pada dia..tak pernah terfikir ke.
>
> (PK3/I2/2:190)

PK3 turut berkongsi tentang masalah anak-anaknya yang berbelanja agak keterlaluan. Anak yang sukakan pada barang yang berjenama, sedangkan dirinya

seorang yang tidak perlukan barang-barang yang mahal dan berjenama. Keadaan ini merunsingkan PK3 kerana tidak dapat mengawal sikap anak yang tidak tahu menggunakan duit dengan cara berhemah.

> Cakap direct..Syahir dan Liya lah..Tikah tak banyak komen sebab diam..dalam paling banyak anak, dia lah yang paling humble. Semua orang tahu, dia yang paling humble, yang paling simple. Bila makcik ke kedai, tunjuk kasut yang branded-branded yang Aliyah dengan Angah yang pandang, tak akan pandang harga yang puluh-puluh. Tikah tak nak, dia pilih yang murah sekali
>
> (PK3/I2/2:108)

> Aliya pula habis banyak, dia kahwin dan dia operate..Syahir paling banyak, cumanya,sebabnya quite a big spender..i tak boleh kata big spender dah, dia spend on barang-barang yang dia suka especially guitars..I kena code guitars sebab ada 6 guitars..just imagine, kalau 5 atau 6,000 satu,you kali berapa? And kereta dia, nak beli kereta..begitulah..jadi, mana-mana, masing-masing guna duit abahlah..kadang-kadang bila tengok diaorang spend, off record lah ni,abah awak cari duit sampai sakit, sedapnya awak spend ye
>
> (PK3/I2/2:180)

> Masa Tikah dah masuk poli dah tu..dah besar dah..dah 18,19, 20 tahun dah tu..quite spend budak 3 orang compare dengan Tikah..3 orang ke bawah ni memang kuat spend. Bukan kuat spend je, tapi memandang pada harga..pada jenama kot.
>
> (PK3/I2/2:184)

> Haa..makcik pandang pada kualiti..tak semestinya mahal berkualiti. Especially Syahir lah memang pandang pada branded.
>
> (PK3/I2/2:186)

Urusan perkahwinan anak merupakan urusan yang besar bagi ibu bapa. Malangnya bagi PK3, urusan perkahwinan anak perlu diuruskan tanpa arwah suaminya. Anak sulung PK3 membuat keputusan untuk berkahwin sewaktu bergelar pelajar Diploma. Keputusan ini memberikan kejutan yang besar kerana bukan sahaja ingin berkahwin awal, malah bakal suaminya pula merupakan seorang India. PK3

tidak boleh menerima perkara ini pada awalnya, tetapi memandangkan calon suami anaknya menunjukkan kesungguhan memeluk Islam dan berkahwin dengan anaknya, maka PK3 terpaksa akur dan mengahwinkan anaknya yang masih dalam tempoh pengajian.

Dugaan perkahwinan anak sulongnya bukan setakat terhenti di situ. Pada hari majlis, hujan lebat dan banjir besar berlaku di kawasan perumahan mereka. Mengikut perancangan, makanan untuk kenduri dimasak oleh saudara PK3 yang berada luar dari daerah mereka. Banjir yang berlaku menyebabkan mereka tidak dapat datang untuk memasak dan meraikan majlis perkahwinan tersebut. PK3 menjadi buntu sehingga tidak tahu apa yang perlu dilakukannya. Fikirannya hanya memikirkan bagaimana untuk menjamu tetamu berdekatan yang dapat hadir untuk majlis tersebut.

> Lagi satu paling teruk nilah masa makcik tercabar betullah dengan kesedihan yang paling mencabar bagi makcik. Instead of that one, masa Atikah kahwin, banjir yang agak besar ya tahun 2001 tu ya. 2001 tu 23 haribulan 12 tu banjir yang besar sebabnya semua saudara yang ada di Cenderawasih, semua di Pekan, di Pantai Barat semua tak dapat datang. Hujan lebat. Ada satu masa tu makcik perasan makcik jadi buntu, tak tahu nak buat apa dah. Buntu. Tengok lauk-lauk. Mula-mula telefon datang. Tak leh nak masak. Just imagine orang ada di sekitar tu, yang boleh balik, boleh balik dari KL. Sampai tak ada lauk, nak makan apa ye. Papehal tak ada lauk cukup.
>
> (PK3/I3/34)

Selain itu, anak kedua PK3 juga diduga dengan lambat bertemu jodoh. Sebagai seorang doktor pakar kanser, anak PK3 tidak ada masa untuk memikirkan soal jodoh. Bagi anaknya, soal jodoh bukan isu yang besar kerana anaknya mampu untuk menyara diri sendiri dan mempunyai kerjaya yang stabil dan profesional. PK3 turut merasakan perkara yang sama, yang mana soal jodoh anaknya bukanlah satu isu kerana PK3 berpendapat perkara tersebut adalah aturan Yang Maha Esa. PK3 hanya merasa sedikit terkilan apabila saudara mara sering bertanyakan bilakah anaknya akan menamatkan

zaman bujang. Soalan sebegini membuat hatinya runsing memikirkan perasaan anaknya apabila diajukan soalan yang sensitif dan diluar kawalan dirinya. Apabila timbulnya isu ini, PK3 banyak mengaitkan fizikal anaknya dengan dirinya. PK3 merupakan seorang yang sangat rendah diri kerana sering beranggapan dirinya tidak cantik. PK3 merasakan anaknya mempunyai rasa yang sama dan tidak bersedia untuk bercakap soal jodoh kerana merasakan dirinya tidak cantik.

> ,Angah ni pula..masalahnya, dia tak ada masalah..orang bermasalah. Bila tanya balik Kuantan hari tu, bila nak kahwin? Bila nak kahwin? Makcik Cuma nak beritahu lah untuk psychology.. makcik kadang tak terjawab..makcik fikir, oklah..makcik dah ada jawapan. Jawapan pertama makcik masa tu, makcik cakap..laa, kata tahu jodoh ajal ditangan tuhan, kenapa tanya saya? Haa.. jadi,makcik anggap macam kurang ajar jugalah. Makcik tak tahulah kurang ajar ke tak..makcik tak tahan dah..makcik kesian kat dia..dia mudah rendah diri..makcik kata pada dia,Angah tak ada yang kurang, Angah comel sebenarnya..dia tengok masa kecil..comel sebenarnya, tengok gambar yang ada..Angah tu comel..tapi, dia rasa rendah diri.Kadang, pergi kenduri tak nak..tu yang tak sanggup..makcik kadang-kadang fikir apa punya pertanyaan, tak bijaklah diaorang ni..kalau lelaki nak kita, perempuan tak nak, tak kahwin juga dia..sama juga sebenarnya kan..

(PK3/I2/266)

> Angah, so far dia tak banyak, makcik tak nampak dia punya apa-apa kan, dia bukan jenis anak dara yang lepas laku sebab dia tak ada boyfriend lagi dok. Dia pandang orang macam tu je, macam dia takut dengan orang even dengan orang laki. Makcik pun tak faham kenapa. Kadang orang tanya kenapa ye. Makcik tengok kat Temerloh, semangat je lebih. Ada orang tegur dia, budak bujang, set-set budak bujang la. Tapi dia mandang je. Orang pun mungkin takut nak dekat dengan dia. Takut dia sombong kan tapi nak buat macam mana dah perangai dia mengikut macam makcik perangai dia tu. Tak yakin pada diri kita buat kita rasa rendah diri dan kita tak yakin. Ada makcik fikirlah kalau tak ada yang arwah pakcik minta tu, tak tahulah makcik pun mungkin sampai sekarang tak…tapi tak tahulah, semua kerja ALLAH kan.

(PK3/I3/35)

Isu anak ketiga PK3 adalah isu yang paling besar yang dikongsikan bersama

penyelidik. PK3 tidak berapa setuju dengan pilihan anaknya kerana memilih sepupu sendiri sebagai calon suami. Dirinya sendiri telah berkahwin dengan sepupu, anaknya pula juga ingin berkahwin dengan sepupu. Perkahwinannya dahulu menjadi buah mulut orang ramai kerana masyarakat berpendapat kahwin sesama sepupu akan melahirkan zuriat yang kurang pandai. Ternyata tanggapan orang ramai salah kerana anaknya semua berjaya. PK3 hanya risau jika anak ketiganya akan mengalami perkara yang sama, terpaksa menadah telinga mendengar buah mulut orang ramai.

Selepas mendapat keizinan PK3. Mereka akhirnya berkahwin sewaktu dalam pengajian lagi. Perkahwinan sesama sepupu ini pada awalnya mendapat halangan dari PK3, lebih-lebih lagi anaknya ingin berkahwin semasa sedang belajar. PK3 risau perkara yang berlaku pada anak sulongnya akan berulang kembali. Anak sulongnya tidak menamatkan pengajian selepas berkahwin. Anak ketiga PK3 memberi jaminan dirinya akan menamatkan pengajian walaupun sudah berkahwin nanti. Anak PK3 telah berjaya menamatkan pengajian di peringkat Sarjana Muda seperti yang dijanjikan pada ibunya dan pada masa yang sama dikurniakan seorang anak lelaki. PK3 merasa senang hati dan berharap semuanya akan berjalan lancar sehingga ke akhir hayat.

> Sepanjang yang makcik ingat, cabaran yang paling besar kes Aliya ni lah. Kes Aliya. Kes Aliya sebelum tu pun, masa dia kahwin makcik sebenarnya bukan menghentam, makcik cuma beri dia apa ni…Bila dia beritahu nak kahwin,"Hah, nak kahwin, dah habis belajar belum? Tak leh tunggu dah ke?" Jadi, kita ni perempuan, agak paniklah bila jadi begitu. Itu salah satu yang buat makcik terkedu.
>
> (PK3/I3/36)

> Makcik tak kenal walaupun anak saudara arwah. Makcik tak kenal sangat dia punya perangai sebenarnya. Orangnya jauh. Tapi dalam hati pun nak kata layak…Aliya ada tanya,"Mak ada masalah ke dengan orang punya…". Makcik kata,"Tak ada masalah gak". Mak-mak mana ada komplain kalau anak-anak nak kahwin. Mak awak ada kata suami awak sekarang layak? Ke mak ada kenal sikit dok ke tak kenal?
>
> (PK3/I3/48)

> Jadinya, awak kata awak suka tak apalah kata. Mak terima jelah. Jodoh awak kan. Tapi bila jadi begini, mak duduk fikir. Makcik beritahu dia,"Fikir banyak-banyak, bercerai ni mudah tapi kesan banyak sangat kata". "Aliya tak nak dah mak, tak nak". "Dah tetap hati dah ke?" Bimbang kata. Kesan nanti pada anak. Ini perkara yang makcik akan tanggung selagi makcik hidup.

(PK3/I3/52)

Sepanjang bermenantukan anak buahnya sendiri, dugaan terus menerus menimpa dirinya apabila ditakdirkan mendapat menantu yang sering mengguris hati. Setiap kata-kata kasar menantunya, menyebabkan PK3 berkecil hati dan memendam rasa. PK3 bersabar hanya kerana menghormati menantunya sebagai suami anaknya sendiri. Sewaktu bercerita tentang menantunya, PK3 menunjukkan mimik muka yang benar-benar marah dan terguris. Air muka PK3 berubah dari senyum kepada masam dan nada suara yang kuat dari biasa (Me1/PK3). Nada suara itu seolah-olah ingin menekankan bahawa dirinya amat kecewa dengan perilaku menantunya (JR3/PK3).

Kesabaran PK3 ada batasnya sehinggalah berlaku pergolakan rumahtangga dalam keluarga anaknya. Setelah empat tahun berkahwin, anaknya diuji dengan kes perceraian. PK3 adalah orang yang paling terkesan dengan perceraian itu kerana menurut PK3, bermula perceraian itu, PK3 bertanggungjawab speneuhnya ke atas anak dan cucunya. PK3 sukar menerima keadaan di mana anaknya diceraikan melalui SMS atas sikap gopoh suaminya.

Selepas bercerai, bekas menantu masih seperti sebelumnya, menggunakan bahasa yang mengguris hati dan memberikan SMS yang mengundang kemarahan PK3. Bukan sekadar bahasa, malah sikap bekas menantunya yang sering menyusahkan kerana sering bergaduh dengan anaknya amat merunsingkan PK3. Ini kerana PK3 memikirkan impak psikologi pada cucunya. PK3 turut menyatakan bahawa perkara ini akan dilalui seumur hidupnya selagi anaknya belum berkahwin semula. PK3 turut menyatakan bekas menantunya seolah-olah meroyan kerana tanpa sengaja telah

melepaskan anaknya secara SMS.

> Mak cik sendiri pernah beritahu selepas daripada Aliya bercerai tahun 2009 tu. Bermula tahun 2009 tu hampir setahun, tak apalah makcik cerita. Itulah bebanan, hanya ALLAH yang tahu. Since daripada dia bercerai tu, sentiasa masuk mesej makcik. Tak tahu apa benda yang dia cakap. Mula-mula makcik simpanlah. Dia kata beginilah, begitulah. Kalau demam, mak jagalah. Dia macam forward, forward direct. Kadang sent copy lah pada makcik. Makcik tak pernah balas. Not even a word. Prinsip makcik, selagi makcik dapat bertahan, makcik tahan. Yang tahunya sepupu makcik. Isteri kepada abang arwah. Dia pun kahwin sepupu juga yang sulung tu. Makcik beritahu dia. Dia marah, cakap dengan mak dia. Makcik sabar selagi boleh sabar, tak nak kata. Saya tanggung. Cumanya meletus, itu yang makcik kata," Ya ALLAH, Ya Tuhanku". Dorang tak tahu, Aliya tahu. Tak apalah. Hampir setahun kata. SMS macam tulah. Kalau makcik suruh dia bercerai, dia boleh marah makcik. Betul tak? Makcik terus-terang kat dia, fikir kenapa dia sakit hati sangat kat makcik. Makcik tak tahu.
>
> (PK3/I3/64)

> SMS macam tulah. Kalau makcik suruh dia bercerai, dia boleh marah makcik. Betul tak? Makcik terus-terang kat dia, fikir kenapa dia sakit hati sangat kat makcik. Makcik tak tahu. Setahun dah mental makcik di torture. Makcik tak dapat nak suka sebenarnya. Torture habis.
>
> (PK3/I3/45)

> Tolonglah. Pada makcik, jika dia hantar lagi SMS memang jenis orang kurang ajar. Mula-mula biadap juga kat makcik. Makcik kata mak tak nak dengar. Mulai saaat ni cukup. Mak dah tua. Pai ni bukan taraf mak. Pai bawah pada mak. Lainlah kalau mak suruh Pai cerai. Ada mak suruh Pai cerai ke? Beria dulu cakap fikir dulu Pai. Lama-lama main suka-suka. Kenapa bercerai. Lepas tu, Alhamdulillah. Dia faham dah cakap makcik. Tensionnya Pai buat mak macam tu kata. Biadap sungguh Pai pada mak. Lainlah kalau mak pernah buat Pai. Ada mak buat Pai ke? Alhamdulillah tak ada. Mulai saat tu makcik rasa lega dah. Hampir setahun. Sepuluh bulan, lepas habis tu makcik buang semua SMS. Pada makcik, bila baca benda tu, hati sakit. Dari segi pscyocology, baik kita buang.
>
> (PK3/I3/48)

> Sebab orang macam ni dia provoke kita. Makcik tak akan termakan dengan taktik provoke dia. Pada makciklah, apa guna dia buat macam tu. Nak provoke. Liya pergi dinner kat PWTC, dia sibuk nak tahu kerja ni, sibuk tanya Liya

> pergi dengan siapa, pakwe lah. Apasal dia sibuk sangat. Pasal dia janda dah. Lagi satu makcik sakit hati, bagi makcik dia tak bermoral. Kenapa tak bermoral, perlu ke dia cerai isteri pakai SMS. Dahlah cerai SMS, ko tuduh aku dengan lelaki lain. Astagfirullahillazim. Kalau nak cerai, cerai je lah. Tak perlu nak burukkan orang. Buat apa fitnah orang. Tulah makcik kata dia bukanlah lelaki yang..dia tak bermoral sebenarnya. Nak cerai, cerai je. Pada makcik, jantanlah. Dari segi agama, dia yang jatuhkan talak. Kenapa perlu SMS. Unless memang dah tak nak, awak cari peluang je. Pada makcik, kalau emotional macam tu lah. Memang tak nak, cerai je la. So, tu lah dia tempoh yang masa yang paling teruk makcik rasa kut.
>
> (PK3/I3/50)

Berbeza dengan PK4, mempunyai anak yang disahkan autisme dan anak remaja yang sedang membesar adalah cabaran yang hebat untuk PK4. Menurut perkongsian dari PK4, dugaan yang utama pada dirinya ialah mempunyai anak autisme. Semasa hayat arwah, anak istimewa ini diuruskan sepenuhnya oleh arwah. Arwah mendapat vss dari tempat kerjanya dan disebabkan itu arwah banyak masa di rumah untuk menguruskan anak dan rumah. Sebagai seorang guru, PK4 mempunyai jadual waktu yang padat dan kurang memberikan perhatian kepada anaknya. Tetapi selepas kematian arwah, anak istimewa ini perlukan jagaannya. Anak istimewa PK4 merupakan seorang remaja lelaki yang agak aktif dalam konteks autisme. Semasa penyelidik datang untuk menebual PK4, anak istimewa ini sentiasa ada aktiviti untuk dilakukan. Selepas makan anak ini terus menonton televisyen dan mulutnya tidak berhenti bercakap. Dia tidak menghiraukan penyelidik, hanya sekadar bertanya siapakah perempuan ini pada ibunya. Penyelidik memerhatikan setiap gerak geri anak ini sebelum sesi temubual dimulakan (Me2/PK4). Penyelidik merasakan anak ini seorang yang mudah dijaga dan tidak menyusahkan ibunya (JR2/PK4).

Seperti yang diceritakan oleh PK4, PK4 tertekan dengan anaknya bukanlah kerana anaknya seorang yang istimewa tetapi lebih kepada merasa tertekan kerana karenah anaknya. Kerenah yang berbagai-bagai membuatkan PK4 bertambah penat,

ditambah dengan penat di sekolah. PK4 terpaksa pergi ke sekolah untuk merekod kehadiran terlebih dahulu dan kemudian baru lah Pk4 menghantar anaknya ke sekolah. PK4 bertuah kerana guru besar sekolah tersebut seorang yang bertimbangrasa dan memahami.

Adakalanya kelakuan anak istimewa PK4 membuatkan PK4 berasa sangat geram kerana sukar dikawal. Dalam keadaan ini, PK4 tanpa sengaja telah memarahi anaknya. Selepas memarahi anaknya, barulah timbul rasa kasihan pada anak dan PK4 menyesal dengan tingkahlakunya yang tidak dapat menahan sabar. PK4 mengaitkan isu ini dengan anak perempuannya. PK4 menjadi gusar memikirkan apakah nasib anaknya apabila ketiadaanya kelak. Anak perempuan PK4 tidak mampu bersabar dengan ketidak sempurnaan adiknya. Dia sering membuli adiknya dan. Situasi ini menimbulkan rasa sedih dalam diri PK4. PK4 memikirkan apakah nasib anaknya seandainya dirinya pergi terlebih dahulu mengadap Ilahi. Petikan dialog yang berikut memberikan gambaran apa yang berlaku dalam kehidupan PK4.

> Memang kena tergesa sikit la sebab pagi-pagi pergi hantar kakak dia dulu, lepas tu saya punch card dulu lepas tu baru saya pergi hantar yang tu. Tapi nasib baik la pentadbir sekolah faham. Jadi memang saya punch card je dulu lepas tu saya keluar balik pergi hantar anak ke sekolah yang pendidikan khas ni lepas ti baru saya masuk balik.
>
> (PK4/I1/12)

> mungkin dari segi macam anak-anak, bila kita marah, kadang marahkan cakap dengan dia, takut dia akan tersinggung juga la, bila dah marah tu, bila dah ni kita rasa kesian pula la, tambah-tambah anak yang laki tu kan, dia ni. Kadang-kadang dia tu buat kita geram sangat. Sebab kita dah tak boleh nak kawal dia masa tu, jadi timbul la marah juga, kita marahkan dia, itu lepas marah tu timbul pula perasaan kita kesian, kita emosi kita sedih la kadang-kadang lepas marah tu tak lama kadang-kadang tu menangis juga fikirkan, ada dah macam tu, memang dia dah macam tu, kita tak boleh juga nak marah dia, tapi kena fikir balik la kita perasaan kita macam tu la, kita nak kena didik dia betul-betul la nak jadikan dia. Kadang-kadang fikir perasaan tu, memang selalu duduk tu fikir dia ni macam

> mana, kita fikir pula diri kita, macam mana kalau kita tak ada, dia pula untuk hidup dia, kadang-kadang tengok dia duduk dua beradik, kadang-kadang yang kakak ni dia terlalu kuat beremosi, kalau dia marah tu dia marah, tu kita fikir... cakap, selalu cakap dengan dia kalau macam ni kalau umi tak ada macam mana ni? Kata dekat along dengan adik dia. Dia macam tak ada rasa kesian dengan adik dia. Tapi masa tu je sebenarnya dia geram sangat, tapi lepas tu tengok dia okey. Cuma kadang-kadang dia melalukan kejam pada adik dia kita Cuma timbul perasaan kita, kita rasa sedih la tiba-tiba.
>
> (PK4/I2/95)

> Lepas tu bila kita dah cool balik, dia dalam keadaan tenang, lepas tu memang kena pergi la dekat anak ni, kena terangkan dekat dia, tak boleh la macam ni along tak boleh macam ni dengan adik, kalau apa-apa pada umi... Ha memang cakap dengan dia macam tu. Kata tak boleh la dengan adik, jangan keras sangat dengan dia. Tak boleh nak keras, sebab dia kadang-kadang selalu keras sangat dengan adik.
>
> (PK4/I2/97)

> Memang pada peringkat awal tu, memang kita rasa terbeban juga fikir macam tu kan, tapi kadang-kadang fikir, memang banyak hikmah dia la, macam dia sepanjang-panjang kadang-kadang memang kita bawak kenderaan tu dia tak tidur, dia memang tak pernah tidur dalam kereta, jenuh paksa dia tidur, dia tak tidur.
>
> (PK4/I2/115)

PK5 turut berdepan dengan isu anak, malah isunya lebih serius kerana melibatkan anak remaja perempuan yang sedang membesar. Sebelum Pk5 berkongsi cerita tentang anak perempuannya, PK5 telah berkongsi kesedihan menerima hakikat anak lelaki yang menjadi pengganti ayahnya dalam membantu keluarga meninggal dunia setahun selepas kematian suaminya. Anak lelaki PK5 merupakan wataniah, sepertimana arwah ayahnya. Menurut PK5 anaknya sangat baik dan bertanggungjawab kepada keluarga selepas arwah meninggal. Ternyata Dia lebih sayangnya anaknya kerana anaknya telah terlibat dengan kemalangan jiwa yang hampir sama dengan arwah ayahnya. PK5 turut terkesan dengan kematian ini kerana pihak sekolah melabel

anaknya meninggal kerana merempit, sedangkan anaknya meninggal sewaktu hendak pergi menjalankan tugas sebagai wataniah. PK5 menyifatkan kehilangan anak lebih memberi kesan dibandingkan dengan kehilangan suami. Selepas kematian anak terunanya, PK5 mengalami kesukaran untuk berniaga kerana tiada anak yang lain yang dapat membantu PK5 membawa kenderaan untuk ke tempat berniaga. Disebabkan itulah PK5 terpaksa berniaga di bawah perumahan kuarters yang didiami mereka sekeluarga.

> Lepas tu..abang dia sebab apa? Abang dia merempit ke? Aduhai, masa tu kan, hati ini hanya Allah yang tahu cikgu cakap macam tu. Nak jawab malas nak gaduh-gaduh. Nak kata saja..cikgu fikirlah, cikgu tak duduk dengan saya, cikgu tak rasa naluri hati saya. Kawan saya semua tanya saya, anak meninggal sebab apa? Oh, accident..dekat mana? Dia tak ada macam cikgu ni. Tiba-tiba cikgu tembak saya..terus cakap anak saya merempit..Hissshh, rasa nak saja mengadu cikgu tak boleh cakap macam tu. Kita pun rasa..kita tak minta semua tu kan, janganlah sedap-sedap..ooh, sebab mati merempit, sebab mati merempi, kan? Takkan mati cara tu saja?
>
> (PK5/I1/34)

Memandangkan anak yang diharapkan sudah tiada, PK5 menyimpan harapan besar agar anak gadisnya sama-sama membantu meringankan beban keluarga mereka, tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya. Anak perempuannya lebih banyak bersendirian dalam bilik dan tidak menghiraukan keperluan ibunya. Bukan sekadar duduk di dalam bilik, malah sikap anak perempuannya yang biadap menambahkan kesedihan PK5. Anak perempuannya sering bertikam lidah dengan PK5 dan keadaan ini sebenarnya semakin teruk sejak kematian abang sulong mereka.

Anak gadis PK5 mengambil tindakan untuk tidak ke sekolah selepas kematian abangnya dengan memberikan alasan untuk membantu ibu berniaga. Perkara ini merunsingkan PK5 kerana PK5 tidak mahu anak-anaknya keciciran dalam pelajaran walaupun keluarga mereka mengalami desakan hidup. Pada PK5 pelajaran sangat

penting untuk masa depan anak-anaknya. Bukan sahaja anak gadisnya malah kesemua anaknya yang lain.

> Cakap kat dia, pergilah sekolah. Dia cakap, mak..sejak abang dia meninggal, akak dah dua kali dapat surat dari pihak sekolah nak buang dia tapi akak cakap kat cikgu, akak merayu, tolong bagi saya masa, mungkin anak saya stress. Mungkin dia tekanan sebab jiwa dia tak boleh terima abang dia tak ada. Tak ada abang, tak ada ayah, dia tahu tak ada siapa nak tanggung dia.

(PK5/I1/32)

> Cakap dengan cikgu-cikgu..bagi surat amaran pertama, bagi surat amaran kedua..pergi sekolah, baru nak bincang..cikgu pula tindas akak, dia kata ..baru cakap..maklumlah cikgu, Izzati ni, dia tak pergi sekolah..mungkin dia terkejut arwah meninggal, dia tak boleh terima sebab mengenangkan saya yang tak ada orang nak bantu-bantu berniaga.

(PK5/I1/33)

> Dah tak nak dah. Abang meninggal bulan 1, 19 haribulan 1, baru sekolah berapa minggu? 2 minggu kan? Dah puas pujuk. Dia kata, kalau pergi taknak belajar pun, buat malu mak saja.Betul juga. Habis tu, masa depan kau? Ni mak ada lagi, tak apalah. Mak dah tak ada besok, macam mana kan? Senyap saja dia.

(PK5/I1/35)

Selain isu anak, PK5 turut berkongsi isu hubungan interpersonal bersama dengan ahli keluarga arwah suami. Semasa kematian arwah, keluarga sebelah suami dari awal lagi memberi peringatan agar arwah dikebumikan di kampung mereka. Walaupun kelihatan cara ini mampu mengurangkan masalah Pk5 untuk urusan pengkebumian arwah, tetapi sebenarnya dengan bertindak sedemikian, Pk5 dan anak-anak akan mengalami kesukaran untuk menziarahi pusara arwah di masa akan datang. Oleh itu PK5 merasakan lebih mudah jika pengkebumian diselesaikan di Selayang, sekurang-kurangnya dapat memudahkan mereka untuk menziarahi pusara arwah.

Keluarga sebelah arwah suami juga tidak pernah bertanyakan khabar anak-anak PK5 setelah arwah tiada. PK5 berasa terkilan kerana keluarga arwah sedikit pun

tidak menghulurkan bantuan kepada mereka anak-beranak, sedangkan keluarga arwah sedia maklum tentang keadaan ekonomi PK5 dan anak-anak.

> Adik beradik ayah dia tak pernah ambil tahu.Ya, bukan nak aib ya. Sejak meninggal ayah dia orang..sekolah, sakit pening, makan minum. Tak pernah. Kau ada ke belanja? Tak pernah. Yang peninggalan harta arwah..yang motor buruk tu, van buruk tu pun dia tanya..aku nak ambil van tu boleh? Nak ambil..tak fikir waris dia ramai.
>
> (PK5/I1/37)

Berdasarkan kepada perincian di atas, dapat disimpulkan PK1, PK3, PK4 dan PK5 melihat hubungan interpersonal yang berfokus kepada anak dan keluarga tambahan sebagai isu dan cabaran yang perlu mereka lalui sepanjang bergelar ibu tunggal. PK1 terpaksa berdepan dengan anak perempuan yang bersikap dingin dengannya disamping isu dengan anak lelaki dan menantu. PK3 pula dicabar dengan pelbagai ragam anak-anak termasuklah anak perempuan yang berkerjaya dan belum berkahwin, anak yang telah bercerai dan diganggu oleh bekas suami serta anak lelaki yang bebas berbelanja. Anak autisme dan anak remaja yang sedang membesar merupakan cabaran besar bagi PK4, manakala PK5 pula terpaksa berdepan dengan sikap anak yang mencabar dan hubungan dengan adik-beradik arwah suami. PK2 dan PK6 tidak melihat hubungan interpersonal sebagai satu cabaran kepada mereka kerana PK2 mempunyai hanya seorang anak dan berpendapat beliau tidak mempunyai masalah untuk mengawal anak yang seorang. PK6 juga tidak mempunyai masalah dengan anak atau pun orang sekeliling yang signifikan dengannya kerana PK6 mengambil pendekatan untuk tidak terlalu bergaul dengan ramai orang bagi mengelakkan timbulnya masalah.

### c. Kewangan keluarga

Kewangan keluarga merujuk kepada bagaimana masalah yang melibatkan wang dan harta menjadi isu kepada peserta kajian. Tiga dari enam peserta kajian mengambil peluang untuk berkongsi cerita tentang isu kewangan yang dihadapi keluarga mereka sejak kehilangan suami masing-masing.

Bagi PK2, menjadi pewaris kepada suami yang berada dan kaya adalah cabaran yang sangat berat buat dirinya. Pada pandangan PK2, PK2 menyifatkan dirinya terpilih untuk menguruskan kewangan suaminya yang mempunyai harta yang banyak sedangkan menurut pandangan PK2 ibu tunggal kebiasaannya dilihat tidak cukup wang dan harta untuk meruskan kehidupan. Sebelum meninggal, suami PK2 bekerja dengan sebuah bank yang terkemuka di Malaysia. Aset yang dimiliki adalah sangat banyak dan besar. Setelah meninggal, semua hartanya perlu dibekukan sebelum dilepaskan kepada pewaris. Pewaris utama harta arwah adalah anak arwah sendiri. PK2 bersyukur dikurniakan anak lelaki kerana harta itu akan menjadi hak anaknya. Sekiranya PK2 tidak dikurniakan anak, PK2 akan lebih tertekan kerana adik beradik lelaki arwah suami menjadi pewaris dan cuba untuk mendapatkan bahagian dan hak mereka. PK2 kelihatan agak tegang pada sewaktu berkongsi cerita tentang adik iparnya sehingga bercerita dengan ada suara yang tinggi sambil menghentak meja dan meminta penyelidik untuk tidak merekodkan penceritaan tentang adik iparnya (JR2/PK2). Pada ketika itu anak PK2 masih di bawah umur, oleh itu kesemua harta yang dibekukan perlu diuruskan oleh pemegang amanah sehinggalah anaknya cukup umur. Disebabkan itulah PK2 terpaksa menguruskan kesemua harta arwah suaminya dengan berperanan sebagai pemegang amanah.

Bagi memenuhi tanggungjawab sebagai pemagang amanah, PK2 terpaksa belajar banyak perkara tentang pengurusan harta. Pembelajaran secara tidak langsung

ini memberikan banyak pengamalan kepada PK2. Peringkat awal menguruskan harta ini memberikan tekanan kepada PK2 kerana PK2 tidak ada ilmu dalam bidang perbankan dan undang-undang. Menurut PK2, dirinya terpaksa turun naik mahkamah selama tiga belas tahun dan mengupah peguam untuk menyelesaikan urusan harta suaminya. Selagi urusan harta ini tidak selesai, PK2 merasakan satu bebanan yang besar sedang ditanggung dan seolah-olah dirinya masih berhutang dengan arwah.

> Jadi bila dah jadi ibu tunggal, segala perkara yang dia handle dulu itu, I have to handle it, di tambah lagi dengan segala harta – harta dia, nak di tukar nama, itu yang mengambil masa lama itu, nasib baik saya ada anak jantan, jadi anak jantan dia dah blok semua orang lain, adik beradik dia semua tak boleh claim.

(PK2/I1/9:303)

> Kalau hukum faraid kene ikut hukum faraid, sekiranya saya tidak ada zuriat dengan dia, segala harta – harta dia itu, akan ikut hukum faraid, saya hanya dapat satu per lapan sahaja, mak ayah dia akan dapat satu per enam, dan adik beradik dia yang lelaki semua akan dapat, perempuan semua akan dapat, saya dapat sikit sahaja, sebab saya tidak ada anak dengan dia melainkan harta dia dah di tukarkan kepada nama saya sebelum saya mati, so sekarang ini, harta itu memang tak ada lagi ditukarkan pada nama saya, tapi oleh kerana saya dapat anak lelaki dengan dia, anak lelaki kan memang bagus dia punya hak itu dua per tiga kan, kuat kan, so he got alliance share lah, well anywhere, oleh kerana anak itu dibawah umur 18, he was only six hugest old masa situ, baru masuk standard ones, so he still minor, jadi nak menjaga hak yang minor ini, kita kena buat trusty.

(PK2/I1/9:305)

Isu kewangan turut dirasai oleh PK3. PK3 berkongsi cerita tentang kerisauan terhadap anak-anaknya yang agak boros dan suka berbelanja. PK3 tidak melihat kewangan menjadi isu dirinya secara langsung, tetapi melihat bagaimana kewangan memberi impak kepada anak-anaknya. Bagi PK3 setiap anaknya bertuah kerana arwah ayah mereka telah meninggalkan sejumlah wang yang besar untuk mereka. Wang ini telah disimpan dengan selamat dalam akaun ASB masing-masing.Walaubagaimanapun wujud situasi yang merisaukan diri PK3 selepas

kematian arwah suami. Anakanya telah terbiasa membelanjakan duit terhadap barang-barang yang mahal dan berjenama. Malah anak-anak menyalahkan PK3 apabila PK3 menegur mereka. Pada anak-anak, PK3 telah mengajar mereka dari kecil lagi untuk membeli barang-barang yang mahal, sedangkan itu bukan amalan PK3, arwah yang telah mengajar anak-anak berbelanja kepada barang yang mahal.

> Bila kita kata gini, dia jawab..mak lah yang ajar beli mahal-mahal barang..lepas tu, makcik duduk kejap, bukan nak pertahankan diri ke apa..makcik kata..ok, kalaulah betul mak yang mengajar awak beli mahal-mahal,awak tak ada otak ke, fikir..kan Allah bagi akal? Tak kan nak berterusan begini..makcik tanya pada dia..tak pernah terfikir ke? Tikah la buat statement..abah ikut cakap mak..tak kesahlah..senyum jelah..dia kata..ok, tak akan beli..kadang-kadang terpaksa beralah juga, tak boleh ke, orang dah nak balik asrama dah ni..abah dia kata belilah, kita mengalah..jadi, makcik ajar lah tu? Makcik yang ajar ke? Makcik kata tak apalah, mungkin ada salah makcik lah kot..bila suami tak ada, kita nak cuba serve anak tu sebaik mungkin..sampai kita terlupa..eh, ini patut ke tak patut..bila diaorang kata macam tu, makcik terima. Macam Angah keluar statement baru ini, ada satu perkataan personal..statement Angah, sebab tu lah anak-anak spoiled, kata Angah. Lama makcik terduduk. Makcik tak marah mereka cakap begitu, makcik sebenarnya orang yang berfikiran terbuka..walaupun anak yang cakap sendiri..statement ni kuat juga dia punya kesan kan?

(PK3/I2/192)

Selain itu, anak kedua PK3 berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara dengan biasiswa. Namun begitu, anaknya ada beberapa kali pulang ke Malaysia atas urusan keluarga dan berhari raya. Perbelanjaan kembali ke Malaysia dan terbang semula ke United Kongdom memakan belanja yang agak besar, ditambah pula anaknya juga perlukan sejumlah wang yang besar untuk membayar insuran kereta yang dibelinya di luar negara. PK3 merasakan agak tertekan kerana wang banyak digunakan untuk tujuan itu. Pada pendapat PK3, wang yang mereka ada seharusnya digunakan sebaik mungkin, dan bukannya digunakan sewenag-wenangnya.

> Haaa..tu paling banyak pakai..sebabnya every year dia

> balik..sebabnya dia masuk 21/9, bulan 12 dia balik lagi sebab Tikah kahwin,2002,2003,2004. Hmmm..2001 dia pergi…Tikah kahwin 2001..1,2,3,4,5. Yang kelima pun dia balik dua kali, Liya kahwin,dia balik, then balik semula ke sana. Bulan 6,7..bulan 9 dia balik semula ke sini, dah habis belajar. Jadi, 6 kali balik..berapa ribu..3,000 kalikan dengan berapa Tak..tak..tak..setiap kali balik tu, beli barang tu, beli barang ini, kadang-kadang habis 1,000 lebih. Just imagine ye, 5000 lebih..5 kali 1,2.
>
> (PK2/I2/103)

> Itupun kereta dia beli duit sendiri sebab duit yang arwah beri EPF masing-masing punya bahagian,so, dia dapat ambil duit masa 18 tahun, dia simpan dalam ASB, bila nak guna, dia keluar..Tikah tak banyak keluar sebab dia..i tak tahu kenapa ya..Sebab tak keluar banyak sebab Ras dah bagi duit hantaran..Angah dia banyak habis sebab duit kereta dan insuran dia. Kat sana insuran kereta tinggi.
>
> (PK2/I2/106)

PK5 merupakan peserta kajian yang sangat terkesan dengan isu kewangan keluarganya sehingga boleh diibaratkan seperti kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Anak yang ramai dan sedang membesar membuatkan PK5 memerlukan duit yang lebih untuk menyara keluarga. Berniaga cendol secara kecil-kecilan tidak dapat menampung sepenuhnya keperluan seisi rumah. PK5 berjaya mendapatkan bantuan zakat dan menurut PK5 pusat zakat baru sahaja menghantar bekalan makanan kering kepada mereka. Penyelidik melihat beberapa bungkusan plastik berisi beras, susu, gula dan makanan lain tersusun di bawah meja berhampiran dapur rumah PK5 (JR2/PK5).

> Yelah, akak bukan nak apa lah kan..memang kalau nak kata kan perbelanjaan anak ramai. Semua masih nak meningkat dewasa. Nak cari duitnya. Akak tak bekerja. Nak cakap bohong buat apa.
>
> (PK5/I1/62)

> Ya, masalah itu sajalah buat masa ini. Dengan budak-budak ni, tak tahu lah nak cari duit..dah putus duit dah sekarang ni. Duit ayah dia pun dah habis belanja.
>
> (PK5/I1/72)

PK 5 berasa sedih melihat anak-anaknya tidak dapat memberikan anaknya makanan yang mereka suka atas faktor kewangan. Bukan setakat makanan, perasaan PK5 seperti dirobek-robek kerana tidak mampu membeli ubat di saat anaknya tidak sihat. PK5 sampai pada tahap sehingga menagih simpati doktor untuk membenarkan anaknya yang tidak sihat untuk berkongsi ubat. Pada ketika itu PK5 sudah putus sumber kewangan dan terpaksa membawa dua orang anaknya yang tidak sihat ke klinik.

> Dapatlah seminggu sekali makan ayam ke..Itu pun nasib baik ada kawan ayah dia..kira murah. Dapatlah makan ayam lebih seekor. Budak-budak ni suka makan ayam. Sehari, dua ekor boleh habis. Dia orang ikan-ikan jarang, ayam. Semua suka kan? Tu pun nasib baik kawan ayah dia kira..kalau sekilo RM18, arwah ayah dia bagi 2 ekor tu RM20 je. Tapi, tak selalu pergi, nak kena naik bas pergi pasar borong. Beli yang kat sini, seekor dah RM18. Macam tu lah belanjanya..area sini, kedai mahal sikit kan?

(PK5/I1/92)

> Dia dua orang ni demam serentak, kan musim panas kan? Dia tu dah tiga hari, yang dia ni satu hari dah..yang tu dah tiga hari tak baik lagi, yang ni pula kena. Satu bulan tu pergilah jumpa doctor. Nak kata akak pergi menagih simpati, tak ada cerita buat cerita, tanya pada doctor. Akak sampai merayu, doctor..boleh tak ubat anak saya ni..saya tak ada duit. Akak baru balik berniaga, dapat RM80.

(PK5/I1/73)

Kesimpulannya, PK2, PK3 dan PK5 berdepan dengan masalah kewangan tetapi dalam situasi yang berbeza. PK2 dan PK3 yang mempunyai sumber kewangan yang stabil tetapi diuji dengan cabaran untuk menguruskan wang untuk diri sendiri mahupun menguruskan wang anak-anak hasil peninggalan suami. PK5 pula yang memang tiada sumber kewangan untuk meneruskan kehidupan dan bergantung kepada bantuan pihak tertentu untuk menambah sumber kewangan keluarga. Keadaan berbeza bagi peserta kajian PK1, PK4 dan PK6. Setiap mereka tidak terkesan dengan isu

kewangan kerana mempunyai pencen yang tetap bagi PK1, mempunyai gaji bulanan yan tetap bagi PK4 dan mendapat bantuan kewangan dari keluarga terdekat serta mempunyai duit rumah sewa bagi PK6. Mereka merasakan cukup dengan apa yang ada dan masih boleh meneruskan kehidupan seharian sebagai ibu tunggal.

**d. Kebajikan diri dan keluarga**

Kebajikan keluarga merupakan satu lagi isu dan menjadi cabaran kepada peserta kajian. Kebajikan keluarga dalam konteks dapatan kajian ini merangkumi pengurusan rumah, kecukupan keperluan asas dan kesihatan fizikal. PK1 sebagai contohnya, dengan umur yang telah pun dikategorikan sebagai warga emas akan sering mengalami masalah kesihatan. Oleh kerana PK1 mempunyai isu dengan anak-anak dan tinggal berdua sahaja dengan anak perempuannya, adakalanya PK1 tidak dapat meminta pertolongan sesiapa apabila kesihatannya diuji. Anak perempuan yang kebanyakan masa berada di kolej tidak dapat menjaga kebajikan ibunya.

PK1 pernah terjatuh sehingga tidak mampu untuk bangun dari katil dan tidak dapat mengambil ubatnya. Nasib berpihak padanya kerana anak perempuannya ada dirumah. walaupun begitu sikap anaknya yang dingin dari awal tidak menunjukkan reaksi dan tindakan seperti mana yang PK1 inginkan. Sewaktu penyelidik datang untuk menemubual PK1 untuk kali yang kelima, PK1 kelihatan sangat penat, wajahnya pucat dan hanya duduk sahaja di bangku yang sering menjadi tempat duduknya setiap kali sesi temubual dijalankan. Apabila ditanya, PK1 menyatakan beliau sakit kaki dan tidak dapat bergerak banyak. Keadaan ini membuatkan penyelidik menjadi sayu dan tertanya-tanya bagaimana PK1 menguruskan kehidupannya sehari-hari jika tiada anak dirumah (JR5/ PK1).

> Memang ada lah masa-masa sedih tu, terutamanya sekali masa bila tau, masa kena tinggal seorang-seorang, demam

> sikit ke, macam sakit ke, memang lah kan? Time tu kita akan rasa lah hidup ini macam menyeksa kita kan?
>
> (PK1/I3/14:170)

> Sakit-sakit sendiri lah, tanggung sendiri. Siapa yang ada? Ada Zila, mengadu kat dia, dia tengok saja..tak buat apa pun. Hari tu Kak Zi jatuh, dia tolong lah..tapi, yang sakitnya Kak Zi. Dia nak rasa macam mana.
>
> (PK1/I5/16:20)

> Bawalah pergi hospital..ambil ubat semua. Lepas tu, balik. Kak Zi tidur sini, dia masuk dalam bilik dia. Lepas tu, bila keluar Zila, ummi nak minum? Haaa..dia kata lah ummi nak minum ke..kalau nak minum, suruh dia buat. Takkan nak suruh duduk pula sebelah kita, pegang-pegang ni semua kan? Tak ada.
>
> (PK1/I5/16:28)

PK4 juga turut terkesan dengan kebajikan keluarga. Sebagai anak tunggal dan sudah tidak bersuami, PK4 terpaksa menguruskan segala hal tanpa bantuan sesiapa. Kesibukan di sekolah tempatnya mengajar juga membuatkan PK4 mempunyai keupayaan yang terbatas untuk menguruskan hal-hal dirumah lebih-lebih lagi semuanya diuruskan oleh arwah suami sebelum suaminya meninggal.

> Contohnya macam ni, bila arwah tak ada banyak benda rosak dekat rumah, jadi sebelum-sebelum ni memang bila air tu dia punya bocor la, apa sinki.. apa dekat dapur sinki bocor kalau dulu semua dia yang ganti kan. Peti ais rosak la apa semua saya buat sendiri la. Memang keadaan macam tu la yang saya fikirkan nak lakukan sendiri. Sebelum ni kadang-kadang benda tu tahu tapi tak pernah nak buat sebab ada rasa orang lain yang akan buat, tapi lama anak kata... lepas tu ... tak pa umi boleh buat saya cuba buat la secara yang terbaik, beli ganti apa tu buat sendiri. insyaAllah boleh buat sebenarnya sebab saya ni orang kampung kan semua benda buat sendiri, lepas tu boleh la perlahan-lahan, Cuma yang tu la tiba-tiba masa macam tu rasa mencabar juga la.
>
> (PK1/I5/16:28)

PK5 pula merasakan kebajikan keluarganya terabai setelah suaminya meninggal. Rumah adalah tempat perlindungan dan keperluan asas yang sangat perlu

untuk Pk5 dan anak-anak berteduh. PK5 dan anak-anaknya tinggal di kuarters kerajaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sejak dari arwah masih hidup lagi. Setelah arwah meninggal, pihak DBKL meminta PK5 dan anak-anak berpindah dari kuartes tersebut. PK5 tidak tahu apa yang perlu dilakukannya selain dari merayu dari pihak DBKL untuk membenarkan mereka terus berteduh disitu. Sehingga ke saat PK5 ditemubual, PK5 masih menunggu keputusan rayuan samada dapat terus tinggal di kuarters tersebut atau pun berpindah keluar.

> Akak bayar rumah ni..duduk kuartes dulu kan? Arwah suami dah tak ada..akak kena keluar. Haritu akak jumpa ahli majlis, akak merayu akak nak duduk sini sampai diaorang soal.. Arwah ada rumah? Ada, tapi jauh..duduk pedalaman. Akak fikir duduk sini senang, orang pun dah kenal. Nak balik kampung, tak nak. Mana nak duduk. Tak sesuai nak duduk kampung arwah suami. Nak duduk kampung sendiri sesuai. Tapi, mana nak dapatkan rumah.
>
> (PK5/I1/17:66)

PK5 dan kakaknya memang dibesarkan oleh keluarga angkat sejak kecil lagi, jadi hubungan dengan keluarga asal PK5 memang tidak wujud dari awal. Apa yang membuatkan PK5 rasa terkilan ialah keluarga di sebelah suaminya yang langsung tidak bertanyakan kebajikan anak-anak dan dirinya selepas arwah meninggal, sedangkan mereka sedia maklum keadaan keluarga arwah sebelum arwah meninggal lagi.

> Bukan nak aibkan adik beradik ayah dia, tidak. Tapi, memang kenyataan. Adik beradik ayah dia tak pernah ambil tahu
>
> (PK5/I1/17:60)

> Ya, bukan nak aib ya. Sejak meninggal ayah dia orang..sekolah, sakit pening, makan minum. Tak pernah. Kau ada ke belanja? Tak pernah. Yang peninggalan harta arwah..yang motor buruk tu, van buruk tu pun dia tanya..aku nak ambil van tu boleh? Nak ambil..tak fikir waris dia ramai.
>
> (PK5/I1/17:60)

Berdasarkan petikan-petikan dari temubual yang telah diterangkan di atas, dapat disimpulkan bahawa bagi tema kebajikan keluarga, PK1, PK4 dan PK5 berdepan dengan cabaran ini dengan isu yang berbeza. PK1 melibatkan isu kesihatan dimana tiada anak yang dapat menjaga kebajikan apabila dirinya diuji dengan penyakit tua. PK4 pula berdepan dengan situasi untuk menguruskan hal kebajikan dalaman rumah sementara PK5 pula diuji dengan cabaran untuk mendapat belas ihsan untuk terus menetap di kuarters serta mempunyai isu pengabaian keluarga dari pihak arwah suami. Keadaan yangg berbeza bagi PK2, PK3 dan PK6. Kebajikan keluarga mereka masih dalam perkara yang terkawal dan mampu dikawal.

*Rumusan keseluruhan tema isu dan cabaran.* Bersumberkan dari dapatan yang telah diperincikan untuk tema isu dan cabaran, penyelidik dapat menyimpulkan isu dan cabaran yang dihadapi oleh setiap peserta kajian adalah berbeza antara satu sama lain. Bagi PK1, isu dan cabaran yang dihadapi termasuklah gangguan emosi, hubungan interpersonal yang melibatkan hubungan dengan anak, serta masalah kesihatan diri yang tiada jagaan seperti yang sepatutnya dari anak-anak. PK2 pula hanya berdepan dengan isu kewangan dimana beliau terpaksa menguruskan harta arwah suami yang banyak yang melibatkan undang-undang dan pengurusan yang sistematik. Isu yang dialami oleh PK3 mempunyai sedikit persamaan dengan PK2 kerana PK3 perlu menguruskan harta yang ditinggalkan arwah suami untuk anak-anak, tetapi tidak sampai kepada peringkat yang melibatkan undang-undang. selain itu, PK3 juga perlu berdepan dengan isu gangguan emosi dan hubungan interpersonal dengan anak-anak.

Peserta kajian keempat, PK4 turut berkongsi tentang isu yang dihadapinya merangkumi isu gangguan emosi, hubungan interpersonal dengan anak, dan kebajikan keluarga dari aspek pengurusan hal rumah. Beliau tidak mengalami sebarang isu

berkaitan kewangan. Keadaan ini sangat berbeza dari PK5. PK5 adalah individu yang paling terkesan dengan isu kewangan dan perlu berdepan dengan tiga isu dan cabaran yang lain iaitu gangguan emosi, hubungan interpersonal samada hubungan dengan anak mahupun hubungan dengan ahli keluarga yang lain serta isu kebajikan keluarga. dari keenam-enam peserta kajian, PK6 dilihat tidak mengalami sebarang isu kerana mengambil pendekatan untuk tidak terlalu bergaul, berdiam diri dan mendapat sokongan sepenuhnya dari keluarga arwah suami. Jadual 4.4 merumuskan keseluruhan makna menjadi ibu tunggal di bawah tema isu dan cabaran yang dihadapi oleh peserta kajian.

Jadual 4.4
*Rumusan keseluruhan tema, sub tema dan peserta kajian yang terlibat dalam isu dan cabaran yang dihadapi ibu tunggal*

| **Soalan kajian 1: Makna menjadi ibu tunggal** | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Tema dan sub tema** | **PK1** | **PK2** | **PK3** | **PK4** | **PK5** | **PK6** |
| **Isu dan cabaran** | | | | | | |
| • Gangguan emosi | / | | / | / | / | |
| • Hubungan Interpersonal | / | | / | / | / | |
| • Kewangan | | / | / | | / | |
| • Kebajikan Keluarga | / | | | / | / | |

***Rumusan Keseluruhan Tema Soalan Kajian 1.*** Secara keseluruhannya, soalan kajian satu yang ingin meneroka makna menjadi ibu tunggal dapat dikelompok kan kepada tiga perkara; maksud dan persepsi menjadi ibu tunggal, peranan dan tanggungjawab sebagai ibu tunggal serta isu dan cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal. Ringkasnya, tema dan sub tema yang muncul dari persoalan kajian 1 adalah seperti Jadual 4.5.

Jadual 4.5
*Ringkasan tema dan sub tema soalan kajian 1*

| **Soalan Kajian 1 (makna menjadi ibu tunggal)** | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Tema dan sub tema** | **PK1** | **PK2** | **PK3** | **PK4** | **PK5** | **PK6** |
| **Maksud dan Persepsi** | | | | | | |
| • Wanita yang mempunyai anak tetapi telah kehilangan suami | / | / | | | | |
| • Anak sebagai fokus utama | / | / | | | / | |
| • Bersendirian menguruskan urusan keluarga | / | / | / | / | / | / |
| • Tidak berkahwin semula | / | | | | / | / |
| • Selesa dengan gelaran balu | | / | | | / | / |
| • Stigma masyarakat | / | | | | / | |
| **Peranan dan tanggungjawab** | | | | | | |
| • Memikul tanggungjawab keluarga | / | / | | | | |
| • Peranan sebagai bapa | | / | | | / | |
| • Membentuk akhlak anak-anak | | / | / | | / | / |
| **Isu dan cabaran** | | | | | | |
| • Gangguan emosi | / | | / | / | / | |
| • Hubungan Interpersonal | / | | / | / | / | |
| • Kewangan | | / | / | | / | |
| • Kebajikan Keluarga | / | | | / | / | |

**Soalan Kajian 2: Bagaimanakah strategi daya tindak yang digunakan oleh ibu tunggal dalam menangani isu dan cabaran yang dihadapi?** Apabila berlakunya sesuatu peritiwa yang mengecewakan dalam kehidupan seseorang, pasti terdapat cabaran yang terpaksa ditempuhi. Bagaimana cara mengendalikan dan menguruskan cabaran yang dilalui inilah yang dimaksudkan dengan strategi daya tindak. Hasil dari analisis data menunjukkan bahawa keenam-enam peserta kajian menggunakan strategi daya tindak yang berikut untuk membolehkan mereka meneruskan kehidupan secara sihat dan normal;

1. Amalan pendekatan spiritual
2. Penyesuaian emosi dan kognitif
3. Sistem sokongan sosial
4. Bertingkahlaku positif

***Amalan pendekatan spiritual.*** Amalan pendekatan spiritual merujuk kepada amalan-amalan yang dilakukan oleh peserta kajian yang membawa mereka kepada mengenal siapa Pencipta yang hakiki. Sebagai seorang Muslim, dari aspek spiritual, PK1 tidak menafikan bahawa mendekatkan diri kepada Pencipta adalah cara yang paling mujarab. Apabila berlakunya peristiwa yang tidak diingini, PK1 bersedia menerima qada' dan qadar Ilahi. Beriman kepada rukun Islam yang keenam boleh mengubati hatinya dan tidak ada apa lagi yang perlu disesalkan. Apabila menerima dengan hati terbuka hati akan menjadi lebih tenang dan secara tidak langsung dapat meningkatkan motivasi dalam diri.

> Jadi saya untuk me..me..mengubat hati saya, saya akan kata itu dah takdir qada' dan qadar kan, apa nak sesal kan dah tentu kehendak di atas kita terima jelah. Lalui jelah orang kata kalau nak menangis, menangis sorang jelah. No body know orang kata kan.
>
> (PK1/I2/12:271)

> Bila nak habis problem, then you put in the moral support mengatakan bukan kita sorang je yang menghadapi masalah orang lain lagi teruk kan, you can survive mengapa kita tak boleh survive, kadang fikir pulak oh Tuhan nak uji kita kan, ha kan jadi kita terima jelah. Tapi bila kita dah mula terima benda tu dia akan jadi ringan rasa pada saya lah, pada saya kalau macam satu-satu benda susah saya terimalah benda tu dengan hati terbuka mengatakan kot ini yang ditakdirkan untuk saya kan, kadang-kadang rasa macam benda tu jadi lega ringan rasa
>
> (PK1/I1/12:293)

Selain dari menerima qada' dan qadar, PK1 tidak pernah lupa untuk berdoa dan mengaji bagi membantunya untuk bangkit dari kelemahan dan kesedihan. PK1 berdoa agar diberikan keringanan untuk melalui setiap ujian yang mendatang. Bacaan Yaasin turut menjadi melodi indah di telinga PK1 disamping dapat menenangkan sehingga lah dirinya tertidur dan melupakan segala masalah yang berlaku. PK1 mengatakan bahawa dirinya lebih banyak mengaji selepas kehilangan arwah. Selari dengan catatan

penyelidik dalam nota lapangan, sebuah tafsir Quran diletakkan di atas meja bersebelahan tempat duduk PK1 sewaktu temubual. PK1 memberitahu jika tidak ada apa yang dibuat, PK1 memang menghabiskan masanya dengan membaca ayat-ayat suci Al-Quran. Ada kalanya jika emosi marahnya membuak-buak sehingga badannya terketar-ketar, PK1 akan bersegera mengambil wudhu' dan terus menunaikan solat sunat sebagai cara menenangkan perasaan yang sedang berkecamuk.

> Lagi satu, Kak Zi selalunya..Kak Zi selalu lah..orang kata..berdoa pada tuhan tau. Memang dalam diri Kak Zi..yelah..selalu minta tuhan jauhkan Kak Zi daripada perasaan nak kahwin, nak itu, nak ini.
>
> (PK1/I3/14:144)

> ..aku akan tetap memohon, Kak Zi kata..aku akan tetap meminta..ya, minta maaf lah dengan dia..ampunkanlah, itu..ini semua kan? Ringankan lah ujian yang kau berikan ni..itu memang rajinlah Kak Zi buat..tapi, inshaaAllah, Alhamdulillah..benda tu Kak Zi kata..akan ada satu benda susah tu..last-last moment, ada saja pertolongan akan datang.
>
> (PK1/I4/15:92)

> Sekarang ni saya rajinlah..saya rajin..macam malam tadi, tak boleh tidur.. lepas tu, teringat hari ini hari khamis. Selalunya hari Khamis baca Yaasin lah malam-malam kan? Saya ambil air sembahyang, duduk baca Yaasin. Lepas baca Yaasin, nanti saya..i will put myself to sleep lah.
>
> (PK1/I2/13:124)

> Bila kita dah baca Yaasin tu macam..tak adalah macam feeling loneliness tu, tak ada. Masa tu kita dah baca ke situ, sekurang-kurangnya setengah jam..nak habiskan satu ayat Yassin tu. Dah setengah jam tu, macam terasa letih, you know? Bila dah terasa letih tu, all you have to do is lie down lah. Bila lie down tu, you automatically off to sleep. Saya dah dapat dah satu jalan macam mana nak solve saya punya loneliness tu kan.
>
> (PK1/I2/13:134)

> Kadang Kak Zi dah tak sabar, rasa macam urrghhh..terketar-ketar..Kak Zi cepat-cepat air sembahyang, pergilah sembahyang..tak kisahlah sembahyang apa yang Kak Zi buat, sembahyang saja. Nak minta supaya boleh..orang kata..berdoa lah..minta please, please..all these get away from me. I said I don't to torture

> her, I don't want to this..i kata kan? Turunkanlah..kadang-kadang Kak Zi tertidur terus..haha.
>
> (PK1/I4/15:96)

PK2 pula sering merasakan sentiasa ada bantuan yang datang setiap kali dirinya dalam kebuntuan. Hal ini rentetan dari keberkatan doa yang menjadi amalan PK2 dalam mendepani masalah yang datang kepadanya. PK2 melihat kebesaran Allah sebagai satu cara yang sangat membantu. Dengan berdoa juga dapat meningkatkan nilai keagamaan dalam dirinya disamping memberi kekuatan kepada PK2 untuk menguruskan segala masalah yang berlaku. Seterusnya hanya dengan berdoa, PK2 berjaya melatih dirinya untuk bersyukur dengan banyak perkara yang berlaku dalam dirinya.

> Jadi, dengan deep faith in the doa' and dengan Allah dan seterusnya tu, banyak kali dah saya merasakan..bila dah sampai kepada satu kebuntuan tu, ada je orang datang..ada je bantuan datang. Tuhan bukakan jalan tu. Kadang datang idea, kadang-kadang orang datang tolong. Allah is the great, you know?
>
> (PK2/I2/10:200)

> Jadi, saya banyak berdoa kepada Allah lagi. Tulah, level of religiosity tu tinggi lah. Beri aku kekuatan, Ya Allah..beri aku, apa ni..kepandaian untuk menguruskan segala-galanya.
>
> (PK2/I3/11:54)

> Jadi nak cakap macam mana itu dah qada' dan qadar, tapi walau macam mana pun , bila I look back I was still thank full to god, because,  aa', because,  when I move over to UIA, and then I reach retirement age at  55 in UIA, and then UIA also accepted me to  work on the part time research for long, long time until the present time.
>
> (PK2/I2/9:289)

Melihat hikmah dan iktibar di sebalik setiap kejadian yang berlaku dalam hidup merupakan satu lagi cara yang membantu PK2 untuk bangkit dari peristiwa kehilangan suami tercinta. PK2 melihat semuanya telah ditentukan Ilahi dan pasti ada perancangan

yang terbaik dariNya. PK2 merasakan cara ini sangat terapeutik dan memberi makna dalam kehidupannya sebagai ibu tunggal.

> Sebab saya fikir mesti ada hikmah di sebaliknya..dia ambil orang ini lebih awal daripada apa yang kita jangkakan. Jadi, saya..apa orang kata..ambil iktibar dari situ..god must have plan something for me also. Dia ambil yang itu, mungkin dia gantikan dengan yang lain, saya tak tahu. Jadi, saya ubati. This is very therapeutic, you know. The way I get myself over it is by reasoning there must be some very good reason why He did that. He means God, ya. Why God did that? And also there must be something good that I get, you know..benefit from it. So, for now, yes. I am very sad. Probably, later when you look back in retrospect, I think there is a meaning from it. Jadi, saya terima itu dengan hati yang redha. Maka, sebab itulah saya boleh ubati diri sendiri dan tidak menjadi terlalu terbawa-bawa dengan emosi.
>
> (PK2/I2/10:28)

PK3 turut menggunakan pendekatan spiritual sebagai satu dari strategi daya tindak untuk bangkit dari peristiwa kematian suami. PK3 menggunakan istilah ‘bercakap dengan Dia’ sebagai medium untuk mendapatkan kekuatan mengharungi kehidupan. Bercakap dengan Dia adalah merujuk kepada masa intim antara PK3 dan PenciptaNya samada dalam doa mahupun sewaktu bangun bertahajud di malam hari. PK3 mengibaratkan seolah-olah apa yang dicakapkan secara terus dengan PenciptaNya adalah lebih didengari berbanding bercakap dengan manusia. PK3 memohon diberi kekuatan serta mohon untuk mendapatkan ilham jika buntu dalam mencari penyelesaian.

> Tak tahulah..tapi,sebenarnya pengalaman ye..bila kita bercakap dengan DIA,kita rasa kita dah luahkan, dah lepas dah..kita tak tahu what happen, next we don’t know..pastikan apa kita cakap, tak ada orang dengar..bimbang jadi fitnah pula orang tua ni kan, tak ada laki jadi macam ni kan? hahahaha..cakap begitu, dah jadi fitnah orang..dalam doa, minta Ya Allah, terima kasih..orang tak dengar kan..terima kasih banyak-banyak ya..orang tak nampak..Tuhan selalu bantu kita..maknanya Tuhan sayang kita walaupun..kita bersangka baik dengan Allah ya..Tuhan sayang kita..selalu kita rasa ada DIA.
>
> (PK3/I2/2:334)

> Bila you bercakap, itu tak sama dengan adanya perantaraan. Kita rasa kita macam, dia dengar.
>
> (PK3/I2/2:126)

> Selalu makcik doa kat tuhan supaya bagi ilham untuk menghadapi hidup. Selalu makcik doa tu lah, bagi ilham..kalau tak bagi ilham, kita stuck..kita stuck..makcik selalu sebut dengan anak..lepas arwah meninggal, makcik selalu doa pada Allah minta ilham.
>
> (PK3/I2/2:234)

Kebergantungan sepenuhnya kepada Ilahi membantu PK3 memupuk perasaan bersangka baik pada Yang Maha Mencipta. Sekiranya ada yang diminta tetapi tidak dipenuhi atau belum tercapai, PK3 mewujudkan pemikiran bersangka baik dengan Alla. PK3 akan mencari hikmah disebaliknya. Melalui cara ini, PK3 dapat memupuk rasa bersyukur untuk setiap ilham yang diterima dan setiap apa yang belum diperolehi. PK3 menerima segalanya dengan hati terbuka.

> Yelah, bagi makcik macam tu lah.. walaupun kita tak bercakap, tapi makcik tahu dia mendengar, apa benda pun kita kena bersangka baik dengan Allah kan? Whatever apa yang kita cakap, kita tak dapat..Ya Allah, tak apa. Maybe Allah tak bagi, jadi ada hikmahnya. Jadi, makcik memang bersangka baik.
>
> (PK3/I4/4:136)

> Alhamdulillah, sebelum tidur,doa..lepas bangun tidur, dapat idea. Makcik cakap terima kasih banyak-banyak..kan makcik minta ilham,tuhan bagi kita ilham, kita boleh tangani. Kadang-kadang ia menghasilkan benda yang baik, kadang-kadang ia tak seperti yang kita harapkan..That is yang kita boleh, kita mampu.. yang diberi ilham..jadi, kita terima jelah.
>
> (PK3/I2/2:238)

Bagi lebih merasai syukur dan berterima kasih dengan apa yang ada, PK3 banyak memusabah diri dengan melihat pengalaman orang lain. Masih ada ramai insan lain yang lebih teruk diuji. PK3 akan mereflek pengalaman orang lain yang lebih teruk itu pada diri dan anaknya. Sebagai contohnya, melihat anak yang lena diulit mimpi tanpa seorang ayah memberikan motivasi untuk PK3 terus kuat. Ada kalanya PK3

melihat pada dirinya mungkin ada kesilapan silam yang dilakukan yang menyebabkan dirinya diuji sebegini. PK3 perlu lebih kuat kerana PK3 menjadi tempat anak-anak bergantung harap.

> Kita tengok pada orang, kita tengok pengalaman orang. Kita membaca, tengok..ooo..teruk orang lain lagi. Jadi, kita rasa Allah uji kita sikit saja sebenarnya. Orang lain lagi teruk. Jadi, kita rasa..haaa..you can do it, boleh..boleh ni..bila pandang anak tidur, duduk tu pandang..kita kena kuat, kalau tak kuat, anak nak bergantung pada siapa ye.
>
> (PK3/I2/2:126)

> Mungkin ada salah makcik lah kot..bila suami tak ada, kita nak cuba serve anak tu sebaik mungkin..sampai kita terlupa..eh, ini patut ke tak patut..bila diaorang kata macam tu, makcik terima.
>
> (PK3/I2/2:192)

Berdasarkan kepada perkongsian dari PK4, PK4 dapat merasakan elemen spiritual merupakan strategi daya tindak yang berkesan baginya. PK4 sentiasa berdoa, solat dan mengaji Quran selepas kematian arwah. PK4 tidak menafikan perkara-perkara ini telah pun diamalkan sejak dulu lagi tetapi disebabkan kematian arwah suaminya, PK4 memperbanyakkan amalan ini kerana terasa keberkatan dalam hidup dan amalan ini lah yang memberikan kekuatan dalam dirinya. Sewaktu berkongsi cerita, PK4 mengalirkan air matanya seolah-olah ingin meluahkan segala yang terbuku di hati (JR2/PK4). Penyelidik dapat melihat PK4 sedang bergelut dengan emosi sendiri untuk terus bangkit meneruskan kehidupannya dengan anak-anak (NL1/PK4). Menurut PK4, apa yang penting setelah perginya suami tercinta ialah keredhaan dari Yang Maha Pencipta.

> segala-galanya kita rasa berkat doa kita, kita solat, mengaji setiap masa
>
> (PK4/I1/8:24)

> memang la selama ni, kita kata kita dah solat tetapi bila tak ada ni memang kita tingkatkan lagi la, sekarang ni kekuatan memang dari Allah. Allah beri kita kekuatan, doa kita

> segala-galanya untuk diri kita dan anak-anak. Itu la setakat yang boleh saya beri.
>
> (PK4/I1/8:28)

> Cuma kadang-kadang perasan tu emosi tu dia tak ada la lama sangat, memang sedih sekejap, kadang bila dah bacakan yasin, tengah malam masa tu menitis sekejap, bila kita dah doa-doa lama-lama dia okey balik, ha macam tu la."
>
> (PK4/I1/8:121)

> guna masa-masa yang ada tu, memang ke arah untuk dapatkan tu la, keredhoaan Allah memang kita banyakkan yang tu.
>
> (PK4/I2/8:306)

PK5 juga hampir sama seperti peserta kajian yang lain iaitu menggunakan pendekatan spiritual untuk mengendalikan segala isu dan cabaran yang datang kepadanya. PK5 sentiasa berdoa memohon ketabahan hati untuk melalui ujian getir dalam kehidupannya. Ada kalanya PK5 tidak dapat berbuat apa dengan mulut masyarakat setempat yang menabur kata-kata fitnah untuk PK5 dan anak-anak. PK5 hanya boleh berdoa memohon agar Allah menunjukkan perkara yang benar. Cara ini sahajalah yang membantu PK5 untuk bangkit semula selepas dicaci dan dihina oleh masyarakat sekitar. Disebabkan itulah, PK5 tidak merasa lemah dan kelihatan sangat tabah serta lebih bersemangat walaupun dugaan tidak pernah berhenti mendatangi PK5 dan anak-anak.

> Ya Allah, akak selalu berdoa..Ya Allah, kau tunjukkanlah pada orang ni..kalau aku yang benar, dia mengata-ngata aku, kau tunjukkan lah pada dia, pada anak cucu dia esok-esok, kau tunjukkanlah tempat macam mana hamba ni rasa. Akak cakaplah, tunjukkanlah dekat dia pula. Nak tengok anak cucu dia merempat tak, minta sana sini tak.
>
> (PK5/I1/17:80)

> Mungkin kot. Akak tak rasa lemah, Alhamdulillah. Tapi, itulah. Mungkin daripada akak berdoa kan? Ya Allah, permudahkanlah apa..akak selalu doa kan? Murahkanlah rezeki kan, bukakanlah pintu hati anak-anak ni..alhamdulillah, entahlah semangat akak lagi kuat. Orang kata..lagi kita bermasalah, lagi kita..tapi.

(PK5/I2/18:94)

> Entahlah kan, tapi Alhamdulillah. Dugaan demi dugaan yang Allah berikan kat akak..alhamdulillah..orang cakap, bukan nak puji diri sendiri tapi kawan akak cakap..kau ni tabah betul lah, dia kata kan? Anak kau dah tak ada sorang, lepas tu dengan kerenah anak kau. Aku berdoa demi anak-anak yang lain..cakap macam tu. Aku minta daripada Allah tu supaya kuatkan semangat. Kalau aku lemah sebab berfikir. Tapi, Allah lagi menduga kan?

(PK5/I2/18:98)

> Yelah, akak selalu berdoa..akak cakap kan, memang akak minta dengan Allah minta tabahkan. Lepas tu akak cakap, bagi anak-anak ni kan..biarlah dia orang dengar cakap akak. Lagi satu, Ya Allah, akak nak peluang untuk besarkan dia orang. Kalau dia nak beri akak sakit, Allah nak bagi akak sakit, nak ambil akak ke, biarlah akak besarkan dia orang ni dulu. Lepas tu, biar diaorang lepas dulu.

(PK5/I2/18:150)

Seperti juga peserta lain, PK6 yakin melalui berdoa, segala masalah mudah diselesaikan. PK6 lebih menjaga solatnya selepas kematian arwah. Hal ini bertepatan dengan nota lapangan penyelidik yang mencatatkan PK6 dalam keadaan bertelekung sembahyang sewaktu penyelidik datang untuk sesi temubual. Waktu itu bukan lah waktu solat fardhu, tetapi waktu yang sesuai untuk solat Dhuha. Di sebelah sejadah PK6 ada sebuah rehal kayu yang terletak Al-Quran diatasnya. Penyelidik beranggapan PK6 baru sahaja menyudahkan bacaan Al-Qurannya (NL1/PK6). PK6 merasakan dengan mendekatkan diri kepada Allah, semangat pasti akan datang.

> Itu la sejak arwah dah tak ada lagi rapat la dengan Allah kan, sembahyang pun di awal waktu, jangan lengah lagi dah.

(PK6/I1/5:10)

> Tak tahu la, tak pernah terfikir pun kehilangan dia secepat macam tu, dah Allah bagi ketabahan untuk tu alhamdulillah.

(PK6/I2/6:182)

Berlandaskan kepada apa yang telah dinyatakan oleh peserta kajian di bawah tema amalan pendekatan spiritual, PK1, PK2, PK3, PK4, PK5 dan PK6 merasakan doa

merupakan senjata utama dalam membantu mereka berdaya tindak. Disamping berdoa dengan penuh pengharapan pada Yang Esa, PK1 memandang menerima qada' dan qadar sangat perlu untuk membentuk jiwa yang lebih tenang dan aman. Membaca Al-Quran, solat wajib dan solat sunat memudahkan lagi proses menerima qada' dan qadar yang berlaku. PK2 dan PK3 melihat mencari hikmah disebalik sesuatu yang berlaku dan bersangka baik pada Pencipta Yang Agung dapat membawa mereka kepada kedamaian. Jadual 4.6 merumuskan subtema bagi tema amalan pendekatan spiritual.

Jadual 4.6
*Rumusan keseluruhan tema, sub tema dan peserta kajian yang terlibat dalam amalan pendekatan spiritual*

| **Soalan Kajian 2: Strategi daya tindak ibu tunggal** | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Tema dan sub tema** | **PK1** | **PK2** | **PK3** | **PK4** | **PK5** | **PK6** |
| **Amalan Pendekatan Spiritual** | | | | | | |
| • Berdoa, solat, mengaji | / | / | / | / | / | / |
| • Menerima qada' dan qadar | / | | | | | |
| • Mencari hikmah di sebalik kejadian | | / | / | / | | |

***Penyesuaian emosi dan kognitif.*** Perkara pertama yang dilihat apabila berlakunya peristiwa yang menyebabkan kekecewaan yang melampau dalam diri ibu tunggal adalah bagaimana mereka menerima status kehidupan yang baru, dari seorang yang mempunyai suami kepada seorang ibu yang kematian suami. Setiap dari peserta kajian berkongsi tentang penyesuaian yang perlu dilakukan bagi memudahan mereka meneruskan kehidupan. Mereka perlu melakukan penyesuaian dari aspek penyesuaian emosi dan kognitif. Ada juga dalam kalangan peserta kajian perlu membuat penyesuaian dalam bentuk pengurusan dan kewangan. Mereka mula dapat menerima status diri yang baru setelah melalui proses penyesuaian ini. Dengan lain perkataan, penyesuaian diri kepada status yang baru merupakan strategi daya tindak yang penting dalam diri setiap peserta kajian.

Analisis data temubual mencadangkan bahawa strategi daya tindak mula berlaku apabila ibu tunggal mula melakukan proses penyesuaian dengan status baru kehidupan mereka. Secara peribadinya, menerima status sebagai ibu tunggal dalam tempoh perkahwinan yang singkat tidak terlalu memberi kesan kepada PK1 kerana PK1 pernah menjadi ibu tunggal sebelum ini, bezanya situasi pertama melibatkan perceraian manakala situasi kedua adalah kematian suami. Walaupun tidak terlalu memberi kesan, PK1 tetap mempersoalkan mengapa dirinya diuji dengan kematian suami terlalu awal kerana baru setahun mereka hidup bersama. PK1 tidak dapat menerima pemergian arwah suaminya kerana merasakan Tuhan tidak berlaku adil padanya.

> Ada.ada..ada..itulah Kak Zi nak salahkan siapa..Kak Zi kata..yang pertama, Kak Zi hidup sungguh menderita, Kak Zi kata kan? Tapi, Kak Zi bahagia sangat dapat yang elok,tapi tuhan bagi masa sekejap je, kan? Lepas tu, Kak Zi tanya balik lah kat tuhan. Kak Zi kata..di mana silap Kak Zi? Kak Zi selalu tanya soalan tu. Di mana silap Kak Zi? Kak Zi minta dia berilah petunjuk. Kat mana silapnya, aku yang silap ke..supaya boleh perbetulkan..tapi, itulah..tak dapat jawapan lagi.
>
> (PK1/I4/15:162)

Oleh kerana PK1 tidak dapat menerima kematian suami di peringkat awal, PK1 mengaku beliau meratapi pemergian suaminya lebih-lebih lagi apabila mengenangkan anak yang sedang dikandung. PK1 hanya mampu menangis setiap kali merasa sunyi dan tidak tahu kepada siapa beliau dapat mengadu nasib. Keadaan ini mengambil masa hampir setahun untuk emosinya kembali stabil lebih-lebih lagi setelah melahirkan anak yang akan membesar tanpa kasih sayang seorang ayah. Selepas daripada itu, PK1 berusaha meneruskan kehidupannya demi anak-anak yang lebih memerlukannya.

> Masa tu kan, bila dah tak ada..Kak Zi ada anak kecil kan? Masa sekejap tu, memang mourning lah orang kata..tak ada lah nak fikir nak cari ganti ke..itu ke semua kan? Kita lalui saja dengan hati sedih..dengan kadang-kadang kesunyian, menangis seorang. Kadang, rasa sendiri je..kesunyian

> seorang-seorang, menangis seorang saja..tak ada nak relat kepada orang lain. Lepas tu, dah perut besar, besar..bersalin. Dah bersalin tu, rasa Kak Zi hilanglah..
>
> (PK1/I3/14:92)

> Masa tu terkejut lah. Terkejut..alahai, kenapa aku balik tadi..kenapa aku tak ada kat sini kan, nak tunggu dia kot ye pun kan? Dalam tu, fikir pula kalau ajal dia dah sampai nak buat macam mana, kan? Memang lah sedih..6 bulan, setahun..sedih..tapi, mungkin..bangsa Kak Zi nak teruskan juga hidup, nak teruskan juga bekerja, anak-anak ada.
>
> (PK1/I3/14:52)

Penyesuaian emosi juga penting dalam memastikan seseorang boleh bangkit dari peristiwa pahit dalam kehidupannya. Menangis merupakan cara paling berkesan untuk kembali bangkit bagi PK1. Dengan menangis, seolah-olah segalanya telah terluah kerana selepas menangis semuanya akan menjadi lebih baik. PK1 biasanya menangis pada waktu malam sehingga tertidur. Adakalanya menangis di kubur arwah ibu dan ayah dapat melegakan hati kerana PK1 dapat meluahkan segala kekesalan yang pernah dilakukannya.

> Kak Zi macam lemah lah, lemah and the only thing will be Kak Zi menangis lah. So, I will cry it out. Menangis lah beriya-iya..bak kata orang ..menangis beriya-iya. Teresak-esak menangis, menangis, maybe after sometimes, dah letih agaknya menangis tu kan? Dah banyak keluar air mata, dah letih tu..you rasa macam..automatically you rasa macam..dah tak ada dah nak fikir benda tu semua.
>
> (PK1/I2/13:230)

> kalau ada juga benda tu, itulah Kak Zi kata, Kak Zi menangis seorang lah. Malam-malam ke, sebelum tidur, Kak Zi menangis lah seorang-seorang. Yang selalunya macam Kak Zi nak relate ataupun Kak Zi nak lepaskan dari diri Kak Zi, it is always during hari raya..Kak Zi pergi kubur..
>
> (PK1/I4/15:78)

Menurut PK1 lagi, dalam proses PK1 cuba untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran dan status yang baru, beliau perlu berfikiran terbuka. Melalui cara ini, PK1 dapat melihat kehidupannya dari sudut pandang yang berbeza. PK1 mengambil

peluang untuk meneroka banyak perkara supaya dapat menyesuaikan dirinya dengan apa yang perlu dilalui pada masa mendatang tanpa seorang suami.

> bila suami saya dah meninggal tu yang membuatkan saya belajar itu belajar ini, buat minda tu terbuka lah. Ha kan tak ada fikir, kadng-kadang fikir juga kan mengapa masa aku muda dulu tak buat macam ni kan tetapi tengok lah banyak tanggungjawab yang harus kita commited yourself kan.
>
> (PK1/I1/12:221)

Penyesuaian dari pengurusan kewangan juga menjadi satu keperluan kepada PK1. Sebelum ini, PK1 tidak perlu memikirkan apa-apa dari aspek pengurusan kewangan rumah kerana semuanya di bawah tanggungjawab suami. Pada pandangan PK1, PK1 perlu lebih komited dalam mencari sumber kewangan keluarga selepas suaminya meninggal bagi menampung perbelanjaan anak, pembantu rumah dan beban hutang yang lain. PK1 tidak mengenal erti lelah dan bekerja kuat dari siang hingga ke malam.

> Macam Kak Zi cari duit, siang malam..pergi kutip duit karpet, kutip itu, tengah-tengah malam semua, bapa Kak Zi tahu. So, orang kata Kak Zi ni macam kerja malam lah, kan? Haha..Kak Zi tak kisah tapi orang kampung semua tahu. Kak Zi macam mencari duit lah pasal Kak Zi seorang, anak 3 orang, just imagine kan, nak bring up. It is not easy, nak bayar gaji maid lagi, kereta ada lagi, kan?
>
> (PK1/I1/13:251)

Sepanjang proses mengumpul data, PK2 merupakan peserta kajian yang paling berpandangan positif. Bagi PK2, beliau boleh menyesuaikan diri kerana telah bersedia dari awal jika berlaku apa-apa pada suaminya. Setelah PK2 mendapat tahu tentang penyakit suami, PK2 mula membuat persediaan dari aspek emosi dan perasaan supaya dirinya tidak terlalu terkejut jika suaminya meninggal dan boleh menyesuaikan diri dengan mudah. Walau bagaimanapun, persediaan emosi dan perasaan yang dijangkakan akan stabil kerana telah bersedia dari awal rupanya meleset. Di awal-awal tempoh kematian arwah suaminya, PK2 merasakan dirinya tinggal separuh dan

separuh lagi telah hilang dibawa suami. Pada ketika inilah PK2 mula mengasingkan diri dari majlis-majlis sosial anjuran sahabat mereka. PK2 berpendapat tidak lengkap dirinya pergi secara bersendirian ke mana-mana majlis sosial ditambah dengan perasaan malu datang secara berseorangan. PK2 menghukum dirinya sendiri dengan berfikir bahawa dirinya tidak sempurna kerana tiada suami sebagai peneman.

> Jadi, saya macam sedikit-sedikit tu ada membuat persediaan dari segi perasaan, emosi lah kan? That I will not be..you know..totally shock lah sangat kan? Jadi, apa saja yang berlaku, saya tetap boleh terima. Then, I know how to adjust myself
>
> (PK2/I2/10:46)

> Pada mula saya menjadi seorang balu, saya sangat merasakan saya hilang sebelah diri lah. Half of myself is gone. Cannot help.
>
> (PK2/I3/11:78)

> I punished myself, you know? Like I am punishing myself..i am thinking that..tak sempurnalah diri nak masuk dalam majlis orang. Haa..begitu..lepas tu saya marah diri saya balik sebab orang besar hati je. all the feelings are like I am not having my other half. Jadi, banyak social event, social gathering yang selalunya kalau ada, kami akan hadir secara berduaan. In the begininning, in the initial of widowhood period, memang saya mengasingkan diri. Jadi, bila ada jemputan, orang kahwin ke, apa-apa social jemputan saya mengasingkan diri saya, saya malas nak pergi sebab saya rasa malu tanpa di other half.
>
> (PK2/I3/11:82)

Proses penyesuaian dalam diri PK2 berlaku dari masa ke semasa sehingga PK2 boleh berfikir secara rasional dan kembali bertemu dengan rakan-rakan. PK2 berusaha menyingkirkan emosi-emosi negatif dalam dirinya dengan cara berdepan dengan realiti. PK memenuhi setiap undangan yang diterima dan nyata dirinya boleh berdepan dengan orang ramai. PK2 berpendapat besar kemungkinan beliau boleh menjadi positif kerana menjadi balu pada usia lewat dewasa. Sekiranya menjadi balu pada usia yang lebih muda belum tentu PK2 boleh berfikir secara rasional dan matang.

> If I had been a widow at 25, I wouldn’t be as strong as I was became a widow at the age of 45. Jadi, oleh kerana saya jadi widow at 45, I felt that it is okay, you know..his time has come and what I need to do is look after my family, diri sendiri and I think I can get by okay. Even without him physically being around, I can handle all things. Lagipun saya dah banyak belajar dengan dia yang ni, yang ni, yang ni..jadi saya tahu macam mana nak buat.
>
> (PK2/I3/11:38)

PK2 banyak melakukan penstrukturan semula kognitif dalam membantu dirinya untuk pulih dari kekecewaan dengan lebih cepat. PK2 tidak akan membenarkan dirinya untuk diselubungi perasaan sedih dan perasaan negatif yang lain. Tujuan utama PK2 bertindak sedemikian adalah untuk memastikan kesejahteraan mental anak tunggalnya. PK2 tidak mahu anaknya melihat kesedihan yang ditanggung olehnya. Sekiranya PK2 berfikir dan bertindak secara negatif, beerti PK2 membenarkan dirinya untuk dilihat gagal dan tidak berjaya menjadi ibu yang sempurna. Oleh itu, PK2 memegang prinsip untuk berfikir secara positif sebagai satu kaedah berdaya tahan.

> Jadi, kalau saya benarkan diri saya merudum dengan perasaan negatif, perasaan sedih semua tu, grieving dan seterusnya, that is not good for my son. Jadi, dia juga akan jatuh sakit ke, tak ada self confidence, tak ada selfesteem dalam diri dia. Saya lebih menjaga kepada anak supaya dia tidak merasa pun ayah tak ada pun, he is good with me.
>
> (PK2/I2/10:20)

> First year tu, I should not be emotional wreck, you know? I cannot be that in the eyes of my son, I promise myself..i should not be looked upon at as a mother, a women who is so totally helpless, sampai anak saya pun tak tahu apa nak buat dengan saya, misalnya. Maksud saya, kalau saya terbawa-bawa, giving in into my emotions, I will lock myself in my room and cry and cry. And then, dia nak pergi sekolah, saya tak tengokkan makannya, pakaiannya, nak bawa pergi sekolah. In fact, dia pula yang worry for me instead of me worrying for him. That I wouldn’t allowed to happen. Jadi, dengan cara tu, dia nampak saya as a stable person.
>
> (PK2/I2/10:38)

> I need my cognitive reasoning for myself sebagai satu ubat. Kalau saya tak buat macam tu, saya akan jadi macam

manusia lain. Huhuhu..you know, menangis tak tentu hala macam tu.

(PK2/I2/10:52)

Dia orang tu besar hati menjemput. Tidaklah rasa macam dia dah jadi balu, tak kuasa aku nak jemput dia. Tak ada. So, I fought back, you know? I have this cognitive restructuring balik. Saya marah diri saya, after sometimes, why am I doing this. Orang tu tak ada pun fikiran, dia yang besar hati menjemput aku, aku je yang tarik diri. Nanti I will losing friends if I do that all the time.

(PK2/I3/11:82)

Satu cara yang sangat memberi makna dan sentimental bagi PK2 untuk menaikkan motivasi diri adalah dengan mengingati memori indah bersama arwah suami. Sewaktu temubual, PK2 banyak menunjukkan gambar kenangan bercuti bersama arwah suami. Satu dari gambar yang dikongsikan menunjukkan gambar PK2, arwah suami dan anak mereka sewaktu mengerjakan umrah (DSS9/PK2). PK2 menceritakan kenangan yang berlaku disana dengan nada yang gembira dan senyuman yang tidak putus-putus.

Apatah lagi apabila suami sudah meninggal, jadilah saya status ibu tunggal..jadi, lagi jadilah lebih orang kata the upmost important lah. The upmost important dalam diri saya dan satu lagi ialah the memory of the dead. The memory of my late husband tu menguatkan saya lagi untuk menjaga zuriat dia ni supaya menjadi orang yang..orang kata yang baik lah, manusia yang baiklah.

(PK2/I2/10:190)

Individu yang positif akan membina peribadi dan jiwa yang kental. Berpegang pada prinsip itulah PK2 meletakkan batas pada setiap emosi yang dilaluinya. Sekiranya PK2 merasa sedih PK2 akan memastikan emosi yang dirasai itu bersifat sementara sahaja.

Tapi, saya kuatkan hati, kuatkan iman..cakap what past is past. The dead cannot come back. I think the arwah lebih suka tengok saya tumpukan perhatian, bela anak dia lagi baik daripada mengingatkan masa-masa silam, you know..doing nothing about it and making yourself unhappy. Jadi, saya punya prinsip hidup, itulah dia. Walaupun saya

> sedih, tapi sedih saya tu ada limit, I know I need to put the limit on it.
>
> (PK2/I2/10:26)

PK3 cuba menyesuaikan emosinya dengan berfikiran terbuka. Dengan berfikiran terbuka, PK3 tidak akan mudah melatah dan boleh meneruskan kehidupan seperti biasa. Walaupun demikian, PK3 tidak menafikan dirinya agak kelam kabut dalam menyesuaikan diri setelah arwah pergi meninggalkan mereka sekeluarga. Beliau perlu menguruskan empat orang anak yang berada di tempat yang berbeza kerana anak-anaknya tinggal di sekolah berasrama. Apabila sesuatu berlaku pada anak, PK3 terpaksa bertindak segera untuk membantu anak. Disebabkan inilah PK3 merasakan dirinya agak kelam kabut sehingga tidak sempat memikirkan kesedihan yang dialami.

> makcik sebenarnya orang yang berfikiran terbuka..walaupun anak yang cakap sendiri..statement ni kuat juga dia punya kesan kan? Tapi, makcik fikir, duduk semula,oklah.
>
> (PK2/I2/2:192)

> Jadi, jadual tu agak kelam kabutlah nak cope kan.
>
> (PK2/I2/2:14)

PK3 turut merasakan tidak sukar untuk PK3 melatih dirinya berfikiran positif sebagai salah satu langkah untuk bangkit dari kekecewaan. PK3 akan berfikir secara positif dengan memberikan motivasi kendiri kepada dirinya dengan menanam dalam minda yang dirinya kuat dan yakin boleh meneruskan kehidupannya seperti biasa. PK3 juga tidak mahu terlalu merendah diri dibandingkan dengan orang lain.

> Dulu, selalu cakap..Normah, kau kena kuat, kena kuat..Cakap pada diri, jalan, jalan, jalan..Dugaan ni.
>
> (PK3/I4/4:200)

> Macam makcik kata tadi, dari segi kesusahan mental tu, memang self motivate, banyak self motivate dengan kakak lah.
>
> (PK3/I2/2:148)

> Kadang-kadang kita tengok, kita fikir kita pun tak suka merendah diri sangat. Apa kekurangan kita berbanding orang lain kan? Makcik fikir, tak payah nak rasa rendah-rendah diri.
>
> (PK3/I4/4:184)

Sungguhpun begitu, PK3 mengambil masa yang agak lama untuk menyesuaikan dirinya berdepan dengan kehilangan arwah. PK3 tidak dapat menjejakkan kaki ke kubur arwah suaminya kerana takut dirinya tidak dapat menahan sebak didada. PK3 memilih untuk menangis bersendirian bagi menenangkan dirinya kerana tidak mahu anak-anak melihat kesedihan yang ditanggungnya. Kebiasaannya PK3 akan menangis di dalam bilik dengan menekup muka dengan bantal dan menangis teresak-esak tanpa dilihat dan didengari sesiapa pun. Dengan terlerainya tangisan ini, PK3 merasakan dirinya lebih stabil dan dapat menerima apa juga yang berlaku.

> Tak, mak kalau pergi, mak tahan menangis, bila tahan menangis, mak sakit kepala..makan panadol 2 biji..kalau mak ada daya tahan, mak pergi.
>
> (PK2/I2/2:148)

> Tapi, ada menangis lah..ada menangis sampai tutup bantal, takut orang dengar..kalau menangis sikit tak puas hati, jadi nak nangis kuat sikit, kena tutup bantal..tak nak orang dengar..macam tu..tu cara yang paling mudah, orang tak dengar, orang tak nampak.
>
> (PK2/I2/2:256)

> Haaa..kita nak meraung tapi tak nak orang dengar..the best thing to do is you telengkup bantal and meraung lah kuat-kuat, orang tak akan dengar.
>
> (PK3/I2/2:362)

Sejak kematian arwah, PK4 dapat merasakan dirinya mudah marah pada tindakan anak-anak. PK4 berpendapat dirinya tidak mampu lagi mengawal anak istimewanya sehingga bertindak memarahi anaknya. Walau pun begitu, PK4 bukanlah berniat secara langsung untuk memarahi anaknya. PK4 pasti akan rasa bersalah setiap kali memarahi anaknya. Dalam proses menyesuaikan diri dengan status barunya, PK4 menyifatkan tindakan marahnya adalah reflek dari rasa sedih dengan kematian arwah

suami. Reflek dari rasa sedih dan kehilangan arwah juga membuatkan PK4 kurang tidur kerana perlu menyesuaikan diri arwah sudah tiada di sisi.

> Sebab kita dah tak boleh nak kawal dia masa tu, jadi timbul la marah juga, kita marahkan dia, itu lepas marah tu timbul pula perasaan kita kesian, kita emosi kita sedih la kadang-kadang lepas marah tu tak lama kadang-kadang tu menangis juga fikirkan, ada dah macam tu, memang dia dah macam tu, kita tak boleh juga nak marah dia, tapi kena fikir balik la kita perasaan kita macam tu la, kita nak kena didik dia betul-betul.
>
> (PK4/I2/8:85)

> Kalau dari segi perasaan tu, tak tahu, Cuma kadang-kadang la saya insya-Allah la, kalau malam-malam tu bila kita tengah solat ke apa, kadang-kadang mengaji memang.. tidur malam memang kurang la sebab arwah dah tak ada.
>
> (PK4/I1/8:32)

Tiadanya arwah suami di sisi maka tiada jugalah insan yang akan bersama-sama berbincang dalam menyelesaikan masalah keluarga. PK 4 menyifatkan setelah tiada arwah, setiap keputusan adalah menjadi tanggungjawabnya. Dalam menyesuaikan diri menjadi insan yang diberi amanah untuk membuat setiap keputusan dalam keluarga, PK4 perlu memikirkan sesuatu perkara itu berkali-kali bagi memastikan dirinya membuat keputusan yang betul.

> Perasaan tu memang la kadang-kadang timbul kita dah rasa kita dah tak ada suami kan jadi timbul juga bila nak melakukan sesuatu tu memang kena berfikir banyak la, kadang-kadang nak buat perkara tersebut tu jadi kena fikir, macam sesuatu tindakan apa-apa nak memang berlandaskan ... memang kena fikir banyak kali la sebab kita nak tanggung seorang-seorang ni.
>
> (PK4/I2/8:95)

Menyesuaikan diri menguruskan setiap urusan utiliti rumah juga menjadi perkara yang agak rumit kepada PK4. Sebelum kematian arwah suami, barang keperluan rumah semuanya disediakan oleh suami. Disebabkan itu PK4 perlu menyesuaikan dirinya dengan belajar menguruskan pembelian barang-barang rumah sendiri. Di samping itu, PK4 juga perlu belajar untuk menukar mentol lampu, betulkan

suis dan perkara-perkara asas kemahiran hidup yang lain. Dalam catatan refleksi penyelidik (JR2/PK4), penyelidik ada mencatatkan tentang ruangan dapur yang tidak berlampu. Penyelidik merasakan PK4 tidak berkesempatan menukar mentol lampu dibahagian dapur. Apabila ditanya kepada PK4, PK4 mengiyakan apa yang direflek oleh penyelidik. Ini bermakna PK4 masih dalam proses menyesuaikan dirinya dalam menguruskan kebajikan rumah.

> tak tahu la nak cakap macam mana, jadi benda ni dia jadi secara semula jadi la, tak ada la kita kata sebelum ni berbeza sangat lah. Apakan jadi cara hidup, cara kehidupan seharian tu macam biasa, macam selalu tu tak ada la terlalu sangat, cumanya yang terasanya memang kita nak sesuaikan diri tu macam dari segi kerja la kan semua benda macam kata nak pergi beli-beli barang apa semua tu, kadang fikir nak keluar nak tak? Fikir barang memang tak ada la, memang selalu kalau apa-apa memang suruh arwah suami la, memang mudah sekejap je dia pergi beli barang ke apa.
>
> (PK4/I3/8:224)

Menangis merupakan tindakan PK5 dalam menyesuaikan emosinya apabila hidup bersendirian dengan anak-anak. PK5 tidak mampu berbuat apa-apa selain dari menangis apabila dirinya terasa lemah dan perlukan kekuatan. Anak-anak yang masih belum memahami pergolakan emosi yang berlaku dalam hati seorang ibu, yang perlu meneruskan kelangsungan hidup dengan anak-anak secara berseorangan, menyukarkan lagi PK5 untuk membuat penyesuaian emosi.

> Kadang-kadang masa basuh pinggan tu menangis, Ya Allah ya Tuhanku, kuatkanlah semangat aku demi anak-anak aku, ya Allah. Kenapalah anak-anak aku tak tahu hidup aku macam ni? Tuhan sajalah.
>
> (PK5/I1/17:106)

> Menangis jelah. Apa boleh buat? Budak sekarang bukan macam dulu, boleh bantai-bantai. Sekarang kau marah sikit, tengoklah..kau tegur sikit, dah nak lari. Itulah jalan terakhir dia. Bukan nak fikir, lantaklah. Pergilah Yana, kejut kakak kau tu. Nanti kakak balik dari sekolah, lapar dia. Nanti nak pergi sekolah agama lagi, baju sekolah agama pun belum gosok. Pergilah Yana, cepat..kejut dia

> sampai bangun. Ambil air, siram muka dia. Dulu abang dia, apa je yang tak kena dengan arwah ayah dia. Sekarang, akak saja tak nak sebut tu semua. Tapi, anak tak penakutlah semua. Kau cakap bangun, mak suruh jaga kedai. Pergi sidai kain dulu, pergi cakap. Kejut dia sampai bangun, cakap lagi kat telinga dia.
>
> (PK5/I3/18:92)

Keadaan hidup yang agak kurang bernasib baik turut menyebabkan PK5 tidak sempat menguruskan rumahnya kerana terlalu sibuk mencari nafkah untuk keluarga. Dua kali sesi temubual diadakan di rumah PK5 dan penyelidik mencatatkan perkara yang sama dalam jurnal refleksi peribadi penyelidik. Rumahnya yang penuh dengan peralatan perniagaan air soya dan barang-barang yang diterima dari pihak zakat masih belum berkemas dan diletakkan di bawah meja lipat di bahagian ruang tamu. Pangsapuri yang agak sempit menampakkan lagi betapa rumah itu tidak terurus. Pinggan yang masih ada lebihan nasi masih terbiar diatas meja. Anak-anak pula tidur bergelimpangan di hadapan televisyen di sebelah meja lipat tempat letak barang-barang sumbangan pihak zakat (JR2/PK5). Penyelidik melihat PK5 mengalami masa yang sukar untuk menyesuaikan dirinya dengan status sebagai ibu tunggal kerana tidak dapat menguruskan rumah dengan lebih teratur. PK5 sendiri mengakui rumahnya tidak terurus dan menyatakan rasa kesalnya pada pihak pengurusan yang masih belum memperbetulkan paip dirumahnya.

> Sampai sekarang rumah ni tak..kau pergi dapur, kau tengok..itu tersumbat, tengah tu tersumbat. Bilik air pakai langsir sekarang, pintu dah roboh. Buat laporan, datang tengok. Bukan MPS datang tengok, orang kontrak datang tengok. Lepas tu, dia kata..nak buka ni, salur-salur ni..kena jumpa orang bawah. Saya tak jumpa orang bawah tu sampai la ni. Senyap jela sampai sekarang, tak datang balik pantau semua.
>
> (PK5/I1/17:80)

Selain dari kesukaran menguruskan rumah tanpa bantuan suami, bagi PK5, setelah kematian suami, dirinya dan keluarga terpaksa bergantung pada jiran setempat

sekiranya berlaku sakit pening. Dalam proses menyesuaikan diri dengan status baru, PK5 perlukan bantuan orang ramai sehingga ada kalanya rasa segan untuk terus meminta pertolongan.

> Buat masa ini, macam..macam bila dah tak ada arwah, tempat kita nak tu kan..beratlah sikit sebab kita kena berurusan kan? Macam urusan sakit pening ke, beli barang niaga. Lepas tu, rasa susah sebab kita menyusahkan orang. Kita minta tolong orang, rasa macam..orang tolong ikhlas tapi kita yang rasa kan?
>
> (PK5/I2/18:4)

PK6 pula mengambil pendekatan untuk tidak mengambil kisah apa yang diperkatakan oleh individu di sekitarnya kerana tidak mahu memikirkan perkara itu sebagai masalah. PK6 lebih suka mengelakkan masalah dari terlibat dalam masalah. Cara ini dirasakan berkesan untuk PK6 kerana PK6 dapat berdaya tahan dengan status yang dihadapinya tanpa banyak masalah dan dapat menjalani kehidupan yang baik.

> Ada, tapi kita tak kisah. Kita tak ada la nak fikir kan orang cakap biar ja.
>
> (PK6/I2/5:10)

> Ibu fikir ibu tak nak rasa ada masalah la masa tu. Ibu jenis tak nak fikir masalah.
>
> (PK6/I2/5:2)

Sebagai individu yang berpersonaliti pendiam, PK6 mengambil langkah selamat dengan membuat halnya sendiri tanpa membuang masa mengambil tahu hal orang lain. Cara ini membantu PK6 melihat status nya bukanlah satu bebanan atau masalah besar, tetapi hanyalah tanggungjawab sebagai seorang ibu.

> Tak ada la rasa macam tak ada la masalah yang besar-besar yang nak di pikul. Biasa la kan yang berat-berat tak ada la. Dia tak ada banyak masalah la, tak ada macam orang ada masalah belanja ke apa. Beban anak tak terurus ke apa tak ada. Tak ada masalah, budak-budak ni mengaji atuk dia ajar. Pergi sekolah pun, sekolah dekat.
>
> (PK6/I1/6:174)

> Buat tugas ibu, jaga anak macam tu la. Tak ada la nak kacau orang. Kalau nak pergi kedai, pergi kedai.
>
> (PK6/I2/2:14)

Sungguhpun begitu, adakalanya PK6 juga menzahirkan emosinya melalui tangisan. Apabila sesuatu dugaan membuatkan dirinya terlalu sedih, PK6 akan menangis bersungguh-sungguh secara bersendirian tanpa pengetahuan sesiapa. Selepas menangis semuanya akan menjadi lebih baik dari sebelumnya. Bukan itu sahaja, gambar kenangan arwah juga dapat memberikan motivasi kepada PK6 untuk bangkit dari kekecewaan. PK6 akan melihat gambar arwah suaminya dan mendapat semangat baru selepas bercakap dengan gambar arwah. Tingkahlaku PK6 ini disokong oleh analisis dokumen berbentuk gambar yang dikongsikan oleh PK6 (DSS1/PK6). Apabila penyelidik bertanyakan apakah kenangan yang ada antara PK6 dan arwah suami, PK6 hanya meminta anak perempuannya untuk mengambilkan senaskah Al-Quran. Di dalam quran tersebut teselit gambar perkahwinan PK6 dan arwah suami. PK6 memaklumkan kepada penyelidik hanya itu gambar kenangan yang ada dan setiap kali rasa tertekan pasti PK6 akan menatap gambar yang penuh nilai sentimental itu.

> Kalau bersedih sangat-sangat ibu akan menangis seorang-seorang. Kalau kita nangis seorang-seorang habis semua. Menangis meleleh-leleh air mata macam tu la. Bila kita rasa geram sangat nak keluar tu kan, ha menangis la. Anak-anak pun tak tahu kan.
>
> (PK6/I2/5:24)

> Itu sahaja yang ada kenangan, gambar yang elok pun. Gambar yang cantik-cantik tak banyak dah. Yang tu ja ada. Ibu memang letak dalam Quran ni supaya dapat tengok selalu, tenang rasa.
>
> (PK6/I2/5:36)

Setelah meneliti kesemua dapatan dari keenam-enam peserta kajian di bawah tema penyesuaian emosi dan kognitif, kesimpulan utama yang dapat dibuat dari tema ialah PK1, PK2, PK3, PK4, PK5 dan PK6 kesemuanya melakukan penyesuaian emosi dengan cara menzahirkan emosi yang terbeban melalui tangisan. Mereka memilih

untuk tidak menangis di hadapan anak-anak supaya anak-anak tidak melihat kesusahan yang dialami. PK1 tidak dapat menerima hakikat dan mempersoalkan tentang nasibnya di peringkat awal kematian arwah suami. PK2 mengambil langkah untuk mengelak dari berjumpa rakan-rakan kerana merasakan ketaksempurnaan dirinya setelah kehilangan pasangan hidup. Walau bagaimanapun, dengan melakukan penyesuaian kognitif, PK1 dan PK2 boleh meneruskan kehidupan seperti biasa. PK1 dan PK2 mampu untuk melakukan penyesuaian kognitif kerana mereka mempunyai latar belakang akademik dalam bidang kaunseling. Pengetahuan sedia ada dari bidang kaunseling membantu mereka untuk lebih mudah melihat sesuatu dari sudut pandang yang lebih positif. Tindakan yang sama turut dilakukan oleh PK3 dan PK6. Dengan berfikiran terbuka dan tidak mengambil pusing percakapan orang sekeliling, PK3 dan PK6 dapat menyesuaikan diri dengan status mereka dalam tempoh masa yang agak cepat.

Terdapat juga peserta kajian yang perlu melakukan penyesuaian dari segi pengurusan sama ada pengurusan rumah mahupun pengurusan kewangan. PK1 terpaksa menyesuaikan diri dalam menguruskan kewangan keluarga sehingga tidak kira masa dan waktu keluar mencari nafkah. PK4 dan PK5 pula melakukan penyesuaian dari aspek pengurusan rumah. Walaupun masih lagi dalam proses penyesuaian untuk menguruskan rumah tanpa bantuan suami, PK4 dan PK5 tetap boleh meneruskan kehidupan mereka seperti biasa. Jadual 4.7 merumuskan keseluruhan tema sub tema bagi penyesuaian emosi dan kognitif.

Jadual 4.7

*Rumusan keseluruhan tema, sub tema dan peserta kajian yang terlibat dalam penyesuaian emosi dan kognitif*

| Soalan Kajian 2: Strategi daya tindak ibu tunggal | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Tema dan sub tema** | **PK1** | **PK2** | **PK3** | **PK4** | **PK5** | **PK6** |
| **Penyesuaian emosi dan kognitif** | | | | | | |
| • Menangis | / | / | / | / | / | / |
| • Berfikiran positif dan terbuka | / | / | / | | | |
| • Penafian dan mengelak | | / | | | | / |
| • Penstrukturan semula kognitif | / | / | | / | / | |

***Sistem sokongan sosial.*** Setiap peserta kajian berpendapat mempunyai sistem sokongan yang baik adalah satu keperluan tidak kira apa bentuk sokongan yang diterima sekalipun. Sistem sokongan merujuk kepada individu mahupun sistem yang memberikan sokongan dan semangat kepada peserta kajian untuk bangkit dari kekecewaan selepas kematian suami sama ada sokongan dari segi mental mahupun fizikal. Lima sistem sokongan yang diperoleh adalah;

a. keluarga termasuklah keluarga asas dan keluarga tambahan,

b. rakan-rakan,

c. jiran

d. majikan dan

e. kerajaan

Sistem sokongan PK1 terdiri daripada anak buah dan kawan-kawan. Anak buah PK1 merupakan tempat yang selamat untuk PK1 berkongsi suka duka. Anak buahnya tidak berkira dalam membantu PK1 sama ada dari aspek mental dan fizikal. Jika wang yang menjadi masalah, maka anak buahnya akan menawarkan bantuan dalam bentuk wang. Kebiasaanya anak buah PK1 menjadi tempat untuk Pk1 mendapat sokongan moral dan semangat.

> Dia sendiri kata..ummi, ummi kalau sekiranya esok ada apa-apa, beritahulah Elis, yang mana Elis tolong, Elis tolong, dia kata..inshaaAllah. Tapi, kalau ummi tak beritahu, mana Elis tahu kan? Ni ummi dah beritahu

> ni..Dia tanyalah berapa Kak Zi dapat pencen semua, kan? Sekarang ni, Kak Zi tak ada rasa macam susah, kalau susah pun, Kak Zi boleh manage lah Kak Zi punya financial problem pasal Kak Zi masih kerja, masih akan ada pendapatan yang akan masuk. Yang Kak Zi khuatirkan next year saja, macam mana? Itu yang dia ajak Kak Zi pergi Abu Dhabi tu, cari duit kan sana, kan? Ummi buat duit kat rumah saja.
>
> (PK1/I5/16:215)

Selepas kematian suami, PK1 telah menyambung hasratnya yang tertunda sewaktu masih bersuami. PK1 menyambung pelajaran di peringkat yang lebih tinggi dan mendapat sokongan sepenuhnya dari keluarga. Kakak PK1 telah dengan rela hati memberikan bantuan untuk menjaga anak-anaknya sepanjang PK1 meneruskan pengajian.

> saya sendirian ni saya tinggalkan juga anak-anak saya, masa saya belajar kan, tinggalkan anak dengan kakak lah, waktu belajar tinggalkan anak dengan kakak tapi selalu lah saya balik kan.
>
> (PK1/I1/12:112)

Bergelar pelajar veteran bukanlah sesuatu yang mudah buat PK1. PK1 bertuah dikurniakan sahabat-sahabat yang banyak membantu sepanjang tempoh pengajian. Mereka memahami keadaan PK1 yang sudah pun berkeluarga dan dalam masa yang sama perlu bertungkus-lumus untuk menggenggam segulung ijazah. Sahabat-sahabat sekampus banyak memberi sokongan dengan memberi bahan bacaan dan bahan-bahan untuk tugasan di samping memberi sokongan dalam bentuk semangat dan motivasi. PK1 merasakan sokongan insan-insan sebegini dapat mengurangkan tekanan yang dilaluinya sebagai ibu tunggal.

> Bantu Kak Zi. Dia kasi buku dia kat Kak Zi, kadang dia kata..Fuziah, this evening you come to campus. Kita ada macam workshop. Dalam pada itu, dia macam..give some pocket money ke kan? Because dia tahu I am a single mother. Kak Zi banyak dapat pertolongan yang macam-macam tu, yang encourage me.

(PK1/I4/15:68)

> Tolong baca buku untuk saya..kalau buat assignments tu semua, bantuan kawan-kawanlah. Kawan banyak..dia orang tak nak saya tinggalkan study lah kan? Nak masuk bukan senang, banyak competition kan? Lepas daripada tu, saya teruskan sajalah.

(PK1/I2/13:24)

> Jadi, orang-orang ni banyak tolong Kak Zi, itu pasal Kak Zi fikir tak banyak sangat stress. Kadang-kadang, Kak Zi fikir..dia orang tanya..Fuziah, macam mana you boleh belajar? Anak lagi, itu lagi, ini lagi..semua kan? Masa tu Kak Zi tak ada servant tau. I just do all on my own. Macam ni lah, pagi pukul 4 dah bangun, masak nasi, masak lauk, basuh kain semua..kain basuh waktu malam, sebelum tidur..dah jemur, jemur semua..haaa..lepas tu, nasi, nasi semua dah masak. Macam Kak Zi atur anak Kak Zi, balik semua makan nasi atas stove, semua senduk sendiri. Ajarlah yang tu..yang kecil tu..dia memang raja kerja dapur. Nanti cuci-cuci dapur ni, dia buat..haa..macam si Rastam tu, nak clean,clean up the house. Vakum, vakum..dia akan buat. Yang tua tu pula, pasal dia besar kan? Mana barang yang berat-berat, yang nak angkat-angkat, yang nak buang-buang ni, dia buat. Jadi, Kak Zi..bila dia orang ikut tu semua, Kak Zi tak ada stress.

(PK1/I5/15:76)

Anak seolah-olah mempunyai satu tarikan magnet sebagai pembakar semangat untuk PK2 terus kuat dalam meneruskan kehidupannya setelah bergelar ibu tunggal. PK2 berpendapat sistem sokongan yang diperolehinya sehingga ke saat ini adalah dari anak tunggalnya. Disebabkan PK2 bermasalah dan sukar untuk mendapatkan zuriat selepas berkahwin, anak yang dianugerahkan Ilahi ini sangat memberi makna kepada PK2 dan tanpa sedar menjadi penyokong kepada PK2 setelah suaminya pergi meninggalkan mereka.

> Anak itu..in fact on the other hand, become penyeri hidup saya. Jadi, I have a purpose in life. Jadi, apa pun yang saya buat adalah untuk anak. Dalam Bahasa Inggeris mengatakan, saya boleh kata my world revolves around him. He is the center of my universe. That is why he is very close to me and I am close to him. And he doesn’t even feel that..you know..he is anak yatim.

(PK2/I2/10:124)

> Ok, saya tidak menganggap dia sebagai satu bebanan. Membela dia bukan satu beban. In fact I am very happy that God has given him in my life. Eventhough I am widowed sekarang, but I still have a purpose in life, kononnya. Saya akan..hmm..apa tu..menjaga dia dengan baik lah. Sebab nak mendapatkan dia tu memang susah dulu. Tahun ketujuh baru saya dapat beranak. Jadi, I made a vow with God. Ya Allah, kau berikanlah aku seorang anak, kalau boleh biarlah lelaki.

(PK2/I2/10:118)

Ibu, kakak dan abang merupakan orang yang signifikan dalam kehidupan PK3 kerana merekalah sistem sokongan yang PK3 peroleh dari sebelum bergelar ibu tunggal sehinggalah berstatus ibu tunggal. PK3 sentiasa menjadikan ibunya sebagai sumber rujukan dan tempat untuk mendapat kan nasihat dan semangat apabila diri dirundung masalah dan kekecewaan. Selepas kepergian arwah ibu, PK3 banyak merujuk pada kakaknya untuk mendapatkan sokongan hidup. Apa sahaja isu yang dihadapi semua dalam simpanan kakak PK3. Kakak PK3 akan memberikannya kekuatan dengan kata-kata semangat dan perangsang. Selain itu PK3 juga banyak berbincang dengan abang kandungnya, terutamanya masalah anak-anak yang memerlukan bantuan dari lelaki dewasa. Abang PK3 sering bertandang ke rumah PK3 untuk bertanyakan khabar PK3 dan anak-anak.

> Nak cakap pula dengan abang arwah..tak ada arwah..abang dia lah yang gantikan..sebab abang dia yang banyak melihat budak-budak ni masa arwah tak ada..abang itulah yang datang, duduk melihat, tanya khabar, abang tulah..sehingga ke hari ini, masih lagi lah.

(PK3/I2/2:256)

> Selepas arwah mak, kakak lah..jadi, kakak lah..banyaknya dengan kakak lah..tak ada orang lain..self motivate atau kakak..makcik tak bercakap dengan orang luar.

(PK3/I2/2:92)

> Itu sahaja..dengan kakak..kakak beri kekuatan, tak apa..tak apa..dia kata..orang lain macam ni juga, jadi kita rasa kuat.

> Masalah rumah tangga pun, makcik tak pernah cakap dengan orang lain..cakap masalah dengan kakak.
>
> (PK2/I2/2:94)

PK3 merupakan individu yang agak selektif. Oleh itu hanya kawan-kawan yang tertentu sahaja yang menjadi sistem sokongan kepada PK3. PK3 banyak mendapatkan sokongan moral dari sahabat-sahabat yang mempunyai latar belakang yang hampir sama dengan beliau kerana menurut PK3 sahabat yang sebegini lebih memahami situasi yang dialaminya.

> Kawan-kawan, kadang-kadang kita pilih kawan yang boleh satu kepala dengan kita kan, jadi kawan-kawan kita ada yang bagi moral support lah, tak ada, biarlah. Jadi, kita pilih kawan yang kita boleh dengan kita. Jadi, tak banyak bezalah pemikiran kita walaupun status kita berbeza. Dia faham sebab dia punya saudara mara, adik beradik..sama dengan kita. Jadi, diaorang boleh nak tolong.
>
> (PK3/I2/2:110)

Dilahirkan sebagai anak tunggal membuatkan PK4 tidak mempunyai ramai ahli keluarga yang boleh dijadikan tempat untuk menumpang kasih sayang. Namun begitu, PK4 beruntung kerana mempunyai keluarga angkat yang sangat menjaga kebajikan PK4 sejak arwah sakit lagi. Keluarga angkat PK4 tinggal di Melaka. Sewaktu arwah sakit, keluarga angkat PK4 menawarkan diri untuk menjaga arwah di Melaka. Setelah arwah meninggal, keluarga angkat PK4 selalu menelefon bertanyakan khabar disamping memberi kata-kata perangsang untuk PK4 terus pandang ke hadapan.

> Sebab arwah suami ni, kami ni ada satu keluarga angkat. Rumah kakak tu duduk di Melaka masjid tanah, kiranya dia orang la anggap kami ni macam adik dia sendiri memang baik, masa arwah sakit pun memang dia yang suruh hantar ke sana, lepas keluar seminggu lepas dia sakit HUKM dia suruh hantar ke rumah dia terus la di masjid tanah.
>
> (PK4/I1/8:8)

> Cuma kadang-kadang ada yang seorang dua kawan tu la memang ada sebut, lepas tu yang kakak kat Melaka tu la. Kadang-kadang kalau dia telefon ke apa dia cakap la, dia akan tanya la Anisah okey?
>
> (PK4/I2/8:107)

PK4 juga mempunyai persamaan dengan PK3. Sistem sokongan PK4 juga terdiri dalam kalangan rakan-rakannya, tetapi terbatas. Hanya rakan-rakan yang dirasakan boleh dipercayai sahaja yang boleh PK4 mengadu masalah dan meminta pendapat. PK4 turut mendapat sokongan dari pengetua di sekolah dengan memahami keadaan dirinya sebagai ibu tunggal. Majikannya memberikan kelonggaran untuk PK4 masuk ke sekolah lewat sedikit dari guru-guru yang lain. Ada masanya PK4 akan terlewat masuk ke sekolah kerana menguruskan anak yang autisme. PK4 terpaksa menghantar anak sulong nya terlebih dahulu kemudian ke sekolah pendidikan khas untuk anak lelakinya. Tindakan ini mengambil masa dan menyebabkan PK4 sering lewat ke tempatnya mengajar.

> akak dengan semua staf memang tak ada masalah. Tapi pada akak tak ada la semua, Cuma kita ada 2,3, orang yang selalu dengan kita boleh sampaikan apa-apa yang ni.
>
> (PK4/I3/8:368)

> Pentadbir kadang-kadang ya la kita sebagai ibu tunggal dia nampak la kita bila kita sebuk kadang-kadang anak-anak, tu la kadang dia faham kita, ye la macam pagi kan kita nak kena hantar anak jadi dia faham. Bagi kelonggaran.
>
> (PK4/I3/8:368)

Sebagai keluarga ibu tunggal yang mengalami masalah kewangan sebagai isu utama, PK5 mwerupakan peserta kajian yang mempunyai sistem sokongan dari pelbagai pihak. kakak, jiran setempat serta pihak berwajib dari kerajaan banyak membantu keluarga PK5. Menurut PK5, sejak kecil lagi PK5 dan kakaknya telah diberikan kepada keluarga angkat. Situasi ini menyebabkan PK5 menjadi sangat rapat dengan kakaknya dan kakaklah yang menjadi tempat untuk mengadu nasib. Semasa arwah meninggal kakak PK5 sangat terkesan dan tidak dapat melihat keadaan jenazah. Kakak PK5 tidak sanggup melihat kesedihan adiknya yang telah kematian suami.

> Memang rapat sebab akak duduk satu rumah dengan dia. Yelah dari kecil, sekolah pergi sama kan? Memang rapat. Jarak tak jauh, setahun saja dengan dia. Mak bapa tak

ambil tahu, siapa lagi nak bergantung hidup? Berdua sajalah.

(PK5/I1/17:172)

PK5 menyifatkan dirinya beruntung kerana mempunyai jiran yang sangat prihatin dan boleh menghulurkan bantuan saat diperlukan. Mereka memberi bantuan dalam bentuk khidmat tenaga dan nasihat untuk anak-anak PK5. Jiran-jiran memberikan harga barang yang murah kepada PK5 jika PK5 pergi ke pasar membeli bahan mentah untuk memasak, membantu mengambil dan menghantar anak-anak PK5 ke sekolah. Disamping itu juga jiran-jiran sering memberikan kerjasama untuk memantau anak-anak remaja PK5 yang keluar malam. PK5 tidak terdaya untuk melakukan semuanya seorang diri. PK5 bersyukur jiran-jirannya tidak berkira dan membantu dengan ikhlas.

Duduk sini, sekolah dekat, semua dekat kan? Jadi,ada orang bantu lah beli barang. Ada akak tu sorang kan, suami dia kawan arwah. Memang kawan baik.

(PK5/I1/17:70)

Hantar sekolah naik kereta dia. Kalau akak tak ada duit, nak bayar duit anak sekolah, dia tak kisah. Tapi, kita kena faham dia pun ada ramai anak. Suami dia pula ada penyakit sawan lah kan? Anak dia pun yang kecil sekali dah darjah 5, eh darjah 4. Dia lah yang bantu akak, arwah suami 3 tahun dah tak ada. 3 tahun lah dia bantu. Punya sabar lah dia dengan kerenah dua orang ni masa bawa pergi sekolah sejak ayah dia meninggal kan? Dia lah yang selalu tolong bawa pergi ke sana ke mari. Dia lah yang bersabar selama 3 tahun. Alhamdulillah lah. Tak pernah lagi dengar dia merungut daripada belakang, tak pernah. Dia kata dia ikhlas tolong. Duit pun dia tak ada lah mewah mana.

(PK5/I1/17:74)

Banyaklah jiran-jiran ni pantau kan? Minta tolong. Kadang-kadang kita nak pergi, budak-budak ni tidur sini, dia peluknya akak. Jadi, kalau akak bergerak, terasalah kan? Bila akak bangun, semua bangun. Tengah-tengah malam, menjerit-jerit nak ikut, malaslah. Tu yang minta tolong jiran kan? Kadang-kadang jiran tu ada kawan polis, dia round malam, minta dia pantau anak tu sebab macam-macam kes.

(PK5/I2/18:12)

> Sejak arwah meninggal, dah tiga tahun dah, suami ni meninggal, dia lah tolong ketepi ketengah. Tapi, orang kan? Dia tak pernah cerita kat jiran-jiran dia tak nak tolong ke apa, tak ada lagi lah. Tapi, kita kisahkan dia..pagi, dia bawa budak sekolah. Sambil tu, dia tolong kita kan.
>
> (PK5/I2/18:20)

PK5 turut berkelayakan untuk mendapat bantuan kewangan dari Jabatan kebajikan Masyarakat dan sumbangan zakat dari Pusat Zakat. Jabatan Kebajikan Masyarakat memberi dua pilihan sama ada bantuan kewangan untuk ibu tunggal atau pun bantuan kewangan untuk anak-anak. PK5 memilih bantuan untuk dirinya kerana memikirkan jika dirinya tidak ada belum tentu anak-anaknya dapat bantuan. Wang yang diperoleh juga bukannya untuk kegunaan peribadi. Semuanya adalah untuk kepentingan anak-anak. Begitu juga dengan Pusat Zakat. Walaupun mereka memberikan sumbangan bukan dalam bentuk wang iaitu sumbangan yang berbentuk bahan-bahan kering seperti gula, beras, tepung, milo, sumbangan ini sudah mencukupi untuk mengurangkan beban belanja bulanan keluarganya. Penyelidik dapat melihat sendiri barang-barang yang diterima kerana sewaktu temu janji sesi tembual yang kedua dengan PK5, PK5 baru sahaja menerima sumbangan dari pihak zakat (JR2/PK5/I2).

> Memang dapat JKM. JKM untuk dua orang. JKM pula bila mohon, bagi pilihan dua. Nak bantuan ibu tunggal ke nak bantuan anak? Bantuan ibu tunggal 280 ringgit, tapi buat apa akak nak ambil. Sebab anak-anak kan? Kalau akak tak ada, belum tentu dia orang dapat kan?
>
> (PK5/II/17/86)
>
> Akak dapat beras pun, zakat bagi makanan kering. Hari tu arwah dua tak ada, dia bagi 15 kg beras, 5 kilo minyak, 5 kilo tepung gandum, 5 kilo gula. Tiap-tiap bulan..ada bagi duit sikitlah.
>
> (PK5/II/17/64)

> Ini dapat bantuan zakat. Makanan kering, beras, tepung, gula..minyak. Belum pergi ambil lagi. Hari tu, pergi

> ambil. Ada pula rumah kat lorong dalam, lori zakat, pekerja dia hantar kat simpang saja.
>
> (PK5/I2/18:20)

Sistem sokongan bagi PK6 pula datangnya dari keluarga sebelah arwah suami sama ada sokongan dalam bentuk kasih sayang mahupun kewangan. Seperti mana yang dikongsikan oleh PK6, adik arwah suaminya telah berjanji untuk menjaga PK6 dan anak-anaknya. Oleh itu PK6 tidak merasakan terbeban walaupun terpaksa membesarkan empat orang anak yang masih kecil. Anak-anak mendapat kasih sayang sepenuhnya dari pakcik mereka dan tidak merasakan sedikit pun kehilangan seorang ayah.

> Adik arwah dah berjanji dengan arwah kalau apa-apa arwah dah tak ada dia akan bantu. Dia dah janji dengan abang dia macam tu, lepas tu tiap-tiap kali nak raya ke, anak-anak nak sekolah ke dia keluarkan duit la. Pakaian ke buku-buku.
>
> (PK6/I1/6:124)

> kurang la sikit, pak cik-pak cik dia semua sayang dia orang, jadi tak ada la rasa berat sangat sampai… cakap dekat dia ibu la abah, ibu la ibu apa-apa pun abah dah tak ada, okey la kalau kata tak ada ayah tu dia orang pun buat tak tahu la, lagi untuk tau ayah dah tak ada pak cik-pak cik semua ada kan pak lang semua sayang, pak cik semua sayang.
>
> (PK6/I2/5:92)

> ibu tak ada la bersusah payah macam orang lain nak pergi kerja ke apa kan, alhamdulillah la keluarga lain tolong kalau ikut ibu ni tak ada la susah sangat macam orang lain terpaksa bersusah payah kan.
>
> (PK6/I2/5:96)

Berdasarkan dapatan yang telah diceritakan, rumusan secara keseluruhan tema sistem sokongan sosial adalah seperti berikut; PK1 menerima sistem sokongan dari anak buah dan juga kawan-kawan. PK3 dan PK4 juga mendapat sokongan dari kawan-kawan tetapi terhad dan hanya kawan yang terpilih sahaja yang mereka selesa untuk berkongsi cerita dan masalah. Selain dari kawan-kawan, PK3 dan PK4 turut mendpat

sokongan dari keluarga, bezanya hanya PK3 mendapatkan sokongan dari keluarga kandung terutamanya dari ibu, kakak dan abang, manakala PK4 mendapat sokongan dari keluarga angkat. PK5 pula mendapat sistem sokongan bukan sahaja dari keluarga malah turut dibantu oleh jiran-jiran dan agensi kerajaan yang berwajib seperti Jabatan Kebajikan Malaysia dan Pusat Zakat. PK6 pula menyatakan sistem sokongan yang ada padanya adalah keluarga sebelah arwah suami. PK2 adalah peserta kajian yang agak stabil kehidupannya secara mental dan fizikal. Personaliti yang positif membuatkan PK2 hanya melihat anaknya sebagai sumber inspirasi utama dalam meneruskan kehidupan. Sokongan mental dari anak tunggalnya sudah cukup memadai bagi PK2. Oleh itu, secara amnya, kesemua peserta kajian bersetuju sokongan keluarga adalah yang utama dalam meningkatkan tahap motivasi diri selepas bergelar ibu tunggal, diikuti oleh sokongan dari jiran, rakan-rakan, majikan dan kerajaan. Mereka mendapat sokongan dalam pelbagai bentuk sama ada sokongan mental, emosi, fizikal termasuklah kudrat dan tenaga serta kewangan. Jadual 4.8 merumuskan tema dan sub tema untuk sistem sokongan sosial yang diterima oleh ibu tunggal.

Jadual 4.8
*Rumusan keseluruhan tema, sub tema dan peserta kajian yang terlibat dalam sistem sokongan sosial*

| **Soalan Kajian 2: Strategi daya tindak ibu tunggal** | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Tema dan sub tema** | **PK1** | **PK2** | **PK3** | **PK4** | **PK5** | **PK6** |
| **Sistem sokongan sosial** | | | | | | |
| • Keluarga | / | / | / | / | / | / |
| • Rakan-rakan | / | | / | / | | |
| • Jiran | | | | | / | |
| • Majikan | | | | / | | |
| • Kerajaan | | | | | / | |

***Bertingkahlaku positif.*** Mencuba tingkahlaku yang luar dari kebiasaan adalah satu lagi strategi daya tindak yang digunakan oleh peserta kajian. Tingkahlaku yang diamalkan lebih kepada tingkahlaku yang positif. Belajar dari pengalaman merupakan satu cara yang sangat membantu PK1 untuk mengendalikan masalah yang dihadapinya. Pengalaman yang dimaksudkan ialah pengalaman orang lain yang mengajar PK1 untuk lebih menginsafi diri. Sebagai seorang yang pernah bertugas sebagai pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat, PK1 perlu berdepan dengan isu masyarakat yang lebih mencabar. Setiap kali mengendalikan kes-kes masyarakat, PK1 sering memuhasabah dirinya. Jika PK1 merasakan dirinya sudah penat dan megalami kesukaan hidup, masih ada lagi insan lain yang lebih susah kehidupannya. Dengan cara ini, PK1 akan lebih bersyukur dengan apa yang dilaluinya.

> jadi bila yang banyak beri kesedaran kepada saya masa saya kerja di jabatan kebajikan masyarakat saya tengok kehidupan-kehidupan orang lainkan, menyebabkan saya jadi aaaa concios, sedar tu tinggi lah kan, sedar dari situlah. Tiap kali saya rasa saya susah, banyak lagi orang yang lebih susah daripada saya, so I want wake up, or sleep, fikir, fikir, fikir, apa yang saya dapat bila fikir. Memang lah masa mula-mula dulu kan duduk fikir apa nak buat, duk fikir apa lah kan.

(PK1/I2/13:126)

> Kak Zi fikir hidup tu susah tapi tak adalah..masa Kak Zi kerja dulu kat Jabatan Kebajikan Masyarakat kan? Memang selalu Kak Zi stress..Tapi, kalau Kak Zi pergi tengok orang yang lebih susah daripada Kak Zi, situ kita dapat berfikir..kan? Ada orang lebih susah daripada kita. Duduk di bawah tu ada ular, duduk di bawah tu ada cengkerik-cengkerik.. dulu kan Taman Tasik Ampang tu, sekarang ni dah moden. Dulu, orang duduk macam rumah terapung..bawah tu semua ular, ular, ular..semua..masa Kak Zi kerja kebajikan. Yang Kak Zi kata yang Kak Zi kena tengok orang asli di Pahang kan? Dengan kaki Kak Zi tercocok dengan kayu kan? Ada bekas..tercocok dengan kayu, terkeluar daging Kak Zi. Tengok orang pun..kat situ dah memberikan Kak Zi satu impak kan? Satu impak kata..hai, aku ni susah sebab tak cukup duit..aku ni susah sebab yelah..anak bagi stress..aku ni susah sebab banyak stress, nasib tak baik, dapat laki yang tak bagus kan?

> Hahaha..I always balance myself, so that Kak Zi akan rasa tenang, betul tak
>
> (PK1/I4/15:100)

> Dulu kan saya kata..macam kita susah kan? Kita rasa kitalah yang paling susah sekali, ye tak? Tapi, bila saya dah kerja kat kebajikan, banyak mengubah diri saya. Ada orang yang lebih susah daripada kita, kenapa orang tak mengeluh? Kita saja yang mengeluh. But then, you have to do lah. You have to survive, you have to work it out..saya berfikiran macam tu..kita kena usaha dulu untuk buat perubahan pada diri kita. Kalau dah tak boleh, baru kita give up.
>
> (PK1/I3/13:212)

> Ambil balik, reflection kan? Reflection..macam balance balik perasaan kita tu dengan keadaan, ye tak? So that, the feeling will go off. Tak tahu lah sama ada puan pernah buat ke tidak? Tapi, bagi Kak Zi, Kak Zi selalu buat.
>
> (PK1/I3/14:170)

PK1 bukan sahaja belajar dari pengalaman orang lain, PK1 juga turut berkongsikan pengalaman hidupnya dengan mereka yang memerlukan. Menurut PK1, membuat pendedahan kendiri adalah perkara yang dapat membantunya untuk bangkit. PK1 beranggapan dengan cara ini akan mengelakkan dirinya tertekan segalanya menjadi lebih ringan untuk ditempuhi.

> saya selalu buat self disclose. Saya akan ceritakan pengalaman saya. Saya rasa masalah itu memang besar bagi orang macam kita. Tapi, kalau kita dapat ambil satu persatu kan? dengan tenang..jangan..orang kata..make yourself stress, kita tak boleh berfikir kan? InshaaAllah benda tu akan jadi ringanlah pada kita. Pasal saya, until today..banyaklah kawan-kawan yang kata kan, saya ni macam tak ada nampak susah.
>
> (PK1/I2/13:86)

PK1 juga merupakan peserta kajian yang mendapatkan khidmat sesi kaunseling secara sukarela dalam proses memulihkan dirinya dari kesedihan. Dirinya bukan setakat menghadiri sesi kaunseling, malah bagi menaikkan lagi motivasi dan bangkit dari kekecewaan, PK1 membiasakan dirinya dengan melihat program motivasi di televisyen. Program motivasi ini berjaya melegakan rasa yang tidak enak di hati.

PK1 akan mengaplikasikan mana-mana teknik yang diajar dari program dan melihat keberkesanannya dengan diri. Mana-mana teknik yang berkesan akan lebih kerap diapliaksikan dalam kehidupannya.

> Pasal Kak Zi pun banyak tengok televisyen ni..kan ada rancangan agama ni kan? Nak-nak kalau Fadzilah Kamsah..Kak Zi suka sangat dia. Dia pandai lah me..me..me ..apa..melegakan hati kita. Apa yang kita patut buat..apa yang kita tak patut buat kan? So, Kak Zi cuba ikut lah,ya? Cuba satu-satu..cuba tengok yang mana efektif. Then, kita ikut lah yang tu.
>
> (PK1/I3/14:174)

> Dia counseling punya head tu, dulu tu..Kak Zi selalu pergi jumpa dia orang..I, myself take up..me..went for counseling.
>
> (PK1/I4/15:64)

Personaliti PK1 yang suka membuat kerja dan biarkan dirinya dalam keadaan sibuk merupakan satu perkara yang baik untuk diri PK1. Cara ini dapat membantu PK1 dalam menguruskan masalah yang dihadapi. Oleh itu tidak hairanlah jika PK1 membuat keputusan untuk sambung belajar dan menjadi sukarelawan sebagai salah satu kaedah untuk menjadi individu yang lebih berdaya tahan. Sebagai pelajar dan sukarelawan, PK1 dapat mengelakkan dirinya dari berasa sunyi sekaligus dapat melupakan segala masalah.

> Saya bangsa memang orang tak boleh duduk diam punya. Saya kata takde bangsa yang duduk dan termenung sana, termenung sini pikirkan sana, pikirkan sini, saya akan buat diri saya busy.
>
> (PK1/I1/12:118)

> Jadi saya terus belajar tu yang saya ambik psikologi tu. Lepas pada tu insyallah saya tak ada mengalami segala yang saya lalui. Cuma masa tu saya muda lah lagi kan.
>
> (PK1/I1/12:207)

> Lagi satu, saya suka buat kerja sukarelawan. Memang saya daftarlah masa saya kat kebajikan kan? Untuk jadi sukarelawan..Kalau ada apa-apa..hmm..kejadian-kejadian

> yang..hmm..Jabatan Alam ni semua kan, dia orang panggil lah saya. Jadi, saya banyak buat kerja ni ya..yang memenuhi masa saya.
>
> (PK1/I2/13:32)

> Memikirkan kesunyian tu apa nak buat tapi dalam pada tu saya banyak libatkan diri saya dengan kerja-kerja kebajikan.
>
> (PK1/I2/13:96)

> Haaa..society. Community work. Kak Zi dulu rajin buat community work, volunteer.
>
> (PK1/I5/16:337)

Sewaktu mengambil keputusan untuk sambung belajar, PK1 memilih bidang psikologi. Bidang ini dirasakan sesuai dengan dirinya yang banyak mengalami isu sejak bergelar ibu tunggal. Dengan ilmu psikologi yang ada, PK1 mempunyai kelebihan untuk melatih kognitifnya berfikir secara lebih positif. PK1 beranggapan dengan penuh keyakinan bahawa setiap masalah yang datang pasti boleh diselesaikan dengan mensetkan minda bahawa segalanya boleh selesai.

> Banyak kesusahan yang saya lalui tapi saya tak ada ambil, beri tekanan kepada saya. Pasal saya rasa, somehow or rather, the problem will be solved. Saya selalu fikir macam tu..tapi, inshaaAllah lah..kalau saya fikir macam tu, ada lah pertolongan ataupun whatever it is, it will come along to solve my problems. Kalau tak solve pun, ringankan problem tu lah, kan? Dapatlah di atasi ke, macam tu.
>
> (PK1/I2/13:86)

> People always think that I am strong..people always think that I can..i can..i can..i can solve my problem. So, saya buat diri saya macam tu lah. People think so highly of me, why don't I try face the problem myself? And then, mungkin there is a..jalan lah untuk..tapi, selalunya saya..selalunya saya dapat jalan untuk menyelesaikan problem saya. So, macam mana caranya saya tak tahu tapi inshaaAllah akan ada..orang kata..apa orang kata..
>
> (PK1/I2/13:92)

> Mind setting. kadang-kadang Kak Zi susah sangat kan..fikir..tapi aku yakin..macam mana pun yakin kan? The help will come. Mesti ada sesuatu yang akan membantu Kak Zi.
>
> (PK1/I2/13:228)

Perkongsian dari PK3 juga ada menceritakan tentang strategi daya tindak melalui membaca. Bahan-bahan bacaan seperti majalah dan surat khabar banyak memaparkan kisah suka duka masyarakat yang jauh lebih teruk dari apa yang sedang dilaluinya. Pembacaan ini boleh dijadikan panduan untuk dirinya serta mampu memberikan semangat baru kepada PK3 untuk menguruskan kehidupannya. PK3 berpendapat banyak ilmu yang diperoleh melalui membaca. Disebabkan itu, PK3 memilih membaca berbanding bertanya kan pada individu lain jika dirinya ditimpa masalah dan mahukan jalan penyelesaian.

> Kalau ada peluang baca majalah ke surat khabar, tengok, lihat..jadi,nampak terbuka sikit kita punya minda kan..itu reality kehidupan..mungkin kita sikit je ni, orang lain lagi teruk..jadi, orang yang lagi teruk boleh handle, kita yang ini je tak kan tak boleh handle..so, jadi makcik kata, tak apa.
>
> (PK3/I2/2:148)

> Jadinya banyak ilmu yang boleh dicedok sana, cedok sini kan..melalui pembacaan semua, kita dengar apa-apa ke? Jadi, itu banyak membantu kan? Maknanya, kita tak ada ilmu yang ibu tunggal ada. Jadi, fikir kejap..what to do? What to do next, what to do next? Ok..macam ini..Jadi, kita ..instead suka bertanya, makcik lebih suka membaca lah.
>
> (PK3/I4/4:66)

Sebagai seorang guru, PK4 sangat sibuk dan perlu aktif dalam banyak perkara. Secara tidak langsung, kesibukan dan personaliti diri yang aktif membantu PK4 untuk melupakan masalah yang berlaku dalam hidupnya. Masanya dihabiskan di sekolah pada waktu siang, manakala pada pada malam harinya PK4 mengajar kelas bimbingan untuk kanak-kanak. PK4 juga banyak terlibat dengan aktiviti luar iaitu sukan hoki dan perlu membawa pelajar sehingga ke peringkat kebangsaan di Sarawak.

> Sebab akak pun ada macam malam akak pergi kelas, memang dapat kelas bimbingan, memang ada daripada dulu lagi dah. Mengajar budak-budak.
>
> (PK4/I3/8:400)

Dalam kesibukan menjalankan tugas sebagai seorang guru, PK4 masih berpeluang untuk memberikan dirinya ruang menghadiri program motivasi, seminar dan kelas-kelas yang berkaitan sebagai satu lagi cara yang membantu PK4 untuk terus bertahan dalam mendepani isu dan cabaran sebagai ibu tunggal. Tidak cukup dengan menghadiri program sebegini, PK4 turut membaca buku-buku motivasi dan bahan bacaan lain seperti majalah dan buku-buku agama supaya dirinya terus kuat dan boleh maju ke hadapan.

> Masa pergi pada peringkat awal tu dia ada macam seminar, apa semua dia ada macam jenis bagi motivasi ada kelas-kelas juga, jadi rajin la pergi malam apa semua kan.
>
> (PK4/I2/8:412)

> Baca buku tu memang banyak la, ada la. Baca buku yang la tahzan tu! Memang ada la semua tu, lepas tu memang sekarang ni... ye la baca buku tu, memang mengaji sambil tu memang majalah tak pernah putus tiap-tiap bulan ada je apa-apa.
>
> (PK4/I1/8:125)

> Sebab saya ni akan pergi dengar motivasikan kadang balik sampai pukul 11 lebih.
>
> (PK4/I2/8:52)

Sebelum arwah meninggalkan mereka sekeluarga, PK4 pernah menyatakan bahawa arwah ada mengizinkan PK4 untuk sambung belajar. Oleh itu, selepas perginya arwah, PK4 menyambung pelajaran dalam peringkat Sarjana Muda dengan memilih bidang kaunseling sebagai bidang pengajian. Ilmu yang diperolehi membantu PK4 menjadi individu yang lebih stabil dan tenang kerana PK4 dapat mengaplikasikan terus kepada diri dan anak-anak segala kemahiran-kemahiran dan teknik dalam kaunseling yang dipelajarinya. Dengan mengaplikasikan apa yang dipelajari, PK4 dapat menguruskan perasaan, fikiran dan tingkahlaku dirinya serta dapat menghayati

masalah orang lain. Penghayatan ini membantu PK4 untuk mereflek kepada apa yang sedang dialaminya sebagai ibu tunggal.

> Ya la dari kehidupan kita, lepas tu mungkin kot lepas arwah dah minta kita sambung sebab hari tu mula-mula buat kaunseling kan, lepas tu dia yang kata lepas ni sambung buat terus la kaunseling macam seolah-olah benda tu sebab dengan kaunseling tu kita boleh dapat kita punya pengurusan daripada hati, fikiran semua tu la. Maksudnya dia banyak membantu la apa kita belajar tu, jadi apa yang kita nak hadapi tu memang banyak membantu la.
>
> (PK4/I2/8:290)

> Sebab kadang-kadang banyak belajar, kaunseling ni kan banyak dari hati perasaan kan, lepas tu macam mana kita nak belajar menghayati orang lain tu kan.
>
> (PK4/I2/8:296)

Mempelajari sesuatu dari pengalaman yang dilalui sendiri juga salah satu elemen untuk PK4 berdaya tahan. Pengalaman mengendalikan pelajar masuk ke hutan, membawa pelajar seramai 20 orang ke Sarawak tanpa guru pengiring lain membuatkan PK4 lebih kuat untuk menghadapi apa sahaja. Kekuatan ini bukanlah setakat memberikan kekuatan fizikal dan mental malah mampu melatih kekentalan jiwa PK4 untuk berdepan juga dengan segala perkara yang mendatang.

> Dari situ la benda-benda tu memang kita dah biasa handle budak, handle jadikan segala-gala pengalaman tu memang buat kita kuat apa semua.
>
> (PK4/I2/8:344)

> Itu la kadang-kadang memang terasa tapi macam mana pun memang kena kuatkan juga la nak kena pergi, katakan kita tak pergi macam mana? Benda tu nak bergerak la, kita tak akan dapat la apa yang kita nak tu kan. Kadang-kadang kena keluar, keluar juga la tengah malam-malam la.
>
> (PK4/I2/8:226)

PK5 bukanlah keluarga yang senang, tetapi berpegang kepada prinsip lebih banyak memberi maka lebih banyak yang kita akan perolehi, PK5 menjadikan bersedekah sebagai landasan untuk dirinya mendapat ketenangan jiwa. PK5 merasakan rezeki mereka sekeluarga tidak putus-putus sejak dia mula bersedekah.

Walaupun apa yang diperolehi tidaklah sebanyak mana, tetapi keberkatan dalam bersedekah membuatkan kehidupan PK5 lebih tenang dan tidak terlalu merunsingkan hatinya. Seterusnya, hasil dari amalan bersedekah ini, PK5 dapat memupuk rasa bersyukur dalam diri. Sesusah mana pun PK5 diuji, masih ada insan lain yang lebih susah darinya.

> Ada kawan tu, akak tengok hidup dia, dia orang susah. Akak pernah pergi rumah dia, pernah tengok hidup dia, daif. Tapi, akak cakap kat kau..bukan akak niat jahat. Akak dapat duit zakat sikit, akak sedekah dekat dia. Tapi, sejak tu..alhamdulillah sejak tu, memang akak bersyukur..mungkin Allah nak tunjukkan kat kita. Kita fikir kita susah, padahal ada orang lagi susah. Alahaii..
>
> (PK5/I2/18:108)

> Ya, akak pergi haritu. Akak dapat duit zakat sikit, akak belikan baju kat anak-anak ni. Akak sedekah kat dia sikit kan, itulah rezeki akak melimpah sampailah laa ni. Tak putus-putus rezeki budak ni. Kan akak cakap kat anak mak yang nombor tiga tu..mak buat ni bukan mak nak tunjuk baik, akak cakap. Ada orang yang lagi susah, mungkin Allah tu gerakkan hati mak. Pergi ke sini, kau tengok sendiri. Kau rasa kau susah. Kau tengok, ada lagi hamba Allah yang susah. Sejak tu lah, melimpah ruah rezeki akak sejak akak bagi kat dia. Bukannya banyak, sikit saja. Akak bantu dia, itu sajalah duit, tak banyak.
>
> (PK5/I2/18:112)

> Lepas tu, Allah gerakkan hati kita..itulah, hamba Allah tu, cerita kat dia. Daripada situ lah, sabar ya Sham. Ambil ni, apa yang kau patut beli, kau beli..dia kata. Bersyukur ya Allah, dapat 100. Akak bersyukur, bercucur air mata. Akak bersyukur..aku boleh buat modal esok, belanja anak-anak aku. Ya Allah, Alhamdulillah. Murah rezeki anak. Rezeki yang datang ni haa, berkat. Alhamdulillah. Itu yang semangat tu, sekarang doa macam tu sajalah.
>
> (PK5/I2/18:104)

Kesimpulannya bagi strategi daya tindak yang melibatkan tingkahlaku yang positif, PK1 telah menghadiri sesi kaunseling, menjadi sukarelawan, menonton program motivasi, membuat pendedahan kendiri dan menyambung pelajaran ke peringkat Sarjana Muda. PK4 mempunyai kesamaan dengan PK1 kerana turut

menyambung pelajaran ke peringkat Sarjana Muda, menghadiri seminar dan program motivasi serta membuatkan diri sentiasa sibuk melalui aktiviti peribadi mahupun aktiviti di sekolah. PK4 turut menjadikan membaca sebagai strategi daya tindak untuk bangkit dari kekecewaan. Membaca juga menjadi pilihan PK3 sebagai salah satu cara untuk mengendalikan isu dan cabaran yang mendatang. Tingkahlaku yang agak berbeza dapat dilihat pada PK5 dimana PK5 memilih untuk bersedekah sebagai salah satu langkah untuk berdaya tindak. Jadual 4.9 merumuskan tema bagi bertingkahlaku positif.

Jadual 4.9
*Rumusan keseluruhan tema, sub tema dan peserta kajian yang terlibat dalam bertingkahlaku positif*

| **Soalan Kajian 2: Strategi daya tindak ibu tunggal** | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Tema dan sub tema** | **PK1** | **PK2** | **PK3** | **PK4** | **PK5** | **PK6** |
| **Bertingkahlaku positif** | | | | | | |
| • Melanjutkan pelajaran | / | | | / | | |
| • Bersedekah | | | | | / | |
| • Mengaktifkan diri | / | | | / | | |
| • Berkongsi pengalaman hidup | / | | | | | |

***Rumusan keseluruhan strategi daya tindak dalam diri ibu tunggal.*** Keenam-enam ibu tunggal mempunyai strategi daya tindak yang tersendiri. Setelah membuat penelitian dari keenam-enam strategi daya tindak peserta kajian, penyelidik dapat merumuskan strategi daya tindak yang menjadi amalan peserta kajian dapat dibahagikan kepada empat strategi yang utama iaitu amalan spiritual, penyesuaian emosi dan kognitif, sistem sokongan sosial dan bertingkahlaku positif. Pendekatan spiritual melihat kepada bagaimana ibu tunggal menghadapi masalah dengan cara mendekatkan diri dengan Penciptanya. Ibu tunggal banyak berdoa kepadaNya, bersyukur dan bersangka baik serta menerima qada’ dan qadar Ilahi. Mereka juga sering bangun malam untuk bermunajat kepada Yang Maha Esa dan bermuhasabah

diri. Pendekatan ini diamalkan oleh keenam-enam peserta kajian, PK1, PK2, PK3, PK4, PK5 dan PK6.

Penyesuaian emosi dan kognitif melihat bagaimana peserta kajian menyesuaikan emosi, perasaan dan pemikiran. Emosi peserta kajian terzahir melalui tangisan. Menangis merupakan strategi daya tindak yang menjadi pilihan PK1, PK3, PK4 dan PK6. Persamaan keempat-empat peserta kajian ini ialah mereka menangis apabila terasa kebuntuan. Tangisan mereka tidak diketahui sesiapa walaupun anak sendiri. Mereka mempunyai pendapat yang sama dimana selepas menangis segalanya akan menjadi lebih baik dan dapat mengurangkan tekanan yang dihadapi.

Dari aspek kognitif pula, dapat dilihat bahawa empat dari peserta kajian mengaplikasikan pemikiran yang positif dalam mendepani masalah mereka. Empat peserta kajian ini terdiri dari PK1, PK2, PK3 dan PK4. Manakala PK6 mengambil langkah untuk mengelak dari berfikir sebagai daya tindak. PK6 juga turut mengingat arwah suami sebagai pemberi semangat tatkala hati dirundung masalah. Cara ini turut diaplikasikan oleh PK2. Mengingati memori indah bersama arwah suami membuat PK2 lebih kuat dan mampu bangkit dari kekecewaan.

Tidak ketinggalan, peserta kajian juga ada menggunakan strategi daya tindak yang melibatkan tingahlaku yang positif. PK1 telah menghadiri sesi kaunseling, menjadi sukarelawan, menonton program motivasi, membuat pendedahan kendiri dan menyambung pelajaran ke peringkat Sarjana Muda. PK4 mempunyai kesamaan dengan PK1 kerana turut menyambung pelajaran ke peringkat Sarjana Muda, menghadiri seminar dan program motivasi serta membuatkan diri sentiasa sibuk melalui aktiviti peribadi mahupun aktiviti di sekolah. PK4 turut menjadikan membaca sebagai strategi daya tindak untuk bangkit dari kekecewaan. Membaca juga menjadi pilihan PK3 sebagai salah satu cara untuk mengendalikan isu dan cabaran yang

mendatang. Tingkahlaku yang agak berbeza dapat dilihat pada PK5 dimana PK5 memilih untuk bersedekah sebagai salah satu langkah untuk berdaya tindak. Jadual 4.10 menunjukkan rumusan keseluruhan tema dan kategori di bawah persoalan strategi daya tindak.

Jadual 4.10
*Rumusan Tema Soalan Kajian 2*

| **Soalan Kajian 2 (strategi daya tindak)** | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Tema dan sub tema** | **PK1** | **PK2** | **PK3** | **PK4** | **PK5** | **PK6** |
| **Amalan Pendekatan Spiritual** | | | | | | |
| • Berdoa, solat, mengaji | / | / | / | / | / | / |
| • Menerima qada' dan qadar | / | | | | | |
| • Mencari hikmah di sebalik kejadian | | / | / | / | | |
| **Penyesuaian emosi dan kognitif** | | | | | | |
| • Menangis | / | / | / | / | / | / |
| • Berfikiran positif dan terbuka | / | / | / | | | |
| • Penafian dan mengelak | | / | | | | / |
| • Penstrukturan semula kognitif | / | / | | / | / | |
| **Sistem sokongan sosial** | | | | | | |
| • Keluarga | / | / | / | / | / | / |
| • Rakan-rakan | / | | / | / | | |
| • Jiran | | | | | / | |
| • Majikan | | | | / | | |
| • Kerajaan | | | | | / | |
| **Bertingkahlaku positif** | | | | | | |
| • Melanjutkan pelajaran | / | | | / | | |
| • Bersedekah | | | | | / | |
| • Mengaktifkan diri | / | | | / | | |
| • Berkongsi pengalaman hidup | / | | | | | |

**Penilaian Kendiri**

Setelah beberapa kali bertemu dengan ibu tunggal untuk sesi temubual, pelbagai perkongsian pengalaman dapat penyelidik selidiki. Berpandukan kepada pengalaman yang dikongsikan, penyelidik meminta ibu tunggal untuk memberi penilaian kendiri kepada diri mereka mengikut persepsi peribadi mereka dari skala 1 hingga 10. Skala 1 merujuk kepada kegagalan sebagai ibu tunggal manakala skala 10 adalah berjaya sebagai ibu tunggal. Penilaian kendiri ini sekadar ingin melihat sejauh

mana peserta kajian melihat diri mereka Berjaya bangkit dari pengalaman silam dan Berjaya menjadi seorang ibu.

PK1 yang telah pun bergelar ibu tunggal lebih dua puluh tahun meletakkan dirinya dalam skala tujuh. PK1 mengandaikan tujuh adalah skala yang terbaik kepada dirinya kerana Tuhan memberikan dirinya kekuatan untuk berhadapan dengan segala cabaran yang mendatang. Walaupun masih lagi diduga dengan sikap anak-anak, PK1 sangat bersyukur dengan apa yang ada sekarang. Apabila dipinjamkan kekuatan, PK1 mampu untuk meneruskan kelangsungan hidup sebagai ibu tunggal.

> 7 dan 8 lah…either one, kan? Why? Because Kak Zi rasa Kak Zi bersyukur..the God give me the strength, you know? Kak Zi memang ada kekuatan untuk menghadapi semuanya. Kak Zi tidak lemah, Kak Zi tidak terus pengsan ke? Kak Zi hari tu pengsan tu, penyakit..bukan pengsan kerana stress, tak.

(PK1/I4/15:214)

> Significant is to me, orang kata kekuatan inilah yang menolong Kak Zi untuk survive. Ya? Dia penting..kalau tak ada kekuatan, macam penyakit kan? Orang kata..doktor sendiri kata sudah 6 kali, ada orang sudah hancur..dia kata..itulah, significant lah to me..apa significantnya.. apa benda yang Kak Zi lalui ni, semua kan? Ok, Kak Zi bersyukurlah, orang kata..Kak Zi has the strength to fight whatever I am facing kan? Kak Zi tidak cepat macam..apa orang.

(PK1/I4/15:220)

Sepanjang perkongsian bersama PK2, PK2 banyak menekankan tentang keberjayaannya sebagai ibu tunggal. Maka tidak hairanlah PK2 meletak dirinya pada skala 10. PK2 beranggapan dirinya telah pun menjalankan tugas dan peranan sebagai ibu tunggal kerana tidak pernah mendengar sebarang komen negatif dari ahli keluarga lain. PK2 juga mampu memberikan pelajaran yang terbaik kepada anaknya sehingga anaknya dapat melanjutkan pelajaran ke luar negara. Indikator ini menunjukkan PK2

telah Berjaya sebagai ibu tunggal kerana dapat menutup mulut orang ramai yang biasanya memandang rendah kepada potensi yang ada pada ibu tunggal dalam mendidik dan membesarkan anak.

> Saya rasa saya dah menjalankan tugas saya lah..as expected of ibu tunggal dari masyarakat. Kemudian juga, dari segi..dari segi komen-komen yang saya dengar daripada ahli keluarga ni kan, macam tak ada lah yang kata dia tu..alah, teruk betul lah mati laki macam tu. Apa..sengkeklah, you know? Jadi macam perempuan hampas lah, tak guna lah dengan anaknya tak berjaga dengan betul ke, tak ada..jadi I take care that very well. In fact people takes their hats off dengan I, kan? Macam..hey, dia boleh hantar anak dia ke luar negeri!. Kalau tak ada duit tu pun, saya akan hantar dia pergi masuk jugalah universiti local ni.
>
> (PK2/I3/11:144)

Bagi PK3 pula, skala penilaian peribadinya melihat dirinya selayaknya diletakkan pada skala 10 untuk akademik anak dan skala 8 untuk keseluruhannya. PK3 memberikan dua skala penilaian kerana PK3 merasakan dirinya berjaya dalam mendidik anak-anak dari aspek akademik tetapi gagal dalam membentuk akhlak anaknya. Dari segi akademik, anak PK3 semuanya berkelulusan tinggi dan mempunyai kerjaya yang stabil, tetapi dari segi akhlak, PK3 merasakan anaknya masih perlu diberi perhatian. Bagi PK3 tidak cukup hanya dengan pelajaran, akhlak juga perlulah mulia. Disebabkan itulah PK3 meletakkan dirimya pada skala 8 secara keseluruhan.

> Dari segi 8 tu..8 tu makcik cakap sebab dua tu ya? Yang 8 tu makcik tak cakap lah, makcik cakap kenapa ada 2 kosong kat situ ya..boleh bercakap macam tu?Ok, makcik nampak dari segi pendidikan tu mungkin..based on pendidikan sahaja, makcik boleh cakap 10 per 10. Kalau overall, makcik kata 8 per 10 sebab contohnya, makcik ada seorang..antara anak lah ya..yang dua tu makcik kata kena begini. Instead of ada pelajaran, kita mesti ada akhlak yang mulia. Akhlak yang mulia ni banyak, luas..very subjective. Contohnya kalau..yang paling mudah, kita kena berbahasa yang molek dengan orang tua. Tapi,banyak yang macam makcik cuba adapt kat dia, tak jadi macam tu. Jadi, makcik rasa makcik tak berjaya disitu. Makcik cuba, ada yang berjaya susunannya. Orang ni ada empat orang anak, kita

> cuba sama semua-semua. Tapi, penerimaannya tak sama empat-empat tu. Faham ya?
>
> (PK3/I3/264)

> Tak dapat kita..kita punya expectation tu tak terima. Jadi, makcik rasa..ooo, a bit failure kat situ pada makcik. Contohnya lagi, kalau makcik nak elaborate ya, makcik kata..hmm, makcik cakaplah..Nisa tanya, makcik cerita ya..sembahyang ni janganlah tinggal, jangan tinggal. Kalau ada peluang, buat..apalah susah sangat, buat yang wajib saja. yang sunat esok slow-slow kita buat. Kadang-kadang terbabas juga, makcik tak nampak kenapa terbabas. Dah banyak kali cakap pun, makcik rasa tak..makcik rasa masih tak berjaya.
>
> (PK3/I3/266)

> Indikator yang boleh kita guna lah.. pada diri makcik, makcik tak dapat nak kata itulah. Yang penting, no, it is not me lah. Pada makcik, makcik dah cuba tu, makcik rasa..tak dapat juga ya..didik anak yang sama. Sepupu makcik pun beritahu lah, dia ada anak 3 orang..kita beri benda yang sama pada anak-anak, tapi jadinya berbeza. Makcik pun setuju..saya pun ada anak empat, makcik kata..kenapa tak dapat ya? Kenapa tak dapat ya? Jadi, kita dah cuba terap. Tapi, kalau surroundings tu lebih kuat, dia tak pergi pada apa kita tinggal tu, dia akan pergi pada yang negative kat luar tu dulu. Jadi, makcik kata..makcik mengalahlah. Even makcik mengalah pun, once a while makcik cakap jugalah. Tapi, makcik nampak lah skala makcik 8 daripada 10. Setakat tu. Sebab instead of kita berpelajaran, kita ni akhlak kena ada sebenarnya,kan?
>
> (PK3/I3/268)

Kesempurnaan dalam diri menjadi indikator kepada PK4. Oleh itu, skala penilaian kendiri PK4 adalah pada nilai 5 ke 6. PK4 merasakan masih banyak lagi perkara yang belum disempurnakan walaupun telah merancang untuk perkara tersebut. PK4. Perkara ini melibatkan pengurusan rumah seperti kerja membaik pulih paip dan dapur. Kudrat sebagai seorang wanita juga turut membataskan pergerakan PK4.

> Sebab rasa masih belum sempurna, tah macam mana tah. Sebab diri ni tak berapa ni lagi. dah tu yang telah berlalu, tapi masih, belum ada banyak benda lagi rasa nak buat tapi belum terbuat-buat lagi. macam dekat rumah ni la dok fikir kan, sebelum ni dia yang buat semua, nak tukar paip apa, dapur tu pun tak dapat tukar cuba dah hari tu buat-buat tak boleh. Nak tukar filter tu kan bila nak buat, tak buat nanti la

> dulu. Dapur ni dinding dia dah nak mengecat, bila pulak nak mengecat.
>
> (PK4/I3/436)

> Kita perlu nak di buat banyak benda, nak perbaiki la rumah masih belum lagi, tu la kata yang ni nak angkut, yang perempuan tu memang la lembik tak boleh nak angkat, kata nak pergi buang dekat situ tak juga pergi buang, sepatutnya orang dah banyak buang, tapi kita nak mengangkut. Yang tu la banyak perkara-perkara tu la yang rasa belum sempurna lagi setakat ni kan.
>
> (PK4/I3/438)

Walaupun diduga dengan pelbagai cabaran, PK5 melihat dirinya berjaya sebagai ibu tunggal pada skala 8. PK5 merupakan invidu yang mudah panik jika timbulnya masalah. Jika tidak timbul masalah, PK5 merasakan dirinya tenang dan dapat berfungsi dengan baik. Masalah yang dimaksudkan adalah lebih kepada masalah yang melibatkan prosedur dan birokrasi yang menyukarkan PK5 sebagai contohnya proses insuran motor arwah anaknya. Selain dari masalah itu PK5 masih boleh bertahan dan meneruskan kehidupannya walaupun diduga dengan masalah anak-anak dan kewangan.

> Yelah, sebab ada masa kita goyang juga kan? Masalah anak-anak kan, ada masa kita ok lah kan? Bila kita tenang, anak-anak tak ada masalah macam ni kan, jiwa gembira saja. Hati tenang, gembira saja. Mana kita nak pergi, rasa happy saja. Akak tak boleh macam ada urusan sikit, risau.Macam arwah anak kan? Baru ni, arwah anak nak masuk ni haa..nak masuk pra. Kena isi borang, kena hantar. Kena itu, kena sign, cop JKK, cop itu. Macam dia ni kena jumpa doctor kan, kalau tak pergi, rasa risau saja. Ni tengah buat batu nisan anak tu, duitnya pakai duit orang dulu. Mulalah risau. Nak ambil duit, duit sedekah tu ada. Gunalah dulu duit tu. Ini nak kena pergi ambil, belum lagi.
>
> (PK5/I3/19:90)

PK6 merupakan peserta kajian yang terakhir dan menilai dirinya pada skala 6. Apabila ditanya mengapa enam menjadi pilihan, PK6 merasakan dirinya berada di tengah-tengah, tidak terlalu berjaya dan tidak lah gagal. PK6 juga berasa sedemikian kerana dirinya tidaklah diuji sehebat mana kerana mendapat sokongan sepenuhnya dari

keluarga selepas kehilangan arwah. Walaupun tidak bekerja, tetapi tidak timbul masalah kewangan dan tidak pernah merasakan anak-anak sebagai bebanan. Konsep redha menjadi pegangan hidupnya sentiasa tenang sebagai ibu tunggal. Pada PK6 dirinya telah pun melaksanakan tugas sebagai seorang ibu.

> Tak ada la nak kata baik tu tak ada la baik sangat, nak kata teruk tu tak ada la teruk sangat. Macam tu la. Okey.Ibu tak ada teruk-teruk sangat nak kerja ke nak sara anak ke tak ada. Tak ada la sampi macam tu sekali, tak ada la ibu ni kuat sangat nak kata teruk sangat ibu nak biar kan je anak tak ada la. Kira okey la tengah-tengah.
>
> (PK5/I2/5:98)

> Sebab anak-anak pun okey-okey tak ada la terbiar, melawan ibu ke apa kan semua anak okey la walaupun tak ada ayah dia orang terdidik kan. nak kata susah sangat tu tak ada, bagi ibu jaga anak macam tu ja la, tanggungjawab ibu nak bela anak kan, nak besarkan anak. Ibu dah jalankan tanggungjawab ibu kan.
>
> (PK6/I2/5:106)

Merujuk kepada skala penilaian kendiri seperti yang diterangkan oleh setiap peserta kajian, penyelidik dapat menyimpulkan keenam-enam peserta kajian meletakkan diri mereka dari skala 5 hingga 10. PK1 dengan skala 8 kerana merasakan beruntung dirinya masih diberi kekuatan untuk meneruskan kehidupan. PK2 meletakkan dirinya pada skala 10 kerana dapat menyangkal sigma masyarakat tentang ibu tunggal yang gagal mendidik anak. PK3 pula melihat dirinya berjaya dari aspek akademik anak-anak tetapi gagal dalam mendidik akhlak anak. Maka skala yang sesuai untuk dirinya ialah 10 untuk akademik anak dan 8 untuk keseluruhan kehidupannya. PK4 pula meletakkan mampu menguruskan dan membaikpulih kerosakan di rumah sebagai indikator sejauh mana dirinya berjaya. Dirinya masih lagi dalam proses menyesuaikan diri belajar cara-cara membaik pulih kerosakan di rumah. Oleh itu PK4 meletak dirinya pada skala 5 ke 6.

Berbeza dengan PK5, walaupun dirinya banyak menerima cabaran dan ujian, tetapi PK5 mampu meletakkan dirinya pada skala 8. Menurut PK5, jika keadaan hidupnya tenang, anak-anak akan lebih tenang dan hatinya akan lebih gembira. Walaupun begitu PK5 akan merasa tertekan dan panik apabila sesuatu berlaku di luar jangkaan yang melibatkan prosedur dan sistem birokrasi. Peserta kajian yang terakhir, PK6 pula meletakkan dirinya pada skala 6 kerana merasakan dirinya tidak lah terlalu berjaya dan tidak pula gagal. Menurut PK6, dirinya telah melaksanakan tugas dan peranan sebagai ibu tanpa rasa terbeban. Oleh itu, berdasarkan skala penialaian kendiri yang diberikan, keenam-enam ibu tunggal yang terlibat dalam kajian ini mengkategorikan diri mereka sebagai ibu tunggal yang hampir berjaya. Ini bermakna, mereka telah pun menggunakan strategi daya tindak yang bertepatan dengan keperluan diri mereka dan boleh meneruskan kehidupan sebagai ibu tunggal yang kematian suami.

## Perbincangan Dapatan Kajian

Strategi daya tindak yang diaplikasikan oleh ibu tunggal yang kematian suami dapat memberi gambaran dan pemahaman secara mendalam terhadap fenomena yang dikaji oleh penyelidik. Pengalaman berdepan dengan isu dan cabaran dalam kehidupan sebagai ibu tunggal memberi gambaran keseluruhan mengenai situasi sebenar ibu tunggal yang kematian suami. Perbincangan dapatan ditulis berdasarkan kepada persoalan kajian.

**Makna menjadi ibu tunggal.** Makna dilihat sebagai satu konsep yang melibatkan dimensi pemikiran, tingkahlaku dan perasaan. Ketiga-tiga elemen ini boleh berdiri sendiri dan boleh menjadi satu kluster. Ibu tunggal tidak dapat mengubah peristiwa kematian suami dan kembali seperti sediakala, sebaliknya mereka seharusnya dapat memberi makna kepada yang telah berlaku. Perkara yang telah

berlaku itu menjadi sebahagian dari pengalaman hidup mereka. Makna menjadi ibu tunggal dikupas berdasarkan kepada tiga tema iaitu; (i) maksud dan persepsi menjadi ibu tunggal, (ii) peranan dan tanggungjawab ibu tunggal, dan (iii) isu dan cabaran menjadi ibu tunggal.

***Maksud dan persepsi menjadi ibu tunggal.*** Maksud dan persepsi menjadi ibu tunggal melibatkan dimensi pemikiran, iaitu bagaimana peserta kajian melihat diri mereka sebagai ibu tunggal. Ibu tunggal ialah wanita yang mempunyai anak tetapi telah kehilangan suami akibat kematian. Memandangkan ibu tunggal yang dipilih sebagai peserta kajian terdiri dari ibu tunggal yang kematian suami, dapatan menunjukkan peserta kajian lebih selesa digelar balu berbanding ibu tunggal. Istilah balu lebih sesuai kerana menurut PK2 gelaran balu membawa makna yang lebih positif dalam kehidupan. Perkataan ibu tunggal menggambarkan ibu tunggal yang bercerai dan membawa elemen negatif. Di luar negara, kajian tentang wanita yang kematian suami dilakukan secara khusus (Bonnar, 2004; Brody, Murry, Sooyeon, & Brown, 2002; DiGiacomo, 2013; Dunn, 2015; Sooy, 2016). Istilah balu digunakan supaya dapat membezakan antara kajian ibu tunggal dari kalangan bercerai dan tidak berkahwin.

Dalam konteks Malaysia, kajian bagi kalangan ibu tunggal yang kematian suami tidak menggunakan istilah balu, tetapi menggunakan istilah ibu tunggal. Dapatan kajian-kajian lepas yang menggunakan istilah ibu tunggal cenderung untuk melihat ibu tunggal dari pesrspektif negatif (Anjli Panalal, 2005; Crosier, Butterworth, & Rodgers, 2007; Nabila Farhana & Fadzli, 2015; Najwa, 2005; Zabkiewicz, 2010). Istilah ini menyebabkan ibu tunggal distereotaipkan perkara yang sama seperti ibu tunggal yang bercerai, sedangkan ibu tunggal yang kematian suami mempunyai pandangan yang berbeza tentang status mereka.

Hasil kajian juga mendapati ibu tunggal melihat diri mereka sebagai ibu yang bersendirian menguruskan anak-anak dan hal-hal keluarga. Dapatan ini menunjukkan konsep makna yang melihat kepada elemen tingkahlaku seperti yang dicadangkan oleh Ivey dan rakan-rakan (Ivey, Ivey, & Zalaquet, 2010). Sebagai seorang ibu tunggal, PK2 perlu menguruskan segala-galanya termasuklah, keperluan dalam dan luar rumah, serta urusan cukai dan insurans yang berkaitan dengan pemilikan harta yang mereka ada. Begitu juga dengan PK3 yang menggelar dirinya 'sendirian berhad' kerana terpaksa menguruskan empat orang anak yang masih kecil sewaktu suaminya meninggal. Ia mempunyai persamaan dengan kajian Auguste (2003), Atang (2006), Johari (2005), dan Randy (2005) dimana segala urusan ibu tunggal dilakukan sendirian.

Setiap makna ibu tunggal yang diberikan oleh peserta kajian mempunyai sedikit perbezaan dengan kajian lepas. (Najwa, 2005; Rohaty & Muhammad Rais, 1999; Rozumah, Krauss, Siti Nor, & Pei, 2011). Najwa yang melihat ibu tunggal bukan hanya individu yang telah kehilangan suami melalui kematian atau bercerai, tetapi ibu tunggal juga merupakan ibu yang belum berkahwin dan telah mempunyai anak, dan wanita yang belum berkahwin tetapi mengambil anak angkat. Berdasarkan kepada kategori Ibu Tunggal Bigner (2002), ibu tunggal dalam kajian ini jatuh dalam kategori ibu tunggal yang kematian suami dan tetap; balu dan tidak berkahwin semula. Jika diteliti, kajian lepas hanya melihat makna ibu tunggal sebagai tafsiran maksud ibu tunggal, tidak mendalami dan mendasari bagaimana status ibu tunggal mempengaruhi kehidupan mereka. Ini dibuktikan melalui kajian ini dimana makna ibu tunggal adalah lebih dari sekadar tafsiran.

Ibu tunggal membawa pengertian yang lebih mendalam kepada kehidupan mereka. Peserta kajian memberikan persepsi peribadi mereka terhadap apa yang

mereka lalui. Persepsi yang paling utama ialah mereka terpaksa menguruskan segalanya bersendirian, sedangkan menurut terapi feminis, ibu tunggal akan berdepan dengan situasi yang sukar jika mereka bersendirian (Bitter, 2009; Nichols, 2010). Komitmen pada perubahan sosial memerlukan mereka untuk bergerak secara berkelompok supaya mereka dapat merubah nasib diri. Mereka boleh melibatkan diri dengan persatuan-persatuan ibu tunggal mahupun badan pertubuhan bukan kerajaan yang lain untuk membantu mengurangkan beban rasa 'bersendirian'.

Idea untuk tidak berkahwin semula juga merupakan makna yang melihat kepada elemen pemikiran. Umumnya, kajian lepas menjelaskan ibu tunggal cenderung untuk berkahwin semula selepas bercerai (Nabila Farhana & Fadzli, 2015; Wan Ibrahim & Zainab, 2010). Keadaan berbeza bagi ibu tunggal yang kematian pasangan. Ibu tunggal yang kematian pasangan akan terus mengingati pasangan mereka walaupun setelah lebih 15 tahun suaminya meninggal dunia (Broussard, Joseph, & Thompson, 2012; Chan & Chan, 2011). Mereka memilih untuk tidak berkahwin semula bagi mengelakkan berlakunya masalah (Haniza, 2007; Jeon, Jang, Kim, & Cho, 2013). Selari dengan dapatan kajian ini, ibu tunggal tidak terfikir untuk berkahwin semula selepas kematian suami mereka. Mereka berpendapat berkahwin semula bukanlah penyelesaian kepada masalah sedia ada. Masalah akan menjadi lebih besar kerana melibatkan emosi anak-anak yang belum tentu dapat menerima ayah yang baru. Apabila berlakunya penambahan ahli keluarga baru, anak-anak perlu berdepan dengan struktur peranan keluarga yang baru. Keadaan ini memberi kesukaran kepada mereka untuk melakukan proses penyesuaian sedangkan pada masa yang sama mereka masih dalam proses menyesuaikan diri dengan kehilangan ayah mereka. Selain itu, ibu tunggal lebih selesa untuk mengelak dari berkahwin semula supaya tidak wujud stigma negatif keatas kelompok ibu tunggal.

Stigma negatif dalam masyarakat Malaysia terhadap ibu tunggal menjadi satu kelaziman. Masyarakat menggambarkan bahawa masalah mereka berpunca dari diri mereka sendiri. Keadaan ini menyebabkan mereka lebih mudah ditindas berbanding dengan wanita dari kumpulan majoriti asal. Dapatan ini selari dengan kajian Israel & Santor (2000) dimana kajiannya mendapati ibu tunggal adalah kumpulan minoriti yang mungkin berisiko untuk membangunkan potensi diri kerana mereka sering didiskriminasikan dan dipersalahkan.

***Peranan dan tanggungjawab sebagai ibu tunggal.*** Setelah bergelar ibu tunggal, fokus utama kehidupan hanya tertumpu pada diri sendiri dan anak-anak. Tiada lagi komitmen ke atas suami. Kajian Feldman dan rakan (2000) melihat situasi ini sebagai kebebasan dari tanggungjawab. Pendapat ini bertepatan dengan dapatan kajian dimana ibu tunggal akan merasa bebas dalam konteks komitmen kepada suami, seperti yang dirasai oleh PK1. PK1 merasakan tanggungjawabnya berkurang setelah bergelar ibu tunggal dan beliau telah mendapat kebebasan. Sebagai wanita Muslim, Islam mengajar isteri untuk mentaati selagi mana suami tidak melanggar hukum syarak. Setiap pergerakan seorang isteri perlulah diketahui oleh suami. Pergerakan dan aktiviti mereka terbatas kerana memikirkan komitmen dan tanggungjawab kepada suami. Setelah menjadi ibu tunggal, mereka tidak perlu lagi meminta izin suami untuk melakukan sebarang aktiviti. Pengalaman ini memberikan peluang kepada ibu tunggal untuk meneroka dunia baru dan pada masa yang sama membantu ibu tunggal untuk melupakan kesedihan yang dialami.

Peserta kajian yang lain pula mendapati mereka terpaksa menggalas tanggungjawab dan peranan yang besar selepas kematian suami. Hidup bersendirian menuntut peserta kajian untuk menjalankan tanggungjawab lebih dari sebelumnya. Sorotan literatur melihat peranan ibu tunggal lebih kepada sebagai ketua keluarga yang

perlu melaksanakan segala urusan keluarga dengan serba kekurangan dari aspek tenaga dan kewangan (Mohd Ismail, Robiah, Syarifah, Kamarul Azmi, & Ahmad Kilani, 2006). Ibu tunggal terpaksa membawa peranan berganda untuk meneruskan kehidupan mereka (Siti Rafiah & Sakinah, 2013; Zaini, 2014). Peranan ini bertepatan dengan hasil kajian, di mana peserta kajian melihat mereka bukan sahaja sekadar berperanan sebagi ibu, malah lebih dari seorang ibu. Mereka perlu membawa peranan sebagai ayah. Peranan berganda ini memberikan tekanan kepada peserta kajian. Walaupun mereka memainkan peranan sebagai ayah, fizikalnya mereka masih lagi wanita. Mereka tidak mampu melakukan aktiviti yang memerlukan kudrat seorang lelaki.

Konflik pembentukan identiti terutamanya kepada anak lelaki boleh berlaku apabila ibu terpaksa berperanan sebagai ayah. Kajian Doherty (2011) mencadangkan, anak lelaki mempunyai kesulitan untuk memahami perwatakan lelaki yang sebenar setelah kehilangan ayah mereka. Mereka tidak ada contoh rujukan yang baik dari seorang lelaki yang lebih dewasa. Keadaan ini mampu mempengaruhi proses perkembangan psikologi dalam diri anak-anak lelaki. Pandangan ini bertentangan dengan dapatan penyelidik kerana tidak wujud masalah anak lelaki yang sukar untuk membina potensi diri sebagai lelaki sejati. Peserta kajian menyatakan anak-anak lelaki mereka boleh menerima ibu berperanan sebagai bapa dan tidak mengalami kesukaran untuk pembentukan identiti diri.

Walaubagaimanapun, mereka melihat kesulitan dalam membentuk akhlak anak-anak. Kajian lepas tidak menekankan kepada peranan ibu tunggal dalam pembentukan akhlak anak, tapi memberi penekanan kepada ibu tunggal mempunyai anak yang bermasalah (Escudero, Boogmans, Loots, & Friedlander, 2012; Rozumah et al., 2011). Hasil kajian ini mendapati, pembentukan akhlak anak adalah

tanggungjawab yang besar kepada ibu tunggal. Anak-anak perlu dibentuk dalam acuan Islam yang sebenar supaya menjadi individu yang berakhlak mulia. PK3 misalnya, bersyukur anak-anaknya menjadi individu yang cemerlang dalam akademik. Namun demikian PK3 masih tidak berpuas hati dengan akhlak anak-anaknya. Disebabkan itulah PK3 merasakan sebagai ibu tunggal, beliau berperanan untuk mendidik akhlak anak-anaknya.

Kesibukan menggalas tanggungjawab sebagai ibu tunggal mungkin menyebabkan mereka terlepas pandang dalam membentuk peribadi anak dalam acuan Islam yang sebenar. Anak-anak perlu diberi pemahaman agama yang betul supaya mereka belajar untuk redha dengan kehidupan mereka yang berada dalam keluarga tunggal. Sekiranya anak-anak dapat menerima kematian ayah mereka dengan hati yang terbuka, mereka akan lebih mudah memahami situasi ibu. Anak-anak ini akan menjaga nama baik dan maruah ibu mereka dari melakukan perkara yang tidak dibenarkan oleh syarak. Keadaan ini membantu mengurangkan tekanan yang ibu tunggal alami.

Peranan dan tanggungjawab ibu tunggal juga boleh dilihat dari aspek Teori Feminis. Perspektif feminis menawarkan pendekatan yang unik untuk memahami peranan gender dan seterusnya pemahaman ini dibawa ke dalam proses terapi. Proses ini penting kerana dapat mempengaruhi perkembangan identiti, konsep diri, matlamat dan aspirasi, dan kesejahteraan emosinya (Richard, 2016). Sebagai contoh, di peringkat awal menjadi ibu tunggal, peserta kajian merasakan terlalu sukar untuk menambah peranan diri mereka dari hanya seorang ibu kepada peranan seorang bapa. Walaubagaimanapun, setelah menempuh cabaran dalam kehidupan sebagai seorang ibu tunggal, peserta kajian mula menyedari bahawa mereka perlu memahami mengapa pentingnya membawa peranan yang lebih besar dalam keluarga. Kefahaman ini dapat

membantu mereka menjadi individu yang lebih berdaya tahan dalam menggalas status sebagai ibu tunggal.

***Isu dan cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal***. Lazimnya, ibu tunggal tidak dapat mengelak dari berdepan dengan isu dan cabaran. Menerusi kajian ini, dapatan menunjukkan ibu tunggal melihat status mereka menyebabkan mereka terpaksa berdepan dengan isu dan cabaran. Isu dan cabaran juga merupakan makna dalam kehidupan ibu tunggal, makna yang merangkumi ketiga tiga dimensi – perasaan, tingkahlaku dan pemikiran. Cabaran yang dihadapai merupakan sumber tekanan kepada ibu tunggal. Mereka berasa tertekan dan mula memikirkan bagaimana cara terbaik untuk bertindak supaya dapat mengatasi cabaran. Hasil dapatan menunjukkan ibu tunggal perlu berdepan dengan cabaran gangguan emosi, cabaran hubungan interpersonal, cabaran pengurusan kewangan dan kebajikan keluarga.

Gangguan emosi seperti kesunyian, kesedihan yang berpanjangan boleh membawa kepada kemurungan dan masalah mental yang lebih serius. Ia merupakan reaksi terhadap kematian yang dipengaruhi oleh fasa bersedih yang sedang dilalui (Kubler-Ross & Kessler, 2005) tempoh kematian (Broussard et al., 2012; Jeon et al., 2013; Utz, Caserta, & Lund, 2012) dan cara kematian(Freeman, 2005; Utz, Lund, Caserta, & deVries, 2011). Ibu tunggal dalam kajian ini mengalami gangguan emosi seperti rasa hiba, sedih, dan sunyi. Perasaan kesunyian ini berkait secara spesifiknya dengan ketidak hadiran individu pertautan yang tidak dapat digantikan oleh individu yang lain seperti yang dicadangkan oleh Mikulincer dan Shaver (2013). Kebiasaannya gangguan emosi berlaku diperingkat awal kematian suami.

Winda (2014) turut memberi hujah bahawa perasaan sedih dan kesepian yang dirasakan saat kenangan bersama pasangan akan selalu muncul disaat diri berhadapan dengan masalah. Mereka memerlukan tempoh masa yang lebih panjang untuk pulih

dari kesedihan dan kemurungan. Dapatan kajian ini menyokong hujah Winda (2014) dimana peserta kajian masih belum pulih sepenuhnya dari kesedihan walaupun telah kematian suami lebih dari belasan tahun. Pada masa yang sama, peserta kajian yang kematian suami akibat kemalangan lebih merasai kesedihan kerana suaminya meninggal secara mengejut. Tambahan pula PK5 turut mengalami kematian anaknya setahun selepas kematian suaminya. Kematian anaknya juga merupakan kematian secara bukan normatif. Penerimaan kematian secara mengejut iaitu kematian bukan normatif adalah lebih sukar berbanding kematian yang telah dijangkakan lebih awal lagi (Sooy, 2016).

Kajian lepas mendapati ibu tunggal cenderung berdepan dengan masalah hubungan interpersonal berpunca dari rasa rendah diri yang mereka alami (Hamdan & Ummi Habibah, 2008; Johari et al., 2005). Dapatan kajian ini selari dengan kajian lepas dimana ibu tunggal mengelak untuk berjumpa dengan orang lain kerana rasa malu dan rendah diri akibat kematian suami. Peserta kajian merasakan dirinya tidak sempurna jika menghadiri majlis secara berseorangan. Perkara ini sebenarnya merupakan reaksi normal terhadap kematian. Berdasarkan kepada Teori Pertautan Bowlby (Bowlby, 1983), apabila individu mula menyedari hakikat kematian adalah bersifat kekal, mereka akan mula berputus asa. Pada fasa ini, kecenderungan untuk menjauhkan diri dari konteks sosial adalah tinggi (Mikulincer & Shaver, 2009).

Apabila kehilangan insan tersayang, ibu tunggal pasti memerlukan keluarga terdekat untuk mereka berkongsi kesedihan dan keperitan hidup. Walaubagaimanapun, cabaran hubungan interpersonal yang melibatkan masalah dengan anak-anak, menantu, juga keluarga tambahan dari pihak suami tidak dapat dielakkan selepas bergelar ibu tunggal. Kecukupan keperluan anak-anak memberi kesan terhadap keperluan fisiologi yang dapat menjamin pertumbuhan dan

perkembangan mental yang positif. PK5 dan PK1 mengalami masalah dengan anak-anak kerana berlakunya ketidakcukupan keperluan anak-anak dari aspek keperluan kasih sayang dan keperluan fizikal. Walaubagaimana pun, isu dengan anak kandung masih lagi boleh ditangani tanpa konflik yang berpanjangan.

Keadaan berbeza jika wujudnya campurtangan dari ahli keluarga tambahan. Dapatan ini menyokong kajian Jeon dan rakan-rakan (2013) yang melihat hubungan antara ibu dan anak yang tinggal serumah setelah kematian bapa mereka. Hubungan yang tidak baik memberikan masalah yang besar kepada ibu tunggal. Mereka lebih cenderung mengalami kemurungan sekiranya mengalami masalah dengan anak-anak. Namun situasi yang berbeza berlaku. Keluarga yang diharapkan dapat membantu tidak dapat memberikan perlindungan kepada mereka.

Ibu tunggal juga perlu mengendalikan anak-anak yang mengalami masalah emosi setelah kehilangan ayah mereka. Sebagai reaksi kepada masalah yang dihadapi, anak-anak ini akan menunjukkan sifat anti sosial dan tingkahlaku yang tidak bersesuaian (Rozumah et al., 2011). Situasi ini juga berlaku disebabkan oleh perubahan struktur keluarga dalam keluarga ibu tunggal. Setiap ahli perlu melalui proses penstrukturan semula keluarga. Proses ini memberikan tekanan yang hebat kepada ibu tunggal kerana ibu tunggal perlu memastikan setiap ahli keluarga berfungsi dengan cara yang betul (Goldenberg & Goldenberg, 2008; Walsch, 2006). Jika anak tidak dapat menerima apa yang berlaku, mereka mula menunjukkan tingkahlaku yang tidak bersesuaian sebagai cara mereka menunjukkan protes terhadap apa yang berlaku.

Hasil dapatan kajian ini menyokong dapatan Rozumah dan rakan-rakan (2011) dimana, anak peserta kajian menunjukkan protes kepada ibunya kerana tidak pernah berjumpa dengan ayah kandungannya. Ayahnya telah meninggal ketika dia masih dalam kandungan. PK1 tidak tahu bagaimana untuk mengurangkan sikap protes

anaknya. Keadaan ini menyebabkan PK1 sering bersedih apabila anaknya menunjukkan tingkahlaku yang tidak bersesuaian. Keadaan yang sama berlaku kepada PK5 yang mempunyai anak perempuan yang bersikap biadap dengannya. PK5 dicerca oleh anaknya sendiri. Tingkahlaku ini menyebabkan PK5 banyak menangis apabila mengenangkan sikap anak yang biadap dengan ibu sendiri.

Setiap reaksi dan tindakan ahli keluarga akan memberi kesan kepada kefungsian ahli keluarga yang lain. Mereka akan saling bergantungan antara satu sama lain kerana sebab dan akibat dalam sistem bersifat kitaran, dan bukannya linear (Shapiro, 2001). Kematian ahli keluarga boleh mengganggu keseimbangan sistem keluarga, mengubah struktur, dan memerlukan sistem penyusunan semula dalam proses bertindakbalas, peralihan peranan dan fungsi dalam keluarga (Isserman, Greene, Bowen, Hollander-Goldfein, & Cohen, 2014). Keadaan akan bertambah buruk sekiranya melibatkan ahli keluarga tambahan.

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa penglibatan ahli keluarga tambahan menambah masalah yang sedia ada, terutamanya bagi keluarga yang tidak mempunyai hubungan yang baik dengan ahli keluarga tambahan. Campurtangan mungkin berlaku disebabkan oleh pewarisan harta atau hak-hak lain yang boleh dimiliki bersama. Oleh itu ibu tunggal perlu mempunyai ilmu tentang hak-hak mereka bagi mengelakkan berlakunya konflik sesama ahli keluarga. Mereka akan diperlekehkan oleh keluarga yang lain sekiranya mereka tidak berani bertindak. Walaubagaimanapun, dapatan kajian mendapati ibu tunggal memilih untuk tidak bertindak supaya tidak mengeruhkan lagi keadaan.

Kajian ini juga mendapati ibu tunggal yang mempunyai anak yang kelainan upaya mempunyai cabaran yang lebih hebat berbanding ibu tunggal yang mempunyai anak-anak yang sihat fizikal. PK4 terpaksa mengawal dirinya dari bertindak di luar

batasan apabila berurusan dengan anak autisme. Menurut PK4, anak istimewa ini turut memberi kesan kepada ahli keluarga lain. Beliau terpaksa menasihati anak yang sempurna fizikal dan mentalnya supaya belajar menerima ketidaksempurnaan salah seorang ahli keluarga mereka. PK4 mengakui beliau mengalami tekanan yang berganda disebabkan anak autisme tersebut. Dapatan ini mengukuhkan lagi kajian lepas (Correa, Bonilla, & Reyes-MacPherson, 2011; Zablotsky, Bradshaw, & Stuart, 2013) yang menyatakan bahawa ibu yang mempunyai anak-anak kelainan upaya mempunyai tahap tekanan yang tinggi dalam menguruskan anak istimewa. Tekanan ini berpunca dari pengurusan keperluan anak istimewa dan ahli keluarga lain yang tidak memahami situasi yang sedang dilalui oleh ibu tunggal.

Cabaran utama ibu tunggal dalam kajian ini ialah gangguan emosi dan hubungan dengan anak. Berbeza dengan kajian lepas yang mendapati isu kewangan sebagai masalah utama ibu tunggal (Anjli Panalal, 2005; Broussard et al., 2012; Rousou, Kouta, Middleton, & Karanikola, 2013). Dapatan kajian ini melihat isu kewangan dari dua aspek, aspek pertama; i) ibu tunggal yang mempunyai wang dan stabil tetapi mempunyai isu dengan pengurusan harta arwah suami, aspek kedua; ii) ibu tunggal yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Dapatan kajian ini tidak menafikan kewangan juga merupakan isu kepada ibu tunggal kerana wujudnya peserta kajian yang mempunyai isu kewangan yang nyata. Ini kerana PK5 tidak mempunyai pekerjaan yang tetap dan merupakan ibu tunggal yang berpendapatan rendah. Ekonomi keluarga PK5 yang tidak berapa stabil sebelum kematian arwah menambahkan lagi beban yang ditanggung oleh Pk5 setelah bergelar ibu tunggal.Situasi ini menyokong dapatan Albelda dan rakan-rakan (2004), Gemelli (2008) dan Imber-Black (2007) yang mendapati masalah kewangan bergantung kepada ekonomi keluarga ibu tunggal sebelum mereka menjadi ibu tunggal.

Situasi yang berbeza berlaku jika ibu tunggal mempunyai ekonomi keluarga yang kukuh sebelum kematian suami. Kajian ini mendapati ibu tunggal yang mempunyai ekonomi yang kukuh sebelum kematian suami turut mengalami isu kewangan tetapi dari sudut pandang yang berbeza. PK2 perlu menguruskan harta peninggalan suaminya. PK2 merasa tertekan kerana beliau tidak mempunyai pengetahuan tentang selok belok urusan harta dan perundangan. Keadaan ini menuntut PK2 untuk mencari ilmu sebanyak mungkin supaya dapat menguruskan harta arwah suami dengan bijak. Peninggalan harta untuk anak-anak turut menjadi cabaran kepada PK3 kerana anak-anak tidak tahu menilai harta yang ditinggalkan. Ini membawa maksud walaupun kewangan stabil selepas kematian suami, ibu tunggal turut mengalami masalah dalam menguruskan harta yang ada. Bagi seorang Muslim, memakan harta anak yatim adalah haram dan berdosa. Oleh itu mereka memerlukan ilmu dan penasihat yang boleh dipercayai dalam memegang amanah menguruskan harta peninggalan suami.

***Rumusan perbincangan makna menjadi ibu tunggal.*** Dapatan kajian ini memberi pemahaman baru tentang status ibu tunggal yang kematian suami. Selama ini masyarakat melihat kesemua ibu tunggal dengan pandangan dan masalah yang sama, sedangkan dari enam peserta kajian juga telah jelas menunjukkan wujud perbezaan dalam memberi makna kepada peristiwa kekecewaan yang mereka alami. Sebagai ibu tunggal, mereka bukan hanya ingin didengari, tetapi juga difahami. Untuk memahami mereka, mereka perlu diberi ruang dan peluang untuk memberi makna kepada kematian suami mereka. Ini membawa maksud mereka lebih memahami dan menyedari apa yang sedang dialami. Apa yang difikirkan, dirasai dan tindakan yang diambil menggambarkan sejauhmana mereka dapat menerima kematian tersebut. Ketahanan mental dan fizikal berdepan dengan cabaran dan dugaan secara

bersendirian mematangkan ibu tunggal sekaligus membantu mereka untuk memilih strategi daya tindak yang bersesuaian dengan mereka.

**Strategi Daya Tindak Ibu Tunggal.** Strategi daya tindak adalah merujuk kepada gaya, langkah, dan kaedah yang digunakan untuk menghadapi setiap isu dan cabaran setelah kematian suami. Strategi daya tindak yang diguna pakai oleh peserta kajian dibincangkan di bawah empat tema yang utama; (i) mengamalkan pendekatan spiritual, (ii) melakukan penyesuaian emosi dan kognitif, (iii) mendapatkan sistem sokongan dan (iv) bertingkahlaku positif.

***Amalan pendekatan spiritual.*** Berlandaskan kepada apa yang telah dinyatakan oleh peserta kajian di bawah tema amalan pendekatan spiritual, peserta kajian merasakan doa merupakan senjata utama dalam membantu mereka berdaya tindak. Jika disorot pada kajian lepas, penghayatan agama merupakan elemen yang penting dalam berdaya tindak (Haniza, 2007; Muselman & Wiggins, 2012; Nabila Farhana & Fadzli, 2015; Sharifah Nazirah, 2012). Manusia lazimnya cenderung untuk kembali kepada fitrah apabila mereka diduga dengan dugaan yang hebat. Melalui cara ini mereka seolah-olah sedang bertaut pada Pencipta. Mereka akan lebih tenang sekiranya pertautan mereka dengan Pencipta semakin kuat. Penghayatan agama bukan hanya untuk individu yang beragama Islam, malah turut digunakan sebagai strategi daya tindak oleh penganut bukan Islam.

Disamping berdoa dengan penuh pengharapan pada Yang Esa, PK1 memandang menerima qada’ dan qadar sangat perlu untuk membentuk jiwa yang lebih tenang dan aman. Membaca Al-Quran, solat wajib dan solat sunat memudahkan lagi proses menerima qada’ dan qadar yang berlaku. Konsep menerima qada’ dan qadar adalah bertepatan dengan hasil dapatan Sharifah Nazirah (2012) yang mendapati redha sebagai salah satu cara untuk berdaya tindak. Redha membawa maksud menerima

dengan berlapang dada. Redha hanya boleh dicapai apabila individu merasa kewujudan Pencipta yang lebih agung. Bagi seorang Muslim, musibah yang melanda merupakan dugaan dariNya. Setiap manusia perlu melaluinya dengan tabah dan redha. Mereka diuji bersesuaian dengan kemampuan diri sepertimana firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 286 yang membawa maksud;

> *Allah tidak membebani seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya.*
> (2:286)

Dapatan kajian ini juga mencadangkan, melihat hikmah di sebalik kejadian merupakan strategi untuk bangkit dari kekecewaan. Dapatan ini dilihat berbeza dari kajian lepas yang hanya melihat penghayatan agama adalah melalui berdoa dan meletak pengharapan sepenuhnya kepada Pencipta (Muselman & Wiggins, 2012; Pargament & Abu Raiya, 2007). Individu yang berdepan dengan kekecewaan hanya dapat mencari hikmah di sebalik peristiwa yang berlaku apabila mereka banyak mendekatkan diri pada PenciptaNya. Mereka mula melihat dugaan yang diterima dari sudut pandang yang berbeza. Sebagai contohnya, PK1 melihat perkahwinannya dengan arwah suami adalah salah satu cara Allah ingin menganugerahkannya anak perempuan.

Tema amalan pendekatan spiritual ini menepati ciri-ciri Strategi Daya Tindak Fokus-Emosi seperti yang dicadangkan oleh Lazarus dan Folkman (1984). Walaubagaimanapun tiada klasifikasi khusus dibawah Strategi Daya Tindak Fokus-Emosi. Oleh itu, dapatan kajian ini mencadangkan amalan pendekatan spiritual sebagai tambahan jenis strategi daya tindak di bawah Strategi Daya Tindak Fokus-Emosi. Berdasarkan Model Proses Dual pula, amalan penghayatan agama merupakan daya tindak orientasi semula kehilangan (RO). Ibu tunggal melakukan perubahan dengan menerima kematian suami sebagai cabaran. Mereka melakukan aktiviti-aktiviti kerohanian yang dapat membantu mereka untuk pulih dari kesedihan yang dialami.

***Penyesuaian emosi dan kognitif.*** Seperti yang dinyatakan oleh peserta kajian, pada peringkat awal kematian suami mereka menafikan kematian tersebut. Mereka merasa marah pada Tuhan kerana mengambil kebahagiaan mereka. Proses yang dilalui oleh peserta kajian ini berkait rapat dengan fasa bersedih yang dialami. Pada peringkat awal kematian menyebabkan pasangan yang tinggal menunjukkan protes dalam bentuk emosi. Mereka mudah marah, rasa bersalah, takut dan sedih kerana sedang cuba membuat penyesuaian terhadap peristiwa yang berlaku (Bowlby, 1983; Freeman, 2005). Mereka akan lebih tenang dan rasional setelah dapat menyesuaikan diri dengan situasi baru.

Kajian ini juga mendapati peserta kajian bersetuju menangis sebagai merupakan kaedah berdaya tindak yang sangat membantu. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian lepas yang turut melihat menangis sebagai perkara yang normal dalam berdaya tindak (Calderwood, 2011; Hahn, Cichy, Small, & Almeida, 2014; Haniza, 2007). Walaubagaimanapun, peserta kajian hanya akan menangis disaat mereka bersendirian seperti yang dicadangkan oleh Fareez (2015). Kebanyakan reaksi kesedihan akan berlaku apabila individu bersendirian. Ini menunjukkan kematian dan kesedihan adalah pengalaman yang bersifat peribadi. Mereka tidak mahu anak-anak melihat tangisan mereka. Anak-anak mungkin beranggapan ibu mereka lenah dan tidak dapat berdaya tindak.

Dalam proses berdaya tindak, peserta kajian juga mengelak dari masalah. Selari dengan hujah Yamada, Hagira dan Nabutomo (2008), mereka melihat situasi yang berlaku sebagai masalah yang tidak dapat diubah. Mereka cuba untuk menjauhkan diri supaya mereka tidak perlu berdepan dengan masalah. Strategi ini berkesan kepada PK6 kerana PK6 memiliki personaliti yang pendiam dan tidak suka mencampuri urusan orang lain. PK6 memilih untuk tidak bersosial bagi mengelakkan

orang sekeliling mendekatinya. Melalui pendekatan ini, PK6 dapat mengelakkan diri dari menimbulkan masalah. Peserta kajian turut mengubah pemikiran mereka dengan melihat cabaran yang dilalui dengan nilai yang positif. Kedua-dua teknik ini merupakan Strategi Daya Tindak Fokus-Emosi yang dikategorikan sebagai strategi menjauhkan diri dan strategi penilaian semula kognitif (Lazarus & Folkman, 1984).

Penyesuaian emosi dan kognitif melibatkan kedua-dua daya tindak yang dicadangkan oleh Stroebe dan Schutt (Stroebe & Schut, 2010). Mereka berdaya tindak menggunakan osilasi daya tindak orientasi masalah (LO) dan daya tindak orientasi semula masalah (RO). Ada ketikanya mereka menangis kerana kematian suami. Pada masa yang sama, ibu tunggal perlu berfikiran positif dengan melakukan penyesuaian emosi dan kognitif untuk mereka meneruskan kehidupan. Dengan berfikiran terbuka dan tidak mengambil pusing percakapan orang sekeliling ibu tunggal dapat menyesuaikan diri dengan status mereka dalam tempoh masa yang agak cepat. Sepertimana yang dicadangkan oleh Chan dan rakan (2011) kesedihan akibat kematian bergantung kepada tempoh masa. Sekiranya ibu tunggal dapat menyesuaikan diri, mereka akan pulih dalam tempoh masa yang singkat.

Terdapat juga peserta kajian yang perlu melakukan penyesuaian dari segi pengurusan sama ada pengurusan rumah mahupun pengurusan kewangan. PK1 terpaksa menyesuaikan diri dalam menguruskan kewangan keluarga sehingga tidak kira masa dan waktu keluar mencari nafkah. Dapatan kajian ini menyokong kajian Albelda (2004) yang mendapati ibu tunggal terlalu bekerja keras sehingga terlupa untuk menjaga kesihatan diri sendiri. PK4 dan PK5 pula melakukan penyesuaian dari aspek pengurusan rumah. Walaupun masih lagi dalam proses penyesuaian untuk menguruskan rumah tanpa bantuan suami, PK4 dan PK5 tetap boleh meneruskan kehidupan mereka seperti biasa. Kebergantungan yang tinggi terhadap arwah suami

menyebabkan ibu tunggal mengalami kesukaran untuk menguruskan hal-hal kebajikan rumah. Mereka beranggapan peranan ini adalah peranan utama seorang ayah. Apabila hilang tempat bergantung mereka perlu melakukan penyesuaian yang sewajarnya supaya kebajikan rumah terjaga.

***Sistem sokongan.*** Tema sistem sokongan melihat kepada sokongan yang diterima oleh ibu tunggal samada sokongan dari segi emosi mahupun sokongan fizikal. Rumusan secara keseluruhannya mendapati, peserta kajian menerima sistem sokongan dari keluarga yang terdiri daripada anak saudara, kakak, ibu dan abang serta keluarga angkat, sistem sokongan dari rakan-rakan yang boleh dipercayai, jiran-jiran, majikan yang memahami, serta bantuan khas dari pihak kerajaan. Ini membawa maksud, sistem sokongan merupakan strategi daya tindak yang sesuai bagi kelompok ibu tunggal. Dapatan kajian ini merupakan selari dengan sorotan kajian lepas yang melihat sistem sokongan sebagai elemen penting dalam membantu ibu tunggal meneruskan kehidupan mereka (Clark & Hamplová, 2013; Correa et al., 2011; Grossman, Hudson, Lefler, Jodell, & Titilola, 2009; Guillory et al., 2014; Lashley & Giannoni, 2010; Schrag & Tieszen, 2014). Sistem sokongan dapat mengurangkan rasa terbeban dan dalam masa yang sama dapat menambah jaringan hubungan yang baru kepada ibu tunggal.

Kajian ini juga mendapati kebanyakan individu yang mengalami kematian insan tersayang selesa untuk berdampingan dengan keluarga dan rakan-rakan sebagai sistem sokongan utama. Hasil dapatan ini berpadanan dengan dapatan kajian lepas (Correa et al., 2011; de Vries, Utz, Caserta, & Lund, 2014; Nur Saadah, 2013; Nur Saadah & Hilwa, 2015; Utz et al., 2012; Utz et al., 2011) dimana keluarga dan rakan-rakan merupakan sistem sokongan utama apabila berlakunya kematian pasangan. Walaubagaimanapun, dalam kajian ini, peserta kajian hanya mendapatkan sistem

sokongan ahli keluarga dan rakan-rakan yang mereka selesa dan percaya. Mereka tidak selesa untuk berkongsi kesedihan dan kesukaran hidup kepada anak-anak. Berkongsi masalah dengan anak-anak merupakan reflek kepada kesukaran yang dialami yang menyebabkan anak-anak memandang ibu mereka lemah, tidak berdaya tindak dan tidak dapat menunjukkan contoh yang baik untuk anak-anak. Keselesaan dan kepercayaan merupakan faktor penting untuk mereka berkongsi masalah. Rasa percaya dan selesa dapat membantu perkembangan kestabilan emosi dalam diri ibu tunggal terutamanya di peringkat awal kematian suami.

Kajian Shapiro (2001) mendapati setiap reaksi dan tindakan ahli keluarga akan memberi kesan kepada kefungsian ahli keluarga yang lain. Mereka akan saling bergantungan antara satu sama lain kerana sebab dan akibat dalam sistem bersifat kitaran, dan bukannya linear. Sokongan antara setiap ahli keluarga nuklear memainkan peranan besar. Namun, dalam kajian ini, seperti yang telah dinyatakan sebelumnya, ibu tunggal lebih selesa untuk tidak melibatkan anak-anak dalam menyelesaikan masalah. Mereka risau anak-anak akan mempunyai pandangan yang negatif terhadap mereka, sedangkan berdasarkan kepada Teori Sistem Keluarga, apabila berlakunya kematian, setiap ahli keluarga bersama-sama merasai kesedihan dan kehilangan. Penyelidik melihat situasi ini sebagai satu isu yang perlu diteroka lebih mendalam lagi melalui sesi kaunseling keluarga. Kaunselor boleh memberi pemahaman kepada ibu tunggal kepentingan berkongsi isu dan masalah dengan anak-anak. Pada masa yang sama, kaunselor perlu membantu ibu tunggal untuk berfikiran rasional. Berkongsi masalah pada anak-anak tidak dilihat membebankan anak-anak, tetapi dilihat sebagai strategi daya tindak yang dapat mengeratkan lagi rasa kebersaaam ahli keluarga apabila keluarga ditimpa masalah.

Selain dari itu, sistem sokongan juga  penting kepada ibu tunggal dalam berdaya tindak kerana memberi impak yang besar untuk ibu tunggal menyesuaikan diri dengan status kehidupan baru. Kekerapan mereka mencari sistem sokongan memberi gambaran tahap kesedihan dan kesukaran yang dihadapi dalam kehidupan. Setelah hilang tempat pergantungan hidup akibat kematian suami, ibu tunggal mengalami pergolakan sosio-emosi. Mereka perlu mencari keseimbangan semula emosi dalam menghadapi realiti kehidupan. Sekiranya sistem sokongan memahami dan memberikan sokongan yang sewajarnya, proses berdaya tindak ibu tunggal akan meningkatkan dan memberikan kesan yang positif kepada ibu tunggal.

Dalam konteks Malaysia, kajian lepas (Musalme, 2011; Thuaibah et al., 2004) memberi penekanan kepada sokongan fizikal semata-mata. Sokongan fizikal yang diberikan bertujuan untuk membantu ibu tunggal mempertingkatan kebolehpasaran diri mereka untuk menjadi pencari nafkah utama keluarga. Kerajaan menyediakan pelbagai ruang dan peluang untuk menaik taraf ekonomi keluarga tunggal melalui program-program keusahawanan (Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga Dan Masyarakat, 2015). Tidak dinafikan dapatan kajian ini juga menunjukkan ibu tunggal masih memerlukan sokongan fizikal terutamanya bagi ibu tunggal yang berpendidikan rendah dan tiada sumber pendapatan tetap. PK5 misalnya, akibat kesempitan wang dalam menguruskan keluarga, PK5 layak untuk mendapatkan bantuan zakat dan bantuan khas dari Jabatan Kebajikan Masyarakat. Keadaan ini berbeza dengan peserta kajian yang lain. Memandangkan mereka mempunyai pendapatan yang tetap dan mencukupi, mereka tidak melihat bantuan kerajaan sebagai sistem sokongan yang penting dalam meneruskan kehidupan mereka.

***Tingkahlaku positif.*** Strategi daya tindak tingkahlaku yang positif, termasuklah menghadiri sesi kaunseling, menjadi sukarelawan, menonton program motivasi, membaca bahan bacaan yang memberikan manfaat, membuat pendedahan kendiri dan menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Ini menyokong dapatan kajian lepas (Johnson, 2013; Sharifah Nazirah, 2012; Tsai, Plummer, Kanter, Newring, & Kohlenberg, 2010), yang mendapati bahawa melibatkan diri secara aktif merupakan strategi daya tindak yang berkesan untuk menangani kesedihan. Ibu tunggal yang mengalami kekecewaan akan hilang semangat jika terlalu memikirkan masalah yang dihadapi. Apabila ibu tunggal bertingkahlaku positif, mereka mula mengalih perhatian dari bersedih dan kecewa kepada perkara yang lebih menarik dan membuatkan mereka lupa kepada masalah yang berlaku. Ia merupakan Strategi Daya Tindak Fokus-Masalah dimana ibu tunggal menggunakan pendekatan konfrantasi. Ibu tunggal bertindak proaktif dalam melakukan perubahan diri dan keluarga (Folkman, 2010).

Kajian Johnson (2013) mendapati menjadi sukarelawan dapat membantu ibu tunggal meningkatkan kemahiran sosial dan tidak sepenuhnya menghilangkan rasa sunyi. Berbeza dengan dapatan kajian ini yang menjelaskan bahawa aktiviti sukarelawan dapat menghilang rasa sunyi mereka. Pada masa yang sama, dengan menjadi sukarelawan, ibu tunggal dapat melihat kesusahan dan ujian insan lain yang mungkin lebih teruk dari apa yang sedang dialami. Dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian Broussard dan rakan-rakan (2012) yang menjelaskan aktiviti sukarelawan merupakan strategi daya tindak yang diaplikasikan oleh ibu tunggal yang berpendapatan rendah. Kajian ini mendapati aktiviti sukarelawan dilakukan oleh ibu tunggal yang berpendapatan sederhana dan tidak mempunyai masalah kesempitan wang. Ibu tunggal yang berpendapatan rendah tidak mempunyai kecukupan masa

untuk melakukan aktiviti sukarelawan kerana sibuk mencari nafkah untuk menampung kewangan keluarga.

Perkara penting yang diperoleh dari dapatan kajian ini ialah, ibu tunggal tidak melihat kepada kepentingan menghadiri sesi kaunseling sebagai strategi berdaya tindak. Hanya seorang peserta kajian yang menghadiri sesi kaunseling kerana beliau memahami keperluan kepada kaunseling. Peserta kajian yang lain tidak menganggap sesi kaunseling sebagai wahana untuk mereka berubah. Mereka boleh mendapatkan maklumat dengan mudah dari program-program motivasi dan bahan bacaan bantuan diri (*self-help*). Dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian Haniza (2007) dan Cairney dan rakan-rakan (2004). Haniza (2007) yang mendapati sesi kaunseling kelompok sebagai strategi daya tindak yang berkesan kepada individu yang kematian ahli keluarga. Cairney dan rakan-rakan (2004) mendapati ibu tunggal cenderung untuk mendapatkan khidmat professional sebagai langkah untuk mengurangkan rasa sedih dan murung yang dilalui.

Masyarakat Melayu umumnya mempunyai satu pandangan negatif terhadap pekhidmatan kaunseling. Mereka menganggap individu yang menghadiri sesi kaunseling adalah individu yang bermasalah. Pemahaman yang salah ini perlu diperbetulkan supaya perkhidmatan kaunseling dapat diterima oleh semua pihak terutamanya ibu tunggal. Sepertimana yang dicadangkan oleh Terapi Feminis hubungan kaunseling membantu klien memahami konsep *egaliterianisme* (kesamarataan), hubungan terapeutik serta menanamkan prinsip bahawa klien adalah pakar untuk dirinya sendiri. Perbincangan yang penuh keterbukaan mengenai kuasa dan perbezaan-perbezaan peranan dalam hubungannya akan membantu klien untuk memahami bagaimana dinamika kuasa berpengaruh pada proses kaunseling dan hubungan lainnya. Penemuan cara untuk saling mengimbangi kuasa dan menerangkan

dengan jelas dan mudah apa yang difahami merupakan perkara yang penting bagi ahli terapi feminis. Hal ini kerana mereka meyakini bahawa proses kaunseling perlukan kesaksamaan.

Contoh yang boleh dilihat pada ibu tunggal ialah mereka mungkin merasakan kaunselor lebih berkuasa dari diri mereka dalam sesi kaunseling. Ini kerana mereka tidak begitu yakin diri, dan beranggapan kaunselor sebagai individu yang lebih hebat dari diri mereka. Hakikatnya mereka yang lebih faham dan pakar tentang situasi yang mereka alami. Oleh itu penting untuk kaunselor memberikan peluang kepada ibu tunggal untuk melihat diri mereka sebagai yang lebih arif dalam perbincangan yang dilakukan. Melalui cara ini, mereka akan lebih yakin diri dan merasakan diri mereka sama tarafnya dengan orang lain.

***Rumusan Perbincangan Strategi Daya Tindak.*** Hasil dapatan kajian menunjukkan peserta kajian menggunakan strategi daya tindak berfokus emosi dan berfokus masalah. Tiga dari strategi yang digunakan oleh ibu tunggal kematian pasangan merupakan Strategi Daya Tindak Fokus-Emosi; iaitu penghayatan amalan spiritual, penyesuaian emosi dan kognitif serta sistem sokongan sosial. Penghayatan spiritual masih tidak dikategorikan dalam mana-mana strategi daya tindak berfokus emosi. Walaubagaimanapun, tema ini menyokong dapatan kajian lepas yang melihat penghayatan agama sebagai strategi daya tindak yang memberikan kesan mendalam kepada perubahan individu.

Dapatan kajian juga membuktikan berlakunya proses dual dalam ibu tunggal berdaya tindak terhadap kematian pasangan. Ini bermakna kajian ini menyokong aplikasi Model Proses Dual yang dicadangkan oleh Stroebe dan Schut (2010). Apabila kematian suami, ibu tunggal mula memberi makna terhadap kematian suami mereka. Mereka mengalami gangguan emosi yang berpunca dari tekanan bersendirian

menguruskan segala hal dan tanggungjawab keluarga. Mereka juga tidak dapat lari dari cabaran-cabaran lain untuk meneruskan kehidupan seperti keluarga sempurna yang normal. Disinilah yang dimaksudkan dengan "grief work" dimana mereka berdaya tindak terhadap orientasi kehilangan (LO). Tugasan bersedih ini menyebabkan mereka mula memberi makna terhadap pengalaman yang dilalui.

Kesedaran untuk berubah menyebabkan peserta kajian mula beradaptasi dengan status mereka sebagai ibu tunggal. Mereka memikirkan peranan dan tanggungjawab yang besar memerlukan mereka untuk berdaya tindak. Oleh itu mereka mengambil tindakan untuk mendekatkan diri kepada Pencipta melalui doa, solat, mengaji dan melihat hikmah disebalik kejadian. Tindakan ini merupakan tindak daya tindak orientasi semula kehilangan (RO).

Pada masa yang sama, dalam beradaptasi dengan situasi kematian suami, ada ketikanya peserta menangis dan menafikan apa yang sedang mereka alami. Keadaan ini merupakan keadaan dimana peserta kajian menggunakan strategi daya tindak orientasi kehilangan (LO). Mereka cuba untuk melihat kematian suami dari sudut pandang yang berbeza dengan berfikiran positif dan menstruktur semula kognitif. Tindakan ini merupakan tindakan berdaya tindak orientasi semula kehilangan (RO).

Berdasarkan penjelasan yang dinyatakan, peserta kajian menggunakan kedua-dua proses LO dan RO secara osilasi. Osilasi daya tindak ini membantu peserta kajian untuk berdaya tahan dan bangkit dari kekecewaan akibat kematian suami. Walaubagaimana pun, daya tindak RO lebih banyak digunakan dalam membantu ibu tunggal menguruskan isu dan cabaran yang dihadapi. Dapatan ini sekaligus menyokong kajian Utz dan rakan-rakan (Utz et al., 2012) yang mencadangkan strategi daya tindak RO lebih banyak digunakan berbanding daya tindak LO.

**Kesimpulan**

Bab ini menjelaskan dapatan kajian secara terperinci bermula dari profil latarbelakang enam orang peserta kajian, sehinggalah penilaian kendiri setiap peserta kajian. Dapatan kajian dilihat secara tematik berdasarkan kepada dua persoalan kajian yang utama. Soalan kajian merangkumi pemahaman peserta kajian tentang konsep dan proses pengalaman yang telah dilalui. Soalan kajian satu memfokuskan kepada makna menjadi ibu tunggal dengan melihat pemahaman peserta kajian tentang persepsi dan peranan mereka sebagai ibu tunggal serta isu dan cabaran yang dihadapi. Soalan kajian dua pula menumpukan kepada strategi daya tindak yang digunakan oleh ibu tunggal untuk berdepan dengan cabaran yang dihadapi. Dapatan umumnya menunjukkan empat jenis strategi daya tindak telah digunakan oleh peserta kajian diri masing-masing sehingga mereka boleh terus bangkit dan bertahan dengan setiap cabaran yang mendatang. Empat strategi daya tindak yang digunakan merangkumi amalan pendekatan spiritual, penyesuaian emosi dan kognitif, sistem sokongan sosial dan bertingkahlaku positif. Melalui strategi daya tindak ini, ibu tunggal boleh menilai diri mereka sendiri sejauhmana mereka mampu berdaya tindak dalam meneruskan kehidupan sebagai ibu tunggal.

## Bab 5 Rumusan, Implikasi, dan Kesimpulan

### Pengenalan

Bab ini mengandungi lima bahagian iaitu: rumusan kajian, perbincangan, implikasi dan cadangan untuk kajian selanjutnya serta kesimpulan kajian. Penyelidik akan menerangkan keseluruhan kajian secara ringkas, membincangkan dapatan kajian berasaskan kepada prinsip, teori, konsep dan kaitannya dengan kajian lepas serta implikasi kajian yang dibincangkan dari perspektif khusus dan umum. Seterusnya penyelidik akan memberikan cadangan-cadangan yang boleh dilaksanakan oleh individu yang bertanggungjawab untuk penambahbaikan kajian akan datang.

### Rumusan Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik telah meneroka pengalaman enam orang ibu tunggal yang telah kematian suami. Kajian ini melihat bagaimana ibu tunggal berjaya meneruskan kehidupan mereka setelah kematian suami yang tersayang dengan menggunakan strategi daya tindak yang bersesuaian dengan diri mereka. Pengalaman mereka diteroka bermula dari sebelum mendirikan rumah tangga, ketika dan selepas kematian suami.

Sebagai memenuhi keperluan kajian, penyelidik telah mengenalpati ibu tunggal yang berpotensi untuk menjadi sampel dengan melakukan persampelan bertujuan. Setiap peserta perlu memenuhi kriteria yang berikut; ibu tunggal disebabkan oleh kematian suami, mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak dan telah kematian suami sekurang-kurangnya setahun. Kesemua mereka berada di Lembah Klang.

Tujuan kajian ini secara khususnya adalah untuk memahami strategi daya tindak dalam kalangan ibu tunggal. Dengan memahami makna menjadi ibu tunggal,

pengalaman serta isu dan cabaran yang dialami oleh ibu tunggal, penyelidik boleh melihat sumbangannya terhadap strategi daya tindak yang berlaku dalam diri ibu tunggal bermula dari peristiwa kematian suami mereka sehingga saat mereka meneruskan kelangsungan hidup.

Dapatan kajian umumnya dilihat secara tematik berdasarkan kepada persoalan kajian yang merangkumi konsep dan proses pengalaman yang dilalui. Dari segi konsep, penyelidik dapat memahami makna menjadi ibu tunggal. Makna menjadi ibu tunggal dilihat dari aspek persepsi, peranan ibu tunggal yang kematian suami serta isu dan cabaran yang dihadapi. Hasil dapatan menunjukkan ibu tunggal merujuk kepada wanita yang mempunyai anak tetapi telah kematian suami, anak merupakan fokus utama, menguruskan setiap urusan keluarga secara bersendirian, tidak terfikir untuk berkahwin semula, lebih selesa dengan gelaran balu berbanding gelaran ibu tunggal serta tidak dapat lari dari stigma masyarakat. Selain itu juga, dari segi peranan, mereka turut memikul tanggungjawab yang besar, perlu membawa peranan sebagai ibu dan ayah, membantu membentuk peribadi anak yang baik dan berakhlak melalui penerapan akhlak yang mulia pada anak dan menjadi contoh kepada mereka.

Sebagai ibu tunggal, peserta kajian berpendapat mereka tidak dapat lari dari berdepan dengan pelbagai isu dan cabaran. Isu dan cabaran yang terpaksa ibu tunggal hadapi boleh dikategorikan kepada empat isu yang utama. Isu yang pertama merujuk kepada gangguan emosi, dimana peserta kajian merasa kesunyian dan kesedihan. Seterusnya, isu hubungan interpersonal yang mana peserta kajian mengalami kesukaran dalam hubungan dengan anak kandung dan juga individu yang signifikan yang berada di sekeliling mereka. Dua lagi isu yang muncul ialah cabaran dalam menguruskan kewangan dan kebajikan keluarga. Keempat-empat isu yang muncul nyata memberi kesan yang mendalam kepada perkembangan psikologi ibu tunggal.

Proses pula merujuk kepada bagaimana ibu tunggal menggunakan strategi daya tindak untuk menangani setiap isu dan cabaran yang dihadapi. Ia merupakan satu proses kerana ibu tunggal perlu melalui peringkat-peringkat perkembangan diri. Perkembangan diri ini bergantung kepada pendekatan strategi daya tindak yang dipilih dan diaplikasikan bermula dari kematian suami sehinggalah kepada kehidupan sekarang. Empat strategi daya tindak yang digunakan oleh ibu tunggal yang kematian suami adalah; amalan pendekatan spiritual yang menghubungkan mereka terus dengan Pencipta, penyesuaian emosi dan kognitif yang membantu mereka merasionalkan setiap perkara yang berlaku dalam kehidupan mereka, sistem sokongan sosial yang menjadi tunjang kekuatan mereka untuk terus berdaya tindak dan bertingkahlaku positif supaya mereka dapat melupakan kesedihan yang dialami. Setelah peserta kajian melalui proses perkembangan dengan strategi daya tindak yang digunakan, peserta kajian mampu untuk memberi penilaian kepada diri mereka sendiri untuk melihat sejauhmana mereka telah berfungsi sebagai ibu tunggal yang berjaya.

## Implikasi Kajian

Kajian kualitatif yang cuba untuk memahami pengalaman hidup ibu tunggal yang kematian suami ini memberikan implikasi terhadap bidang-bidang tertentu. Secara praktikalnya, kajian ini memberikan implikasi kepada profesion menolong manakala secara teoritikalnya, kajian ini memberikan implikasi kepada pengkaji akan datang. Selain itu, penyelidik juga melihat wujud implikasi terhadap bidang pendidikan dan masyarakat iaitu pembangunan modal insan.

**Implikasi terhadap profesion menolong (praktikal).** Walaupun banyak kajian ibu tunggal yang telah dijalankan sebelum ini, namun kajian tersebut kebanyakannya tidak memberi tumpuan khusus kepada ibu tunggal kematian suami. Sudah tiba masanya penelitian terhadap dapatan-dapatan kajian lepas ini diamati

dengan sebaik-baiknya agar menjadi suntikan dan panduan kepada pengamal kaunseling di Malaysia untuk melihatnya sebagai sesuatu yang boleh diketengahkan.

Sebagai seorang kaunselor, penyelidik mempelajari beberapa perkara yang penting yang perlu diambilkira oleh kaunselor professional apabila mendapat klien dari kalangan ibu tunggal. Pertamanya, kaunselor perlu tahu waktu kritikal yang dilalui oleh ibu tunggal. Peringkat awal kehilangan insan tersayang merupakan waktu yang paling memerlukan empati dan sokongan kuat dari individu yang signifikan. Pada peringkat ini ibu tunggal sangat terdedah kepada emosi yang negatif seperti kemurungan, kesunyian dan kesedihan yang mana setiap emosi ini perlu diluahkan. Memandangkan peserta kajian diberi peluang untuk mereflek dan mengimbau semula pengalaman yang telah dilalui semasa temubual dengan penyelidik, mereka mula menyedari kekuatan yang ada dalam diri mereka yang tidak pernah difikirkan selama ini. Pengalaman yang sama ini turut boleh berlaku dalam sesi kaunseling. Klien adakalanya akan mengimbau kembali apa yang telah dilalui dan berkongsi cerita dan isu mereka kepada kaunselor. Oleh itu, empati dan sikap ambil berat kaunselor terhadap klien sangat perlu dalam menangani isu ibu tunggal yang hadir sesi kaunseling.

Dalam konteks kaunseling, kaunselor berperanan memperkasa ibu tunggal dan membantu mereka menyedari bahawa agen penyembuhan dari kekecewaan adalah diri mereka sendiri. Oleh kerana agen penyembuhan dari kekecewaan adalah diri mereka sendiri, kaunselor perlu membantu klien untuk melihat kepentingan untuk sembuh dan bangkit dari kesedihan selepas kematian suami. Dengan perkataan lain, disinilah perlunya strategi daya tindak dalam diri klien. Strategi daya tindak yang sesuai dapat membantu klien untuk sembuh dan bangkit dari kekecewaan yang dialami. Dengan

adanya kajian ini, kaunselor dapat mempelajari bagaimana untuk menggunakan strategi daya tindak dalam diri ibu tunggal setelah ibu tunggal menyedari diri mereka sebagai agen penyembuh.

Kajian ini turut memberi sumbangan kepada amalan pendekatan kaunseling yang menggunakan pendekatan Teori Feminis. Perkara penting yang perlu difahami adalah proses kaunseling feminis tidak sekadar berkisar tentang isu gender tetapi pemahaman yang mendalam tentang konsep kesamarataan gender, perspektif nilai diri wanita dan kemampuan individu untuk membuat keputusan sendiri. Melalui pendekatan feminis, suara ibu tunggal akan lebih didengari dan seterusnya dapat meningkatkan nilai diri mereka. Penyelidik mendapati bahawa wujudnya kepentingan membenarkan ibu tunggal untuk bercakap tentang kepercayaan dan nasib diri yang mereka perlu terima. Ia bertepatan dengan pendekatan Teori Feminisme dimana wujudnya kesamarataan antara kaunselor dank lien sewaktu dalam sesi. Kebanyakan individu tidak selesa untuk berbincang mengenai isu peribadi kerana ia seolah-olah membuka pekung di dada.

Sebagai ibu tunggal, menceritakan pengalaman yang dilalui mungkin disalahtafsir sebagai mengadu nasib diri. Walaubagaimanapun, penyelidik mula sedar akan perkara ini kerana terdapat peserta kajian yang merasakan temubual dengan penyelidik merupakan tempat medium yang selamat untuk berkongsi penderitaan yang ditanggung selama ini. Mereka tidak dapat menceritakan pada anak-anak kerana anak-anak akan menganggap mereka ibu yang lemah sedangkan pada masa yang sama anak-anak perlukan kekuatan dari ibu mereka. Dalam sesi kaunseling yang sebenar, bercakap tentang keluarga, nilai diri dan memberi makna kepada peristiwa yang dilalui adalah perkara yang sangat membantu untuk klien. Pendekatan ini membantu mereka melihat cabaran sebagai ibu tunggal yang kematian suami mempunyai kaitan rapat

dengan nilai diri. Ini merupakan aspek yang penting dalam kaunseling silang budaya dimana kaunselor bersifat terbuka serta menerima kepelbagaian budaya dan kepercayaan klien.

Kelompok ini juga kurang mendapat sistem sokongan yang sewajarnya. Dalam kajian ini penyelidik ingin menekankan tentang kepentingan perlunya sistem sokongan kepada ibu tunggal yang kematian suami. Di Malaysia sistem sokongan sedia ada lebih menjurus kepada sokongan dalam bentuk penambahbaikan ekonomi ibu tunggal, sedangkan kelompok ini lebih memerlukan sokongan psikologi termasuklah sokongan mental dan emosi yang dapat membantu mereka untuk berdaya tahan. Sistem sokongan ini juga perlu bersesuaian dengan keperluan mereka yang berbeza tempoh kematian suami, tempoh menjadi ibu tunggal, latarbelakang akademik dan cara kematian suami. Ibu tunggal yang menghadapi kematian suami mungkin mengalami kemurungan akibat rasa sedih yang berpanjangan. Mereka memerlukan individu yang melalui pengalaman yang sama dan mempunyai mentor yang boleh membantu mereka untuk bangkit semula selepas kematian suami. Oleh itu, pihak Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia perlu membangunkan program berbentuk sokongan emosi kepada ibu tunggal. Melalui program-program ini, golongan ibu tunggal dapat meningkatkan daya tahan seterusnya membantu mereka untuk lebih berdaya tindak.

Dalam konteks yang lebih besar, kajian ini melihat wujudnya keperluan kepada perkhidmatan kaunseling keluarga. Seperti yang telah dinyatakan sebelumnya, keluarga merupakan sebuah sistem yang terdiri daripada ayah, ibu dan anak-anak. Namun demikian, selepas kematian suami, sistem keluarga telah berubah dan hanya melibatkan ibu dan anak-anak. Ahli keluarga yang masih ada memerlukan bantuan

dalam proses transisi kepada sistem yang baru. Jika ahli keluarga tidak berjaya melepasi cabaran dalam proses transisi, mereka tidak mampu untuk melakukan transformasi keatas ahli keluarga yang masih ada. oleh itu, mereka memerlukan bantuan golongan professional yang tahu bagaimana untuk mereka sekeluarga melalui transisi dari keluarga sempurna kepada keluarga tunggal.

Selain itu, pemahaman terhadap pengalaman menjadi ibu tunggal juga membantu golongan ini meneliti proses penyusunan semula kehidupan selepas kematian suami. Ini termasuklah memahami kesan kematian terhadap emosi, mengenal pasti andaian yang tidak lagi sesuai dengan realiti kehidupan sebenar, melihat diri sebagai yang masih hidup dan membina semula rasa yakin diri, mengenal pasti kemahiran baru dan konsisten berusaha ke arah artikulasi makna baru dan arah hidup. Kajian ini mencadangkan kaunselor perlu melihat proses memberi makna kepada pengalaman yang dilalui sebagai proses untuk membantu tempoh bersedih di peringkat awal kematian. Sekiranya ibu tunggal memahami makna pengalaman yang dilalui, mereka akan lebih mudah untuk mengaplikasi daya tindak yang sesuai dengan diri mereka. dengan lain perkataan, ibu tunggal akan pulih dari kesedihan dan boleh meneruskan kehidupan seperti biasa.

Maklumat dari kajian ini juga dapat membantu mendidik ibu tunggal terutamanya, bagaimana untuk bangkit dari kekecewaan. Walaupun kajian ini secara keseluruhannya tidaklah melihat kepada terapi, teknik mahupun sebarang perancangan rawatan kepada ibu tunggal, tetapi dapatan kajian ini dapat memberi gambaran umum bagaimana ibu tunggal mampu memperkembangkan dan meningkatkan daya tahan dalam diri mereka untuk meneruskan kehidupan melalui strategi daya tindak yang tertentu. Pendedahan awal ilmu ini dapat membantu kaunselor untuk lebih berkemahiran apabila mengendalikan isu yang sama. Berbekalkan ilmu tentang

konsep ini, kaunselor boleh membangunkan intervensi yang bersesuaian untuk membantu ibu tunggal bangkit dari kekecewaan dengan mengakui berdaya tindak merupakan sebahagian dari proses kehidupan ibu tunggal.

Selain dari merangka intervensi yang bersesuaian, kajian ini turut memberi implikasi kepada bidang kaunseling melalui pembinaan modul psikopendidikan untuk ibu tunggal. Melalui pendekatan psikopendidikan, kaunselor dapat membantu ibu tunggal dan ahli keluarga yang lain untuk lebih memahami diri mereka, dapat mengenalpasti peranan setiap ahli dalam keluarga serta dapat membantu kaunselor untuk melihat hasil yang terbaik untuk ahli keluarga. Pendekatan psikopendidikan ini juga mampu memberikan perkhidmatan dengan memastikan semua ahli keluarga mempunyai matlamat yang sama. Dengan penekanan yang diberikan maka ibu tunggal akan lebih mudah untuk bangkit dari peristiwa pahit yang telah dialami.

**Implikasi untuk pengkaji akan datang (teoritikal).** Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan fenomenologi, di mana penyelidik dapat meyelami dan memahami pengalaman yang dirasai oleh ibu tunggal dengan lebih mendalam lagi. Semasa melalui proses pengumpulan data, penyelidik banyak mempelajari pengalaman baru yang selama ini tidak pernah dialami sendiri. Setiap pengalaman yang dikongsikan memberikan makna yang tersendiri kepada peserta kajian. Pengalaman berdepan dengan cabaran yang dilalui dan penggunaan strategi daya tindak peserta kajian sebenarnya tanpa sedar telah wujud perkembangan daya tahan dalam diri peserta kajian. Walaupun konsep daya tindak tidak ditakrifkan secara terperinci dalam kajian ini, adalah penting untuk penyelidik memahami strategi daya tindak yang dikongsi bersama oleh peserta kajian dalam konteks kajian kerana dapat membantu penyelidik untuk lebih memahami apa yang dilalui oleh peserta kajian. Ini bermakna pendekatan ini mampu memberikan kefahaman yang jelas tentang sesuatu

fenomena yang berlaku dalam konteks peribadi seseorang. Oleh itu pendekatan ini dilihat sebagai salah satu cara yang berkesan dan sesuai dalam bidang kaunseling untuk memahami fenomena yang berlaku dalam diri klien.

Selain itu juga, konsep kefahaman yang jelas tentang sesuatu fenomena yang ditekankan dalam pendekatan kualitatif juga membolehkan manusia mengenalpasti manakah pengalaman yang baik dan membina berbanding dengan pengalaman yang buruk dan tidak membina. Justeru itu, pengalaman yang baik boleh dijadikan tauladan, dicontohi dan dijadikan amalan bagi mempertingkatkan kualiti hidup peribadi dan nilai kehidupan. Dengan berbekalkan kefahaman yang jelas ini dapat mengelakkan individu dari membuat spekulasi terhadap golongan ibu tunggal sebaliknya lebih terbuka minda dan hati untuk mengetahui punca sebenar sesuatu kejadian.

Proses menganalisis data dengan cara yang sistematik dan tematik dapat memberikan impak yang tinggi dalam memberi makna kepada data. Hasilnya, tema yang muncul dapat dilihat sebagai sebuah kronologi yang memberikan gambaran jelas tentang pengalaman yang dilalui oleh ibu tunggal. Strategi daya tindak yang mereka gunakan merupakan elemen positif yang perlu diberi perhatian sedangkan masyarakat sebelum ini melihat ibu tunggal sebagai sesuatu yang negatif dan tidak memberi makna. Lanjutan dari ini, kajian ini dapat memberikan jawapan kepada masyarakat bahawa ibu tunggal juga mempunyai nilai-nilai positif yang boleh ditekankan dan boleh diketengahkan.

Kajian ini juga memberi sumbangan yang besar terhadap pengkaji-pengkaji yang terlibat dalam bidang kemanusiaan. Ini kerana konsep fenomenologi mementingkan kepada soal memahami sesuatu secara mendalam. Pemahaman yang mendalam dapat mendeskripsikan sesuatu ilmu kemanusiaan secara terperinci

sekaligus mampu memberikan idea baru yang lebih segar kepada pengkaji akan datang yang berminat menggunakan kaedah ini.

**Implikasi terhadap bidang pendidikan.** Memandangkan penyelidik merupakan pendidik di sebuah institusi pengajian awam, adalah penting untuk penyelidik melihat implikasi kajian ini terhadap bidang pendidikan. Mengenali latar belakang pelajar dan keluarga membolehkan insan yang bergelar pendidik membantu mereka, contohnya, pelajar yang kelihatan murung di dalam kelas dan mendapat pencapaian yang rendah akibat dari kehilangan ayah. Walaupun kajian ini khusus kepada ibu tunggal, anak-anak ibu tunggal juga akan sama-sama terkesan dengan apa yang dirasai oleh ibu mereka. Dengan mengetahui situasi yang dialami oleh anak-anak ini, pendidik dapat memahami tingkahlaku yang bermasalah dan seterusnya dapat membantu pelajar mengatasi masalah yang dihadapinya. Pendidik mungkin boleh mencadangkan kepada ibu mereka untuk berbincang dengan kaunselor apa yang boleh dibantu bagi mengurangkan tekanan yang dihadapi oleh anak-anak.

Selain itu, masyarakat juga perlu tahu tidak semua ibu tunggal bergantung kepada kebajikan masyarakat, dan bagi yang memerlukan, mereka sebenarnya tiada pilihan dan alternatif lain. Oleh itu masyarakat perlu dididik untuk memahami siapa ibu tunggal, dan menerima mereka secara individu dan bukannya sebagai satu kumpulan. Pendidikan berkemungkinan membantu masyarakat untuk mewujudkan rasa empati dari konfrantasi terhadap ibu tunggal. Melalui cara ini, masyarakat dapat mengubah stigma dan pemikiran stereotaip terhadap ibu tunggal.

**Implikasi terhadap pembangunan modal insan.** Ibu tunggal sering menganggap diri mereka sebagai sekumpulan ibu yang gagal dan tidak dapat memenuhi keperluan anak-anak sebagai ketua keluarga. Jika mereka tidak berfikiran

sebegini sekalipun, masyarakat meletakkan stigma dan stereotaip kepada mereka. Hasil dari kajian ini membuktikan bahawa masih banyak perkara yang positif yang boleh diberi tumpuan dan perhatian tentang ibu tunggal. Kajian ini dapat meniupkan kesedaran kepada ibu tunggal tentang potensi yang ada dalam diri mereka.

Apabila ibu tunggal dapat mengenalpasti potensi yang mereka ada, mereka sebenarnya sedang dibantu untuk menjadi ibu yang berfungsi dengan baik walaupun tanpa kehadiran suami. Mereka dapat melaksanakan tanggungjawab sebagai ibu dan membawa peranan sebagai bapa. Pada masa yang sama mereka menjadi ketua keluarga yang akan mencorakkan keluarga kepada nilai kekeluargaan yang positif. Seperti umum sedia maklum, keluarga merupakan agen sosialisasi terbesar. Jika seorang ibu yang dapat menaikkan nilai keluarganya kepada tahap yang lebih tinggi, maka secara tidak langsung, keluarga ini dapat menaikkan nilai sebuah negara ke tahap yang lebih tinggi. Oleh itu adalah penting untuk mengetahui isu dan cabaran yang dihadapi dari peringkat awal supaya dapat melahirkan generasi anak-anak yang lebih positif yang menyumbang kepada modal insan negara.

**Cadangan Kajian Lanjutan**

Fokus utama kajian ini adalah untuk melihat bagaimana ibu tunggal membina dan menggunakan strategi daya tindak dalam meneruskan kehidupan mereka selepas kematian suami. Kajian ini tidak memfokuskan kepada kehilangan yang dirasai, tetapi cara untuk mengendalikan rasa kehilangan itu sendiri. Oleh itu, sebagai penambahbaikan untuk kajian akan datang, pengkaji yang berminat boleh menekankan kepada aspek kehilangan dan melihat proses penyembuhan dari sudut kaunseling kesedihan dengan lebih mendalam lagi.

Bilangan sampel yang sedikit sudah memadai untuk kajian kualitatif. Walaubagaimanapun, untuk kajian akan datang, menjadi satu keperluan untuk melihat

daya tindak dalam kalangan ibu tunggal dalam populasi yang lebih besar. Bukan sekadar penambahan dari segi sampel, malah penambahbaikan dari segi metodologi kajian termasuklah pendekatan yang digunakan, cara pengumpulan data dan analisis data. Penyelidik akan datang boleh mempertimbangkan untuk menggunakan rekabentuk kajian kuantitatif dengan jumlah persampelan yang lebih besar dan pelbagai. Memandangkan kajian ini berfokus hanya kepada ibu tunggal yang kematian suami, kajian akan datang boleh melihat kepada perbezaan ibu tunggal yang bercerai hidup dan bercerai mati.

Selain itu, penyelidik juga ingin mencadangkan supaya isu yang dikaji akan lebih diperkembangkan lagi. Kajian akan datang boleh melihat persepsi anak, bagaimana anak melihat ibu mereka berusaha untuk meneruskan hidup dan apakah impak pada diri mereka. Pengkaji juga boleh melihat bagaimana anak mampu memberikan impak yang besar dalam kehidupan ibu tunggal untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Kajian ini juga hanya terbatas sekadar ilmu pengetahuan tentang pengalaman yang dirasai oleh ibu tunggal. Sebagai penambahbaikan dari hasil kajian, kajian akan datang boleh menghasilkan intervensi untuk ibu tunggal dalam bentuk modul psiko pendidikan dan bengkel. Melalui pembinaan modul dan bengkel, kajian keberkesanan turut dapat dijalankan sebagai satu lagi cara menambahbaik kajian yang sedia ada.

Orientasi kepelbagaian budaya merupakan elemen penting dalam kaunseling dan pendidikan.Ia memberikan implikasi yang besar untuk profesion kaunselor. Elemen ini perlu diteroka dengan lebih lanjut bagi memastikan bahawa perbezaan dari aspek budaya benar-benar wujud. Mengetahui kepelbagaian orientasi budaya dalam menafsirkan masalah yang diutarakan oleh ibu tunggal mungkin dapat membantu kaunselor menggunakan pendekatan yang lebih sesuai untuk mereka. Budaya yang

berbeza bukan hanya tertumpu kepada bangsa ataupun agama, nilai peribadi seseorang juga merupakan budaya. Dalam amalan kaunseling, klien yang datang mungkin mempunyai kebimbangan tentang penerimaan kaunselor terhadap siapa diri mereka atas faktor nilai peribadi yang berbeza walaupun mereka dari kaum dan agama yang sama. Kebimbangan ini perlu diluahkan supaya klien dapat mencapai matlamat yang diinginkan. Oleh itu, kajian yang melihat kepada pengaruh kepelbagaian budaya adalah satu keperluan untuk kajian akan datang.

**Rumusan**

Penulisan bab ini memberikan gambaran yang menyeluruh mengenai perbincangan mendalam terhadap dapatan kajian. Implikasi kajian terhadap bidang-bidang tertentu diperbincangkan dan dihuraikan mengikut bahagian tertentu. Begitu juga dengan cadangan untuk penyelidik akan datang yang boleh dijadikan panduan untuk menambahbaik kajian seumpama kajian ini disamping memperkasakan dapatan-dapatan lain terutamanya kajian yang berkaitan dengan bidang pendidikan kaunseling. Penulisan turut disertakan dengan refleksi keseluruhan penyelidikan untuk panduan kepada penyelidikan yang seterusnya pada masa akan datang.

## RUJUKAN


Alquran Karim.

Ahmad, W. I. W., & Ismail, Z. (2010). Kualiti Hidup dan Harapan Masa Depan Ibu Tunggal Melayu Muslim di Pantai Timur Malaysia. *Islamiyyat 32*, 173-202.

Albelda, R., Himmelweit, S., & Humphries, J. (2004). The dilemmas of lone motherhood: key issues for feminist economics. *Feminist Economics, 10*(2), 1-7.

Alianiello, L. L. (2005). *The resiliency model of family stress, adjustment, and adaptation: a case study*. Ohio State University. Retrieved from http://rave.ohiolink.edu/etdc/view?acc_num=osu1302548745

Amran, H. (2014). Analisis gangguan kesejahteraan psikologi dan pengaruhnya terhadap kehibaan (grieving) dalam kalangan keluarga mangsa di Malaysia. Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan, 6(2), 51-65.

Anderson, C. M. (1999). Single-parent families. Strengths, vulnerabilities and intervention. In B. Carter & M. McGoldrick (Eds.), *The expanded family life cycle. Individual, family and social perspectives* (3rd ed., pp. 399-416): Allyn and Bacom.

Anderson, J. (2004). *The Single Mother's Book. A Practical Guide to Managing Your Children, Career, Home, Finances and Everything Else* (2nd ed.).

Anjli Panalal, K. (2005). *Family functioning and child well-being amongst urban Malay single mother families: Influence of risk and protective factors.* (Doctor of Philosophy), University Putra Malaysia.

Astri, T. P., & Rudi, C. (2014). Coping pada Ibu yang Berperan Sebagai Orangtua Tunggal Pasca Kematian Suami. *Jurnal Psikologi Pendidikan Dan Perkembangan, 3*(1), 37-42.

Atang, C. (2006). *Ibu tunggal Melayu di Pulau Pinang: Satu kajian status sosial ekonomi dan sokongan sosial.* (Sarjana), Universiti Sains Malaysia.

Auguste, P. M. S. (2003). *Understanding single motherhood: Implication for therapy practice.* (Doctor of Philosophy), Our Lady of the Lake University, San Antonio, Texas.

Austenfeld, J. L., & Stanton, A. L. (2004). Coping through emotional approach: A new look at emotion, coping, and health-related outcomes. *Journal of Personality, 72*(6), 1335-1363.

Azmawaty, M. N., Dharatun Nissa, F. M. K., Rafidah Aga, M. J., & Norazani, A. (2013). From nasty to healthy divorce: A marriage and family therapy model for working effectively with divorcing malay-muslim couples. *Malaysian Online Journal of Counseling, 1*(1), 1-23.

Ben-Zur, H. (2012). Loneliness, Optimism, and Well-Being Among Married, Divorced, and Widowed Individuals. *Journal of Psychology, 146*(1/2), 23-36. doi: 10.1080/00223980.2010.548414

Bennett, K. M., Gibbons, K., & Mackenzie-Smith, S. (2010). Loss and restoration in later life: An examination of dual process model of coping with bereavement. . *OMEGA-Journal of Death & Dying, 61*, 315-332.

Bennett, K. M., & Victor, C. (2012). 'He wasn't in that chair': what loneliness means to widowed older people. *International Journal of Ageing and Later Life, 7*(1), 33-52.

Bigner, J. J. (2002). *Parent-Child relations: AN Introduction to Parenting* (6th ed.). New Jersey: Prentice Hall.

Bitter, J. R. (2009). *Theory and Practice of Family Therapy and Counseling*. Canada: Cencage Learning.

Blomberg, L. D., & Volpe, M. (2008). *Completing Your Qualitative Dissertation. A Roadmap From Beginning to End*. USA: Sage Publication.

Boelen, P. A., & Prigerson, H. G. (2007). The influence of symptoms of prolonged grief disorder, depression, and anxiety on quality of life among bereaved adults. . *European Archives of Psychiatry and Clinical Neuroscience, 257*, 444-452.

Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (2007). *Qualitative research for education: An introduction to theories and methods*. Boston: Pearson.

Bonanno, G. A. (2001). New Directions in Bereavement Research and Theory. *American Behavioral Scientist, 44*(5), 718-725.

Bonanno, G. A., Nesse, R_, & Wortman, C. B. . (2004). Prospective patterns of resilience and maladjustment during widowhood. . *Psychology and Aging, 19*(2), 260-271.

Bonnar, S. A. E. (2004). *Separate yet similar: Later life dating experiences of widows and adult children's responses.* (MR06983 M.A.F.S.G.), Mount Saint Vincent University (Canada), Ann Arbor. Retrieved from http://search.proquest.com/docview/305060775?accountid=41453 ProQuest Dissertations & Theses Full Text database.

Bowen, G. L., & Martin, J. A. (2011). The Resiliency Model of Role Performance for Service Members, Veterans, and their Families: A Focus on Social Connections and Individual Assets. *Journal of Human Behavior in the Social Environment, 21*(2), 162-178. doi: 10.1080/10911359.2011.546198

Bowlby, J. (1980). *Attachment and Loss. Loss, sadness and depression* (Vol. 3). USA: Basic Books.

Bowlby, J. (1983). *Attachment and Loss* (2nd ed. Vol. 1). USA: Basic Book

Boyraz, B., Horne, S. G., & Sayger, T. V. (2010). Finding Positive Meaning After Loss: The Mediating Role of Reflection for Bereaved Individuals. *Journal of Loss and Trauma, 15*, 242-258.

Bretherton, I. (1992). The Origins of Attachment Theory: John Bowlby and Mary Ainsworth. *Developmental Psychology, 28*(5), 759-775.

Broussard, C. A., Joseph, A. L., & Thompson, M. (2012). Stressor and coping strategies used by single mothers living in poverty. *Journal of Women and Social Work, 27*(2), 190-204.

Brown, O., & Robinson, J. (2012). Resilience in remarried families. *South African Journal of Psychology*, 114-126.

Bullare, F., & Rathakrishnan, B. (2009). Sumber stres, strategi daya tindak dan stres yang dialami pelajar universiti *Jurnal Kemanusiaan, 13*, 46-63.

Cairney, J., Boyle, M. H., Lipman, E. L., & Racine, Y. (2004). Single Mother and the Use of Professionals for mental health care reasons. *Social Science Medicine, 59*, 2535-2546.

Cairney, J., & Wade, T. J. (2002). Single parent mothers and mental health care service use. *Social Psychiatry & Psychiatric Epidemiology, 37*(5), 236.

Calderwood, K. A. (2011). Adapting the Transtheoretical Model of Change to the Bereavement Process. *Social Work, 56*(2), 107-117.

Cambridge Advanced Learner's Dictionary. (Ed.) (2011) Cambridge Advanced Learner's Dictionary (4th ed.). United Kingdom: Cambridge University Press.

Carey, M. (2012). *Qualitative research skills for social work. Theory and practice*. England: Ashgate Publisher

Carnelley, K. B., Wortman, C. B., Bolger, N., & Burke, C. T. (2006). The Time Course of Grief Reactions to Spousal Loss: Evidence From a National Probability Sample. *Journal of Personality and Social Psychology, 91*(3), 476–492.

Carr, D. (2012). Death and dying in the contemporary United States: What are the psychological implications of anticipated death? . *Social and Personality Psychology Compass, 6*(2), 184-195.

Carter, B., & McGoldrick, M. (1999). Overview: The expanded family life cycle: . In B. Carter & M. McGoldrick (Eds.), *The expanded family life cycle: Individual, family and social perspectives* (3rd ed.). Boston: Allyn & Bacon.

Chan, W. C. H., & Chan, C. L. W. (2011). Acceptance of Spousal Death: The Factor of Time in Bereaved Older Adults' Search for Meaning. *Death Studies, 35*(2), 147-162. doi: 10.1080/07481187.2010.535387

Choi, J.-K. (2010). Nonresident Fathers' Parenting, Family Processes, and Children's Development in Urban, Poor, Single-Mother Families. *Social Service Review, 84*(4), 655-677.

Choi, J.-K., & Jackson, A. P. (2011). Fathers' involvement and child behavior problems in poor African American single-mother families. *Children & Youth Services Review, 33*(5), 698-704. doi: 10.1016/j.childyouth.2010.11.013

Chua, B. S. (2007). *Stres dalam kalangan ibu tunggal*. Sabah: Penerbit UMS.

Clark, L. (2001). La familia: Methodological issues in the assessment of perinatal social support for Mexicans living in the United States. *Social Science and Medicine,, 5*, 1303-1320.

Clark, S., & Hamplová, D. (2013). Single Motherhood and Child Mortality in Sub-Saharan Africa: A Life Course Perspective. *Demography, 50*(5), 1521-1549. doi: 10.1007/s13524-013-0220-6

Cohen, L., Ferguson, C., Harms, C., Pooley, J. A., & Tomlinson, S. (2011). Family systems and mental health issues: a resilience approach. *Journal of Social Work Practice, 25*(1), 109-125. doi: 10.1080/02650533.2010.533754

Connolly, C. M. (2006). A Feminist Perspective of Resilience in Lesbian Couples. *Journal of Feminist Family Therapy, 18*(1/2), 137-162. doi: 10.1300/J086v18n01-06

Corden, A., Sainsbury, R. 2006. *Using verbatim quotations in reporting qualitative social research: researchers' views*. ISBN 978-1-871713-98-5.

Corr, C. A., Nabe, C. M., & Corr, D. M. (2009). *Death & Dying, Life & Living* (6th ed.). USA: Cengage Learning.

Correa, V. I., Bonilla, Z. E., & Reyes-MacPherson, M. E. (2011). Support Networks of Single Puerto Rican Mothers of Children with Disabilities. *Journal Children Family Study, 20,* 66-77.

Creswell, J. W. (2007). *Qualitative Inquiry and Research Design . Choosing Among Five Approaches* (2nd ed.). USA: Sage.

Creswell, J. W. (2008). *Educational Research. Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research.* (3rd ed.). New Jersey: Pearson Prentice Hall.

Crosier, T., Butterworth, P., & Rodgers, B. (2007). Mental health problems among single and partnered mothers. The role of financial hardship and social support. *Soc Psychiatry Psychiatr Epidomiol, 42,* 6-13.

Daly, K. J. (2007). *Qualitative methods for family studies and human development*. USA: Sage

Dasimah, O., Puziah, A., & Muna, S. (2009). Urban Living Condition of Low Income Single Mothers in Malaysia. *European Journal of Social Sciences, 9*(2), 193-201.

Davidson, R. (2008). More than 'just coping': The antecedents and dynamics of resilience in a qualitative longitudinal study. *Social Policy & Society, 8*(1), 115-125.

Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (Eds.). (2003). *Collecting and interpreting qualitative materials.* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage

Department of Statistic Malaysia. (2000). *Education and social characteristics of the population.* Kuala Lumpur: Goverment Printers. .

Diyana, I., Doris, P. S., & Nor Aini, I. (2009). *Isu dan cabaran ibu tunggal dalam menghadapi perubahan persekitaran global.* Paper presented at the Prosiding PERKIM IV.

Djudiyah, D., & Yuniardi, M. S. (2011). Model pengembangan konsep diri dan daya resiliensi melalui support group therapy: Upaya meminimalkan trauma psikis remaja dari keluarga single parent: Universitas Muhammadiyah Malang

Doherty, W. J., & Craft, S. M. (2011). Single Mothers Raising Children with 'Male-Positive' Attitudes. *Family Process, 50*(1), 63-76. doi: 10.1111/j.1545-5300.2010.01346.x

Duclos, J., Maria, A.-s., Dorard, G., Curt, F., Apfel, A., Vibert, S., . . . Godart, N. (2013). Bonding and Expressed Emotion: Two Interlinked Concepts? *Psychopathology, 46*(6), 404-412. doi: http://dx.doi.org/10.1159/000345405

Dukes, S. (1984). Phenomenological methodology in human sciences. *Journal of Religion and Health, 23*(3), 197-203.

Dunn, C. R. (2015). *Young widows' grief: A study of personal and contextual factors associated with conjugal loss.* (3733815 Ph.D.), Utah State University, Ann Arbor. Retrieved from http://search.proquest.com/docview/1731940705?accountid=27931 ProQuest Dissertations & Theses Global database.

Dziak, E., Janzen, B. L., & Muhajarine, N. (2010). Inequalities in the psychological well-being of employed, single and partnered mothers: the role of psychosocial work quality and work-family conflict. *International Journal for Equity in Health, 9*, 1-8.

Eagly, A. H., Eaton, A., Rose, S., Riger, S., & McHugh, M. (in press). *Feminism and Psychology: Analysis of a Half-Century of Research on Women and Gender*. American Psychologist.

Escudero, V., Boogmans, E., Loots, G., & Friedlander, M. L. (2012). Alliance rupture and repair in conjoint family therapy: An exploratory study. *Psychotherapy, 49*(1), 26-37. doi: 10.1037/a002674710.1037/a0026747.supp (Supplemental)

Fareez, M. (2015). The 'Life Certificate': A tool for grief work in Singapore. *The International Journal Of Narrative Therapy And Community Work, 2.*

Feldman, K. E. (2010). *Post-Parenthood Redefined: Race, Class, and Family Structure Differences*. Case Western Reserve University. Retrieved from http://rave.ohiolink.edu/etdc/view?acc_num=case1267730564

Feldman, S., & Byles, J. E. (2000). 'Is Anybody Listening?' The Experiences of Widowhood for Older Australian Women. Journal of Women & Aging, 12(3/4), 155.

Field, N. P., & Filanosky, C. (2010). Continuing Bonds, Risk Factors for Complicated Grief, and Adjustment to Bereavement. . *Death Studies, 34*(1), 1-29.

Foley, C. S. (2014). *Widowed fathers' adjustment to the single parent role and the influence of gender roles.* (3640144 Psy.D.), John F. Kennedy University, Ann Arbor. Retrieved from http://search.proquest.com/docview/1620850430?accountid=27931 ProQuest Dissertations & Theses Global database.

Folkman, S. (2010). *The Oxford Handbook of Stress, Health, and Coping*. USA: Oxford University Press.

Folkman, S., & Lazarus, R. (1988). *Manual for the Ways of Coping Questionnaire* (Research ed.). Palo Alto: Consulting Psychologist Press.

Folkman, S., & Maskowitz, J. T. (2004). Coping: Pitfalls and Promise. *Annual Review of Psychology, 55*, 745-774.

Freeman, S. J. (2005). *Grief & Loss. Understanding The Journey*. Canada: Brooks/Cole.

Frost, N. (2011). *Qualitative Research Methods in Psychology Combining Core Approaches*. Glasgow: Bell & Bain Ltd.

Gailliot, M. T., Baumesiter, R. F., DeWall, C. N., Maner, J. K., Plant, E. A., & Tice, M. D. (2007). Self-control relies on glucose as a limited energy source: willpower is more than a metaphor *Journal of Persnality and Social Psychology, 92*(2), 325-336.

Gemelli, M. (2008). Understanding the Complexity of Attitudes of Low-Income Single Mothers Toward Work and Family in the Age of Welfare Reform. *Gender Issues, 25*(2), 101-113. doi: 10.1007/s12147-008-9055-7

Gibbs, G. R. (2007). *Analyzing Qualitative Data*. London: Sage Publication.

Gladding, S. T. (2002). *Family Therapy. History, Theory and Practicec* (3rd ed.). USA: Prentice hall.

Goldenberg, H., & Goldenberg, I. (2008). *Family therapy an overview* (7th ed.). USA: Thomson Brooks/Cole.

Goodman, L. A., Bohlig, A., Litwin, A., Weintraub, S. R., Green, A., Walker, J., . . . Ryan, N. (2007). Applying feminist theory to community practice: A case example of a multi-level empowerment intervention for low-income women with depression. In E. Aldarando (Ed.), *Promoting social justice through mental health practice* (pp. 265-290). Florence, Kentucky: Lawrence Erlbaum Associates.

Grossman, C. C., Hudson, D. B., Lefler, R. K., Jodell, R. K., & Titilola, O. (2009). Community Leaders' Perceptions Of Hispanic, Single, Low-Income Mothers' Needs, Concerns, Social Support, And Interactions With Health Care Services. *Issues in Comprehensive Pediatric Nursing, 32*, 31-46.

Guba, E., & Lincoln, Y. (1981). *Effective evaluation*. San Francisco: Jossey-Bass.

Guillory, J., Niederdeppe, J., Kim, H., Pollak, J. P., Graham, M., Olson, C., & Gay, G. (2014). Does Social Support Predict Pregnant Mothers' Information Seeking Behaviors on an Educational Website? *Matern Child Health Journal, 18*, 2218-2225.

Hamama, R., Ronen, T., & Feigin, R. (2000). Self-control, anxiety and loneliness in siblings of children with cancer. *Social Work in Health Care, 31*(1), 63-83.

Hamdan, A. K. (2008). *Kesan latihan ketegasan terhadap tegas diri dan konsep kendiri di kalangan ibu tunggal di Johor Bharu.* (Doctor of Philosophy), Universiti Teknologi Malaysia.

Hamdan, A. K., & Ummi Habibah, A. R. (2008a). Hubungan Di Antara Tingkahlaku Asertif Dan Konsep Kendiri Dengan "Stress" Di Kalangan Ibu Tunggal Bekerja Di Bandar Mentakab, Pahang. . In H. Rohana (Ed.), *Asertif*. UTM Skudai: Penerbit UTM.

Hamdan, A. K., & Ummi Habibah, A. R. (2008b). Kesan Latihan Asertif Terhadap Konsep Kendiri Di Kalangan Ibu Tunggal In H. Rohana & I. Fadilah (Eds.), *Asertif*. UTN Skudai: Penerbit UTM.

Hamid, M., Munir, S., Hashim, R., Yasir, H., & Farzana, K. (2015). Coping strategies of mothers with ASD Children. *The Professional Medical Journal, 22*(11), 1454-1463.

Hamidah, A. R. (2006). Faktor penyumbang kepada masalah keluarga dan perceraian: Kajian kes di Johor. In A. R. Abd Rahim, H. Sufean, & H. Che Hashim (Eds.), *Krisis dan konflik institusi keluarga*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Hamidah, A. R. (Ed.). (2008). *Isu-isu sosial*. Malaysia: Penerbit UTM.

Haniza, R. (2007). *Death Of A Family Member: The Malay Grief Experiences Shared In Bereavement Support Group*. (Doctor of Philosophy), International Islamic University Malaysia.

Hegney, D. G., Buikstra, E., Baker, P., Rogers-Clark, C., Pearce, S., & Ross, H. (2007). Individual resiliency in rural people: a Queensland study, Australia. *Rural and Remote Health, 7*, 620.

Herrman, H., Stewart, D. E., Diaz-Granados, N., Berger, E. L., Jackson, B., & Yuen, T. (2011). What Is Resilience? *Qu'est-ce que résilience?, 56*(5), 258-265.

Hill, R. (1949). *Families Under Stress: Adjustment to the crisis of war separation and reunion*. New York: Harper & Brothers.

Holland, J. M., Futterman, A., Thompson, L. W., Moran, C., & Gallagher-Thompson, D. (2013). Difficulties Accepting the Loss of a Spouse: A Precursor for Intensified Grieving Among Widowed Older Adults. *Death Studies, 37*(2), 126-144. doi: 10.1080/07481187.2011.617489

Holland, J. M., & Neimeyer, R. A. (2010). An Examination of Stage Theory of Grief among Individuals Bereaved by Natural and Violent Causes: A Meaning-Oriented Contribution. *Omega: Journal of Death & Dying, 61*(2), 103-120. doi: 10.2190/OM.61.2.b

Hughes, L. A. (2002). *The effect of relationship status on empathy, narcissism, and resilience in women*. (3077436 Ph.D.), Alliant International University, Los Angeles, Ann Arbor. Retrieved from http://search.proquest.com/docview/305498124?accountid=41453 ProQuest Dissertations & Theses Full Text database.

Imber-Black, E. (2007). Reflections on the Special Issue: Divorce and Its Aftermath, Editorial. *Family Process,* pp. 1-2. Retrieved from

http://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=aph&AN=23857505&site=ehost-live

Israeli, A. L., & Santor, D. A. (2000). Reviewing effective components of feminist therapy. *Counselling Psychology Quarterly*, *13*(3), 233-247.

Isserman, N., Greene, R. R., Bowen, S. P., Hollander-Goldfein, B., & Cohen, H. (2014). Intergenerational Families of Holocaust Survivors: Designing and Piloting a Family Resilience Template. *Journal of Evidence-Based Social Work, 11*(3), 256-268. doi: 10.1080/15433714.2012.759463

Ivey, A., Ivey, M., & Zalaquett, C. (2013). *Intentional interviewing and counseling: Facilitating client development in a multicultural society*: Nelson Education.

Ivey, A. E., Ivey, M. B., & Zalaquet, C. P. (2010). *Intentional Interviewing and Counseling* (7th ed.). USA: Brooks/Cole.

Jakoby, N. R. (2012). Grief as a social emotion: Theoretical perspectives. *Death Studies, 36*(679-711).

Jamsari, J. (2010). *Kajian penerokaan usahawan ibu tunggal di negeri Perlis.* (Sarjana), Universiti Utara Malaysia.

Jas Laile Suzana, J. (2008). *Pengenalan Kepada psikologi Kanak-kanak dan Remaja*. Shah Alam: Arah Publication.

Jayakody, R., & Stauffer, D. (2000). Mental health problems among single mothers: Implications for work and welfare reform. *Journal of Social Issues, 56*(4), 617-634.

Jeon, G.-S., Jang, S.-N., Kim, D.-S., & Cho, S.-I. (2013). Widowhood and Depressive Symptoms Among Korean Elders: The Role of Social Ties. *Journals of Gerontology Series B: Psychological Sciences & Social Sciences, 68*(6), 963-973.

Johari, O., Mustaia, M., Norwati, R., & Rahaidah, M. (2005). Menyelami Dunia Ibu Tunggal Di Kampung Kepis, Kuala Pilah.- Analisa Permasalahan, Cabaran Dan Keperluan: UiTM.

Johnson, B., & Christensen, L. (2008). *Educational Research. Quantitative, Qualitative and Mixed Approaches.* (3rd ed.). USA: Sage Publication.

Johnson, K. J. (2013). *Volunteering among surviving spouses: The impact of volunteer activity on the health of the recently widowed.* (3564667 Ph.D.), University of Massachusetts Boston, Ann Arbor. Retrieved from http://search.proquest.com/docview/1415367855?accountid=41453 ProQuest Dissertations & Theses Full Text database.

Kantor, L., Endler, N. S., Heslegrave, R. J., & Kocovski, N. L. (2001). Validating self-report measures of state and trait anxiety against a physiological measure. *Current Psychology, 20*(3), 207-215.

Keesee, N. J., Currier, J. M., & Neimeyer, R. A. (2008). Predicators of grief following the death of one's child: The contribution of finding meaning. *Journal of Clinical Psychology, 64*, 1145-1163.

Kelley, D. M. (2012). Coping with Loss,. Experiences of Women Religious. *Human Development 33*.

Kelley, M. M., & Chan, K. T. (2012). Assessing The Role Of Attachment To God, Meaning, And Religious Coping As Mediators In The Grief Experience. *Death Studies, 36*, 199-227.

Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dan Masyarakat. (2010). *Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal*. Malaysia.

Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dan Masyarakat. (2014). Quick Facts KPWKM. Kuala Lumpur Malaysia.

Kementerian Pembangunan Wanita, K. D. M. (2015). Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal 2015-2020. In K. D. M. Kementerian Pembangunan Wanita (Ed.). Putrajaya.

Kerr, S. M., & Smith, L. N. (2001). Stroke: an explanation of the experienceof informal caregiving. *Clinical Rehabilitation, 15*, 428-436.

Khosravan, S., Salehi, S., Ahmadi, F., Sharif, F., & Zamani, A. (2010). Experiences of widows with children: A qualitative study about spousal death in Iran. *Nursing & Health Sciences, 12*(2), 205-211. doi: 10.1111/j.1442-2018.2010.00522.x

Kubler-Ross, E., & Kessler, D. (2005). *On Grief and Grieving: Finding the meaning of grief through the five stages of loss*. New York: Scribner.

Kusumastuti , A. N. (2014). Stres Ibu Tunggal Yang Memiliki Anak Autis *Jurnal Psikologi, 2*(7), 54-60.

Laible, D. J., Carlo, G., & Raffaelli, M. (2000). The Differential Relations of Parent and Peer Attachment to Adolescent Adjustment. *Journal of Youth and Adolescence., 29*(1), 45-49.

Lashley, C. O. N., & Giannoni, L. (2010). Young Children National Association for the Education of Young Children.

Lazarus, R. (1993). Coping Theory and Research: Past, Present and Future. *Psychomatic Medicine, 55*, 234-247.

Lazarus, R., & Folkman, S. (1984). *Stress, appraisal, and coping.* New York: Springer Publishing Company.

Lee, R. M. (2000). *Unobstrusive methods in social research*. Philadelphia: Open University.

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, M. (2014). Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia. Malaysia: Bahagian Kependudukan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

Leseho, J., & Maxwell, L. R. (2010). Coming alive: creative movement as a personal coping strategy on the path to healing and growth. *British Journal of Guidance & Counselling, 38*(1), 17-30. doi: 10.1080/03069880903411301

Lincoln, Y. S., & Guba, E. G. (1985). *Naturalistic inquiry*. Thousand Oaks, CA: Sage.

Livneh, H., & Martz, E. (2007). An introduction to coping theory and research. In E. Martz & H. Livneh (Eds.), *Coping with Chronic Illness and Disability: Theoritical, Empirical and Clinica Aspects* (pp. 3-27). New York: Springer.

Luthar, S. S., & Cicchetti, D. (2000). The construct of resilience: A critical evaluation and guidelines for future work. *Child Development, 71*, 543-562.

Macguire, K. C. (2012). *Stress and Coping in Families*. United Kingdom Polity Press.

Madihah, M. S. (2003). Stress, Problem and Coping Skills among Single Fathers and Mothers: A Comparative Study in East Coast of Peninsular Malaysia.

Malinen, K., Kinnunen, U., Tolvanen, A., RönkÄ, A., Wierda-Boer, H., & Gerris, J. (2010). Happy Spouses, Happy Parents? Family Relationships Among Finnish and Dutch Dual Earners. *Journal of Marriage & Family, 72*(2), 293-306. doi: 10.1111/j.1741-3737.2010.00700.x

Malone, J. L. (2000). Working with Aboriginal Women: Applying Feminist Therapy in a Multicultural Counselling Context. *Canadian Journal of Counselling, 34*(1), 33-42.

Marohaini, Y. (2004). Pertimbangan kritikal dalam pelaksanaan kajian kes secara kualitatif *Penyelidikan kualitatif: Pengalaman kerja lapangan kajian* (pp. 35-56). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Mason, R. (2003). Listening to lone mothers: Paid work, family life, and childcare in Canada. *Journal of Children & Poverty, 9*(1), 41.

Masyarakat, K. P. W. d. K. d. (2015). *Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal 2015-2020*.

McDonald-Kenworthy, N. (2012). *How to be a widow: Performing identity in grief narratives of an online community.* (3497697 Ph.D.), The Ohio State University, Ann Arbor. Retrieved from http://search.proquest.com/docview/928944408?accountid=41453 ProQuest Dissertations & Theses Full Text database.

McKiernan, F., Spreadbury, J., Carr , T., & Waller, G. (2013). Psychological Aspects of Bereavement in Adults: Preliminary Development of the Bereavement Experiences Index. *Journal of Social Work in End-of-Life & Palliative Care, 9*(1), 7-26. doi: 10.1080/15524256.2012.758603

McLeod, J. (2001). *Qualitative Research in Counselling and Psychotherapy*: SAge Publication

Melati, S., Ida Hartina, A. T., Norfaezah, N. K., & Azmawaty, M. N. (2014). *Teori Kaunseling dan Psikoterapi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mellott, L. M. (2010). *The Association Between Maternal Relationship Transitions and Child Behavioral Outcomes: An Examination of Selection Effects and the Mediating Impact of Parenting.* (Doctor of Philosophy), The Ohio State University.

Merriam, S. B. (1998). *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco: Jossey-Bass.

Merriam, S. B. (2002). *Qualitative research in practice. Examples for discussion and analysis.* San Francisco: Jossey-Bass.

Merriam, S. B. (2009). *Qualitative Research. A Guide to Design and Implementation*. USA: Jossey-Bass.

Mikulincer, M., & Goodman, G. S. (2006). *Dynamics of romantic love : attachment, caregiving, and sex*. New York: Guilford Press.

Mikulincer, M., & Shaver, P. R. (2009). An attachment and behavioral systems perspective on social support. *Journal of Social and Personal Relationships, 26*(1), 7-19. doi: 10.1177/0265407509105518

Mikulincer, M., & Shaver, P. R. (2013). Attachment insecurities and disordered patterns of grief. In M. Stroebe, H. Schut, & J. van den Bout (Eds.), *Complicated grief: Scientific foundations for health care professionals* (pp. 190-203.). New York: Routledge/Taylor & Francis Group.

Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *An Expanded Sourcebook Qualitative Data Analysis* (2nd ed.). USA: Sage

Miller, P. (2006). Benefits of Online Chat for Single Mothers. *Journal of Evidence-Based Social Work, 3*(3/4), 167. doi: 10.1300/J394v03n03• 12

Mohd Ismail, M., Robiah, Y. a., Syarifah, C., Kamarul Azmi, J., & Ahmad Kilani, M. (2006). Permasalahan ibu tunggal dalam melaksanakan tanggungjawab pendidikan anak-anak: Satu kajian di kawasan Sura, Dungun, Terengganu Darul Iman. In A. R. Abd Rahim, H. Sufean, & H. Che Hashim (Eds.), *Krisis dan konflik institusi keluarga*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Siri Pembangunan Keluarga Utusan.

Mohd Ismail, M., Robiah, Y. a., Syarifah, N. C., Kamarul Azmi, J., & Ahmad Kilani, M. (2004, 29-30 Mei). *Permasalahan Ibu Tunggal dalam Melaksanakan Tanggungjawab Pendidikan Anak-anak: Satu Kajian Kawasan Sura, Dungun, Terengganu.* Paper presented at the Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan, Universiti Malaya.

Mohd Razali, S. (2010). *Pengendalian Stres dan Kebimbangan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Morrow, S. L. (2005). Quality and Trussworthiness in Qualitative Research in Counseling Psychology. *Journal of Counseling Psychology, 52*(2), 250-260.

Morse, J. M., & Richards, L. (2002). *Read Me First for a User's Guide to Qualitative Methods*. USA: Sage Publications.

Mullet, J. H., Akerson, N. M. K., & Turman, A. (2013). Healing the Past Through Story. *Adult Learning, 24*(2), 72-78. doi: 10.1177/1045159513477843

Murray, C. I., Toth, K., & Clinkinbeard, S. S. (2005). Death, Dying, and Grief in Families. In P. C. McKenry & S. J. Price (Eds.), *Families and Change: Coping With Stressful Events and Transitions*. USA: Sage Publication.

Muselman, D. M., & Wiggins, M. I. (2012). Spirituality and Loss: Approaches for Counseling Grieving Adolescents. *Counseling and Values, 57*, 229-242.

Nabila Farhana, M. N., & Fadzli, A. (2015). *Penghayatan Agama Dan Resiliensi Wanita Islam Pasca Perceraian* Paper presented at the International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia.

Nadeau, J. W. (2001). Family construction of meaning. In R. A. Neimeyer (Ed.), *Meaning reconstruction and the experience of loss* (pp. 95-111). Washington DC: American Psychological Association.

Najwa, M. S. (2005). *Perkhidmatan pusat khidmat wanita di Sekretariat Pintas Negara terhadap ibu tunggal. Satu kajian dari perspektif Islam.* (Sarjana Pengajian Islam ), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Neff, L. A., & Broady, E. F. (2011). Stress Resilience in Early Marriage: Can Practice Make Perfect? *Journal of Personality & Social Psychology, 101*(5), 1050-1067. doi: 10.1037/a0023809

Neimeyer, R. A. (2011). *Grief and bereavement in contemporary society : bridging research and practice*. New York: Routledge.

Nelson, G. H. (2009). *A Study of Single Mothers' Experience of Persistence at a Four-Year Public University*. (Doctor of Philosophy), Kent State University College.

Nichols, M. P. (2010). *Family Therapy Concepts and Methods* (9th ed.). Boston: Pearson Education.

Nor Aini, I., & Selvaratnam, D. P. (2012). *Program Pembasmian Kemiskinan Dalam Kalangan Ibu Tunggal: Analisis Penyertaan Dan Keberkesanan* Paper presented at the Transformasi Ekonomi dan Sosial ke Arah Negara Maju Ipoh, Perak.

Norazani, A., Dharatun Nissa, F. M. K., Nurul 'Ain, M. D., Fauziah, M. S. a., & Hapsah, M. Y. (2015). Kesan Kehilangan Akibat Kematian: Strategi Daya Tindak Kaunselor. *Jurnal Bitara Edisi Khas (Psikologi Kaunseling), 8,* 120-140.

Nur Saadah, M. A. (2013). *Strategi Daya Tindak Dalam Kalangan Penjaga Tidak Formal Pesakit Kronik: Kajian Kes di Lembah Kelang.* (Doktor Fasafah), Universiti Malaya.

Nur Saadah, M. A., & Hilwa, A. (2015). Strategi daya tindak dan program sokongan sosial untuk penjaga tidak formal. *Journal of Social Sciences and Humanities, 10*(1), 170-183.

Nuriddin, T. A. (2007). *Weathering the storm: Self-efficacy, social support processes, and health-related coping strategies among the Detroit-area widowed.* (3287311 Ph.D.), Purdue University, Ann Arbor. Retrieved from http://search.proquest.com/docview/304839101?accountid=41453 ProQuest Dissertations & Theses Full Text database.

Nurliza, A. (2013). Sokongan Sosial Bagi Ibu Tunggal 01 Luar Bandar: Satu Kajian Kes 01 Mukim Lepai, Kedah In M. N. Noor Hisham & A. Nurliza (Eds.), *Nllai Kemanusiaan Isu & Cabaran*. Kuala Lumpur: Penerbit UMK.

Ochoa, R. M. (2006). *Spirituality and bereavement among the widowed.* (1437804 M.S.W.), California State University, Long Beach, United States -- California. Retrieved from http://search.proquest.com/docview/304910961?accountid=41453 ProQuest Dissertations & Theses Full Text database.

Ong, A. D., & Zautra, A. J. (2010). Psychological Resilience Predicts Decreases in Pain Catastrophizing Through Positive Emotions. *Psychology and Aging, 25*(3), 516-523.

Ortz, C. L. (2013). *The influence of widowed status and task complexity on decision making.* (3647339 Ph.D.), University of Kentucky, Ann Arbor. Retrieved from http://search.proquest.com/docview/1634339301?accountid=27931 ProQuest Dissertations & Theses Global database.

Ortz, C. L. (2013). *The Influence Of Widowed Status And Task Complexity On Decision Making* (Doctor of Philosophy), University of Kentucky.

Pargament, K. I., & Abu Raiya, H. (2007). A decade of research on the psychology of religion and coping: Things we assumed and lessons we learned. . *Psyke & Logos, 28*, 742-766.

Parkes, C. M. (1994). Bereavement as a psychosocial transition: Processes of adaptation to change. In M. S. Stroebe, S. Stroebe, & R. O. Hansson (Eds.), *Handbook of Bereavement: Theory, Reseacrh and Intervenction*. USA: Press Syndicate of The University of Cambridge.

Parkes, C. M., & Prigerson, H. G. (2010). *Bereavement. Studies of grief in Adult Life*. London: Routledge.

Patton, M. Q. (2002). *Qualitative research and evaluation methods* (3rd ed.). Thousand Oaks CA: Sage.

Pearce, D. (2000). Rights and Wrongs of Welfare Reform: A Feminist Approach. *Affilia Summer, 15*(2), 133-152.

Peggy Auguste, M. S. (2003). *Understanding Single Motherhood: Implications for Therapy.* (Doctor of Philosophy), Our Lady of The Lake University.

Philippe, F. L., Lecours, S., & Bealieu-Pelletier, G. (2009). Resilience and positive emotions: Examining the role of emotional memories. *Journal of Personality, 77*(1), 140-176.

Radnitz, C. L., & Tiersky, L. (2007). Psychodynamic and Cognitive Theories. In E. Martz & H. Livneh (Eds.), *Coping with chronic illness and disability: Theoritical. Empirical and Clinical Aspects* (pp. 29-48). New York: Springer.

Ramlah, J. (2007). *Kualiti Pertautan Pelajar Asrama: Hubungannya dengan penyesuaian dan pencapaian akademik.* (Doktor Falsafah), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Richard, S. S. (2016). *Theories of Psychotherapy & Counseling: Concepts and Cases* (6th ed.). USA: Cengage Learning.

Richards, L. (2005). *Handling qualitative data* London: Sage.

Riemen, D. J. (1986). The essential structure of a caring interaction: Doing phenomenology. . In P. M. Munhall & C. J. Oiler (Eds.), *Nursing research: A qualitative perspective* (pp. 85-105). Norwalk: CT: Appleton-Century-Crofts.

Roberta, R. G., Colleen, G., & Youjung, L. (2004). Resilience Theory. *Journal of Human Behavior in the Social Environment, 8*(4), 75-91.

Robison, M. M. (2009). *The effects of social support on mental, physical, and functional health outcomes in widowed older adults.* (1458860 M.A.), California State University, Fullerton, Ann Arbor. Retrieved from http://search.proquest.com/docview/305177720?accountid=41453 ProQuest Dissertations & Theses Full Text database.

Rohaty, M. M., & Muhammad Rais, A. K. (1999). *Ibu Tunggal Menelusuri Rintangan Hidup Dengan Keyakinan*. Selangor: Pelanduk Publications.

Rousou, E., Kouta, C., Middleton, N., & Karanikola, M. (2013). Single mothers' self-assessment of health: a systematic exploration of the literature. *International Nursing Review, 60*, 425–434.

Rozumah, B., Krauss, S. E., Siti Nor, Y., & Pei, T. J. (2011a). Family processes as predictors of antisocial behaviors among adolescents from urban, single-mother malay families in Malaysia.

Rozumah, B., Krauss, S. E., Siti Nor, Y., & Pei, T. J. (2011b). Family Processes as Predictors of Antisocial Behaviors among Adolescents from Urban, Single-Mother Malay Families in Malaysia. *Journal of Comparative Family Studies, 42*(4), 509-522.

Salhah, A., Sapora, S., Dini Farhana, B., & Rezki Perdani, S. (2011). *Strategi Daya Tindak Versi Bahasa Melayu*. Paper presented at the PERKAMA International Counseling Convention.

Salina, N., Fauziah, I., Suzana, M. H., & Zaizul, A. R. (2012). Kajian Kes Inses Bapa-Anak Perempuan: Memahami Pengalaman Dari Perspektif Mangsa *Journal of Social Sciences and Humanities, 7*(1), 46-58.

Samuels-Dennis, J. A., Ford-Gilboe, M., Wilk, P., Avison, W. R., & Ray, S. (2010). Cumulative Trauma, Personal and Social Resources and Post-Traumatic Stress Symptoms Among Income-assisted Single Mothers. *Journal of Family Violence, 25*, 603-617.

Sangsint, O. (2006). Relationship between family appraisal of the situation, family resources, problem solving and coping skills and general of a health state of family members of a person with attemped suicide. (Doctor of Philosophy), Mahidol University.

Santrock, S. W. (2008). *Adolescence*. Boston: Mc Graw Hill Publishing.

Sapora, S., Khatijah, O., & Othman, A. R. (2013). *Stres. Punca, Teori dan Pengurusan Efektif*. Bandar Baru Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Sarafino, E. P. (2008). *Health Psychology: Biopsychosocial Interaction* (6th ed.). USA: John Wiley & Sons Inc.

Sassler, S., Cunningham, A., & Lichter, D. T. (2009). Intergenerational Patterns of Union Formation and Marital Quality. *Journal of Family Issues, 30*, 757-786.

Schottenbauer, M. A., Rodriguez, B. F., Glass, C. R., & Arnkoff, D. B. (2006). Religious coping research and contemporary personality theory: An exploration of Endler's (1997) integrative personality theory. *British Journal of Psychology, 97,* 499-519.

Schrag, A., & Tieszen, A. S. (2014). Social Support Networks of Single Young Mothers. *Children Adolescence Social Work Journal, 31*, 315-327.

Schuster, R. M., Hammit, W. E., & Moore, D. (2003). A theoritical model to measure the appraisal and coping response to hassles in outdoor recreation settings. *Leisure Sciences*.

Seidman, I. (2006). *Interviewing as qualitative research : A guide for researchers in education and the social sciences*. New York: Teachers College Press.

Shapiro, D. N. (2012). *Parent and Child Mental Health in Nontraditional Families: The Intersecting Roles of Gender, Dyadic Support, and Communication.* (3530783 Ph.D.), University of Michigan, Ann Arbor. Retrieved from http://search.proquest.com/docview/1151137941?accountid=41453 ProQuest Dissertations & Theses Full Text database.

Shapiro, E. R. (2001). Grief in interpersonal perspective: Theories and their implications. In M. Stroebe, R. O. Hansson, W. Stroeebe, & H. Schut (Eds.), *Handbookof bereavement research: Consequences, coping, and care*. Washington, DC: American Psychological Association.

Sharifah Nazirah, M. (2012). Pengalaman Remaja Melayu Perempuan YatimYang Cemerlang Selepas Kematian Bapa dan Kesediaan Menjalani Kaunseling. (Sarjana), Universiti Putra Malaysia.

Silverman, D. (2006). *Interpreting qualitative data: Methods for analyzing talk, text, and interaction*: Sage Publications Ltd.

Silverman, D. (2010). *Doing qualitative research* (3rd ed.). London: Sage Publication.

Siti Rafiah, A. H., & Sakinah, S. (2013). Exploring single parenting process in Malaysia: Issues and coping strategies. *Procedia Social and Behavioral Sciences, 84*, 1154-1159.

Sooy, M. (2016). *The Role of Adult Attachment Style on the Grief Response in Survivors of Suicide.* (10041796 Psy.D.), The Chicago School of Professional Psychology, Ann Arbor. Retrieved from http://search.proquest.com/docview/1774020459?accountid=27931 ProQuest Dissertations & Theses Global database.

Strauss, A., & Corbin, J. (1998). *Basics of Qualitative Research. Techniques and Procedures for Developing Grounded Theory* (2nd ed.). USA: Sage Publication.

Stroebe, M., Stroebe, W., van de Schoot, R., Schut, H., Abakoumkin, G., & Li, J. (2014). Guilt in Bereavement: The Role of Self-Blame and Regret in Coping with Loss. *PLoS ONE, 9*(5), 1-9. doi: 10.1371/journal.pone.0096606

Stroebe, M. S., & Archer, J. (2013). Origins of modern ideas on love and loss: Contrasting forerunners of attachment theory. *Review of General Psychology, 17*(1), 28-39.

Stroebe, M. S., Hansson, R. O., Schut, H., & Stroebe, W. (Eds.). (2008). *Handbook of Bereavement Research and Practice. Advances in Theory and Intervention*. Washington, DC: American Psychological Association.

Stroebe, M. S., & Schut, H. (1999). The Dual Process Model of coping with bereavement: Rationale and description. *Death Studies, 23*(197-224).

Stroebe, M. S., & Schut, H. (2010). The dual process model of coping with bereavement: A decade on. *OMEGA, 61*(4), 273-289.

Stroebe, M. S., Stroebe, W., & Hansson, R. O. (Eds.). (1993). *Handbook of Bereavement. Theory, Research and Intervention*. United States of America: Cambridge Unversity Press.

Surianti, L. (2011). *Strategi daya tindak remaja terhadap kebimbangan yang dihadapidan pengaruhnya ke atas masalah kemurungan.* (Master ), Universiri Malaysia Sabah.

Thuaibah, A. B., Azlah, M. A., HIshamudin, M. S., Rozeyta, O., Syaharizatul Noorizwan, M., & Rossilah, M. J. (2004). Aktiviti Keusahawanan Di Kalangan Ibu Tunggal Di Negeri Johor (J. P. S. M. F. P. d. P. S. M. U. T. Malaysia, Trans.).

Trute, B., Benzies, K. M., & Worthington, C. (2012). Mother Positivity and Family Adjustment in Households with Children with a Serious Disability. *Journal of Child Family Study, 21*, 411-417.

Tsai, M., Plummer, M. D., Kanter, J. W., Newring, R. W., & Kohlenberg, R. J. (2010). Therapist Grief and Functional Analytic Psychotherapy: Strategic Self-Disclosure of Personal Loss. *Journal of Contemporary Psycotherapy, 40*, 1-10.

United Nation Development Programme. (2007). Towards a National action plan to empower single mothers. Kuala Lumpur.

Utz, R. L., Caserta, M., & Lund, D. (2012). Grief, Depressive Symptoms, and Physical Health among Recently Bereaved Spouses. *Gerontologist, 52*(4), 460-471.

Wade, T. J., & Cairney, J. (2000). Major Depressive Disorder and Marital Transition as Mother: Results from a National Panel Study. *Journal of Nervous and Mental Disease, 188*, 741-749.

Walsch, F. (2006). *Stregthening family resiliens* (2nd ed.). New York: The Guilford Press.

Walsh, F., & McGoldrick, M. (1991). Loss and the family: A systems perspective. In F. Walsh & M. McGoldrick (Eds.), *Living beyond loss*. New York: W. W. Norton.

Wan Ibrahim, W. A., & Zainab, I. (2010). Kualiti Hidup dan Harapan Masa Depan Ibu Tunggal Melayu Muslim di Pantai Timur Malaysia. *Islamiyyat, 32*, 173-202.

Webb, E., Campbell, D. T., Schwartz, R. D., & Sechrest, L. (2000). *Unobtrusive measures in social science* (revised ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.

Weiss, R. S. (2008). The Nature and Causes of Grives. In M. S. Stroebe, R. O. Hansson, H. Schut, & W. Stroebe (Eds.), *Handbook of Bereavement Research and Practice: Advances in Theroy and Intervention*. Washington: APA.

Willock, B., Bohm, L. C., & Curtis, R. C. (Eds.). (2012). *Loneliness and Longing. Concious and Unconscious Aspects*. USA: Routledge.

Winda, A. (2014). Resiliensi Dan Dukungan Sosial Pada Orang Tua Tunggal (Studi Kasus Pada Ibu Tunggal Di Samarinda) *ejournal.psikologi.fisip-unmul.org, 1*(3), 268-279.

Wong, P. T. (2012). From logotherapy to meaning-centered counseling and therapy. *The human quest for meaning: Theories, research, and applications*, 619-647.

Worrell, J., & Remer, L. (2003). *Feminist perspectives in therapy: empowering, diverse women.* Hoboken: Wiley.

Yamada, M., Hagira, A., & Nobutomo, K. (2008). Coping Strategies, care manager support ad menta health outcome among Japanese family caregivers. *Health and Social Care in the Community, 16*(4), 400-409.

Zabkiewicz, D. (2010). The mental health benefits of work: do they apply to poor single mothers? *Soc Psychiatry Psychiatr Epidomiol, 45*, 77-87.

Zablotsky, B., Bradshaw, C., & Stuart, E. (2013). The Association Between Mental Health, Stress, and Coping Supports in Mothers of Children with Autism Spectrum Disorders. *Journal of Autism & Developmental Disorders, 43*(6), 1380-1393. doi: 10.1007/s10803-012-1693-7

Zaini, S. (2014). *Hubungan Spiritualiti, Religiositi, Sokongan Sosial ke atas Kesihatan Mental dalam kalangan Ibu Tunggal di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.* (Doktor Falsafah), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

# LAMPIRAN A

## Protokol Interview

Date :

Time :

Place :

Session :

| Petunjuk | Nota | Refleksi Penyelidik |
|---|---|---|
| **Bahagian 1**<br>**(Pembinaan hubungan )**<br><br>i. Latarbelakang<br>- peribadi<br>- keluarga<br>- pendidikan<br>- pekerjaan<br><br>ii. Hak peserta kajian<br>- borang persetujuan termaklum<br><br>iii. Penjelasan tetang kajian<br>- RO<br>- RN | | |
| **Bahagian 2**<br>**( focus untuk memahami persepsi tentang ibu tunggal)**<br><br>i. Apakah yang anda faham tentang ibu tunggal?<br>- Persepsi<br>- peranan<br><br>ii. Apakah pengalaman sebelum bergelar ibu tunggal?<br>- kisah bersama suami | | |

| | | |
|---|---|---|
| iii. apakah yang berlaku setelah menjadi ibu tunggal?<br>- pada diri sendiri<br>- pada anak-anak<br><br>iv. sistem sokongan yang diperoleh | | |
| **Part 3**<br>**(focus untuk melihat bagaimana resilien berkembang)**<br><br>i. isu yang dihadapi<br><br>ii. cabaran yang perlu ditempuhi<br><br>iii. bagaimanana mengendalikan isu dan cabaran yang dihadapi<br><br>iv. bagaimana isu mempengaruhi kehidupan | | |
| **Part 4**<br>**(penamatan)**<br><br>i. penilaian kendiri<br>ii. penambahan maklumat<br>iii. penghargaan | | |

**LAMPIRAN B**

Contoh Borang Rumusan Dokumen



**DOCUMENT SUMMARY SHEET (PK1/1)**

| | |
|---|---|
| Seting penyelidikan | Rumah R1 |
| Tajuk dokumen | Sms dari menantu |
| Tarikh diperoleh | 10 Julai 2013 |
| Jenis dokumen | SMS |
| 1. Jelaskan bagaimana dokumen diperoleh | Penyelidik bertanyakan samada responden ada mempunyai sebarang dokumen yang boleh dikongsikan bersama. Responden tidak mempunyai sebarang dokumen kerana baru berpindah rumah dan perlukan masa yang lama untuk mencari dokumen yang berkaitan. Walaubagaimanapun responden sedia berkongsi SMS dari menantunya. |
| 2. Perincian bagaimana proses mendapatkan dokumen | Sepanjang sesi temubual, responden banyak menceritakan rasa terkilan terhadap menantunya. Responden menunjukkan SMS dimana menantu nya memohon ampun kepadanya. Semasa responden menunjukkan SMS, penyelidik memohon kebenaran untuk menjadikan SMS tersebut sebagai bahan sokongan kajian. |
| 3. Rumuskan isi kandungan dokumen bergantung kepada kehendak persoalan kajian | SMS ini merupakan SMS dari menantu kedua responden yang memohon maaf atas segala silapnya terhadap responden sebelum ini. Menurut responden menantu dan anaknya memang sedang berdepan dengan masalah dan berkemungkinan masalah itu yang menyebabkan menantunya memohon ampun darinya. |
| 4. Signifikan dokumen untuk kajian | Dokumen ini signifikan dalam kajian sebagai bahan sokongan yang mampu menjelaskan konflik antara responden dengan anaknya – iaitu salah satu cabaran dalam kehidupannya sebagai ibu tunggal. |


3:30 pm
[redacted]
sihat & diberkati Allah sentiasa.
Wasalam.
Yesterday 5:36 pm, [redacted]
Wslm umi. Im happy that I could help a little bit. Itu aje yg remi mampu nk tlg umi. Anyway remi dh niat nak bg umi kalau remi dpt kerja buat haji hari tu & remi dh niat depan kaabah. Remi pun dh sedekah al quran kat masjid nabawi utk umi & adik. I hope that u' ll forgive me & family for all the wrongs that we did. It was never intended. I hope that umi will call me if u need any help like always...umi tak pernah menyusahkan remi sbb takde umi taklah remi kat dunia ni...
Yesterday 5:41 pm, [redacted]
Salam umi, mohon ampun &maaf zahir
Write message
Send

**DOCUMENT SUMMARY SHEET (PK1/2)**

| | |
|---|---|
| Seting penyelidikan | Rumah R1 |
| Tajuk dokumen | SMS dari anak kandung |
| Tarikh diperoleh | 10 Julai 2013 |
| Jenis dokumen | SMS |
| 1. Jelaskan bagaimana dokumen diperoleh | Rentetan dari SMS menantunya, responden turut berkongsi SMS dari anak ketiganya |
| 2. Perincian bagaimana proses mendapatkan dokumen | Semasa bercerita tentang pengalamannya, responden ada menyatakan bahawa anaknya yang ketiga sahaja yang memohon ampuan dari nya walaupun hanya menggunakan SMS. Responden kemudian menunjukkan SMS kepada penyelidik dan bersedia untuk berkongs SMS tersebut sebagai bahan sokongan. |
| 3. Rumuskan isi kandungan dokumen bergantung kepada kehendak persoalan kajian | SMS ini adalah SMS yang ditunggu-tunggu oleh responden. Responden tidak henti mengucapkan rasa syukur kerana Allah telah mengabulkan doanya supaya anaknya memohon keampunan dari ibu mereka. Anak yang menghantar SMS ini merupakan anak ketiga responden. Hanya anak ini yang sering bertanyakan khabar ibunya. |
| 4. Signifikan dokumen untuk kajian | Dokumen ini signifikan dalam kajian sebagai bahan sokongan yang mampu menjelaskan konflik antara responden dengan anaknya – iaitu salah satu cabaran dalam kehidupannya sebagai ibu tunggal. |


3:30 pm
Wasalam.
Yesterday 5:36 pm,
Wslm umi. Im happy that I could help a little bit. Itu aje yg remi mampu nk tlg umi. Anyway remi dh niat nak bg umi kalau remi dpt kerja buat haji hari tu & remi dh niat depan kaabah. Remi pun dh sedekah al quran kat masjid nabawi utk umi & adik. I hope that u' ll forgive me & family for all the wrongs that we did. It was never intended. I hope that umi will call me if u need any help like always...umi tak pernah menyusahkan remi sbb takde umi taklah remi kat dunia ni...
Yesterday 5:41 pm
Salam umi, mohon ampun &maaf zahir batin dari Fauzy sekeluarga.
Write message
Send

**DOCUMENT SUMMARY SHEET (PK1/3)**

| | |
|---|---|
| Seting penyelidikan | Rumah R1 |
| Tajuk dokumen | SMS dari anak kandung |
| Tarikh diperoleh | 10 Julai 2013 |
| Jenis dokumen | SMS |
| 1. Jelaskan bagaimana dokumen diperoleh | Rentetan dari SMS anak ketiganya, responden turut berkongsi satu lagi SMS dari anak keduanya. |
| 2. Perincian bagaimana proses mendapatkan dokumen | Semasa bercerita tentang hari raya responden, responden terus bercerita anaknya ada menghantar ucapan selamat hari raya dan memohon maaf darinya. Responden sekali lagi berkongsi SMS anaknya dengan penyelidik. |
| 3. Rumuskan isi kandungan dokumen bergantung kepada kehendak persoalan kajian | Hari raya aidilfitri yang lepas adalah hari yang responden menjangkakan anak-anaknya akan datang mencari dan memohon maaf darinya. Malangnya tidakj seperti yang disangkakan. Anaknya hanya menghantar SMS kepadanya. SMS ini sangat bermakna buat diri responden. Pada responden sekurang-kurangnya anaknya ada memberikan SMS padanya. |
| 4. Signifikan dokumen untuk kajian | Dokumen ini signifikan dalam kajian sebagai bahan sokongan yang mampu menjelaskan konflik antara responden dengan anaknya – iaitu salah satu cabaran dalam kehidupannya sebagai ibu tunggal. |

# LAMPIRAN C

## Borang data peribadi

Tarikh : ______________________________

Identiti : ______________________________

Pseudonim : ______________________________

Umur : ______________________________

Tahap pendidikan : ______________________________

Status pekerjaan : i) Bekerja sepenuh masa ii) Pekerja separuh masa iii) Tidak bekerja

Pendapatan bulanan : ______________________________

Jumlah tanggungan : ______________________________

Tempoh kehilangan pasangan : ______________________________

Selepas kematian suami, saya telah pun melakukan perkara berikut;

i. Perkhidmatan kaunseling ______________________

ii. Kumpulan sokongan ______________________

iii. Lain-lain ______________________

iv. Tiada ______________________

Bilangan anak : _______________________________

Bilangan anak yang Tinggal bersama : _______________________________

Usia anak paling tua : _______________________________

Usia anak paling muda : _______________________________

Bil anak lelaki : ______________ Bil anak perempuan : _____________

Saya mendapat bantuan dan sokongan untuk anak-anak dari pihak tertentu

i) Ya ii) Tidak

Saya bersedia untuk melalui perkahwinan kedua jika diberi peluang

i) Ya ii) Tidak

## LAMPIRAN D

### Borang Persetujuan Termaklum

Kajian ini bertujuan untuk memahami dengan lebih mendalam pengalaman wanita yang bergelar ibu tunggal. Penyelidik berminat untuk mempelajari bagaimana ibu tunggal berhadapan dan menangani setiap isu dan cabaran dalam meneruskan kehidupan. Kajian ini dijalankan sebagai memenuhi keperluan program pengijazahan Doktor Falsafah dalam pengkhususan bidang kaunseling di Universiti Malaya.

Untuk tujuan kajian di atas, anda akan diperhatikan, ditemubual dan juga berkongsi apa-apa dokumen yang menyokong kajian. Maklumat yang akan dikongsikan adalah sulit. Maklumat hanya akan didedahkan untuk tujuan penulisan laporan kursus ini. Nama sebenar anda adalah dirahsiakan. Temubual yang dijalankan akan dirakam dan ditranskripkan untuk tujuan analisis. Sebagai jaminan kerahsiaan, setiap maklumat yang diperoleh akan disimpan di tempat yang selamat. Isu sensitif dari pengalaman anda mungkin akan timbul sepanjang proses kajian ini. Berkemungkinan anda akan berasa tidak selesa dan berisiko. Jika ketakselesaan ini berlaku anda dibenarkan untuk menarik diri dari menjadi responden tanpa sebarang konsekuensi negatif.

Sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan yang berkaitan dengan kajian ini, anda boleh menghubungi Cik Dharatun Nissa Bt Fuad Mohd Karim di talian 017-9026392 atau melalui emel nisafuad@siswa.um.edu.my . Kajian ini akan diselia oleh Dr Melati Sumari selaku penyelia tesis saya. Sila turunkan tandatangan anda di bawah jika anda berminat dan bersetuju untuk menjadi responden kajian ini. Jika anda bersetuju, saya akan menemubual anda sebanyak tiga kali.

Tandatangan peserta kajian : ______________________________

Tandatangan penyelidik : ______________________________

Tarikh : __________________

Adakah anda berminat untuk mendapatkan sesalinan laporan kajian?

Ya ( ) Tidak ( )

## LAMPIRAN E

## Borang Laporan Sesi Kes

| | |
|---|---|
| 1. Fokus / Tajuk Laporan Kes | |
| 2. Data yang didapati daripada ketiga-tiga protokol yang digabungkan bagi menghasilkan sebuah cerita tentang fenomena/tajuk kajian | |
| 3. Kesimpulan<br>• Rumusan<br>• Cadangan/isu | |

## LAMPIRAN F

## Contoh Transkrip Temubual

P : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikumwarahmatullahiwabarakatuh. Kak Shamsiah kan? Kak Sham..ok, sebelum saya mulakan interview dengan akak, eloklah saya perkenalkan diri dulu lah. Saya Nisa, Dharatunnisa'…panggil saya Nisa je. Saya sekarang tengah sambung belajar kat UM. Saya buat penyelidikan berkenaan dengan ibu tunggal. Saya nak lebih mengenali bagaimana akak meneruskan kehidupan sebagai ibu tunggal selepas kematian suami. Lepas tu, untuk tujuan tu, saya akan interview akak. Mungkin juga kalau akak ada kenangan bersama arwah suami macam akak ada diari ke, benda-benda macam tu, kalau akak ada lah. Kalau akak nak share dengan saya, saya lebih berbesar hatilah untuk dapatkan benda-benda tu lah. Ok, saya pun..macam tadi akak dah baca yang akak tandatangan tu, kita akan interview ni akan banyak kali, tengoklah banyak mana saya dapat data daripada akak kan..tapi, katalah sepanjang interview tu akak rasa akak dah tak nak teruskan, so akak just maklumkan dekat saya lah. Tak ada masalah kalau akak nak tarik diri ke apa ke..Kak Sham ada apa-apa nak tanya sebelum saya mulakan?

R 1 : Tak ada lah kot..

P : Kalau begitu, saya teruskanlah dengan soalan saya pada akak ya..boleh tak akak ceritakan latar belakang diri akak?

R 1 : Oooo..nama saya Shamsiah Omar, berusia 41 tahun..tinggal di..nak alamat penuh ke?

P : Haaa..boleh..

R 1 : Tinggal di Blok 3, 403 Jalan 99, Apartment Mas Merah, Bandar Baru Selayang..saya pada mulanya dulu jadi ibu tunggal pada tanggal 15 Mei tu..2010, arwah suami telah kembali ke rahmatullah disebabkan kemalangan lah.

P : Ooo..baru genap 3 tahun lah ni?

R 1 : Haa..kemalangan di Highway Ulu Kelang, dia nak menuju ke Serendah, masa tu nak pergi bertugas dalam khidmat part time Askar Wataniah. Kalau nak ikutkan kerja dia yang sebenarnya, dekat Majlis Perbandaran Selayang. Masa tu saya..dia kena waktu tu, petang. Selepas saya balik daripada berniaga, dapat berita ni tapi tak mengejutkan disebabkan jiran buat cara..macam ramah..dia tanya, suami mana? Suami pergi kursus. Pergi kursus? Ye ke? Sebab saya telefon dia minta tolong kat rumah sebab arwah memang pandai baiki letrik, minta buat wiring sikit..dia kata..sebab rumah dia blackout. So, saya kata..ye ke? Dia kata..ya, hubungi tak dapat, cuba kamu pergi. Dalam masa tu, saya bergegas ke public phone sebab memandangkan tak ada handphone masa tu, saya pergi. Dalam keadaan dapat berita dalam keadaan macam tu, saya dah rasa berdebar, rasa nak buang air kecil pun ada, buang air besar pun ada. Anak-anak pun semua ikut pergi, saya pergi public phone, malangnya bila tiba di sana, public phone rosak. So, saya berpatah balik, tak tahu dengan siapa nak mengadu, pinjamkan telefon. Lepas tu, jiran yang sama tadi cakap tak apa, kalau macam tu, telefon pakai rumah saya. Saya pun pergi dalam keadaan terpinga-pinga, saya menelefon pun tak dapat. Tapi, masa saya menelefon, kat rumah anak-anak dah menangis-nangis. Saya boleh bertanya lagi, kenapa? Kenapa menangis? Lepas tu, jiran kata tak ada apa, tak ada apa. Lepas tu, dah menjelang senja tu, dapat tahu daripada jiran cakap. Mula-mula saya dengar desas desus dari jiran kata, belum dapat kata putus dia dah meninggal masa tu tapi diaorang tak nak beritahu mengejut kan? Buat drama berapa jam lamanya..lepas tu..

P : Memang semuanya berpakat ke apa?

R 1 : Dua orang..jiran tu dua orang je. Suami..kawan-kawan kan? Datang rumah masa tu, bukak pintu. Dia tanya..Sham, Talib mana? Talib pergi kerja. Kalau pergi kerja, dia nak minta tolong ni haa..tak ada api..Ye ke? Bergegas pergi..baru lepas mandi, pergi telefon. Lepas tu pergi rumah dia, pakai phone pun tak dapat-dapat. Lepas tu, tengok anak dah menangis-nangis, ayah ..ayah..kenapa ni? kenapa? Kenapa kau menangis, boleh tanya ni..Mak, betul ke ayah dah meninggal? Siapa cakap, saya kata kan? Lepas tu datanglah pegawai dari Kem Kentonmen, dia beritahu banyak-banyak bersabar, arwah dah tak ada. Masa tu lah saya dalam keadaan, sebut je macam tu terus pengsan kan, terus rebah kat situ. Jadi, lemah..kata kat jiran-jiran, pegawai kata mari ikut saya ke hospital. Pergi ke

hospital HKL, buat pengecaman mayat. Jadi, sampai sana..pukul 3 pagi, baru menuntut jenazah, dia orang bawa ke Batu Kentonmen, dia uruskan jenazah, uruskan semua kat sana, Batu Kentomen, esok tu baru bertolak ke Melaka.

P : Melaka? Arwah orang Melaka?

R 1 : A ah..orang Tanjung Bidara. Kebumi kat sana sebab adik beradik dia nak kan, bagi sajalah. Arwah anak hari tu kat sini.

P : Arwah anak sekali ke masa tu?

R 1 : Tak, anak baru meninggal hari tu..bulan 1, baru 4 bulan.

P : Accident juga?

R 1 : Accident juga. Balik bertugas, askar wataniah juga. Sebab dia gantikan arwah ayah dia, dia part time juga, suruh dia pergi kan? Dia part time dua hari, Selasa dengan Jumaat. Yang arwah anak pula, masa tu dia pergi, masuk Silat. Dia pergi tu, lepas tu dia balik. Dia cakap, mak, nak pergi silat. Nak pergi ambil dia punya, handset dia tinggal kat rumah kawan. Selalu tinggal, kawannya duduk dekat Bukit Beruntung. Selalu tidur rumah kawan dia tu, tapi malam tu nak balik juga seboleh-bolehnya. Lori buat u turn kat bulatan Templer, Rawang tu. Polis kata memang salah lori tapi lori lari, gelap kan? Gelap kan?

P : Ni semua dokumen anak?

R 1 : Ni arwah..

P : Arwah suami?

R 1 : Anak..ni ayah dia.

P : Ada juga akak simpan ayah dia punya ni..

R 1 : Semua ada.

P : Haa..kalau akak boleh bagi saya pinjam untuk saya photostat?

R1 : Boleh, boleh. Ni arwah hari tu, ni ayah dia. Ambil file gambar-gambar ayah tu. Dalam almari, gambar ayah dia. Situ ada 40 keping.

P : Gambar dia accident?

R 1 : Akak laminatekan buat besar..lepas tu laminate macam ni. Tapi, tahu lah computer kan?

P : Ooo..kena langgar lori lah? Ni husband akak? Dua orang..

R 1 : Kawan dia ni driver. Masa dia keluar land rover tu, kawan dia bersuara lagi. Mengerang kesakitan tapi bila dah 3 jam kemudian, dah tutup jenazah arwah, sekali dapat tahu dia dah meninggal. Ni land rover, ni otak arwah..

P : Hancur ke?

R 1 : Ya. Arwah memang tak ada muka..

P : Sebab tu akak kena pergi buat pengecaman.

R 1 : Ha…tapi arwah anak, semua normal kat luar. Dalaman je pecah. Dia terhempap, apa tu..yang tyre spare tu. Yang land rover lama tu, yang belakang..tercabut..tayar meletup..lepas tu, bergoyang-goyang, arwah tak dapat nak berpaut. Dia yang jatuh dulu. Nasi yang dia bawa..dia bahagian tukang masak. Dia nak jamu kawan dia makan char kuey tiaw semua, nasi yang dia masak..perjalanan yang nak pergi tu lah. Masa tu arwah kat bawah ni lagi, tak angkat lagi. Ni tangan dia, ni kepala dia dah ditutup sebab baju dia dah dibawa naik ke atas kan?

P : Kepala dia ditutup?

R1 : Haaa, kepala dia pecah..otak bersepah.

P : Macam mana akak boleh cam suami akak masa buat pengecaman?

R 1 : Dia ada tanda lahir kat peha. Lepas tu pula, dia punya gigi dia kan..boleh lah. Lagipun sebelum sampai hospital tu, kakak dia dah tunggu dah. Kakak dia kata..kau tak payah, aku dah sign semua dah siap. Aku nak ambil dia, nak bawa balik, nak kebumi sebelah mak dia. tak kuasa nak bising-bising, bagi sajalah. Ini ambil dalam computer ni..yang..

P : Askar tangkap gambar?

R 1 : Askar tangkap, lepas tu print..pastu laminatekan sebab dia tempat kita bergantung. Yelah kan, sekarang ni dah dua-dua tempat bergantung tak ada kan, nampak beza antara suami dengan anak, kan? Anak lah yang membuatkan kita berfikir selalu tentang kehilangan..anak lah sebab kita mengandungkan dia, kita lahirkan dia, kita didik dia kan? Dia meninggal sama dengan ayah dia, dengan baju tu juga, dia pergi kan? Masa ayah dia meninggal, pihak ada bagi baju tu semua, kebumi macam tu pula arwah anak masa tu. Asing lah. Kebumi kat sini, tanam baju kat kampung. Ayah dia haritu, adik beradik dia

minta, bawa sini, bawa sini..malas nak berebut. Kita pula nak berfikir mana nak berpaut, kan? Pasal baju je..itulah seorang kat kampung, seorang kat sini.

P : Sini tu dekat kubur Selayang?

R 1 : Haa..perkuburan Selayang. Dia ada kawasan Selayang, ada Sungai Tua, ada tu kan..yang baru..

P : Ni akak simpan..saya nak juga tapi saya takut..sebab akak simpan sebagai kenangan, kan? Jadi, akak letak dalam sampul surat, bagi saya pinjam dulu, saya Photostat..kemudian, apa-apalah berita yang berkaitan dengan arwah sebab masuk dalam surat khaba kan?

R 1 : Boleh

P : Mungkin dia punya ni ke..sijil kematian..

R 1 : Ada. Dia punya ni pun ada, tak payah Photostat. Ada, banyak.

P : Oh, ye? Oh, akak ada simpan.

R 1 : Ada..ada..

P : Tak apalah. Nanti saya minta dari akak sajalah.

R 1 : Ok..yang tu pun ada tapi belum Photostat lagi.

P : Jadi, kehilangan anak tu lebih terasa lah berbanding kehilangan suami?

R 1 : Ya, kalau dengan budak-budak ni, masing-masing remaja lagi..kalau dia orang buat perangai, sabar saja sebab tak nak dia orang tinggalkan kita kan? Mana tahu diaorang..tapi, anak akak nombor 3 tu, sejak abang dia meninggal, dia tak nak pergi sekolah. Baru tingkatan 2, badan besar.

P : Dia tak nak pergi sekolah sebab apa ya?

R 1 : Tak tahu lah. Dia kata dia kesian dengan akak tak ada siapa nak tolong akak berniaga.

P : Maksudnya, dia tolong akak berniaga?

R 1 : Ya, tapi masa depan dia macam mana? Risau juga, kadang-kadang akak memikirkan..tak tahu lah macam mana yang kecil-kecil ni nak belajar ke tak? Cakap kat dia, pergilah sekolah. Dia cakap, mak..sejak abang dia meninggal, akak dah dua kali dapat surat dari pihak sekolah nak buang dia tapi akak cakap kat cikgu, akak merayu, tolong bagi saya masa, mungkin anak saya stress. Mungkin dia tekanan sebab jiwa dia tak boleh terima abang dia tak ada. Tak ada abang, tak ada ayah, dia tahu tak ada siapa nak tanggung dia.

P : Jadi, anak lelaki akak tinggal dua orang?

R 1 : Yang ini dengan yang sulung itulah.

P : Ooo..yang arwah sekali. Tiga lelaki?

R 1 : Sebenarnya, tiga lelaki dan empat perempuan. Tulah, cakap dengan cikgu-cikgu..bagi surat amaran pertama, bagi surat amaran kedua..pergi sekolah, baru nak bincang..cikgu pula tindas akak, dia kata ..baru cakap..maklumlah cikgu, Izzati ni, dia tak pergi sekolah..mungkin dia terkejut arwah meninggal, dia tak boleh terima sebab mengenangkan saya yang tak ada orang nak bantu-bantu berniaga? Lepas tu..abang dia sebab apa? Abang dia merempit ke? Aduhai, masa tu kan, hati ini hanya Allah yang tahu cikgu cakap macam tu. Nak jawab malas nak gaduh-gaduh. Nak kata saja..cikgu fikirlah, cikgu tak duduk dengan saya, cikgu tak rasa naluri hati saya. Kawan saya semua tanya saya, anak meninggal sebab apa? Oh, accident..dekat mana? Dia tak ada macam cikgu ni. Tiba-tiba cikgu tembak saya..terus cakap anak saya merempit..Hissshh, rasa nak saja mengadu cikgu tak boleh cakap macam tu. Kita pun rasa..kita tak minta semua tu kan, janganlah sedap-sedap..ooh, sebab mati merempit, sebab mati merempi, kan? Takkan mati cara tu saja? Haritu, akak pergi kan..akak pujuk anak akak, kau pergilah sekolah dik..yelah, yelah. Tapi, dia tak pergi.

P : Dia dah tak pergi sekolah dah?

R 1 : Dah tak nak dah. Abang meninggal bulan 1, 19 haribulan 1, baru sekolah berapa minggu? 2 minggu kan? Dah puas pujuk. Dia kata, kalau pergi taknak belajar pun, buat malu mak saja. Betul juga. Habis tu, masa depan kau? Ni mak ada lagi, tak apalah. Mak dah tak ada besok, macam mana kan? Senyap saja dia. Haritu, ada lah orang suruh dia dapatkan khidmat kaunseling kan? Suruh hantar..bukan nak aibkan adik beradik ayah dia, tidak. Tapi, memang kenyataan. Adik beradik ayah dia tak pernah ambil tahu.

P : Hal anak beranak akak?

R 1 : Ya, bukan nak aib ya. Sejak meninggal ayah dia orang..sekolah, sakit pening, makan minum. Tak pernah. Kau ada ke belanja? Tak pernah. Yang peninggalan harta arwah..yang motor buruk tu, van buruk tu pun dia tanya..aku nak ambil van tu boleh? Nak ambil..tak fikir waris dia ramai. Tak kisah lah kan? Akak haritu dah belajar memandu. Lepas tu,kerja Damansara, accident. Lepas tu, takut nak bawa balik. Nak cuba, nak cuba..tak cuba-cuba. Sebab fikir macam ni, kalau berlaku apa-apa pada..memang kita tak minta, semua di tangan Allah yang Maha Kuasa..anak-anak ni siapa nak tanggung? Siapa nak tengok, kecil-kecil lagi. Fikir macam tu..

P : Adik beradik akak ada menghulurkan bantuan?

R 1 : 5 orang, tak ada. Sorang pun tak ada. Ada pun yang tanya khabar, kakak yang sulung..baru meninggal. Akak dapat beras pun, zakat bagi makanan kering. Hari tu arwah dua tak ada, dia bagi 15 kg beras, 5 kilo minyak, 5 kilo tepung gandum, 5 kilo gula. Tiap-tiap bulan..ada bagi duit sikitlah.

P : Dia bagi keperluan asas nak masak lah? Tepung, gula, beras, minyak? Benda-benda kering?

R 1 : Tapi, bulan 6 ni..dia kata nak bagi susu dengan milo. Tambah sikitlah. Tak tahu lah kan? Itu pemberian zakat. Lepas tu pencen arwah, adalah..akak bayar rumah ni..duduk kuartes dulu kan? Arwah suami dah tak ada..akak kena keluar. Haritu akak jumpa ahli majlis, akak merayu akak nak duduk sini sampai diaorang soal.. Arwah ada rumah? Ada, tapi jauh..duduk pedalaman. Akak fikir duduk sini senang, orang pun dah kenal. Nak balik kampung, tak nak. Mana nak duduk. Tak sesuai nak duduk kampung arwah suami. Nak duduk kampung sendiri sesuai. Tapi, mana nak dapatkan rumah?

P : Akak orang mana?

R 1 : Melaka.

P : Ooo..Melaka juga?

R 1 : Haa..satu negeri, lain kampung. Satu jam perjalanan nak pergi kampung ayah dia ni. Jauh. Duduk sini, sekolah dekat, semua dekat kan? Jadi,ada orang bantu lah beli barang. Ada akak tu sorang kan, suami dia kawan arwah. Memang kawan baik.

P : Memang dia tak lokek lah menghulurkan bantuan?

R 1 : Bukan bantuan duit, macam akak minta tolong hantar pergi sekolah..

P : Bantuan tenaga lah..

R 1 : Hantar sekolah naik kereta dia. Kalau akak tak ada duit, nak bayar duit anak sekolah, dia tak kisah. Tapi, kita kena faham dia pun ada ramai anak. Suami dia pula ada penyakit sawan lah kan? Anak dia pun yang kecil sekali dah darjah 5, eh darjah 4. Dia lah yang bantu akak, arwah suami 3 tahun dah tak ada. 3 tahun lah dia bantu. Punya sabar lah dia dengan kerenah dua orang ni masa bawa pergi sekolah sejak ayah dia meninggal kan? Dia lah yang selalu tolong bawa pergi ke sana ke mari. Dia lah yang bersabar selama 3 tahun. Alhamdulillah lah. Tak pernah lagi dengar dia merungut daripada belakang, tak pernah. Dia kata dia ikhlas tolong. Duit pun dia tak ada lah mewah mana.

P : Tapi, sekurang-kurangnya dia memberi akak sokongan moral lah?

R 1 : Macam hari tu dia suruh belajar balik..belajarlah balik, kau kan pandai bawa kereta, meh aku ajar kau, bawalah perlahan-lahan, dia kata. Kesian kau, nak bergerak sana sini, kena naik bas. Nanti, budak-budak..kau boleh bawa dia orang. Nantilah dulu.

P : Ok, akak banyak cerita dengan saya pasal kematian arwah, kematian anak akak, perbezaan kesan kematian husband, kematian suami dengan kematian anak. Maknanya kematian anak tu lebih memberi kesan kepada akak.

R 1 : Entah, kadang-kadang kan..banyak terkenangkan kat anak tu. Anak tu pula, dia kerja main-main sebab dia fikir kita ada kan? Dia tak ada kerja tetap. Dia kerja main-main, Cuma dia pergi itulah..askar wataniah..hari Selasa dengan hari Jumaat. Itu pun akak paksa, pergilah abang..pergilah abang. Dia kerja, kerja. Kerja sekejap, berhenti. Kerja sekejap, berhenti. Tak sesuai la mak, berhenti. Arwah tu dulu, akak minta MPS..sekarang tak dapat. Dulu ayah dia boleh bayar rumah ni..anak kan ada. Ayah dia bayar 180. Jimatlah sikit pencen ayah dia kan? Tiga ahli majlis akak dah jumpa, semua tak nak tolong. Ahli majlis pertama Tuan Zaidi tu, sekarang dia jadi YB Pakatan Rakyat kan..Selangor pegang sekarang kan? Kat kawasan Wangsa Baru, dia yang menang kan?

P : Dia tak tolong pun?

R 1 : Sebelum dia jadi YB, akak ambil telefon dia. Akak tak pernah kenal orang PAS, orang –orang dia, pegawai dia, setiausaha dia..akak tak jumpa. Akak ambil nombor telefon dalam internet. Akak telefon dia sendiri demi anak. Masa tu ayah dia baru meninggal 2 bulan. Helo, ni Tuan Zaidi ke? Ya. Tuan, nak minta tolonglah..minggu depan anak saya ni nak interview kat MPS. Nama siapa semua? Bagilah. Tolonglah tuan..ayah dia nama sekian, sekian, sekian. Haram. Lepas tu, akak cuba lagi ahli majlis lain, tak nak putus asa. Ahli Majlis tu duduk dekat (). Orang kata, cubalah kau call. Orang bagi cadangan, kita ikut kan? Borang saya dah hantar, saya kata. Pergi malam tu, cuma gambar anak je tak lengkap. Hantar gambar anak, ketuk rumah malam-malam, hantar gambar. Tolonglah..ya encik, saya bukan apa encik..biarlah dia kerja MPS, saya tak kisah encik letak dia kerja dari bawah pun..bersih longkang ke, cat bumper ke, sapu jalan ke, saya tak kisah. Dulu arwah ayah dia pun, daripada situ lah. Lama-lama arwah ayah dia ni ada peningkatan, terus jadi driver. Saya nak biar dia belajar dari susah sampai jadi senang. Yelah, saya cuba. Tunggu lagi, keluar lagi jawatan demi jawatan demi jawatan. Cuba lagi. Cuba kalau kau duduk tempat akak, apa rasa kau? Kita sanggup pergi rumah orang, bayangkan. Minta tolong sangat-sangat. Bukan..tak..orang kata macam minta sedekah, bukannya apa. Mengenangkan anak yang kecil, nak kurangkan duit sewa. Sampai sekarang rumah ni tak..kau pergi dapur, kau tengok..itu tersumbat, tengah tu tersumbat. Bilik air pakai langsir sekarang, pintu dah roboh. Buat laporan, datang tengok. Bukan MPS datang tengok, orang kontrak datang tengok. Lepas tu, dia kata..nak buka ni, salur-salur ni..kena jumpa orang bawah. Saya tak jumpa orang bawah tu sampai la ni. Senyap jela sampai sekarang, tak datang balik pantau semua. Bayangkan macam mana. Haritu akak ada pergi khidmat pengurusan MPS, minta kurangkan sewa..merayu. Orang macam YDP, bukan YDP..dia punya macam setiausaha..macam CC lah kan? Dia kata apa..dia kata dah lah kak, akak dah dapat duduk kuartes dah bersyukur dah. Kita orang bagi ehsan duduk situ, nak buat macam mana lagi? Orang lagi susah daripada akak. Akak cakap kat dia, memang..akak tahu ada orang lagi susah daripada akak. Akak baru 2 bulan kehilangan arwah, akak tak boleh nak tenangkan jiwa ni. Bagi itu sikitkan? Lepas tu, dia kata..dah nasib baik dah MPS tolong ni. Bukan siapa, orang bawah juga, akak ingat lagi nama dia..akak pegang. Ya Allah, akak selalu berdoa..Ya Allah, kau tunjukkanlah pada orang ni..kalau aku yang benar, dia mengata-ngata aku, kau tunjukkan lah pada dia, pada anak cucu dia esok-esok, kau tunjukkanlah tempat macam mana hamba ni rasa. Akak cakaplah, tunjukkanlah dekat dia pula. Nak tengok anak cucu dia merempat tak, minta sana sini tak..

P : Ni semua masa awal-awal mati?

R 1 : Ya. Masa tu kan, memang sedih. Nak minta mana-mana. Masa tu, anak yang sulung tak kerja lagi kan? Kau kerja lah bang, jangan tak kerja. Cari-cari, tak kena dengan jiwa dia. Sambil-sambil tu cuba dekat MPS, MPS pula tak terima. Baru-baru ni kan, arwah dah meninggal. Ada hamba Allah datang bagi..akak sambil jual-jual jajan, jual air..jual cendol, air cincau kan? Dia datang..dia kata..sekarang senanglah nak minta-minta, memohon dengan Tuan Zaidi tu. Akak kata lah, jangan kata baru lepas jadi YB, menang lagi kalau PRU13 ni. Tak payahlah abang, saya dah malas..kalau boleh saya tak nak pandang dah muka Tuan Zaidi tu. Kenapa kak? Akak dah lima kali minta MPS tu untuk arwah anak akak tu, dah arwah dah pun. Dah terkubur dah anak akak tu. Langsung, tiga ahli majlis tak nak sign. Oh..dia kata..mungkin result anak akak tak bagus. Akak cakap, jangan hina anak saya result tak bagus tau, tak apa, saya terima kalau tuan kata result anak saya tak bagus. Memang tak bagus, tak apa..saya terima. Tapi, saya tak nak lah kalau anak saya result tak bagus, janganlah letakkan dia jadi pegawai. Letakkan dia kat bahagian korek longkang. Bagi dia sapu sampah ke, cat bumper ke? Angkat khemah ke? Banyak lagi bahagian-bahagian yang lain kan? Bagi..sebab saya nak minta murah duduk sini,bang. Menumpang. Jadi, anak saya dapat kerja macam ayah dia pun jadilah. Ini kan bang, perit bagi saya nak bayar. Pencen ayah dia 450,saya bayar 350, 100 bang. Tapi, belanja makan minum anak saya, belanja sekolah lagi, naik bas begitu begini. Tapi, rasa terhina bila orang cakap ooo, result tak bagus. Pergi kat cikgu, cikgu cakap ooo, anak awak merempit. Ya Allah, tuhan tahulah perasaan. Tak tahulah mana nak mengadu.

P : Jadi, itu kiranya pandangan masyarakat pada akak?

R 1 : Yelah.

P : Macam mana dia orang tengok akak bila akak dah jadi ibu tunggal ni?

R 1 : Hmm..macam tu lah. Ada tak ada, pergilah. Pergilah minta bantuan sana, pergi situ, pergi sini. Yelah, akak bukan nak apa lah kan..memang kalau nak kata kan perbelanjaan anak ramai. Semua masih nak meningkat dewasa. Nak cari duitnya. Akak tak bekerja. Nak cakap bohong buat apa, memang dapat JKM. JKM untuk dua orang. JKM pula bila mohon, bagi pilihan dua. Nak bantuan ibu tunggal ke nak bantuan anak? Bantuan ibu tunggal 280 ringgit, tapi buat apa akak nak ambil. Sebab anak-anak kan? Kalau akak tak ada, belum tentu dia orang dapat kan?

P : Kalau anak-anak, dia bagi berapa?

R 1 : 350 ke 450.

P : 350 untuk seorang anak ke satu keluarga?

R 1 : Tak, enam beradik saja. Arwah yang sulung tu ada, tujuh beradik tu, dia lumpsump macam tu saja. Untuk satu keluarga macam tu, dia lumpsump. Mana cukup, kalau dah bayar rumah 350..pencen ayah dia tinggal 100. Api air kadang 150, 160, 170.

P : Api air? Mahal juga ya?

R 1 : Haa..tapi, mana tak mahalnya..dua orang ni, kalau dicakap, api tak ditutup, air melimpah ruah ni..cakap ni, tak jalan. Kang yang ni kata dia, yang dia kata ni..semua kita. Kata..tolong lah mak, jangan membazir api air, kesianlah mak..nanti siapa nak bantu mak bayar. Ingat mak ada simpanan ke? Ada orang cakap..haritu suami meninggal, tak dapat insurans? Dapat..arwah masuk insurans, buat insurans nyawa untuk diri sendiri. Dia masuk insurans berkelompok dengan askar wataniah tu. Masuk satu bulan, 15 ringgit. Kau bayangkan? Baru berapa tahun, askar wataniah tu..pergi pun seminggu dua kali, kan? Orang fikir insurans..ooo, ada dalam berapa ribu? Tak banyak..cakap..bang, dapat 10 ribu, selama arwah meninggal, saya bukan bekerja. Ok, kata lah ada hutang itu ini ke? Tapi, Alhamdulillah arwah masa meninggal, semua hutang selesai. Koperasi dia, semua selesai. Alhamdulillah. Memang bersyukur..kereta habis, motor habis. Alhamdulillah, syukur. Cuma duit tu..duit kan macam air. Nak menampung kita belanja semua keluarkan kat situ. Haa..nak belanja, nak beli itu, nak beli ini. Akak fikir dulu arwah dah tak ada, okay. Akak nak buktikan masa dapat duit dia tu, akak beli penapis air..sebab apa? Akak dah tinggal seorang, dia orang ni balik sekolah kadang-kadang tak makan. Nak masak maggi, daripada bagi dia main dapur gas. Beli penapis air tu, ada air panas kan? Rendam saja macam tu. Tanya dia orang, seminggu berapa bungkus maggi dia orang makan. Kalau macam ni sampai ke Jumaat, akak tak ke pasar. Sabtu, Ahad..ke pasar. Dapatlah seminggu sekali makan ayam ke..Itu pun nasib baik ada kawan ayah dia..kira murah. Dapatlah makan ayam lebih seekor. Budak-budak ni suka makan ayam. Sehari, dua ekor boleh habis. Dia orang ikan-ikan jarang, ayam. Semua suka kan? Tu pun nasib baik kawan ayah dia kira..kalau sekilo RM18, arwah ayah dia bagi 2 ekor tu RM20 je. Tapi, tak selalu pergi, nak kena naik bas pergi pasar borong. Beli yang kat sini, seekor dah RM18. Macam tu lah belanjanya..area sini, kedai mahal sikit kan?

P : Haa..yelah..Selayang ni mahal sikit dia punya taraf hidup, tinggi, kan?

R 1 : Yelah, tahun depan ini kawan yang tolong selama 5 tahun ni dah nak bawa bas sekolah. Sebelum ni, bawa pakai kereta dia. Tak tahu macam mana nak hantar, seorang darjah 4, seorang darjah 1. Yang tu darjah 6. Ni nak bulan puasa, tengah fikir nak berniaga macam mana..arwah suami, arwah anak ada, dia boleh bawa van. Pergi berniaga dengan dia, kan?

P : Akak jual apa ya?

R 1 : Air. Kalau bulan puasa, dulu arwah ayah dia ada..jual air juga. 13 jenis air, jus buah-buahan dengan air bancuh. Masa arwah ayah dia tak ada selama 3 tahun ni, masa anak tu ada..jual 5 jenis air saja..cincau, mata kucing, air soya panas, soya sejuk. Jual tu saja, Alhamdulillah. Lepaslah baju-baju raya. Ini memikirkan selalunya bulan puasa berniaga kan? Dulu dengan arwah dia, dekat Greenwood selalu berniaga bulan puasa. Dengan arwah anak hari tu, dekat sini je. Malas nak ikut jauh-jauh. Nanti takut dia mengantuk kan? Dia orang ni pun tinggal, kesian kan? Kadang-kadang datang sana berbuka, nak makan apa kat rumah? Tak masak. Dari pagi dah sibuk, masak air gula, angkat tong air gula. Buat turun. Arwah anak tu lah yang buat. Ni dah tak ada , tak tahu lah siapa nak tolong. Fikir juga..perbelanjaan tu lah, nak raya, nak apa kan?

P : Jadi, masalah utama akak lebih kepada kewangan lah?

R 1 : Ya, masalah itu sajalah buat masa ini. Dengan budak-budak ni, tak tahu lah nak cari duit..dah putus duit dah sekarang ni. Duit ayah dia pun dah habis belanja, haritu kan? Dia dua orang ni demam serentak, kan musim panas kan? Dia tu dah tiga hari, yang dia ni satu hari dah..yang tu dah tiga hari tak baik lagi, yang ni pula kena. Satu bulan tu pergilah jumpa doctor. Nak kata akak pergi menagih simpati, tak ada cerita buat cerita, tanya pada doctor. Akak sampai merayu, doctor..boleh tak ubat anak saya ni..saya tak ada duit. Akak baru balik berniaga, dapat RM80.

P : Sehari?

R 1 : Biasalah..petang hujan kan? Biasalah adat berniaga kan? Sekarang tahu sajalah pergi klinik, sebelah klinik kedai. Mak, nak air..mak, nak roti. Nak itu. Itu yang kecil, yang besar-besar ni. Lepas tu, doctor kata..nak kongsi? Dos tak sama. Bukan saya tak nak kasi kongsi…dia ini ada selesema, ada batuk. Dia ni demam saja dengan muntah. Ubat tak sama, doctor kata. Tak apalah doctor, kalau macam gitu, doctor bagi ubat demam saja, kongsi. Yang batuk, selesema tu, jadikan satu ubat. Nakkan murah..tau tak? Macam tu akak sampai merayu. Sekarang ni memang akak potong belanja betul, tak tahu mana akak nak mengadu? Semalam ada buat makan –makan kat situ, Tuan Zaidi kata siapa yang ada tu kan..alah, nak tak nak menghadap muka dia,akak pergi juga. Kebetulan masa makan-makan tu, Tuan Zaidi duduk dekat sini, akak kat belakang dia. Akak cakap, Tuan..boleh tak saya jumpa sekejap? Nanti sekejap ya..sampai balik, langsung tak jumpa. Mungkin dia terlupa, tak tahu lah. Nak tanya dia, nak minta bantuan macam mana dari segi wang belanja bulan-bulan kan? Usaha juga nak berniaga kat bawah tu..akak nak buat goreng pisang. Lepas tu, dah ada orang buat. Ingat nak buat waffle, hari tu mohon dengan orang..orang PKR ni, orang Keadilan ni dekat Selayang Jaya..orang Cina lah kan, dengan Datuk William tu. Dia kata dia nak bagi, tak ada pun. Sampai la ni, dah lama dah mohon. Sebelum mengundi sampai la ni..orang kata sebelum mengundi, nak minta..mintalah apa-apa, dapat. Tak ada nya. Nak jana pendapatan lagi lah. Dulu, ada e-kasih hantar akak pergi kursus dekat Bandar Baru Bangi, buat spa. Akak ada bahan-bahan spa dia tapi ada orang nak buat. Akak nak buat macam mana? Kita berniaga. Hari tu ada urut-urut orang bersalin, Alhamdulillah akak boleh buat. Dah belajar asas kan? Tengah-tengah pergi, anak-anak tinggal. Ada orang panggil gerai, siapa nak jaga? Orang pula datang hari-hari nak berurut bersalin. Nak urut pagi-pagi, inilah masa kita nak buka kedai. Nak beli barang, macam mana kan? Itu yang tak buat sampai la ni. Dia orang ada telefon, macam mana penjanaan pendapatan? Berapa banyak dapat? Akak terus terang cakap sekarang ni saya tak dapat sesen, sebab saya tak buat apa-apa sebab otak saya masih lagi kusut sebab memikirkan duit lah kan? Dia kata buatlah tu..dapat 2 orang satu hari urut, jadilah ya. Urut pun kena ada kita, kita nak kena niaga kat bawah lagi. Rumah kita nak kemas dulu, rumah kan? Akak kadang-kadang pukul 5, kul 4.45 dah bangun.

P : Pagi?

R 1 : Ya, siapkan baju sekolah, gosokkan baju sekolah apa semua. Siapkan barang-barang berniaga letak kat depan..bila dia orang dah pergi, baru akak bawa pula. Lepas tu, turun..baru buka kedai. Tak naik dah. Tunggu anak yang nak tolong berniaga, yang tak nak sekolah tadi turun. Dia bangun, bukan dia bangun macam kita. Pukul 12 tengah hari baru turun. Dia dah bangun, dia boleh ganti kedai kan, kita nak naik balik nak masak. Kena masak kan? Fikir nak masak, nak gosok baju sekolah pula, baju sekolah agama. Baju sekolah masing-masing sehelai. Karang, esok pagi..kalau penat kan, kadang-kadang yang darjah 5..tak sekolah agama, balik. Baju sehelai, nak basuh macam mana.

P : Kalau hujan, lagi lah kan?

R 1 : Itulah pasal. Tak ada siapa angkat kain. Tawakkal sajalah. Kakak dia ada kadang-kadang, kakak dia yang angkat. Kakak dia tak ada, tidur saja. Kadang-kadang dia tidur, tengok mood dia dua orang ni.

P : Yang besar dua orang lah kan?

R 1 : Kadang-kadang tak nak tolong. Baju tak bersidai. Kadang-kadang menitik air mata ni. Terpaksalah. Sebab penat kan? Kadang-kadang masa basuh pinggan tu menangis, Ya Allah ya Tuhanku, kuatkanlah semangat aku demi anak-anak aku, ya Allah. Kenapalah anak-anak aku tak tahu hidup aku macam ni? Tuhan sajalah..

P : Ooo..macam bila akak sedih, akak banyak mengadu dekat ni lah..macam akak banyakkan sembahyang, akak banyakkan berdoa?

R 1 : Ya. Memang sambil buat kerja tu kan, sambil tu lah akak bercakap seorang-seorang, kadang-kadang tak tahu lah anak-anak ni. Kang kita marah, dia lari daripada rumah. Dia tak buat lagi lah, takut jiwa dia kan? Lepas abang dah tak ada, ayah dah tak ada. Takut jugalah. Bila ayah dia dah tak ada  kan, orang kata…kau marahlah anak kau tu Sham, suruh dia buat elok sikit. Tak boleh sejak kehilangan abang dia, akak takut kehilangan dua orang ni. Kalau sebut mati sunat tu lain, kalau ikut mana-mana lelaki kan, mana tahu budak-budak sekarang kan? Manalah tahu. Aku tak ada ayah, tak ada abang, saudara mara aku pun tak nak kawan dengan aku. Mana tahu kawan-kawan dia cakap macam tu. Balik sekolah, dia cerita..mak,tadi kan.. kawan kakak dah tak ada dara mak. Cakap..kakak, kakak jaga diri tau. Ayah dah tak ada.

P : Jadi, kiranya bila arwah dah tak ada..semuanya akak lah yang..

R 1 : Kadang-kadang dia ni cerita kawan-kawan dia macam mana..akak ingat kan dia..mak seorang baik, macam mana mak boleh kahwin dengan ayah, mak nak kau baik. Buat mak ni sebagai contoh untuk kau.

P : Lepas tu, bila akak macam tu, ,macam mana dengan anak akak?

R1 : Dia ok. Dia lembut saja. Dia cakap insyaAllah, jangan dipermudahkan pengaruh kawan. Dia pergi Selayang Mall aritu, kawan dia punya pakwe bawa kawan. Ajak pula naik motor seorang satu.

P : Lelaki lah?

R1 : Kawannya tu perempuan. Kiranya couple lah. Kawan dia datang ambil dia kat sini. Kawan dia kata..jomlah Mai,  naik motor. Member aku ada seorang ni. Dia kata, kau nak balik, balik dulu. Biar aku naik bas. Akak bersyukur sebab dalam hati dia tu, dia fikir juga pasal nasihat akak. Sebab akak pernah bergaduh, akak lari dari rumah bawa..

P : Bawa semua anak-anak kecil?

R 1 : Ya, akak lari sebab dia. Dia terkam akak..

P : Dia terkam akak?

R 1 : Dia pukul akak. Dia mengamuk dengan akak? Nampak mak keluar dengan ustaz.

P : Dia pukul akak kenapa?

R 1 : Akak ada pakwe lama.

P : Dia tak bagi..

R 1 : Dia takut harta ayah dia hilang.Tapi, cakap kat dia..mak takkan kahwin lain. Mak Cuma nak tempat luahkan saja. Siapa yang nak tahu mak punya emosi, mak punya semua ni. Akak cakap pada dia. Alah, tak payah nak cari lain jantan..tolak akak, tumbuk akak. Ni yang baik ni sebab baru balik berubat. Bila akak ubatkan dia, anak yang ketiga pula tak nak pergi sekolah. Orang kata apa, keluar kandang harimau, masuk kandang kambing. Itulah, tertekan jiwa akak, kadang akak menangis, menangis seorang diri.

P : Sabar kak.

R 1 : Nak dapat anak yang baik..kena tengok mak juga.

P : Anak baik..inshaaAllah dapat jika maknya baik.

R 1 : Jadi baik lepas ustaz tu ubatkan. Dulu tak ada baik dengan akak..maki hamun akak.

P : Sejak kematian ayah dia ke macam mana?

R 1 : Hmm..

P : So, macam mana akak handle benda tu? Macam mana akak buat bila anak akak buat macam tu?

R 1 : Akak diam saja, dia tumbuk akak, akak tak melawan. Dia tampar..kepala ni tak terangkat. Akak tak nak pukul akak, biarlah diaorang nak buat akak..(42:07-42:16)

P : Semua jiran-jiran akak tolong akak? Akak luka ke masa dia pukul akak?

R 1 : Akak tak luka. (42:25-42:34). Akak sampai tidur rumah kawan. Kawan tu ibu tunggal. Bawa dia orang ni..

P : Semua? Empat-empat orang yang kecil ni? Akak bawa macam mana semua ni?

R 1 : Jiran yang hantar.

P : Akak duduk rumah kawan tu lama lah?

R 1 : Hmm..

P : Lepas tu akak balik semula?

R 1 : Dia telefon suruh balik. Lepas tu, baru Alhamdulillah, sampai sekarang. Dia selalu kenangkan apa yang dia buat kat akak. Akak cakap akak tak sangkat buat mak macam ni. Akak punyalah dididik daripada susah dulu. Akak dulu, keluarga yang membela akak tu

keluarga angkat.Ada orang tua..ayah akak langsung tak ambil tahu sejak akak dilahirkan, dia orang yang ambil tahu..akak dengan kakak akak.. Semua keluarga angkat. Makan minum, baju..mak bapak sendiri langsung tak ambil tahu. Kahwin pun dia orang yang kahwinkan. Akak cakap daripada orang susah, akak dididik. (43:42-43:48). Kadang-kadang akak lambat balik, dia telefon..mak, mak kat mana?

P : Akak rasa bila anak akak dah berubah?

R 1 : Bersyukur..rasa bersyukur sangat. Cuma, hari itu macam nak buat..sebab abang dia dah 100 hari, kan? Akak ingat nanti nak buat, nak buat kenduri dia sekali. Masalah lain tak ada, Alhamdulillah. Perbelanjaan lah yang akak rasa sempit sikit. Kadang akak rasa tak cukup duit, ada sikit simpanan yang dapat duit ayah dia yang 10 ribu tu, itulah yang akak guna. Sekarang ni tinggal berapa je, tinggal dua ribu saja.

P : Takut jadi apa-apa kan?

R 1 : Untuk dia orang, sakit pening..dahlah baru-baru ini akak kena tipu. Akak pakai top up celcom, pakai tu kan? Ada orang telefon, pakai celcom..orang Melayu kita lah. Dia cakap, akak ni Shamsiah, nombor telefon semua ni. Dia cakap, akak terpilih daripada Celcom..akak dapat masuk insurans. Dia tanya umur berapa? Insurans yang akak layak 53 ringgit sebulan. Lepas tu, dia cakap ini untuk akak, sakit pening, kemalangan..orang lain ramai juga. Tapi terfikir juga, ramai-ramai orang, kenapa akak terpilih? Berapa kali telefon, last-last akak terima. Dah terima tu, dia beritahu..mula-mula nak nombor kad, atas kad maybank. Dia nak nombor tu, akak boleh bagi. Macam terpukau, memang macam terpukau. Itu yang budak-budak ni marah. Itu yang sempit duit ni. Dalam tu habis duit, habis.

P : Dalam tu ada berapa?

R 1 : Akak tak ingat, sebab selalunya duit pencen kat situ tu.

P : Lepas tu, bila akak tahu duit tu semua dah tak ada?

R 1 : Dah lari jauh. Sebab akak nak pergi..arwah ada beli rumah di Batang Kali.

P : Tapi, dia dah siap bayar lah semua rumah tu?

R 1 : Habis, semua habis. Tapi, ada orang sewa. Dia dah lama..selalu dia kata, paling lewat 5 haribulan dia masukkan duit. Kali ni, dia kata dia terlewat. Tak apalah.. Akak pergi tengok, tak ada duit akak. Kau dah masukkan Zan, duit akak? Dah, 200 kak..kenapa kak? Duit akak tak ada. Macam mana boleh jadi tak ada? Cerita dengan dia..akak kena tipu dengan dia kak..lain kali kak, mana ada orang buat insurans tanpa tandatangan akak, kalau melalui telefon, akak tak boleh percaya. Memang masa tu terpukau. Mula-mula orang tu dah tanya nombor ic semua, alamat..tanya no pin? Dah salah dah baca no pin belakang tu. Yang dua akhir tu, akak bagi 27, dia dengar 67. Dah silap dah tapi dengan niat jujur kita kan, bukan kata akak baik..tapi,

P : Yelah, kita jujur, ikhlas..

R 1 : Niat kita jujur dah ikhlas kan..lepas tu semula, cub abaca nombor tu balik..macam terpukau tau? Baca betul-betul..eh salah, bukan no 2, no 6. Last-last akak tengok duit dah habis, ini yang terduduk ni. Cakap dengan budak-budak ni..anak akak yang dah baik dengan akak tu cakap..mak ni mudah dengan orang, dia bagi kat mak, mak nak saja, mak ikut saja. Dahlah kakak, mak rasa macam terpukau kak..aduh kak

P : Baru lagi lah ni?

R 1 : Haaa..hari apa? Hari Ahad, hari Jumaat ke hari Khamis hari tu..baru buat kad baru.

P : Dah buat kad baru dah?

R 1 : Dia kata..sebenarnya dia kata kalau akak tak nak, akak faks kan ya. Dia bagi nombor faks. Nak pergi faks lah. Tapi, orang yang bayar sewa rumah kata duit dah masuk. Tu yang pergi check dulu duit. Kat situlah ada pencen ayah dia, kat situlah ada sikit-sikit duit rumah tu. Rumah bukannya mahal, 200 saja akak sewa. Pedalaman,Batang Kali kan? Rumah tu dulu, 250. Lepas tu, orang tu kata..kak, saya dah kemas rumah akak, saya dah cantikkan rumah akak. Tak apalah, saya tahu saya menumpang rumah anak-anak yatim. Berapa akak nak kasi saya sewa, cakap saja. Dah rumah kita kat jalan mati, akak naikkan 280. Lepas tu, dia cakap 80 saya tolak ye sebulan kak sebab saya perbaiki rumah. Tak apa lah, dia jaga kan?

P : Memang betullah dia buat?

R 1 : Haa..ada ambil gambar..gambar rumah. Haa, betullah dia buat. Tapi, dia berniaga, dia jual barang-barang goreng-goreng ni kot. Sebab bercarton-carton. Tengok depan rumah,

berselerak kotak. Duit tu lah, yang nak pergi tengok. Tergerak hati nak pergi tengok. Tengok duit dah tak ada. Kat situ lah semua pendapatan. Yang tadi tu, kata bayar lambat. Takkan itu pun, kan? Kadang-kadang dah ambil duit pencen bayar duit rumah, inipun rumah ada tertunggak. 350. Hari itu masa sebelum mengundi, orang BN ada datang sini. Dia tanya apa masalah Makcik? Ceritalah..Tak apa kak, nanti saya bantu. Dah kalah dah, lagi lah. Kawasan Selangor sekarang ni Pakatan Rakyat pegang kan..PAS kan? Pergi jumpa Tuan Zaidi tu, kawan-kawan ajak pergi semalam, persatuan ibu tunggal..balik dari KLCC, ada hari bersama Hal Ehwal Pengguna tu.. Sham, jom kita jumpa Tuan Zaidi. Orang ramai pula jumpa dia semalam. Nak luahkan inilah pasal ni kan? Orang kata..pergi pejabat je apa-apa hal. Kadang-kadang pukul 6.30 akak dah buka, air akak tak bancuh lagi, pukul 10 baru bancuh kan?Kadang-kadang panas, kadang-kadang hujan sampai ke petang. Kalau macam ni, nak simpan duit pun tak dapat. Pusing modal pun tak dapat. Haritu akak ada mohon bantuan zakat, dapatlah 1500 setahun. Bolehlah sikit, jual jajan tu, keropok tu kalau habis, barulah dapat untung 1.50. sampaikan ada orang ada, you jangan jual benda ni, you juallah benda lain. Kita ni seorang, tu saja yang mampu. Kalau nak ambil pekerja, nak makan pun mencekik, ni kan pula nak ambil pekerja. Orang kata, ambil pembantu. Ya Allah, berapa sen sangat dapat. Akak bersyukur pada mana yang ada tu. Tanyalah ni..karang bunyi aiskrim, dia nak aiskrim. Kadang-kadang aiskrim 20 sen, orang buat aiskrim pop kan? Nak jimat..mak, nak beli aiskrim pop pun kedekut. Sebab dia orang ni dah biasa arwah dia orang ada. Arwah dia ada..bukan nak puji, seorang boleh buat tiga kerja. Pagi MPS, hari Selasa dan Jumaat kat Wataniah, Sabtu Ahad pergi wiring kat rumah orang. Jadi, orang kata duit belanja tak putus. Pergi wiring rumah orang, ada rezeki, orang kasi lebih, ayah dia ajak pergi makan luar,belanja aiskrim. Kadang-kadang anak yang besar tu, yang nombor tiga..mak, makan mak. Kat mana kak? Kat mana..dalam hati, nak jimat kan? Anak nak..kita sebagai mak tak sampai hati. Tak sampai hati kan? Lepas tu, pergilah nak jaga hati anak. Lepas tu, kita takut terkilan kan? Tak ada duit,buat-buat ada duit. Kadang-kadang cakap..dik, mak bukan taknak pergi..takut orang cakap, eh, kata tak ada duit, susah. Makan kat BB Junction hari-hari. Terfikirlah.

P : BB Junction kat..makan apa kak?

R 1 : Restoran, kedai makan. Yang paling sedap kat situ..(51:57-52:01). Sedap kat situ. Dia ada kedai burger. Kadang-kadang, pergi pasar malam. Ada pasar malam kat lorong surau ni, pasar malam setiap minggu. Kalau katakana tak dapat pergi macam minggu ni, memang tak ada duit masa tu. Untuk modal hari esok je ada. Muka ketat je semua. Nak tak nak kan akak keluarkan duit. Pergilah nak beli apa, buat-buatlah ada duit. Esok pagi tu akak nak mengeluarkan barang, ada kawan-kawan tu naik motor kan..akak bagi lah duit minyak. Jah, pakai duit kau dulu ya. Budak-budak ni nak makan, akak sebenarnya tak ada duit. Dia orang ni tak puas hati, malas dah aku nak cakap. Pakailah duit dia dulu. Kadang akak terfikir, korang ni dah biasa makan..mak ada duit, tak ada duit, kau minta..sama saja. Yang besar dah merengek, yang kecil apa lagi. Haritu, bukan haritu..dah lama lah. Dia India, tapi dia punya..kawan dia India Muslim. Datang kat sini. Kita, India bagi duit, kita nak buat makan pun kita takut kan? Dia bagi akak 1000. Akak beli apa? Akak borongkan jajan. Tak tahu nak buat apa duit tu kan?

P : Haaa..kita tak berani nak bagi anak-anak makan, jadi darah daging pula kan?

R 1 : Tak tahulah nak gunakan apa dengan duit tu. Haritu tak ada, roadtax kereta pula mati, tayar van pula rosak. Kereta kancil arwah anak punya, van tu ayah dia punya. Sebelum dia mati tu, senang nak bergerak mana-mana. Yang van ni buat berniaga. Dah van pula rosak, habis macam tu sajalah. Roadtax 350, tayar van 300. Lepas tu bawa duit kereta sebab dia naik kereta haritu kan, mana ada duit nak bayar. Kadang-kadang kesian akak yang bawa kereta tu, dia complaint juga pasal duit. Bayar duit kereta, dah berapa yang tinggal. Ada orang sumbang tu, tak boleh nak simpan. Ada saja jalannya. Dah hidup macam ni, tak ada sangatlah nak menyimpan. Kadang-kadang cakap kat budak-budak ni, korang ni kan, ikatlah perut sikit..makan. Akak mana ada beli lauk, tak ada lauk sangat. Buat nasi goreng, buat kuey tiaw goreng. Mak, kenapa mak tak masak? Akak cakap, bulan ni tak ada modal nak beli makanan, macam mana nak beli lauk? Dahlah, mak hari-hari masak, penatlah. Mak dah tak tahu nak masak apa. Biar anak tahu benda tu saja.

P : Maknanya akak tak pernah beritahu anak akak kesusahan akak tentang duit? Dia orang pun tak tanya?

R 1 : Dia orang tak tahu..dia orang bukannya kerja. Akak pujuk anak akak yang perempuan tu, nanti cuti sekolah, kau pergilah kerja ya..ganti mak. Akak pergi kerja KFC ke, akak pergi kerja kat Ayamas ke..tak apalah, gaji murah sebab dekat dengan rumah kita. Tak perlu pakai tambang. Kakak kerja sampai kakak nak SPM tahun depan pun cukup lah. SPM kan? Memang zakat ada bagi kita, bagi baju dekat kakak, tak bagi belanja. Kakak usahalah sendiri. Siapa lagi nak bantu mak? Mak tak larat nak menanggung. Yang nombor dua ni tak sama macam yang nombor tiga tu. Yang nombor tiga ni dia pandai sesuaikan diri. Pergi KL, Dia tak nak pergi seorang. Tapi, buat masa nil ah nampak, bukannya nak puji. Tak pernah nak keluar dengan kawan. Selalunya dengan budak bawah ni. Pergi KL dengan akak saja, dengan adik dia pun tak pernah. Nak pergi dengan mak. Tambah pula dia dah baik ni. Haritu akak pula penat pergi kedai..jalan sambil tidur. Kau tahu, jalan sambil tidur? Jalan sekejap, letih..tidur. Dia ajak berjalan. Letih, mengantuk. Budak-budak ni nak keluar jalan kaki, semua ikutlah. Macam rombongan. Bukan nak beli apa, nak beli syampoo, pencuci muka..semua…akak bukannya ada duit. Mak, jom pergi kedai mak. Padahal boleh je beli kat kedai bawah. Dah beli syampoo, pencuci muka..mak, ada duit lebih tak mak? Nak topup. Mata dah perit dah nak tidur ni. Mak, cepatlah jalan mak. Yelah kak, mak ni mengantuk, tak bermaya. Kalau boleh, aku nak tidur atas lantai, atas jalan kaki lima ni haa..apa salahnya adik-adik kau teman, tak nak pergi seorang. Sebab dia baik dengan akak, lepas berubat, dia nak dengan mak saja. Akak lah yang nak kena layan. Penat. Tapi, kalau kerja rumah, dia rajin..dia mengemas tapi setiap hari Sabtu je, hari lain dia malas. Tak apa lah..

P : Sebab dia tak pergi sekolah kan?

R 1 : Tak apalah, janji dia tolong. Yang ni lah, masa abah dia baru meninggal. Abah..abah..baliklah abah. Arwah abang selalu ajak dia pergi memancing. Arwah banyak tak kerja kan daripada kerja. Jom dik, ikut abang pergi memancing. Minta mak modal beli cacing. Mak,minta modal sikit. Abang dia bawalah dia. Pergi memancing. Kalau balik kampung kan, saudara sakit ke apa. Akak tak dapat balik..macam sebelah ayah dia haritu ada buat kenduri kan..Cakap dengan arwah, abang, balik kampung abang. Mak macam mana nak balik. Akak balik haritu bawa diaorang..sebab apa haritu akak balik ya? Akak bawa dia orang balik naik KTM. Kereta ada. Fikir-fikir, siapa nak bawa akak balik kampung? Jom kita sekali sekala naik KTM, nak tahu perjalanan sampai mana, sampai mana. Naiklah dengan dia orang. Raya kat sini kan? 3 hari sini, baru kita balik tengok kubur ayah. Kita balik awal-awal pun, tak ada siapa dah. Kita raya kat kampung ayah dulu, mengenangkan anak-anak ni entah tentu ada lagi ke tak kan? Mak saudara kau tak ingat kau tak apa..kita cari saudara ayah kau. Sebab arwah ayah dia, macam mana lewat..kalau balik kampung, nak balik KL malam pun..pergi cari saudara dulu, arwah ayah dia. Kalau boleh, biar anak dia turun temurun. Ada seorang mak saudara dia, dah uzur dah. Tak boleh jalan. Dia mengengsot je kan? Dia sayang mak saudara dia tu. Adik arwah tak pernah cari mak saudara dia tu. Arwah sajalah. Kalau balik, dia akan bawa akak..jom, pergi rumah Long, dia kata. Adik beradik dia semua tak nak pergi. Tak tahulah kenapa adik beradik dia tu. Sebab dia marah pasal mak saudara tu sebab beri tanah arwah ayah dia orang, marah-marah pasal tu. Tapi arwah tak memendam. Arwah ayah dia ni bukan saya nak puji, tapi dia sayang semua. Esok-esok tak ada siapa dah. Dulu arwah abang dia ada, boleh round lagi rumah saudara-saudara ayah dia. Esok-esok lepas balik rumah saudara ayah dia, balik lah KL balik. Orang kadang-kadang kan, baru-baru ayah dia meninggal tu, nak terima..teringat. Ayah dia meninggal bulan 5, kita raya masa tu dalam bulan..

P : 7,8?

R 1 : 8 kan? Allah..Tuhan saja yang tahu. Orang berpasang-pasang dengan suami, dengan anak. Pagi-pagi, siapkan baju anak, pakaikan baju. Ya Allah..malam tu akak sampai kampung ayah dia, dia orang tengah takbir raya. Makan pun tak lalu, dia orang masak sedap..lauk ikan bakar. Dia orang masak rendang..dah siap masak bila akak sampai. Makanlah kak Sham..hmmm, tak bolehlah.

P : Masa awal-awal hari tu lah?

R 1 : Haaa..itu ayah dia meninggal. Ini anak pula tahun ni. Tak tahulah. Tak apalah, kita rayalah sebab kakak akak, kakak akak yang sulung dia tak ada anak. Dia sayang anak akak yang meninggal tu. Sebab dulu akak kerja dengan kakak akak kan? Dulu kerja

akak..sebelum kahwin dengan ayah dia..akak kerja kilang Zaiton. Dah kahwin dapat arwah anak tu, kilang Zaiton bankrap, akak berhenti. Ayah dia kata..jom ikut berniaga,berniaga. Jadi, daripada situ belajar berniaga daripada dia. Kalau tak, tak pandai berniaga. Kerja kilang kosmetik je haritu. Kakak akak lagilah, dia sayang anak akak daripada lepas pantang. Kerja kilang Zaiton, seminggu 5 hari. Sabtu, Ahad cuti. Macam kerajaan. Minggu pertama cuti, minggu kedua kerja. Dia ambil lah. Dulu dia duduk dengan mak, sekarang dia duduk kampung. Arwah anak akak meninggal, dia pengsan-pengsan. Akak tak. Akak kuatkan semangat demi anak-anak yang lain kan? Akak tengok anak akak yang sulung tu mandi, kapan..semua akak tengok. Kakak menangis-nangis, tak boleh tengok. Sampai sekarang..sayang dia pada arwah. Akak cakap..kau redha lah, dah pergi. Kadang dia mesej, aku tak boleh tidur dik, aku ingat arwah. Walaupun aku tak lahirkan dia, tapi aku sayang dia macam anak aku sendiri.

P : Ni kakak yang sama-sama family akak jagalah?

R 1 : Haaa..

P : Memang akak rapatlah dengan dia?

R 1 : Memang rapat sebab akak duduk satu rumah dengan dia. Yelah dari kecil, sekolah pergi sama kan? Memang rapat. Jarak tak jauh, setahun saja dengan dia. Mak bapa tak ambil tahu, siapa lagi nak bergantung hidup? Berdua sajalah.

P : Ok kak..anak akak pun dah ni..

R 1 : Dia dah bangun.

P : Saya pun kesian tengok..saya pun dah banyak..banyaklah, dah sejam kita borak-borak..tak sedar kan?

R1 : Hahaha..tak ada bagi minum air pun.

P : Eh, tak payah, tak payah. Banyaklah yang saya belajar daripada akak. Akak ceritakan pengalaman, macam mana suami akak meninggal, macam mana macam..akak ada masalah dengan anak..banyaklah dah masalah utama sekali..

R 1 : Kita kena hidup tanpa dia kan?

P : Betul dan masalah utama akak adalah kewangan. InshaaAllah, kalau kita berusaha nak cari rezeki tu, tuhan akan buka pintu rezeki. Mudah-mudahan.

R 1 : Yelah.

# LAMPIRAN G

## Contoh Pengkodan



# LAMPIRAN H

## Contoh *Code Manager*



# LAMPIRAN I

## Contoh Paparan *Code Family Manager*



# LAMPIRAN J

## Contoh Paparan Analisis *Super family*



## LAMPIRAN K

## Contoh *Network*



# LAMPIRAN L

# Contoh Memo

## Memos and Quotes

______________________________________________________________________

HU: latest data recovery
File: [C:\Users\User\Desktop\latest data recovery.hpr7]
Edited by: Super
Date/Time: 2016-06-03 15:38:18

______________________________________________________________________

**MEMO: anak datang ke kedai jual cendol (1 Quotation) (Super, 2014-06-17 15:26:58)**
P19: sham 3.doc:
(3:4)
No codes
No memos
Type: Memo

17/06/2014 03:27:01 PM

**P19: sham 3.doc - 19:1 [Maksudnya..ada tak anak-anak a..] (3:4) (Super)**
No codes
Memos: [anak datang ke kedai jual cendol]

Maksudnya..ada tak anak-anak akak beri..ooo, yang ni yang tak sekolah lagi ya?
R 1 : Yang ni baru balik tadika, 6 tahun.

______________________________________________________________________

**MEMO: keratan akhbar berita kematian suami dan anak (2 Quotations) (Super, 2014-06-17 15:25:01)**
P18: sham 2.doc:
(157:157), (158:158)
No codes
No memos
Type: Memo

17/06/2014 03:25:04 PM

**P18: sham 2.doc - 18:86 [InshaaAllah. Ok, saya nak tany..] (157:157) (Super)**
No codes
Memos: [keratan akhbar berita kematian suami dan anak]

InshaaAllah. Ok, saya nak tanya satu lagi last ya. Bila akak tengok surat khabar ni, apa perasaan akak? Kenapa akak simpan surat khabar ni? Haritu saya dah tanya dah. Hari ini akak mungkin nak tambah apa-apa ke?

**P18: sham 2.doc - 18:87 [Tak ada lah..akak punya untuk ..] (158:158) (Super)**
No codes
Memos: [keratan akhbar berita kematian suami dan anak]

Tak ada lah..akak punya untuk kenangan. Lagipun kan, dia meninggal pula dalam keadaan yang sama. Dia punya meninggal tu, berita..dia punya kisah tu tak lari. Cuba kau tengok betul-betulkan?

______________________________________________________________________

**MEMO: mata bergenang, menahan sebak mengingati saat-saat terakhir arwah (2 Quotations) (Super, 2014-03-15 13:05:53)**
P 1: normah - 1.docx:
(43:43), (53:53)
No codes
No memos
Type: Memo

15/03/2014 01:05:57 PM

**P 1: normah - 1.docx - 1:10 [ha kena attack makcik hantar d..] (43:43) (Super)**
No codes
Memos: [mata bergenang, menahan sebak mengingati saat-saat terakhir arwah]

ha kena attack makcik hantar dia ke hospital besar tu sampai umur dialah

**P 1: normah - 1.docx - 1:12 [takpe-takpe its ok,] (53:53) (Super)**
No codes
Memos: [mata bergenang, menahan sebak mengingati saat-saat terakhir arwah]

takpe-takpe its ok,

______________________________________________________________________

**MEMO: minta anak ambilkan dokumen kematian ayah (1 Quotation) (Super, 2014-04-18 21:52:23)**
P17: sham 1.doc:
(24:24)
No codes
No memos
Type: Memo

18/04/2014 09:52:25 PM

**P17: sham 1.doc - 17:16 [Ambil file gambar-gambar ayah ..] (24:24) (Super)**
No codes
Memos: [minta anak ambilkan dokumen kematian ayah]

Ambil file gambar-gambar ayah tu.

______________________________________________________________________

**MEMO: nada bercerita yg menggambarkan kekesalan dengan pihak tertentu. responden merasakan pihak tertentu tidak mahu membantu golongan sepertinya. Dari penceritaaan responden, jelas menunjukkan sikap tidak putus asa responden untuk memastikan anaknya mempunyai masa depan yg baik (1 Quotation) (Super, 2014-05-01 23:25:36)**
P17: sham 1.doc:
(80:80)
No codes
No memos
Type: Memo

01/05/2014 11:25:45 PM

**P17: sham 1.doc - 17:51 [Masa tu ayah dia baru meningga..] (80:80) (Super)**
No codes
Memos: [nada bercerita yg menggambarkan kekesalan dengan pihak tertentu. responden merasakan pihak tertentu tidak mahu membantu golongan sepertinya. Dari penceritaaan responden, jelas menunjukkan sikap tidak putus asa responden untuk memastikan anaknya mempunyai masa depan yg baik]

Masa tu ayah dia baru meninggal 2 bulan. Helo, ni Tuan Zaidi ke? Ya. Tuan, nak minta tolonglah..minggu depan anak saya ni nak interview kat MPS. Nama siapa semua? Bagilah. Tolonglah tuan..ayah dia nama sekian, sekian, sekian. Haram. Lepas tu, akak cuba lagi ahli majlis lain, tak nak putus asa. Ahli Majlis tu duduk dekat

______________________________________________________

**MEMO: pada waktu ni, responden menunjukkan dokumen yang berkaitan dengan kematian anak dan suami. dokumen tersebut dalam bentuk keratan akhbar yang dilaminate dan disimpan dalam file. ketika memberikan dokumen ini, respondem berpesan pada anaknya utk berhati-hati mengeluarkan dokumen tersebut (1 Quotation) (Super, 2014-04-18 21:49:45)**
P17: sham 1.doc:
(16:16)
No codes
No memos
Type: Memo

18/04/2014 09:49:58 PM

**P17: sham 1.doc - 17:15 [Balik bertugas, askar wataniah..] (16:16) (Super)**
No codes
Memos: [pada waktu ni, responden menunjukkan dokumen yang berkaitan dengan kematian anak dan suami. dokumen tersebut dalam bentuk keratan akhbar yang dilaminate dan disimpan dalam file. ketika memberikan dokumen ini, respondem berpesan pada anaknya utk berhati-hati mengeluarkan dokumen tersebut]

Balik bertugas, askar wataniah juga. Sebab dia gantikan arwah ayah dia, dia part time juga, suruh dia pergi kan? Dia part time dua hari, Selasa dengan Jumaat. Yang arwah anak pula, masa tu dia pergi, masuk Silat. Dia pergi tu, lepas tu dia balik. Dia cakap, mak, nak pergi silat. Nak pergi ambil dia punya, handset dia tinggal kat rumah kawan. Selalu tinggal, kawannya duduk dekat Bukit Beruntung. Selalu tidur rumah kawan dia tu, tapi malam tu nak balik juga seboleh-bolehnya. Lori buat u turn kat bulatan Templer, Rawang tu. Polis kata memang salah lori tapi lori lari, gelap kan? Gelap kan

______________________________________________________

**MEMO: rumah responden kelihatan berserabut dan tidak kemas, comot dan seperti tak terurus. (1 Quotation) (Super, 2014-05-01 23:31:06)**
P17: sham 1.doc:
(80:80)
No codes
No memos
Type: Memo

01/05/2014 11:31:11 PM

**P17: sham 1.doc - 17:57 [Sampai sekarang rumah ni tak....] (80:80) (Super)**
Codes: [rumah tak terurus - keadaan persekitaran - Family: selepas kematian suami]
Memos: [rumah responden kelihatan berserabut dan tidak kemas, comot dan seperti tak terurus.]

Sampai sekarang rumah ni tak..kau pergi dapur, kau tengok..itu tersumbat, tengah tu tersumbat. Bilik air pakai langsir sekarang, pintu dah roboh. Buat laporan, datang tengok. Bukan MPS datang tengok, orang kontrak datang tengok. Lepas tu, dia kata..nak buka ni, salur-salur ni..kena jumpa orang bawah. Saya tak jumpa orang bawah tu sampai la ni. Senyap jela sampai sekarang, tak datang balik pantau semua.

______________________________________________________

**MEMO: sewaktu temubual, peserta kajian baru selesai majlis kenduri di bawah flat tempat tinggal peserta kajian. hanya anak2 kecil yg duduk berhampiran ibu mereka sepanjang temubual. ada yg tertidur. yg dewasa dudk dalam bilik. ibunya banyak menceritakan kerisauan tentang anak**

**perempuan yg telah menginjak dewasa dan sudah mula pandai bergaul (1 Quotation) (Super, 2014-06-10 15:08:47)**
P18: sham 2.doc:
(54:54)
No codes
No memos
Type: Memo

10/06/2014 03:08:50 PM

**P18: sham 2.doc - 18:45 [Akak pun kakak dia pukul. Tapi..] (54:54) (Super)**
No codes
Memos: [sewaktu temubual, peserta kajian baru selesai majlis kenduri di bawah flat tempat tinggal peserta kajian. hanya anak2 kecil yg duduk berhampiran ibu mereka sepanjang temubual. ada yg tertidur. yg dewasa dudk dalam bilik. ibunya banyak menceritakan kerisauan tentang anak perempuan yg telah menginjak dewasa dan sudah mula pandai bergaul]

Akak pun kakak dia pukul. Tapi, lepas akak dah ubatkan, dia dah baiklah sekarang. Kadang-kadang kita marah juga kat budak-budak ni. Tapi, lepas akak dah ubatkan ni..akak kata, mari semua turun bawah. Jangan siapa pun duduk dalam rumah. Tolong buat kenduri ayah dengan abang. Mak menumpang sekali, cakap. Mari turun. Semua turunlah tadi. Ini entah mana dia pergi agaknya.

______________________________________________________________________

**MEMO: tunggu anak dtg tolong di kedai (2 Quotations) (Super, 2014-06-17 15:35:38)**
P19: sham 3.doc:
(18:18), (20:20)
No codes
No memos
Type: Memo

17/06/2014 03:35:40 PM

sewaktu interview, perserta kajian sedang berniaga di gerainya. dalam masa yg sama, dia juga sedang menunggu anaknya turun utk tolong jagakan gerai. puan sham perlu naik ke atas utk siapkan makan tengahari. cuaca yg panas menambahkan lagi rasa marah pada anaknya yang tak turun-turun. puan sham membebel pada anak kecilnya tentan sikap kakaknya yg malas membantu. sebagai penyelidik saya hanya memerhatikan apa yg sedang berlaku dan kadang kala bertanya soalan pada kak sham untuk meminta penjelasan darinya.
20/06/2014 03:33:23 PM

**P19: sham 3.doc - 19:8 [Pergilah Yana, kejut kakak kau..] (18:18) (Super)**
No codes
Memos: [tunggu anak dtg tolong di kedai]

Pergilah Yana, kejut kakak kau tu. Nanti kakak balik dari sekolah, lapar dia. Nanti nak pergi sekolah agama lagi, baju sekolah agama pun belum gosok. Pergilah Yana, cepat..kejut dia sampai bangun. Ambil air, siram muka dia. Dulu abang dia, apa je yang tak kena dengan arwah ayah dia. Sekarang, akak saja tak nak sebut tu semua. Tapi, anak tak penakutlah semua. Kau cakap bangun, mak suruh jaga kedai. Pergi sidai kain dulu, pergi cakap. Kejut dia sampai bangun, cakap lagi kat telinga dia.

______________________________________________________________________

# LAMPIRAN M

## Contoh Jurnal Refleksi

No.: PK3 Date: 29/4/2014

Penat... Interviu yg kedua untuk hari yg sama. Saya seperti nak membatal² sahaja perjumpaan dgn PK 3. Tapi tak sampai hati. Saya teruskan juga. Di awal-awal perjumpaan lagi telah saya hulur² borang 'inform consent' dan maklumat diri. Terus terang saya katakan, saya agak berdebar utk bertemu dgn PK3. Kenapa saya pun tak tahu.

Perbualan kami rancak. Banyak yg dikongsikan oleh PK3. Saya mendengar kisahnya hingga terlupa membuat catatan. PK3 banyak bercerita tentang arwah yg telah meninggalkan beliau kira-kira 18 tahun yg lepas. Setiap kali menceritakan bagaimana arwah menemui ajalnya, setiap kali itulah air matanya bergenang, merah dan menitis air mata. Saya tanya makcik ok ke. Dia cakap dia ok. Jelas terpancar kesedihan dan ketabahan hatinya. Walaupun hampir 18 tahun perkara tersebut berlaku hatinya masih lagi hiba bila menceritakan tentang arwah, sampai menyentuh hati saya. Saya rasa seolah-olah saya yg mengalami apa yg dialaminya. Beberapa kali mengusap bahunya bertanyakan samada PK3 ok atau tak ok.

Saya turut mempelajari sesuatu yg baru dari PK3. Beberapa kali PK3 mengulang '~~saya~~ kita ni tak cantik'. Apabila ditanya, katanya 'kata' abg beliau 'tgt' melekat di kepalanya sampai msh terasa hingga ke usia sekarang, wpun kata-kata itu didengari di usia remaja. Jadi saya dapat merasakan PK3 seorang yg sangat menyimpan rasa. Bila saya tanya makcik rasa rendah diri ke... jawapannya sama. diulang lagi yang dia merasakan bahawa dia tak cantik.

## LAMPIRAN N

### Jejak Audit

### JEJAK AUDIT KAJIAN IBU TUNGGAL YANG KEMATIAN PASANGAN

<table>
<tr><th>BIL</th><th>PERKARA</th><th>JUSTIFIKASI</th></tr>
<tr><td>1</td><td>Proses Persampelan Peserta Kajian</td><td><u>Jenis persampelan</u>
<ul>
<li>Persampelan bertujuan dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan dengan kriteria tertentu.</li>
<li>Kriteria yang ditetapkan adalah peserta kajian merupakan ibu tunggal yang kematian suami, mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak dan menjadi ibu tunggal sekurang-kurangnya setahun (depends on apa yang dicadangkan oeh kajian literature)</li>
</ul>
<u>Proses persampelan</u>
<ul>
<li>menyenarai pendek beberapa Persatuan Ibu Tunggal di sekitar Lembah Klang. Senarai ini diperoleh dari sumber internet dan cadangan dari individu yang sering bekerjasama dengan Persatuan Ibu Tunggal.</li>
<li>Antara persatuan yang disenarai pendek termasuklah Persatuan Ibu Tunggal Islam Kuala Lumpur, Persatuan e-keusahawanan Wanita Malaysia (e-WA, eEntrepreneurship Woman Association) dan Persatuan Wawasan Ibu Tunggal Anak Yatim.</li>
<li>Persatuan Wawasan Ibu tunggal Anak Yatim dan e-WA yang memberi maklumbalas terhadap emel penyelidik.</li>
<li>Presiden e-WA telah memberikan senarai nama ibu tunggal yang berpotensi menjadi peserta kajian. Walaubagaimanapun, tiada seorang pun yang memberi maklumbalas terhadap emel penyelidik.</li>
<li>Setiausaha Persatuan Ibu Tunggal Anak Yatim turut meyenarai pendek ibu tunggal yang mungkin berpotensi untuk menjadi peserta kajian.</li>
<li>Penyelidik meneliti senarai yang memenuhi kriteria dan menelefon sendiri calon yang</li>
</ul></td></tr>
</table>

<table>
<tr>
<td></td>
<td></td>
<td>
mungkin berpotensi dan menyatakan objektif serta keperluan kajian.
<ul>
<li>Mereka diberi tempoh selama seminggu untuk memberikan maklumbalas samada bersetuju atau tidak untuk menjadi peserta kajian</li>
<li>Enam orang ibu tunggal telah menghubungi semula penyelidik dan bersetuju untuk memberikan kerjasama sebagai peserta kajian.</li>
<li>Penyelidik menetapkan tarikh untuk membina rapport dgn peserta kajian</li>
<li>Sewaktu bersemuka untuk kali pertama, penyelidik telah menerangkan secara lebih terperinci tentang keperluan kajian, hak-hak yang diberikan kepada peserta kajian sepanjang kajian dilakukan dan faedah yang diperoleh jika mereka menjadi peserta kajian.</li>
</ul>
</td>
</tr>
<tr>
<td>2</td>
<td>Persediaan untuk pungutan data</td>
<td>
<u>Bahan :</u>
<ul>
<li>Surat persetujuan termaklum</li>
<li>Protokol temubual</li>
<li>Interview summary sheet</li>
<li>Document summary sheet</li>
<li>Pita rakaman</li>
<li>buku utk jurnal refleksi</li>
<li>file peribadi setiap peserta kajian</li>
</ul>
</td>
</tr>
<tr>
<td>3</td>
<td>Latar Belakang Demografi Peserta Kajian</td>
<td>
<table>
<tr><th>Peserta kajian / Ciri-ciri</th><th>Kelayakan akademik</th><th>Pekerjaan</th><th>Umur ketika menjadi ibu tunggal<br>(tahun)</th><th>T<br>t<br>(t</th></tr>
<tr><td>PK 1</td><td>Sarjana</td><td>Pensyarah sambilan</td><td>42</td><td>2</td></tr>
<tr><td>PK2</td><td>Sarjana</td><td>Pensyarah kontrak</td><td>45</td><td>1</td></tr>
<tr><td>PK3</td><td>STPM</td><td>Surirumah</td><td>39</td><td>1</td></tr>
<tr><td>PK4</td><td>STPM</td><td>Guru</td><td>42</td><td>2</td></tr>
<tr><td>PK5</td><td>SRP</td><td>Surirumah</td><td>41</td><td>3</td></tr>
<tr><td>PK6</td><td>SPM</td><td>Surirumah</td><td>28</td><td>2</td></tr>
</table>
Tempoh Kutipan Data
<ul>
<li>Proses pungutan data telah dijalankan selama empat bulan bermula dari bulan April sehinggalah bulan Ogos 2013 atas justifikasi memperoleh ketepuan data. walaubagaimanapun</li>
</ul>
</td>
</tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| | | penyelidik masih terus berhubung dengan peserta kajian sehingga tahun 2014. Sepanjang tempoh tersebut, pengkaji menjalankan proses pungutan data melalui temubual dan dokumen samada dokumen awam mahupun dokumen peribadi.<br>• Tarikh perlaksanaan proses memungut data adalah seperti yang berikut; |

| No | Nama | Tarikh temubual (2013) | Bil temubual |
|---|---|---|---|
| 1 | PK 1 | 22 Apr, 3 Mei, 20 Mei, 7 Jun, 15 Jun | 5 |
| 2 | PK 2 | 29 Apr, 20 Mei,19 Jun | 3 |
| 3 | PK 3 | 29 Apr, 2 Mei, 20 Jun, 2 Jul | 4 |
| 4 | PK 4 | 19 Mei, 21 Mei, 27 Jun | 3 |
| 5 | PK 5 | 19 Mei, 22 Mei, 7 Jul | 3 |
| 6 | PK 6 | 3 Jul, 7 Jul, 1 Ogos | 3 |

| | | |
|---|---|---|
| 4 | **Pengumpulan Data** | • Pita rakaman temubual ke atas enam orang peserta kajian berjumlah 21 rakaman<br>• Dokumen pilihan peserta kajian ( gambar, keratan akhbar, sijil kematian) |
| 5 | **Proses menghasilkan tema** | • penyelidik telah menggunakan perisian Atlas.ti 7 untuk menganalisis data. Perisian ini membantu penyelidik untuk mendapatkan tema secara berperingkat.<br>• menggunakan pendekatan koding dari Morse dan Richards (2002), bermula dengan membuat pengkodan deskriptif, pengkodan topik, pengkodan analitik dan tema.<br>• Proses awal melibatkan pembacaan transkrip setiap peserta kajian secara berulang-ulang untuk mendapatkan gambaran secara keseluruhan pengalaman yang telah dilalui oleh peserta kajian. Proses ini juga boleh dianggap sebagai '*grand tour*'.<br>• Proses pengkodan deskripif memerlukan penyelidik untuk mengkodkan setiap perkara yang dirasakan memberikan pengetahuan kepada penyelidik tentang peserta kajian. Pengkodan ini boleh dilakukan melalui kod secara in-vivo iaitu menggunakan perkataan |

| | | |
|---|---|---|
| | | peserta kajian sebagai kod atau pun membina kod baru menggunakan perkataan penyelidik. Kod-kod ini dimasukkan menggunakan *Code Manager*. Pada peringkat ini, penyelidik telah mengkod sebanyak 699 kod. 699 kod ini disemak semula dan tapisan kedua dilakukan dengan mengenalpasti kekerapan kod yang muncul melalui *density* yang dipaparkan dalam jadual *Code Manager*. Kekerapan kod yang kurang dari lima kali dibuang dan hasilnya tinggal 423 kod. 423 kod merupakan jumlah kod yang masih besar dan perlukan semakan semula sebelum kod awal dikategorikan di bawah *Family Manager*. Penyelidik mengulang perkara yang sama sebanyak lima kali dengan melihat *density* kod awalan yang keluar di paparan jadual *Code Manager*.<br>• Pengkodan topik melibatkan penyelidik akan mencari kod yang mempunyai topik yang hampir sama. Penyelidik akan memfokuskan kepada kod yang memberi kategori, mereflek kepada idea yang berkembang yang memberikan makna yang hampir sama. Proses ini masih dilakukan di bawah *Code Manager* yang memberikan sebanyak 224 kod.<br>• pengkodan analitik adalah untuk mengasingkan dan mengkategorikan kod-kod yang telah dibuat diperingkat awal iaitu Jumlah kod yang dapat dikategorikan di bawah kategori yang sama adalah sebanyak 99 kategori<br>• Kategori ini kemudiannya dikecilkan lagi skopnya menjadi tema-tema penting dalam dapatan kajian. Sebanyak 7 tema telah pun dikenal pasti melalui analisis *Super family*.<br>• penyelidik juga membina *network* dalam memahami dengan lebih jelas perkaitan antara tema dan kategori yang diperoleh dari analisis data.<br>• Untuk memastikan tema yang bersesuaian dengan kehendak kajian, *peer review* telah dilakukan. Penyelidik membuat perbandingan serta berbincang tentang persamaan dan perbezaan hasil tema dengan penyelia dan rakan penyelidik sesama bidang. Semakan semula dilakukan sebagai penambahbaikan kepada dapatan kajian. |

Cth koding ;



P : Kalau anak yang tu buat perangai macam tu, kak Sham buat apa je?
R 1 : Yang mana?
P : Taklah, kalau diaorang buat perangai macam ni..
R 1 : Menangis jelah. Apa boleh buat? Budak sekarang bukan macam dulu, boleh bantai-bantai. Sekarang kau marah sikit, tengoklah..kau tegur sikit, dah nak lari. Itulah jalan terakhir dia. Bukan nak fikir, lantaklah. Pergilah Yana, kejut kakak kau tu. Nanti kakak balik dari sekolah, lapar dia. Nanti nak pergi sekolah agama lagi, baju sekolah agama pun belum gosok. Pergilah Yana, cepat..kejut dia sampai bangun. Ambil air, siram muka dia. Dulu abang dia, apa je yang tak kena dengan arwah ayah dia. Sekarang, akak saja tak nak sebut tu semua. Tapi, anak tak penakutlah semua. Kau cakap bangun, mak suruh jaga kedai. Pergi sidai kain dulu, pergi cakap. Kejut dia sampai bangun, cakap lagi kat telinga dia.
P : Dia marah ke kalau adik-adik dia..
R 1 : Cakap mak suruh. Pergilah Yana, jangan soal banyak kat sini. Pergilah dulu, cuba. Dah kenyang perut dia, dah lepas tekak dia kan..membuta jelah. Adik lain dia tak fikir. Ya Allah..
P : Dia dah..dah makan maggi ke apa?
R 1 : Tak ada, dia dah makan kat pasar tadi. Bawa diaorang ni haaa..yang tu makan tak habis, bubur.
P : Akak pergi pasar dengan apa?
R1 : Bas.
P : Pasar borong?
R 1 : Pasar Selayang.
P : Ooo, kat situ.
R 1 : Nak ayam kan? Ada kawan arwah ayah dia jual ayam. Murahlah sikit ayam kat dia sebab dia tahu kan anak-anak yatim..dia bagi murahlah. Nak ayam, tunggu depan Bintang tu, depan Giant tu..nak tunggu dia hantar. Telefon dia, nak ayam. Dia hantarlah, dengar suara dia dah tahu dah. Dah beli dah tu. Takut ayam tu busuk je, dia letak dalam peti ais tak apa, takut dia letak kat dapur je. Barang-barang tomyam, semua dah siap..nak masak tomyam. Ingat nak buat sambal cili padi.
P : Dia tak ada nak rasa belas kasihan kat mak dia?
R 1 : Entahlah. Tadi akak yang bawa kereta tu, jumpa dia dekat pasar. Dia ajak tumpang dia. Dia bawa balik anak-anak balik sekolah. Lepas tu, akak tu cakap macam mana..hari ini check report card kan kat sekolah dia. Hari ini sign report card, kau tak nak pergi Sham? Kita sign, bukannya dia pergi sekolah. Biarlah, bukan ada markah pun periksanya.
P : Dia memang dah tak nak pergi sekolah eh?
R 1 : Tak nak. Dah tak nak..itulah, nak lari. Nak lari..haritu seboleh-bolehnya dia nak lari, entah jantan mana dia nak ikut. Penatlah, cakap kat dia..siapa kawan-kawan dia, bawalah balik, aku nak tengok. Tak ada pun. Macam tu sajalah. Tak fikir lah.
P : Anak-anak yang lain ada memberi masalah pada Kak Sham ke?
R1 : Anak yang lain, macam-macam ni..masalah tak ada. Yang nombor lima tu saja menangis, dia pergi sekolah kan? Dia

<table>
<tr>
<td></td>
<td></td>
<td>
Cth network ;



</td>
</tr>
</table>